

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Cuti Kepada Ahli - Kebenaran (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 14)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 49 (Halaman 15)

Maksud B. 60 (Halaman 62)

Maksud B. 61 (Halaman 93)

Maksud B. 62 (Halaman 143)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 49 (Halaman 15)

Maksud P. 60 (Halaman 62)

Maksud P. 61 (Halaman 93)

Maksud P. 62 (Halaman 143)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 13)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 185)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan – [Kosong]
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

9. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB

12. Yang Berhormat Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) – UMNO
44. “ Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO

49. Yang Berhormat Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
60. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
61. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
62. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
63. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
64. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
65. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
66. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
67. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
68. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
69. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
70. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
71. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
72. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
73. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
74. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
75. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
76. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
77. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
78. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
79. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
80. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
81. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
82. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
83. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
84. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
85. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO

86. Yang Berhormat Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
87. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasar Salak) - UMNO
88. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
89. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
90. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
91. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
92. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
93. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
94. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
95. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
96. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
97. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
98. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
99. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
100. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
101. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
102. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
103. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
104. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
105. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
106. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
107. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
108. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
109. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
110. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
111. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
112. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
113. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
114. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
115. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
116. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
117. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
118. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
119. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
120. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
121. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB

- 122. Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
- 123. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
- 124. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
- 125. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
- 126. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- 1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepl

DEWAN RAKYAT**Isnin, 5 Disember 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1991 saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat ini di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan, kepada Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh ahli bagi kawasan Bukit Gelugor dari 19 September hingga 8 Disember 2005.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah menurut tinjauan dan anggaran keupayaan generasi belia negara ini dari segi peratusnya mampu bersaing sebagai 'glokal' khususnya belia bumiputera memandangkan mereka bergantung berat pada bantuan kerajaan dan apakah usaha kementerian untuk jadikan mereka benar-benar 'glokal'.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada puteri skuasy Nicol David kerana akan menjadi juara dunia pada Januari yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini menyedari betapa pentingnya golongan belia khususnya belia bumiputera menjadi glokal, iaitu belia yang berakal nasional dan berakal *international*. Ini bermakna bahawa belia negara ini bukan sahaja perlu hebat dalam negara, tetapi juga berperanan di arena antarabangsa.

Dalam usaha ke arah melahirkan belia bumiputera yang glokal kementerian ini telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti berikut:-

Pembangunan sumber manusia di kalangan belia melalui program latihan kemahiran di 14 buah Institusi Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di seluruh negara. Tumpuan diberikan di dalam memberikan latihan dalam sepuluh bidang vokasional iaitu teknologi kejuruteraan automatif, teknologi kejuruteraan marin, teknologi kejuruteraan mekanikal, teknologi kejuruteraan awam, teknologi kejuruteraan elektrik, teknologi kejuruteraan elektronik, teknologi tekstil dan *apparel*, perkhidmatan personel, teknologi fotografi dan teknologi makanan. Sehingga Julai 2005, seramai 38,312 orang belia berkemahiran telah dilahirkan di bawah program latihan kemahiran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, program belia antarabangsa juga merupakan satu lagi pendekatan untuk melahirkan belia bumiputera yang glokal. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan menguatkan keupayaan belia Malaysia melalui proses asimilasi dan

integrasi dalam masyarakat luar negara supaya belia Malaysia lebih dihormati dan dilihat lebih berdaya saing dalam arena global.

Menerusi program pertukaran belia antarabangsa melibatkan negara seperti Korea Selatan, Jepun, Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam, seramai 4,360 orang belia telah terlibat sepanjang tahun 2001 hingga 2005. Manakala menerusi seminar, *conference*, bengkel serta khemah kerja peringkat antarabangsa melibatkan negara seperti Mesir, India, China, Vietnam, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Sri Lanka dan lain-lain. Seramai 815 orang belia sudah dapat manfaat sepanjang tahun 2001 hingga 2005.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan-pendekatan yang diambil oleh Kementerian seperti yang telah disebutkan telah memberi satu pandangan jauh kepada belia-belia yang mengikuti program-program luar negeri, di mana sokongan yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan tersebut bukanlah sedalam macam kerajaan di negara kita ini. Oleh yang demikian, usaha yang diambil oleh Kementerian ini di samping pendekatan-pendekatan semasa yang sedia ada, di samping yang sedia ada dalam konteks pembangunan belia negara ini diharap dapat merealisasikan hasrat negara melahirkan belia yang global dan tidak bergantung berat kepada bantuan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih setiausaha Parlimen. Kita percaya bahawa istilah "global" ini satu istilah yang baru, tetapi kita juga percaya Kementerian sudah menyedari mengenai perkara ini dan soalan saya ialah, adakah pelan untuk melaksanakan satu program ke arah belia global ini? Kalau kita melihat hari ini sukan kita nampak semakin cemerlang, dan apakah pelan untuk belia-belia kita ini supaya lebih cemerlang? Adakah pelan ini telah dirancang?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebuah pelan di mana membawa belia khususnya belia bumiputera bersaing sebagai global pada masa ini memang tidak ada di Kementerian Belia dan Sukan, tetapi langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian memang meliputi hasrat kerajaan supaya belia-belia remaja pada masa sekarang tidak bergantung kepada bukan sahaja Kementerian tetapi juga kerajaan.

Dalam usaha ini Kementerian Belia dan Sukan memang memperkenalkan program-program yang dijalankan untuk mempertingkatkan kemahiran, kemampuan dan kebolehan golongan belia. Kementerian ini juga sedang memberi perhatian khusus kepada aspek penyertaan belia dalam bidang pembangunan ekonomi khususnya yang berkaitan dengan pertanian dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan, cawangan pembangunan ekonomi di Jabatan Belia memperkenalkan pelbagai aktiviti di seluruh negara seperti projek-projek Kursus Asas Keusahawanan, Program Perintis Keusahawanan, Bengkel Pemantapan Ekonomi Persatuan Belia, Khemah Kerja Keusahawanan dan jaringan dengan institusi-institusi kewangan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya pun menyertai ucapan tahniah kepada peserta-peserta nasional yang dapat memenangi 61 pingat emas di SEA Games dan lebih penting kita pun mahu ucap tahniah dan syabas kepada Nicol David *World Champion Squash* di peringkat bukan sahaja di serantau Asia Tenggara, tetapi di dunia yang lebih termasyhur dan terunggul. Mungkin kita juga patut ada satu *vote of congratulation* kepada Nicol David oleh kerana *world champion*. [Tepuk] Setuju? [Tepuk] Setuju?

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya contoh Nicol David, satu, menghighlightkan masalah yang kita hadapi oleh kerana beliau langsung tidak dapat apa-apa jenis bantuan daripada kerajaan tetapi boleh jadi *world champion*. Boleh jadi *world champion*. Tetapi bantuan yang diberikan oleh kerajaan tidak boleh wujud *world champion*. Apa masalahnya? Bukankah satu masalah ialah oleh kerana daripada soalan yang kita tengok, daripada jawapan yang kita dengar bahawa masalah ini daripada segi bumiputera dan bukan bumiputera.

Kalau kita terus menganggap perkara sebagai bumiputera dan bukan bumiputera apabila kita melawan dengan dunia bukan lawan dengan kita sendiri. Kita melawan dengan negara-negara lain di Asia, peserta-peserta di dunia bagaimana kita boleh menjadi global atau kita akan terus menjadi *local*. Akankah kita mengadakan satu sikap Malaysia *versus the race*?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Sila jawab.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, pembangkang ini memang menganggap isu-isu.... Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan ataupun Kerajaan Malaysia tidak menganaktirikan mana-mana juara yang mengharumkan nama negara. Itu nombor satu.

Yang kedua, berkenaan dengan puteri skuasy Nicol David kementerian telah merakamkan sebelum Yang Berhormat bagi Ipoh Timor merakamkan penghargaan kepada beliau. Berkenaan dengan istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa salah satu golongan bumiputera ataupun golongan bukan bumiputera memang Kementerian Belia dan Sukan menyediakan program untuk semua belia. Pada hari ini soalan itu berkenaan dengan soalan global di mana soalan membabitkan bumiputera. Bukan hasrat kementerian untuk mengasingkan bumiputera dari bukan bumiputera. So, saya harap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini jangan mengisu-isukan semua isu yang remeh-temeh dan membawa kepada Parlimen. Terima kasih.

[Soalan No. 2 - Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] tidak hadir]

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu] tidak hadir]

[Soalan No. 4 - Y.B. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] tidak hadir]

5. **Tuan Raimi Unggi [Tenom]** minta Menteri Pelancongan menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program *Home Stay* dapat membantu penduduk kampung di kawasan luar bandar dan berapakah bilangan kampung yang telah mendapat manfaat khususnya di negeri Sabah.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Program *Home Stay* yang mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan pada tahun 1995 dan disasarkan kepada penduduk luar bandar telah banyak membantu mereka yang mengusahakannya. Ini termasuklah meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dengan memberikan pendapatan tambahan keluarga dari segi penyewaan bilik, penyediaan makanan serta perkhidmatan lain.

Begitu juga dengan penjualan barangan kraf tangan serta pertunjukan kebudayaan masyarakat setempat. Di samping itu, ia juga memberikan peluang pekerjaan dalam industri pelancongan seperti khidmat pemandu pelancong. Secara tidak langsung, program *Home stay* juga telah berjaya membangun, menceria serta mempertingkatkan imej kampung berkenaan.

Sehingga ini terdapat kira-kira 1,070 peserta *Home Stay* mewakili 78 kampung di seluruh Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Bagi Negeri Sabah, program *Home Stay* diselenggarakan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah. Sehingga 31 Disember tahun lalu, terdapat 212 peserta *Home Stay* di seluruh negeri Sabah, antaranya ialah *Mirompuru Home Stay* di Kudat dengan 34 peserta, GDW Kampung Bayangan Kinangau 26 peserta, *Niso Walai Home Stay*, Kampung Batu Putih, Kinabatangan 19 peserta, *Walai Toko Home Stay* kampung Senisian, Kundasan 16 peserta serta *Papagar Home Stay*, Papar 8 peserta. Daerah-daerah lain adalah di Tuaran, Kota Belud, Sepitang, Tambunan dan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua: Tenom.

Tuan Raime bin Unggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, Program *Home Stay* ini memanglah amat baik sekali kepada masyarakat khususnya di luar bandar,

dan di sini saya ingin bertanya adakah peruntukan atau pun pinjaman yang paling mudah untuk diberikan kepada peserta-peserta *Home Stay* yang bakal diterima oleh masyarakat yang ada sedia kala ini, kerana saya percaya dengan ada sedikit pinjaman atau peruntukan daripada kerajaan mereka dapat mengembangkan lagi program ini dengan lebih baik sekali.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peserta-peserta *Home Stay* ini tidak perlu memperoleh pinjaman. Mereka diberikan peruntukan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dari segi infrastrukturnya, manakala Kementerian Pelancongan memberikan latihan. Dan dari segi *super* strukturnya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan memberikan peluang untuk mereka berada di Pusat Latihan INFRA di Bangi dan mereka ini diberikan latihan secara percuma.

Untuk *Home Stay* di Sabah umpamanya, apa yang telah kita lakukan ialah dengan mengkoordinasi semua peserta-peserta dan promosi kita lakukan di peringkat antarabangsa. Umpamanya, baru-baru ini, saya telah mempromosikan *Home Stay Sabah* ini untuk pasaran di negeri China, Jepun dan Korea. Apa yang diperlukan untuk pasaran ini ialah kemudahan yang mempunyai "*benchmark*" atau pun tanda arah yang sesuai dengan kehendak pasaran berkenaan.

Umpamanya mereka perlukan sebuah bilik tidur yang bersih, yang ada bilik air yang bersih kerana kita dapati dalam tinjauan terdapat *Home Stay* yang mempunyai bilik tidur yang boleh ditinjau dari luar dan ini mengurangkan *privacy* atau pun bilik air yang boleh juga diintai oleh orang luar - bukan orang luar di luar kawasan itu tapi anak-anak di situ. Jadi perkara-perkara ini walau pun agak remeh bunyinya tetapi harus diambil kira kerana *privacy* pelancong-pelancong itu perlu dan saya harap ahli Yang Berhormat dapat bertemu dengan saya, jika perlu, untuk bukan sahaja memperoleh peruntukan dan latihan tetapi berhajat kalau menambah lebih banyak lagi peserta dan lebih banyak lagi kampung yang mahu menyertai program ini kita alu-alukan.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berhubung dengan program *Home Stay*. Kita telah memberi galakan kepada orang-orang kampung untuk menyertai program *Home Stay*, tapi dari segi pelancong-pelancong yang datang untuk menyertai program *Home Stay* ini tidak berterusan, kadang-kadang ada, kadang-kadang tak ada. Apakah jenis promosi yang dijalankan di luar negeri untuk meningkatkan lagi bilangan-bilangan pelancongan yang datang untuk menyertai program *Home Stay* dan adakah Kementerian Pelancongan bekerjasama dengan kementerian lain seperti kementerian Belia dan Sukan untuk menggalakkan program *exchange* pelajar-pelajar yang dapat tinggal di rumah-rumah di kampung? Saya rasa ini adalah satu cara yang lebih berkesan dan bilangannya lebih besar untuk datang ke kampung-kampung dan mendapat tahu perkembangan dan keadaan di kampung-kampung. Minta penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bentong, setiap kali ada soalan mengenai Kementerian Pelancongan beliau berminat untuk bertanya dan mungkin beliau berminat sebagai Ketua Pemuda MCA untuk bertugas satu hari nanti di Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kehadiran pelancongan-pelancong dalam *Home Stay* ini sebenarnya, terdapat permintaan yang terlalu banyak untuk mereka datang, umpamanya *Home Stay* di Pahang dan *Home Stay* di Selangor, *booking* atau tempahan 365 hari setahun. Ini memperlihatkan bahawa kadang-kadang ada, kadang-adang tak ada, itu tidak benar. Ia bergantung kepada sejauh manakah aktifnya ahli-ahli Persatuan *Home Stay* berkenaan mempromosikan produk-produk mereka di luar negara. Umpamanya saya sebut tadi, pelancong-pelancong China khususnya pelajar-pelajar dari negeri, China mereka cukup berminat datang ke Malaysia ini pada masa cuti panjang persekolahan mereka dan apa yang kita telah tawarkan daripada *Home Stay* ini, kita bagikan peluang untuk mereka untuk menjadi bagi menyertai *summer camp*. Sebab *summer camp* bukan semasa cuti musim panas saja, tetapi oleh kerana iklim tropika kita ini adalah iklim musim panas sepanjang tahun dan ini cukup menarik minat untuk mereka menyertai *Home Stay* dan pakej-pakej yang kita berikan termasuklah kemudahan untuk latihan dalam bahasa Inggeris dalam tempoh yang singkat.

Begitu juga kursus-kursus motivasi dari segi kepimpinan kita juga berikan. Dan bayaran untuk mereka tidak lebih dari RM4,000 seorang peserta dan pakej ini antara 7 hari hingga 3 minggu dan kerjasama juga dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk aktiviti *extreme sports* - dengan izin - dan juga kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dari segi penyediaan beberapa bahan-bahan infrastruktur yang telah saya sebutkan.

Tapi yang paling penting dalam promosi program *Home Stay* ini, Tuan Yang Di Pertua, ialah dari segi kerjasama peserta-peserta *Home Stay* berkenaan. Kita boleh menyediakan bahan, kita boleh menyediakan risalah atau *brochures* tetapi motivasi mereka untuk anak-anak buah mereka bagi memberikan layanan atau pun, dengan izin, *hospitality* kepada peserta-peserta *Home Stay* ini harus menjadi keutamaan. Terima kasih.

6. **Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan perancangan kementerian dalam usaha membangun bekalan air luar bandar khusus graviti air dan pembangunan bekalan elektrik luar bandar dalam kawasan Parlimen Pensiangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Pensiangan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah Program prasarana *utility* dan *amenity* sosial seperti jalan raya, jalan kampung, bekalan elektrik dan juga bekalan air bersih luar bandar, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM3.4 bilion sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi, dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 8, iaitu dari 2001 hingga 2004, peruntukan di bawah program yang saya nyatakan di atas, peruntukan secara keutamaannya kepada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Bagi Negeri Sabah, sejumlah RM1042.3 bilion atau pun 30.65% daripada peruntukan kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah diperuntukkan bagi negeri-negeri berkenaan. Jadi, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kawasan Parlimen Pensiangan, kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan permohonan untuk mendapat 14 projek pemasangan paip air sistem letrikulasi yang dianggarkan bernilai RM 4.05 juta serta 11 projek sistem alternatif yang dianggarkan bernilai RM0.19 juta.

Bagi bekalan elektrik luar bandar pula 230 kampung telah dipohon untuk diberi bekalan menggunakan talian grid yang bernilai RM230.21 juta sementara 68 buah kampung dipohon menggunakan sistem alternatif yang bernilai RM12.07 juta.

Dari segi perlaksanaan, ia akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan kerajaan negeri, kesesuaian sistem oleh pihak berkuasa air dan elektrik serta peruntukan yang akan diluluskan kemudian. Sekian.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih timbalan menteri kerana telah menjawab soalan tadi. Setiap hari, kita dapat melihat bahawa kanak-kanak di seluruh dunia terdedah dengan bahaya mengenai dengan air ini dan ini telah membuntukan dari segi pembangunan fizikal kanak-kanak itu, khususnya di luar bandar dan berjuta-juta kanak-kanak yang telah menderita disebabkan kemiskinan atau pun krisis-krisis ekonomi dari segi kebuluran ataupun tidak mempunyai rumah atau sebagainya dan yang paling sedih sekali, mengenai dengan *access to clean water* ataupun kumbahan dari penggunaan air dan sebagainya. Setiap sesaat, lapan kanak-kanak yang meninggal disebabkan tidak mempunyai minuman air yang bersih. Kebanyakan air-air ini adalah air-air yang telah tercemar daripada segi alam sekitar kita yang mana sekarang ini telah begitu berleluasa dari segi penggunaan kimia dan sebagainya.

Saya ingin tahu daripada aspek yang telah dibincangkan dalam *World Summit* di mana dari tahun 2005 hingga tahun 2015 - 10 tahun atau pun *a decade* - "*Water for Life*" ini, adakah kementerian ini mempunyai perancangan-perancangan dalam jangka masa 10 tahun ini untuk menepati apa yang telah dibincangkan dalam *United Nations Summit* atau pun UNESCO ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Memang saya sedar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tapi ini adalah merupakan rancangan *world agenda*, okay, yang lapan itu. Kementerian sebenarnya mempunyai perancangan bukan sahaja yang *target* kita pada tahun 2015 tapi *target* kita adalah pada akhir, penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kalau boleh kita akan membekalkan tak kurang daripada 90%-95% bekalan air bersih kepada semua kawasan di luar bandar di negara kita ini termasuklah di Sabah dan Sarawak. Kenapa 95%? Oleh kerana ada kawasan-kawasan yang memang sukar dicapai dengan menggunakan sistem pengubahan yang ada sekarang.

Jadi, perkara ini memang kementerian sedar dan kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan *target* yang kita sasarkan itu. Sekian.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah: Jabatan Orang Asli adalah di bawah naungan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan masalah utama golongan-golongan asli ini adalah sumber air bersih dan mereka menggunakan sumber air daripada gunung untuk kegunaan harian. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa semua masalah kekurangan sumber air untuk orang asli dapat diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerana mereka adalah golongan yang paling teruk akibat daripada air dan akibat daripada pertanian yang serius, sumber air mereka tidak bersih lagi seperti dulu. Saya minta penjelasan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Cameron Highlands, sebenarnya selepas ini saya akan berdiri lagi untuk menjawab soalan berkenaan dengan Orang Asli. Jawapannya, ya, boleh.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] tidak hadir]

8. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian di dalam membantu hampir 150,000 pelajar yang memiliki kelayakan untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta tetapi gagal untuk mendapat tempat tersebut dan sehingga kini berapakah jumlah yang telah berjaya memasuki IPTA/IPTS atau mengikuti program-program lain dan jika ada apakah program-program tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan lisan yang mempunyai kaitan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pengekalan Chepa pada 6 Disember dan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah pada 8 Disember.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian telah mengambil pelbagai langkah secara berterusan untuk membantu pelajar yang berkelayakan tetapi gagal untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat IPTA. Jumlah pelajar lepasan SPM 2004 ialah 420,000 orang, manakala jumlah pelajar lepasan SPM 2004 yang mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA sesi akademik tahun ini iaitu 2005/2006 ialah seramai 132,350 orang.

Daripada jumlah ini hanya 18,918 pelajar yang ditawarkan tempat ke IPTA di peringkat diploma. Baki seramai 113,334 orang pemohon ini dianggarkan berjaya ditempatkan di politeknik dan kolej komuniti iaitu sebanyak 50,000 pelajar, matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia sebanyak 25,000 dan baki selebihnya dalam anggaran 40,000 mengikuti program di IPTS yang ditawarkan dan tingkatan 6. Jumlah penawaran kesemua institusi pengajian tinggi dan institusi latihan awam serta swasta pada tahun 2005 dianggarkan sejumlah 335,222 tempat.

Pecahan penawaran tempat mengikut institusi akan saya berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Baki 84,778 orang yang mengambil peperiksaan SPM 2004

yang tidak ditawarkan sebarang tempat adalah kerana tidak memenuhi syarat kemasukan mana-mana institusi dan lebih berminat untuk menimba pengalaman bekerja. Justeru bilangan tempat yang disediakan oleh pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan institusi latihan kemahiran awam dan swasta adalah melebihi bilangan tempat di IPTA. Malah kapasiti pengambilan ke IPTS bukan bertaraf universiti boleh menampung lebih daripada 100,000 pelajar kerana para pelajar boleh mendapatkan pinjaman PTPTN jika memerlukan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita mendengar banyak rungutan pada tiap-tiap tahun, pelajar yang memohon belajar di IPTA membuat pilihan mata pelajaran ataupun disiplin-disiplin tertentu telah ditawarkan disiplin berlainan. Akhirnya oleh kerana tidak ada pilihan lain menjurus kepada disiplin yang tidak diminati, tidak disukai dan tidak mendapat sokongan daripada keluarga. Akhirnya beliau menjadi seorang graduan yang menganggur yang tidak berminat dengan pekerjaan kerana pengajian yang asalnya adalah tidak disokong oleh perasaan dan kehendaknya. Apakah tindakan kementerian supaya melihat dan menyelidik mengikut permohonan yang lama sebelum ini, apakah jurusan yang diminati oleh anak-anak kita supaya mereka ini diberi pengajian berlandaskan permohonan yang telah dibuat dalam borang mereka? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Kementerian sememangnya bersikap terbuka dalam melaksanakan pemilihan ke IPTA dengan menggunakan sistem meritokrasi. Ia bermula pada tahun 2002, pada tahun 2003 kemasukan sehingga sekarang dan tahun ini merupakan tahun keempat pelaksanaan. Sistem ini memberi peluang pertamanya kepada permohonan yang layak dan yang kedua memenuhi syarat-syarat khas program.

Kebanyakan anak-anak kita mempunyai kelulusan. Mereka kena mengetahui bahawa antara syarat am mereka layak untuk masuk ke peringkat IPTA di lepasan SPM ialah lima kredit untuk masuk diploma, dan untuk lepasan STPM matrikulasi mereka perlulah mendapat sekurang-kurang dua prinsipal dan juga lepasan matrikulasi. Ini memberi peluang sebenarnya kepada permohonan yang luas untuk mereka melihat kepada syarat khas pula. Syarat khas kepada permohonan ini mereka perlu tahu juga kerana sekiranya mereka hendak memohon tempat ke pengajian kritikal seperti perubatan, kejuruteraan, farmasi dan pergigian mereka memerlukan merit yang tinggi dan tempat yang mereka ketahui secara am.

Walau bagaimanapun kementerian membuat hebahan yang serius pada hari ini, yang efektif kepada para pelajar melalui *outreach program* ke peringkat kaunselor di semua peringkat negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri supaya mereka menyebarkan dengan sejelas-jelasnya konsep pemilihan melalui program-program pertemuan semuka, brosur, ataupun melalui pameran-pameran kerjaya.

Justeru pendedahan kepada mereka melalui Hari Bertemu Pelanggan di kementerian sentiasa terbuka. Sebab itulah syarat-syarat khas dan syarat am untuk memenuhi kelayakan perlulah diketahui oleh para pelajar dan sekiranya para pelajar tidak dapat juga melulusi permohonan melalui lapan pilihan, pihak kementerian sentiasa memberikan satu ruang dalam borang yang dikemukakan kepada pelajar supaya bersetuju atau tidak bersetuju menerima pilihan-pilihan lain. Sekiranya tidak bersetuju pelajar boleh membuat pilihan untuk ke IPTS ataupun institusi lain. Terima kasih.

9. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah untuk menyediakan tapak penternakan berkelompok kepada penternak tempatan di negara ini agar ternakan mereka tidak berkeliaran di merata tempat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, ternakan yang berkeliaran dan menimbulkan masalah sosial serta mengakibatkan kemalangan biasanya adalah ternakan ruminan khususnya lembu dan kerbau. Pemilik-pemilik ternakan tersebut

mengambil jalan mudah untuk menternak dengan melepaskan ternakan mereka tanpa jagaan yang rapi. Faktor pembangunan juga menyumbang kepada masalah ternakan berkeliaran di mana kawasan yang dahulunya menjadi kawasan ragutan ternakan telah dimajukan dengan projek pembangunan yang lebih penting dan ini mengakibatkan kawasan ragutan ternakan semakin terhad dan berkurangan.

Bagi menangani perkara ini, Kementerian Perindustrian dan Asas Tani sedang mengenal pasti beberapa kawasan tanah terbiar dan padang-padang ragut untuk dibangunkan sebagai taman kekal pengeluaran makanan untuk ternakan secara kelompok yang menguntungkan. Tapak-tapak ini dibangunkan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri untuk membantu pengusaha dan penternak dalam melaksanakan bidang penternakan. Infrastruktur asas disediakan di kawasan berkenaan bagi menambah daya maju usaha penternakan berkenaan.

Di samping itu, penternakan lembu integrasi dalam kawasan ladang sawit terus digiatkan dengan menggalakkan para penternak tempatan menternak lembu di kawasan ladang sawit yang sesuai. Ladang-ladang ini yang dimiliki sama ada oleh jabatan atau agensi kerajaan atau swasta berfungsi sebagai tapak penternakan. Adalah dianggarkan sejumlah 3.8 juta hektar kawasan ladang sawit dan 38,251.29 hektar padang ragut di negara ini yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan penternakan dan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan bilangan ternakan yang berkeliaran.

[Soalan No. 10 - Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]

11. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah rakyat Malaysia yang pakar di dalam berbagai-bagai bidang perubatan dan penyelidikan perubatan yang bertugas di luar negara; dan
- (b) adakah usaha-usaha membawa mereka pulang ke tanah air berjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (a), Kementerian Kesihatan tidak mempunyai statistik mengenai rakyat Malaysia di luar negara yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang perubatan.

Bagi menjawab soalan bahagian (b), setakat ini program membawa rakyat Malaysia di luar negara pulang ke tanah air mendapat respons yang agak perlahan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa mengambil tindakan untuk menggalakkan doktor warganegara Malaysia kembali berkhidmat di Malaysia.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya, setiap kali saya keluar negara terutama ke Eropah ramai saya berjumpa dengan pakar-pakar perubatan dari Malaysia yang rata-rata kebanyakan dari mereka ini mempunyai niat ataupun keinginan yang begitu tinggi untuk kembali ke Malaysia.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soal gaji bukanlah kriteria yang penting bagi mereka. Sebenarnya yang penting kepada mereka ialah satu, kemudahan penyelidikan dan suasana penyelidikan, Kedua, kakitangan sokongan untuk sesuatu penyelidikan itu boleh dilakukan; dan soal ketiganya yang mereka bangkitkan ialah apabila mereka balik ke Malaysia - ada juga satu dua yang balik ke Malaysia, mereka dimasukkan balik ke perkhidmatan awam yang pelbagai kerenah birokrasi.

Saya melihat kita akan kehilangan ramai pakar yang begitu berjaya di negara Eropah dan di negara lain, kalau tidak ada usaha-usaha yang serius dilakukan terutama dalam mengadakan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Adakah kementerian akan

cuba menarik pakar-pakar kita ini dan juga memberi kemudahan seperti mana apa yang saya katakan tadi? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu kadang-kadang bukan gaji sahaja, tetapi mereka ini perlu atau mengharapkan peluang untuk menjalankan penyelidikan dan juga mendapatkan pengalaman perubatan yang lain.

Kementerian Kesihatan memang sentiasa memberi galakan, memikirkan apa galakan yang boleh diberikan kepada mereka. Di antaranya adalah kita sekarang telah memberi pertimbangan dan kelonggaran daripada khidmat wajib tiga tahun dan mereka hanya perlu menjalani khidmat masyarakat bagi tempoh yang ditetapkan. Ini adalah satu aspek atau cara yang telah kita ambil malahan banyak lagi galakan-galakan yang lain seperti kita menggalakkan mereka balik, apabila mereka balik ke negara kita pendapatan yang mereka dapati itu akan dikecualikan daripada cukai kerana kita membenarkan mereka balik dan membawa dua kereta, bermakna mereka dapat dua AP dan suami atau isteri yang bukan rakyat Malaysia juga akan diberi *permanent resident* dalam tempoh yang ditetapkan. Ini adalah beberapa galakan yang diberikan kepada mereka. Memang kita bersetuju proses ini agak perlahan dan sambutannya pun tidak begitu hangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada Yang Berhormat bagi Gombak dan kepada kementerian juga yang sedar dan sedang mengambil tindakan. Tadi saya tidak mendengar anggaran bilangan pakar Malaysia yang bekerja di luar negara, berapa bilangannya? Tidak ada?

Saya pun mempunyai pengalaman yang sama dengan Yang Berhormat bagi Gombak mengenai hal ini. Bolehkah kementerian mengkaji semula kerana insentif-insentif dan galakan-galakan termasuklah mengenai khidmat wajib dan juga pengecualian sebahagian daripada cukai dan sebagainya memang tidak begitu menarik kerana negara-negara lain mempunyai insentif yang lebih menarik. Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali itu - semua ini sudah terlatih dan menelan wang yang banyak bagi setiap orang dan pihak negara seperti Australia, USA dan sebagainya memang tahu dia tidak payah bayar satu sen pun dia dapat orang ini. Sebab itulah dia punya insentif dan galakan pun sangat menarik termasuklah bagi PR.

Walaupun Yang Berhormat tadi sebutkan bahawa kita mempertimbangkan memberi PR kepada pasangan suami ataupun isteri, tetapi pada hakikatnya bukan begitu mudah kerana birokrasi, walaupun pemimpin-pemimpin kementerian mempunyai hasrat yang baik tetapi kakitangan ataupun di sesetengah bahagian seperti imigresen tidak mempunyai hasrat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Menteri menjawab. Sudah faham.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak dapat bandingkan gaji atau wang yang kita dapat di luar negara dengan negara kita. Tetapi kita dapati bahawa tarikan yang utama adalah bekerja di tanah air dan dari segi itu Kementerian Kesihatan cuba untuk mewujudkan satu suasana kerja yang menggalakkan supaya mereka dapat balik ke negara kita dan memenuhi kehendak mereka untuk melanjutkan penyelidikan dan juga mendapatkan pengalaman yang bersesuaian untuk pelajaran mereka. Ini adalah harapan dan juga apa yang telah kita ambil tindakan bagi menghadapi tujuan ini. Sekian.

12. **Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementerian bercadang memasang lampu di kiri dan kanan jalan-jalan Persekutuan bagi keselesaan pengguna-pengguna jalan raya dan mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang berhasrat untuk memasang lampu di sepanjang jalan-jalan Persekutuan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh peruntukan kewangan yang terbatas dan kos pemasangan

lampu yang tinggi, maka pada masa sekarang Kementerian Kerja Raya memasang lampu jalan di lokasi-lokasi tertentu sahaja di atas Jalan Persekutuan seperti di sepanjang jalan-jalan ..., jalan menuju ke bandar dan dalam bandar, jalan merentasi jambatan dan jalan yang sering berlaku kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan Persekutuan memerlukan belanja yang tinggi. Begitu juga dengan kos yang perlu disediakan untuk membiayai bil elektriknya. Kos untuk memasang satu kilometer lampu jalan dianggarkan berjumlah RM350 ribu dan ini tidak termasuk caj penyambungan, dengan izin, *contribution* untuk pihak pembekal elektrik. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengambil contoh jalan Persekutuan dari Kapar ke Kuala Selangor. Mengikut statistik pihak polis, kemalangan jalan raya banyak berlaku di waktu malam. Ini bermakna lampu adalah satu kemestian untuk mengelakkan kemalangan sebab banyak kereta yang masuk parit kerana takut hendak lalu menggunakan lorong sebelah kiri penunggang motosikal menjadi mangsa dan kemalangan berlaku antara lorong bersebelahan dan lorong yang di sebelah sini.

Saya sedar soal *constraint* kewangan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu dasar bagi memastikan lampu dapat dipasang, khususnya di jalan Persekutuan, bukan sahaja di tempat-tempat yang tertentu agar kementerian yang terlibat dapat berkongsi kos, bukan sahaja JKR tetapi melibatkan pihak berkuasa tempatan ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah termasuk TNB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita hendak ada lampu bagi jalan-jalan Persekutuan. Bagi jalan dari Kampar ke Kuala Selangor ada satu tempat yang saya tahu sudah beberapa tahun sampai sekarang sering berlaku kemalangan dan ini juga saya harap kita akan membuat penelitian untuk ianya dilaksanakan. Dari segi dasar memang kita ada dasar untuk memasang lampu di semua jalan Persekutuan kalau diizinkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimana dengan kedudukan jalan Kluang-Ayer Hitam-Batu Pahat yang Yang Berhormat sendiri melawat dan walaupun lampu-lampu telah dipasang, lampu yang tidak boleh menyala pun dipasang. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dan bagaimana dengan kedudukan terkini tentang pembahagi jalan? Kalau tidak ada pembahagi jalan, orang akan memotong secara gila-gila. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat, peruntukan RM40 juta itu bagaimana dengan pemasangan lampu kalau lampu itu tidak menyala? Minta pandangan.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya sudah melawat jalan itu dan kita telah pun mencadangkan supaya lampu dipasang di *middle* jalan, bukan di dua-dua belah, bukan di tepi kanan dan kiri. Kalau ada lampu-lampu yang tidak menyala, ada masalah, saya belum tahu, tetapi bolehkah Yang Berhormat bagi maklumat lanjut supaya saya boleh ambil tindakan seterusnya?

13. **Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa kerajaan tidak mengadakan peruntukan tahunan kepada dana-dana usahawan yang diwujudkan melalui kementerian-kementerian tertentu bagi membantu usahawan bumiputera seperti TEKUN dan sebagainya. Adakah kerajaan menyediakan peruntukan tahunan membiayai perbelanjaan pengurusan dana-dana tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, kita sedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham bapa kepada Yang Berhormat bagi Balik Pulau yang meninggal pada hari semalam. Al-Fatihah! *[Membaca surah Al-Fatihah]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kerajaan tidak menyediakan peruntukan setahun kepada dana-dana yang diwujudkan melalui kementerian tertentu bagi membantu usahawan-usahawan bumiputera kerana peruntukan disediakan mengikut keperluan dan juga prestasi dana berkenaan. Sekiranya sesuatu dana berkenaan mendapat sambutan yang baik, maksudnya dari segi pinjamannya baik, bayarnya pun baik serta berkesan kepada matlamat dana berkenaan daripada usahawan, pihak kerajaan akan mempertimbangkan tambahan peruntukan kepada dana berkenaan.

Bagaimanapun tambahan peruntukan ini terus akan bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan sebab kerajaan juga tidak menyediakan peruntukan tahunan bagi membiayai perbelanjaan pengurusan dana-dana tersebut. Ini kerana ianya ditanggung sendiri oleh agensi yang menguruskan pemberian pinjaman kepada usahawan dengan menggunakan pendapatan daripada keuntungan pengurusan pinjaman ataupun pengurusan dana berkenaan. Terima kasih.

Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya difahamkan mulai tahun 2008, agensi TEKUN terpaksa membayar balik pinjamannya kepada pihak kerajaan iaitu sebanyak RM150 juta. Maknanya mulai tahun 2008, program TEKUN ini mungkin terpaksa ditamatkan. Adakah kerajaan bercadang untuk menukar daripada skim pinjaman TEKUN kepada geran kerajaan? Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Pinjaman kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga ataupun TEKUN ini, betul kata Yang Berhormat, mengikut program atau perancangan dana berkenaan dan untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya dana ini telah dikeluarkan sebanyak tiga kali oleh pihak kerajaan. Pertamanya, April 2004 sebanyak RM288 juta. Oleh kerana macam saya tadi ada sambutan yang baik, maka tambahan diberi sebanyak RM40 juta pada Januari 2005 dan ditambah lagi RM29 juta untuk tahun 2005, membawa jumlah kepada RM357 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah skim ini juga melalui dana khas TEKUN Terengganu, peruntukan sebanyak RM100 juta juga dikeluarkan. Ini bermakna sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa tabung ini memberi manfaat dan sambutan yang baik kepada usahawan, terutamanya di peringkat sederhana dan peringkat bawah.

Saranan Yang Berhormat itu agak baik dan boleh dikaji oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, hasrat penubuhan tabung ini untuk mendidik dan untuk menjadikan usahawan itu bertanggungjawab tetap diteruskan setakat ini. Terima kasih.

14. **Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk rancangan untuk mengurangkan jurang ekonomi di kalangan bumiputera suku kaum di Sabah dan Sarawak dengan kaum Melayu di Semenanjung Malaysia. Apakah pegangan ekuiti ekonomi suku kaum ini jika berbanding dengan kaum Melayu. Sila beri pecahannya mengikut suku kaum.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, secara umum dasar pengagihan negara adalah untuk merapatkan lagi jurang ekonomi di antara pelbagai kaum dalam negara, khususnya di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Walaupun tidak dinyatakan secara spesifik untuk merapatkan jurang di antara pelbagai kaum di kalangan bumiputera, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat semua suku kaum bumiputera menikmati faedah pembangunan secara saksama dan seterusnya membantu merapatkan lagi jurang ekonomi di kalangan pelbagai kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Strategi untuk mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan di kalangan pelbagai kaum dan ketidakseimbangan wilayah secara tidak langsung menyumbang ke arah merapatkan jurang ekonomi di antara bumiputera di Semenanjung dan pelbagai suku kaum

bumiputera di Sabah dan Sarawak. Usaha ini dilaksanakan menerusi strategi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Banyak program pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu pelbagai suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak, khususnya melalui program dan projek di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Di samping itu kerajaan negeri juga mengambil langkah yang sama bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kaum tersebut. Di samping itu pelbagai strategi penyusunan semula masyarakat telah dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan dan pemilikan bumiputera dalam ekonomi termasuk pelbagai suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Pelbagai suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak telah dapat mengambil bahagian dan menikmati faedah daripada pelaksanaan program-program yang dikhususkan untuk bumiputera.

Mengenai pemilikan ekuiti, maklumat pada masa ini hanya diperolehi mengikut kumpulan etnik utama negara seperti bumiputera, Cina, India dan lain-lain. Di samping itu maklumat yang sama juga boleh diperolehi bagi kumpulan nominee dan rakyat asing. Pemilikan oleh pelbagai suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak kini dikelompokkan secara bersama dalam kategori bumiputera. Pemilikan oleh kumpulan bumiputera ini hanya dapat dipecahkan mengikut individu, institusi dan agensi amanah sahaja. Lain-lain jawapan saya akan beri secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen: Apakah anggapan kementerian sama ada langkah-langkah yang diambil oleh kementerian itu berjaya atau tidak berjaya kerana pada umumnya bumiputera suku kaum di Sarawak dan Sabah menganggap bahawa mereka telah tercicir dalam arus pembangunan negara. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat sama ada rancangan-rancangan yang diambil oleh kerajaan adakah ianya berjaya atau tidak berjaya dan bilakah satu tinjauan bahawa pecahan pemegangan ekuiti ekonomi di antara suku kaum bumiputera dapat dijalankan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memperakui bahawa ketidakseimbangan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung itu memang harus diperkecilkan. Jurang ini sedang diusahakan agar keseimbangan bukan sahaja di antara wilayah tetapi di antara kaum dan etnik serta suku-suku kaum yang minoriti dapat terus dijalankan.

Soal tercicir dan tidak, saya fikir pihak kerajaan cukup komited untuk membantu semua pihak tanpa mengira apakah etnik yang diwakili. Begitu juga pecahan ekuiti di antara kaum. Sedikit pengalaman saya ketika bertugas di PNB mendapati bahawa etnik-etnik kaum di Sabah dan Sarawak tidak pernah meletakkan identiti etnik cara kecil tetapi antara suku kaum itu diletakkan bumiputera dan bukan bumiputera sahaja. Oleh sebab itu maklumat-maklumat seperti ini mungkin boleh mendapat kerjasama daripada Jabatan Perangkaan atau Bahagian Statistik untuk mengetahuinya.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching selanjutnya, sama ada rancangan ini berjaya atau tidak, pihak kerajaan merasakan setakat ini ianya berjaya walaupun beberapa perubahan harus terus dilakukan bagi menentukan jurang perbezaan antara suku kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak dapat dijalankan.

[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) tidak hadir]

[Soalan No. 15 - Y.B. Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) tidak hadir]

16. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan dan nilai projek hospital kerajaan yang baru serta dalam kerja pembesaran tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan mengikut negeri dan sebab-sebab kerja pembesaran Hospital Duchess of Kent, Sandakan yang seharusnya siap dibina pada tahun 2003 tetapi masih belum disiapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan terdapat sejumlah 15 buah hospital sedang dalam pembinaan dan sejumlah 84 buah hospital yang dinaikkan taraf termasuk 10 projek di bawah pelan induk dan membangun semula hospital.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan pembesaran Hospital Duchess of Kent, Sandakan dengan kos RM51,870,000 dijangka siap pada 4 Ogos 2003 tetapi masih belum siap dan hanya sebanyak 84% yang baru siap ketika ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Hon Min: Soalan tambahan saya. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Dengan siapnya pembinaan ataupun pembesaran bangunan-bangunan hospital untuk kemudahan rawatan yang baru, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh kerajaan supaya adanya peralatan dan kakitangan perubatan yang mencukupi untuk memberi mutu perkhidmatan yang memuaskan dan juga oleh sebab kekurangan doktor di Sabah pada masa kini, bilakah masalah ini dapat diselesaikan dengan langkah-langkah yang diambil tersebut di atas. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Yang Berhormat, berkaitan dengan peralatan dan juga sumber manusia yang kita akan tempatkan di hospital-hospital di Sabah, kita memang sentiasa mengambil tindakan iaitu bagaimana kita dapat mempertingkatkan bilangan sumber manusia yang kita boleh dan dapat dihantar ke negeri Sabah.

Kerja-kerja sentiasa kita jalankan dan langkah-langkah yang lain adalah seperti kita cuba untuk mendapatkan pegawai perubatan daripada luar negeri dan juga menggalakkan kakitangan-kakitangan kita iaitu rakyat Malaysia supaya mereka berminat pergi ke Sabah untuk berkhidmat dengan memberi elaun dan galakan yang lain biasiswa dan sebagainya. Ini adalah langkah-langkah yang kita sedang ambil dan akan ambil untuk masa yang akan datang. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.05 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari".

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta *guidance*. Adakah ini bererti bahawa kalau tidak selesai akan terus sampai esok pagi jam 6.00 pagi atau 8.00 pagi atau 9.00 pagi akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ia hanya setakat pukul 12.00 tengah malam sahaja. Selepas daripada pukul 12.00 tengah malam, satu hari yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Okeylah, bukannya ini satu interpretasi yang tidak betul dengan *Commonwealth Parliament* yang lain. Ini ada dibuat di sini jika tidak silap bolehkah ini ditafsirkan semula supaya kalau kita mahu luluskan ketetapan ini atau cadangan ini bahawa kita lepaskan ini supaya kita kalau tidak habis, teruskan selepas mid-night oleh kerana mana ada cukup.

Kita ada lima kementerian yang semua *heavyweight*. Semua mustahak dan dua usul memotong gaji RM10 termasuk yang belum habis, tiga usul. Bagaimana boleh habis dan tentu tidak boleh. Oleh kerana dalam Peraturan Mesyuarat ada memperuntukkan selama 18 hari untuk perbahasan, kita sahaja 15 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan jawab. Saya akan jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah kita membenarkan sekurang-kurangnya esok supaya kita boleh membahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kita tengok keadaan. Kalau keadaan berkehendakkan mendesak, kita akan edarkan, membuat peredaran menyelesaikan mengikut keadaan sama ada kita hendak sambung malam ini ataupun kita sambung pagi besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbaharui Undang-undang yang berhubungan dengan Timbang Tara Domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari ketujuh belas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B. 49 [Jadual] -

Maksud P. 49 [Anggaran Pembangunan 2006] -

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab perbahasan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9).

11.08 pagi.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menjawab secara ringkas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Kepong dan Kemaman. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kemaman yang telah menyuarakan pandangan beliau iaitu tidak menyokong usul tersebut.

Sebenarnya banyak isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga Kepong telah pun dijawab semasa sesi soalan dan juga semasa Yang Berhormat Menteri memberi penggulungan dalam peringkat dasar. Saya cuma hendak memberi jawapan secara ringkas dan selepas itu terserah kepada Dewan yang mulia membuat keputusan terhadap usul tersebut.

Saya juga ingin mohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya tidak bercadang hendak melayan apa-apa penjelasan peringkat ini sebab dalam masa perbahasan jawatankuasa perbelanjaan nanti ada banyak peluang untuk sentuh apa-apa isu dan di situ saya akan memberi sebanyak boleh masa untuk memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi, isu pertama tentang *Times Higher Education Supplement Ranking*. Saya hendak mengatakan di sini bahawa tidak ada *denial syndrome* dan kita bersikap positif terhadap ranking tersebut dan di sini sebab saya telah terima permintaan daripada ramai Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa mereka ingin mengambil bahagian dalam perbahasan topik ini dan jika boleh saya minta kerjasama dan persefahaman, saya akan mengulas dan memberi jawapan sekali gus selepas perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa belanjawan nanti. Itulah satu pendapat dari saya

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini bukan fahaman, Peraturan Mesyuarat, bahawa sama ada perlukah satu jawapan diberi oleh kerana ingat akan menentukan sama ada cadangan potong gaji RM10 diluluskan.

Dato' Fu Ah Kiow: Baik. Baik, nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya dia kata bahawa kita *suspense judgment*, kita mahu jawab mungkin kalau jawapan yang memuaskan, saya pun akan tarik balik. Mana

boleh kata kita *suspense judgment* nanti apabila *general debate* kita bahas oleh kerana ini suatu isu yang mustahak, kita perlu khusus.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya kata saya boleh jawab tetapi kalau saya jawab sekarang nanti Ahli Parlimen lain hendak menyentuh semua itu, saya kena jawab kali kedua. Bagaimana pun, saya akan jawab isu ini.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti. Nanti, nantilah. Yang Berhormat kena hormat peraturan. Kalau hendak jawab kena minta kebenaran dari saya dulu.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Fu Ah Kiow: Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingin tegaskan di sini bahawa perlulah suatu jawapan yang memuaskan *as soon as possible* supaya kita boleh berpuas hati bahawa tidak perlu potong gaji RM10 dan kalau selepas itu semua boleh terima mungkin dalam *general debate* tidak perlu bangkit lagi. Sekarang perlu bangkit ini menunjukkan bahawa tidak satisfactory.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat. Jawab mana yang boleh ya.

Dato' Fu Ah Kiow: Baik. Baik. Nanti saya akan jawab pada peringkat akhir. Isu mengenai kegagalan menunjukkan keunggulan akademik di universiti, isu *Ramasamy* dan *Terence Gomes*, semua soalan ini pun telah dijawab pada 27 September 2005 dalam sesi jawapan lisan. Jadi tidak payahlah kita ulang-ulang lagi dan menimbulkan sesuatu yang tidak dipersetujui di sini. Saya tidak akan menjawab lagi. Kalau Yang Berhormat hendak butiran ini boleh rujuk kepada *Hansard* pada hari itu iaitu 27 September 2005.

Mengenai dengan *Search Committee* untuk pelantikan Naib Canselor, ingin saya memberitahu di sini bahawa yang dimaksudkan *Search Committee* bukan suatu jawatankuasa yang tetap tetapi ia cuma diwujudkan jika wujud sesuatu kekosongan dalam jawatan Naib Canselor dan keanggotaannya *Search Committee* pun bukan tetap. Ia akan berubah dari semasa ke semasa dan pada kebiasaannya *Search Committee* ini dianggotai oleh ahli lembaga, pegawai kanan kementerian, JPA, tokoh akademik dan sebagainya.

Keahliannya biasa tidak diumumkan untuk mengelakkan pihak tertentu cuba melobi-lobi, ini adalah tentang *Search Committee*.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan mengenai *Search Committee*.

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak payahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah.

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah macam mana kita boleh percaya bahawa jawapan ini memuaskan.

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak payahlah. Nanti ada

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah pun. Potong atau tidak potong pun tidak payah. Itu *different*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita bagi

Tuan Lim Kit Siang: Ini satu sikap kita mahu tengok mungkin itu ada sebab kita diyakinkan dia kata tidak payah. Apa itu sikap?

Dato' Fu Ah Kiow: Saya kata, nanti ada peluang

Tuan Pengerusi: Beri Yang Berhormat jawab.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu sikap? Mana ada tanggungjawab. Tidak boleh memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Duduklah, nanti saya boleh jawab.

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: You duduklah, biar saya bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan *Search Committee*, boleh? *Search Committee*.

Tuan Pengerusi: Ya, beri jawapan Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya bagi jalan dahulu, baru boleh minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya minta penjelasan.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bagi jalan. Tidak mahu give and take. Dia *one way traffic* sahaja.

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak *give and take*.

Dato' Fu Ah Kiow: Duduklah, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: *Higher education*.

Tuan Pengerusi: Ya, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: *Higher education* ini.

Tuan Pengerusi: Ya, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: *Higher education*, Tuan Pengerusi. Kita mahu *higher education*. Terbuka, sikap kementerian. Tidak ada sikap semacam ini, bagaimana kita boleh satu kementerian *high education* yang unggul.

Dato' Fu Ah Kiow: Yang Berhormat, tunjukkan *standard*. Tidak ada *standard* Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Itu masalah bukan?

Tuan Pengerusi: Biar beliau cuba jawab dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada had, saya tahu had, tetapi *high education*. Kalau ada sikap yang begitu sempit bagaimana boleh ada universiti-universiti yang terbuka. Bagaimana?

Dato' Fu Ah Kiow: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Hah!

Dato' Fu Ah Kiow: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, duduk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, biar dia jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Haiya!

Dato' Fu Ah Kiow: Ini sikap Ketua Pembangkang. Dia hendak orang menghormati peraturan, dia tidak menghormati. Minta kebenaran, laluan untuk berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan main-main isu-isu yang remeh-temeh itulah.

Dato' Fu Ah Kiow: Duduklah, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu jawab, jawab. Jangan tunjuk sikap.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya jawab, saya jawab sekarang. You duduklah. Seperti yang saya kata tadi peluang untuk memberi penjelasan ada lagi. Nanti semasa jawab perbahasan tertentu. [Disampuk] Jadi, tidak payahlah, lagi pun isu ini sudah berapa kali dibangkitkan dan dijawab di sini. Tidak payahlah. Okey!

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat, saya minta satu *ruling*. Perkara "nanti" itu hal yang lain. Sekarang ialah saya minta satu *ruling* daripada Tuan Pengerusi bahawa perlu satu *ruling*, bahawa semua jawapan yang perlu diberi, patut diberi dan tidak boleh atas alasan, nanti dalam *general debate* itu boleh bincang. Itu "nanti" hal yang lain. Kita mahu buat satu keputusan, saya mahu meminta satu Peraturan Mesyuarat, *ruling* Tuan Pengerusi bahawa semua jawapan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan, potong RM10 ini patutlah diberi dan tidak boleh kata, "Nanti, *general debate* kita boleh bincang." Tidak boleh!

Tuan Pengerusi: Baik, baik, saya faham. Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu apa guna.

Dato' Fu Ah Kiow: Isu *Search Committee* saya sudah jawab, kalau Yang Berhormat tidak puas hati, saya tidak boleh buat apa, saya sudah jawab. Kalau saya tidak jawab itu lain cerita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cuba jawab seberapa bolehlah.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya sudah jawab seberapa boleh, kalau Yang Berhormat tidak mahu terima, itu terserah kepada Yang Berhormat. Tetapi kalau ingin minta penjelasan boleh minta nanti.

Okey! Isu universiti penyelidikan kementerian pada perancangan akan memilih beberapa universiti awam menjadi universiti penyelidikan di mana walaupun universiti tersebut masih akan memainkan peranan sebagai universiti pengajaran, tetapi tumpuan akan dialih ke aspek penyelidikan.

Ini bermakna kita akan tambah *enrolment* dalam kursus pasca ijazah sehingga ia lebih daripada *enrolment* untuk kursus ijazah pertama. Kriteria-kriteria pemilihan universiti sebagai universiti penyelidikan sedang disediakan. Tentang pemindahan kepada AUKU, isu ini pun telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semasa penggulungan peringkat dasar pada 19 Oktober 2005.

Saya ingin sekali lagi memberitahu bahawa penubuhan jawatankuasa untuk mengkaji semula AUKU adalah dalam peringkat terakhir dan sebaik sahaja menteri telah buat keputusan jawatankuasa itu akan diumumkan. Jadi, bersabarlah sedikit, tunggu pengumuman daripada menteri.

Tentang pilihan raya kampus, itu pun sama juga, telah dijawab oleh menteri semasa peringkat dasar. Di sini saya ingin memberitahu bahawa jawatankuasa yang akan mengkaji semula AUKU akan juga mengkaji semula prosedur dan peraturan pilihan raya kampus dan mengambil kira aduan-aduan yang telah diterima selama ini.

Saya hendak mengatakan di sini pilihan raya di semua kampus telah diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Kampus, di mana seorang TNC adalah pengerusi. Semua pelajar diberi peluang untuk bertanding sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Kementerian telah meneliti perjalanan pilihan raya di semua kampus dan berpendapat walaupun ada sedikit sebanyak aduan tetapi pada keseluruhannya ia telah dijalankan dengan telus, adil dan aman.

Ini terbukti memandangkan purata peratusan pelajar yang turun mengundi ialah 86.3%, malah ada yang melebihi 90%. Tuduhan ada penipuan, tidak adil dan sebagainya adalah tidak berasas. Kita tidak boleh menghina kebolehan 83.3% pelajar yang telah membuat keputusan mereka. Mereka telah membuat keputusan dan keputusan mereka patut dihormati. Maka isu mengubah keputusan pilihan raya kampus yang telah disempurnakan tidak timbul.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Isu surat Aku Janji, ini pun telah dijawab juga. Saya hendak katakan di sini, ini cuma usaha untuk mengingatkan pelajar dan kakitangan universiti supaya mereka mematuhi peraturan-peraturan universiti. Dan, dalam Aku Janji itu melibatkan etika-etika yang perlu diikuti semasa dalam universiti mengingatkan mereka, bahawa jika mereka melanggar etika-etika dan peraturan-peraturan kemungkinan mereka akan dikenakan tindakan tatatertib. Ini adalah satu peringatan.

Aku Janji ini serupa fungsinya seperti anggota kerajaan mengambil sumpah menyimpan rahsia. Dan, juga seperti anggota pentadbiran mengangkat sumpah semasa pelantikan. Jadi, ini adalah isu-isu Aku Janji.

Tentang Laporan Wan Zahid

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan mengenai Aku Janji!

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti sekalilah, kalau saya buka tidak habis-habis. Aku Janji, akan beri peluang nanti.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hah, bolehlah nanti berucap.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya sudah jawab. Isu Laporan Wan Zahid ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, laporan telah diterima pada bulan Julai tahun ini dan mempunyai 6 bab yang mengandungi cadangan-cadangan mengenai dengan hala tuju pendidikan tinggi di Malaysia dan perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia. Laporan kini sedang dalam proses penelitian oleh Kementerian dan selepas penelitian Kementerian akan membuat keputusan sama ada laporan ini akan dibuat umum dan sama ada satu dasar pendidikan tinggi perlu digubal.

Dalam proses menyediakan laporan ini pandangan orang ramai pun telah diperolehi termasuk akademi, NGO, orang *eminence*, agensi kerajaan tempatan dan mesyuarat meja bulat pun telah diadakan, dialog diadakan, lawatan kepada universiti-universiti luar negara pun telah diadakan. Jadi, ini akan diteliti oleh Kementerian dan satu keputusan akan dibuat nanti.

Tentang penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk Pengajian Tinggi, Kementerian berpendapat walaupun Kementerian mengaku ada aspek tertentu mengenai pengajian tinggi di IPTA dan IPTS yang perlu dibaiki, tetapi pada umumnya pencapaian dalam pembangunan pengajian tinggi negara tidak boleh dinafikan, khusus dalam usaha kita meningkatkan peluang dan access pada pengajian tinggi untuk belia yang dalam lingkungan umur 18 hingga 24. Kini kita telah capai 28% berbanding dengan 9%, 15 tahun sebelum ini.

Selain daripada itu, kita juga telah berjaya menarik lebih kurang 40 ribu pelajar antarabangsa ke Malaysia sebagai satu usaha memajukan bidang ini dan sebagai satu usaha menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Kementerian Pengajian Tinggi dan Jemaah Menteri mampu mengubah strategi dan mengambil apa-apa langkah yang dianggap perlu untuk memantapkan prestasi pengajian tinggi di Malaysia. Maka tidak dilihat apa perlunya penubuhan Suruhanjaya Diraja yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tentang peluang penglibatan masyarakat umum dalam pembangunan pengajian tinggi - Kementerian tidak pernah mengatakan - Kementerian sentiasa mengadakan peluang. Sebenarnya Kementerian sentiasa mengadakan dialog dengan *stakeholder* dalam pengajian tinggi seperti pihak swasta mengenai cadangan-cadangan dan cara-cara untuk memperbaiki pengurusan pembangunan pengajian tinggi.

Selain daripada itu pihak masyarakat umum, orang *eminence*, wakil daripada industri dan badan profesional juga dilantik dalam jawatankuasa mengkaji kandungan kurikulum kursus, menjadi penilai dalam pemprosesan permohonan kursus baru, menjadi ahli lembaga universiti-universiti, menjadi profesor, pemeriksaan luar dan sebagainya. Jadi, mengatakan masyarakat awam tidak berpeluang, juga tidak benar.

Dan, isu tudung di UIAM. Untuk makluman Dewan yang mulia ini UIAM adalah universiti yang ditubuh di bawah Akta Syarikat dan bukan di bawah Akta AUKU. UIAM mempunyai majlis sendiri yang dianggotai oleh wakil daripada 7 buah negara yang dilantik oleh OIC. Maka secara prosedur, isu ini telah diserahkan balik ke majlis UIAM untuk mengambil pandangan Jemaah Menteri.

Isu penubuhan universiti di Kelantan, ini merupakan janji Barisan Nasional semasa pilihanraya tahun 2004. Seperti negeri Terengganu di mana Barisan Nasional telah berjanji, jika Barisan Nasional menang dan mentadbir negeri Kelantan dan Terengganu, maka universiti akan dibina. Jadi, apa yang diulangi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini jelas menunjukkan Barisan Nasional konsisten dan serius dalam segala janji kepada rakyat di negeri Terengganu, di mana Barisan Nasional telah menang dan mentadbir, kita kotakan janji itu. Itulah cara Barisan Nasional.

Soalan parti politik tidak sepatutnya membuat apa-apa janji tidak kena, sebab telah pun menjadi amalan untuk parti politik bertanding mengeluarkan manifesto mereka, apa rancangan mereka untuk pembangunan sesuatu tempat, visi mereka dan sebagainya. Parti PAS pun buat janji. Dan, di USA dan mana sistem demokrasi selalu diagung-agungkan oleh pihak pembangkang, parti politik pun selalu buat janji pungutan cukai dan sebagainya dalam pilihan raya.

Jadi, saya nampak itu tidak ada masalah dalam mengulangi janji pada rakyat. Isu *ranking* untuk universiti tempatan. Saya hendak menyatakan di sini bahawa kementerian tidak pernah ada *denial syndrome* seperti yang dikatakan. Sebaliknya kementerian bersikap positif dengan minda terbuka dan profesional dan kita akan menghadapi *ranking* ini secara saintifik. Kementerian menganggap *ranking* ini sebagai satu penilaian terhadap kriteria-kriteria tertentu yang digunakan oleh *Times*.

Saya berpendapat ia adalah lebih bermakna kalau kita lihat tentang prestasi kita dalam semua kriteria yang digunakan. Itu mungkin lebih bermakna dari *overall ranking*. Dalam pada ini kita juga perlu sedar bahawa ada kriteria-kriteria yang digunakan oleh *Times Higher Education Supplement* itu memang kurang relevan dengan keadaan IPTA di Malaysia ini. Misalnya dua kriteria:

- (i) bilangan pelajar antarabangsa, di mana oleh kerana dasar kerajaan memang tidak membenarkan kita mengambil pelajar antarabangsa sebab kita ingin merizabkan *enrolment* untuk rakyat tempatan dan kita cuma mengizinkan IPTA merekrut sebanyak tidak melebihi 5% pelajar antarabangsa dalam kursus-kursus yang kurang kompetitif; dan
- (ii) tentang fakulti antarabangsa, itu pun oleh kerana walaupun kita ingin menambah fakulti antarabangsa, tetapi kita ada batasan sebab skim gaji kita adalah lebih rendah dan agak sukar untuk kita merekrut ke fakulti antarabangsa dan kalau terlalu ramai antarabangsa dan kalau nanti sama jugalah nanti.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Minta maaf Yang Berhormat, nanti sekali gus boleh minta penjelasan. Ada peluang lagi untuk isu ini. Memang boleh ulang lagi. Saya faham isu ini memang amat penting.

Jadi kriteria itu pun tidak kena juga, tetapi adalah lain kriteria yang mana kita perlu ambil serius seperti *citation* dalam hasil pendidikan seperti nisbah tenaga pengajar dengan pelajar dan juga *peer review* dan *review* oleh majikan-majikan. Memang penting terhadap

penilaian tersebut. Tuan Pengerusi, *for what is worth*, dengan izin, semua IPTA perlu mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperbaiki kedudukan dalam *ranking* ini sebab walaupun semua *ranking* di dunia ini ada banyak kontroversi, dengan izin, ada banyak soalan akan ditanya dan konsistensinya juga kadang-kadang dipersoalkan, tetapi oleh kerana liputan yang ada kepada terhadap *ranking* tersebut, ia akan mempengaruhi pilihan pelajar antarabangsa dan persepsi orang ramai terhadap IPTA Malaysia. Maka kita perlu bersikap positif dan mengambil langkah yang perlu untuk memperbaiki *ranking*.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Fu Ah Kiow: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gerik bangun.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya minta maaf, nantilah apabila peringkat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah Yang Berhormat?

Dato' Fu Ah Kiow: Sudah habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Fu Ah Kiow: Jadi itu sahaja saya hendak mengatakan. Tetapi saya juga hendak sebutkan di sini, apabila kita sebut *ranking* kita juga kena *scientific* dan profesional. Misalnya apabila kita kata MU sudah turun dalam kedudukan *ranking*, USM sudah terkeluar daripada 200 ini, apa yang tidak disebut oleh Yang Berhormat ialah UKM telah dipilih dan masuk dalam 100 *ranking* dalam jurusan sains. Itu pun satu yang perlu kita sebut sebagai membagi gambaran yang menyeluruh, jangan cuba bagi gambaran yang serong. Lagi pun misalnya juga dikatakan *ranking* oleh Shanghai Jiao Tong University tidak ada satu universiti tempatan termasuk dalam *ranking* itu.. Benar, tetapi apa yang tidak dikatakan ialah status *Shanghai Jiao Tong* universiti dalam *Time* *ranking*, juga setanding dengan Universiti Malaya iaitu 169, dan dalam *ranking* (*Jiao Tong University*), *Jiao Tong University* sendiri berada dalam kedudukan 451.

Di situ kita boleh lihat betapa perbezaan yang boleh wujud walaupun universiti yang sama oleh kerana *ranking* yang berlainan dan mengguna kriteria yang berlainan, maka kedudukannya boleh menjadi amat berbeza. Jadi saya sekali lagi hendak menyatakan di sini *ranking* merupakan perbandingan relatif. Ia boleh berubah daripada tahun ke tahun. Kalau kita berada dalam kedudukan terkini, kita perlu mengambil langkah untuk memperbaiki kedudukan. Itu adalah sikap yang diambil oleh kementerian. Jadi tentang 'denial' sindrom dan sebagainya, itu langsung tidak wujud.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, jawapan ringkas saya terhadap isu-isu yang dibangkit. Isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kepong, saya hendak katakan adalah tidak benar langsung yang mengatakan tidak ada sistem kawalan kualiti untuk universiti-universiti tempatan. Sudah beberapa kali di Parlimen ini, saya telah mengelaskan melalui LAN kita menjalankan proses kawalan kualiti untuk IPTS dan melalui jabatan kawalan kualiti di kementerian kita menjalankan segala kawalan kualiti terhadap IPTA. Fungsi mereka begitu jelas dan kita sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan semua kursus berkualiti.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Jadi kata tidak ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, cukuplah.

Dato' Fu Ah Kiow: ... sistem kualiti memang tidak benar. Mengenai tuduhan dalam universiti ada geng-geng, puak-puak dan sebagainya, saya hairan tuduhan itu boleh timbul sebab di mana-mana pertubuhan ada juga puak-puak yang tidak boleh dielakkan seperti dalam

Parti DAP pun ada puak-puak. Jadi itu tidak ada kena-mengena dan tidak boleh menjadi isu.

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kemaman yang telah memberi satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang kemajuan Pengajian atau pendidikan Tinggi yang telah dicapai selama ini. Kita tidak boleh mengambil satu sudut yang sempit dan cuba menjustifikasikan usul memotong gaji menteri. Dengan jawapan ringkas tersebut saya ingin menyeru semua Ahli Parlimen supaya kita menolak usul yang dicadangkan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 010000 emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sebanyak RM10 di bawah Maksud Bekalan B.49 Butiran 010000 emolumen hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sekali lagi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

11.39 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan panjang-panjang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi kita dengarlah suara, sungguhpun yang diputuskan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi, okay kita terima, tetapi kita dengar pemberita-pemberita dengar lebih lemah, atau....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: ... atau sekurang-kurangnya tidak bertenaga. Mereka, bukannya Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi suara ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ada masalah. Mungkin mereka tidak dengar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun ada masalah tetapi saya boleh dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maafah kepada...

Tuan Lim Kit Siang: Semua dengar mereka tidak bertenaga, tidak kuat! *The heart is not in it!* Mereka perlulah, saya tahulah perlu sokong. *The whip is there*, tetapi *the heart is not in it*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana mereka tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keluar daripada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Tajuk ialah *higher education crisis*, itulah tajuk. Itu adalah krisis. Kita tengok hari ini *World Champion* Nicol David, bila kita mahu *world champ* universiti-universiti? *Vice-Chancellors* yang *world class*, pensyarah-pensyarah *world class*, universiti-universiti *world class* dan pelajar-pelajar mahasiswa-mahasiswi *world class* dan menteri-menteri cakap pengajian tinggi *world class*, Timbalan Menteri pun *world class*, bukan datang sini tidak berani untuk *engage* dalam perbincangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ketua Pembangkang pun bukan ...

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan *world class*!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... bukan *world class* jugalah!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Jerai, bila kita boleh harap ada seorang *world class* MP dari Jerai? Bila?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You* tengok Yang Berhormat bagi Ipoh Timor....

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor punya perangai *world class*kah ini?

Tuan Lim Kit Siang: Satu longkang *class* saya tidak mahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini *world class* punya MPkah?

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu *world class*!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam burung *pirate*

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *All the time* cakap fasal *world class*. Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Dia pun tidak faham peraturan mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat *wasting people's time*. *Balik lambat! Point of order*, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*] Yang Berhormat pun tidak faham peraturan mesyuarat. Tengok, mana ada *world class*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order*....

Tuan Lim Kit Siang: Tengok mana ada *world class*? Tidak ada *class*! *Okay*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*? *Okay*. Boleh, boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order* kerana dia tidak khusus, ini dalam jawatankuasa. Kepala berapa? Dia tidak cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak *World class* lah! Tidak khusus oleh kerana kita tidak ada *world class* MP

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You always think you are very good, you know?*

Tuan Lim Kit Siang: Itu....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *But you are damn hopeless!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Sehingga orang pun tidak mahu, dia tidak pergi *by- election*! Tidak disegani, nanti tolak terus!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Y.B., saya ada pergilah!

Tuan Lim Kit Siang: ... ditolak tepi, takut hendak pergi, hilang undi....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: DAP yang tidak boleh pakai!

Tuan Lim Kit Siang: Hilang undi nanti. *Okay* lah. Kita mahu masuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ditolak oleh rakyat!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak mahu buang masa!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *The most lousy MP in the Parliament House.*

Tuan Lim Kit Siang: Dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, jawapan beliau sangat *unacceptable*. Tidak *really engage* 10 sebab yang saya ada kemukakan, ini serius. Kita bukan main-main. Kita main-main dalam isu-isu semacam ini. sebagai contoh *ranking*, betul. Betul bahawa kita ada *aspects of ranking Times* yang kita boleh dipertikaikan. Semacam kriteria mengenai *international students* yang ada disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu. Saya pun ada sebut dalam kenyataan-kenyataan saya. 5%, dan satu sebab pada tahun lalu, kita dapat tangga 89 ialah kesalahan *Times Higher Education Supplement* yang menganggap....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun untuk keluar dari Dewan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, hendak keluar, keluarlah.

Tuan Lim Kit Siang: Hendak keluar, keluarlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah saya tidak mahu dengar ini orang tua!

Tuan Lim Kit Siang: *By election* pun tidak dibenarkan, tidak boleh pergi *by election*, apa guna keluar? Keluar mana? Tidak boleh pergi *by-election* Pengkalan Pasir, ditolak. Tidak ada kelas! Keluar, keluar! Ini ada kelas orang sahaja! Tidak ada kelas orang keluar. Okay, keluar!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tandas!

Tuan Lim Kit Siang: Pergi tandas, tandas ada kelas!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Ketawa]* Itu 5% *international students* tahun lalu mereka anggap bahawa pelajar-pelajar Tiong Hua dan India mungkin *international students* dan sebab itu kita dapat markah yang tinggi. Tetapi ini bukan sebab yang tunggal sahaja. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sendiri di *influenced* apabila beliau mengumumkan akan *reserve* 5% kuota untuk *international students*. Kenapa? Ini tentulah tidak boleh diterima satu masa apabila rakyat Malaysia semua kaum tidak boleh dapat tempat dalam IPTA-IPTA. Kenapa kita mahu peruntukkan 5% untuk *International students* supaya kita boleh mengikuti kriteria-kriteria *Times Higher Education Supplement*? Ini bukan satu... Sekarang kita dengar bahawa ini satu kelemahan, dan di sini saya mahu tahu sama ada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini sekarang sudah ditarik, balik bahawa tidak lagi usaha untuk *reserve* 5% kerusi dalam IPTA-IPTA untuk *international students*. Adakah ini sudah ditolak balik?

Kita perlu tengok *ranking*, tidak boleh tolak *international students*, tetapi kita tidak boleh jadi *slave* kepada *ranking*.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Penjelasan, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa, tidak ada masa. Kita tidak mahu jadi hamba...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tidak berani Yang Berhormat bagi Ipoh Timor....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak berani? Okay, bagi baik, bila?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Universiti Malaya 169 daripada 30 ribu buah universiti di dunia. Adakah itu tidak boleh kita anggap sebagai terbilang? Yang keduanya dalam sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Malaya berada di tangga 45 daripada 30 ribu. Tidakkah itu lebih daripada cemerlang? Terbilang? Dia mengalahkan National University of Singapore, John Hopkins, Michigan State dan berbagai-bagai lagi dan

Universiti Malaya juga kedudukan sains sosialnya 83 daripada 30 ribu universiti. Bukankah itu terbilang? Kenapa Ketua Pembangkang tidak mahu menerima hakikat ini, fakta ini?

Yang ketiga dalam bio-perubatan, Universiti Malaya berada di tangga 82, bukankah *Times Supplement* mengatakan bahawa 200 itu merupakan universiti-universiti terbilang di dunia.

Yang keempat, tadi disebut oleh Timbalan Menteri, 91 UKM, universiti dalam bidang sains. Empat kategori universiti di Malaysia ini dalam kategori terbilang, 200 universiti terbaik di dunia. Kenapa Ketua Pembangkang tidak boleh menerima hakikat ini? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kita sini ada semuanya di sini, saya akan datang *we'll come to it*. Kita tahu ada yang baik kita puji, tetapi baik kita tengok itu 100 *biomedicine university* ok? Ada disebut Universiti Malaya mana? *Biomedicine* yang disebut nombor 82, ok dalam lingkungan 100, tetapi kalau kita mahu banding dengan *the worst*, dengan Afrika kita boleh kata sangat bangga, *we must compare with the best* dan *potential* kita yang boleh jadi terunggul.

Bila-bila kita mula, Universiti Malaya mula dengan apa? Dengan *University of Singapore*, sama-sama bermula selepas itu dua *wing, University of Singapore*, Universiti Malaya. Kenapa kita mahu jatuh begitu rendah apabila dibanding dengan *University of Singapore*? Adakah di negara Malaysia rakyat kita tidak begitu baik? Tengok apa kedudukan *University of Singapore*? *Biomedicine, University of Malaya* -82, tetapi 82 lagi, satu universiti iaitu Chulalongkorn University tidak pernah kita dahulu fikir, Thailand Universiti semacam baik dengan Universiti Malaya - *Biomedicine, University of Singapore* kedudukan? Kedudukan *University of Singapore - Biomedicine* nombor 15, kita 82, kita bangga? Yang Berhormat bangga? Saya tidak bangga, saya malu. Ahli Parlimen Barisan Nasional bangga? Berani bangga?

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Betul, kita kata boleh 800 itulah, janganlah *half of knowledge is a dangerous thing*, kita ada semua di sini, kita tengok baik lagi satu *Arts and Humanities*, baik Universiti Malaya – 45, okey *better than a National University* - 56, *that's one up*, tetapi adakah ini satu kriteria sahaja?

Sains dan teknologi, sains dan teknologi langsung tidak ada kenapa? Tengok teknologi universiti, *National University of Singapore* nombor 9 dan ada 2 daripada Singapura - *Nanyang Technological University* - 26, mana Malaysia? Mana Malaysia? Kita menekankan sains dan teknologi penting, 20 tahun, 30 tahun satu pun tidak ada. Mana suara? Bukankah ini malu? Sains dan teknologi kita mahu *world champion*, kenapa? Kenapa tidak ada bunyi? Tengok lagi, sosial sains betul, kita ada dalam Universiti Malaya - 83 betul, tetapi ada universiti-universiti yang lain *National University of Singapore* - 13 kita bangga. *Nanyang Technological University* lebih lewat daripada Universiti Malaya - 83, pun *something is wrong isn't it?* Jangan kita cari sebab bangga sahaja.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Masa cukuplah, baru....

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Saya rasa peliklah kenapa DAP ini dok banding dengan *Singapore*, barangkali dia anak pelarian daripada *Singapore*.

Tuan Lim Kit Siang: Dia belum dapat peluang, belum dapat peluang.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: PAP *Singapore*.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya kenapa?

Tuan Lim Kit Siang: Apa?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Dengan *Singapore* sahaja, kita hendak dengan *world*.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu belajar *Singapore*, oh! Takut!

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:dengan *world* ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bila banding dengan *Singapore* takut kita banding dengan Rwandalah, Somalia. Kalau ini sikap kampung Barisan Nasional inilah Malaysia tidak ada masa depan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu ketuk fikiran semacam ini, kalau ini fikiran kita *forget about world champions, forget about towering Malaysians*. Ini apa yang Yang Berhormat katakan, "*Betrayed*" Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Visi, *pledge* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pengkhianatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itulah sikap. Mahu? Mahu lagi? Hendak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baiklah, cukup masa, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Hendak bagi jalan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor, masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Ok, saya gulung. Saya sangat malulah, saya rasa sangat malu, Barisan Nasional ada pandangan yang begitu teruk, malu kepada negara. Sebenarnya saya ada banyak hal dan isu dalam *higher education*, tetapi saya rasa di peringkat ini saya tidak tahulah ada harapan atau tidak ada harapan untuk *higher education* di Malaysia hari ini.

Kita tidak mahu *world champion*, universiti di negara kita akhirnya datang daripada IPTS. Satu hari kita akan dapat *world champion universities*, tetapi IPTS dan bukan IPTA, mahukah kita kedudukan ini wujud? Kalau kita terus tidak mahu mengakui masalah-masalah yang dihadapi dan saya harap Yang Berhormat kata tidak ada *denial syndrome*. Kita tengok *denial syndrome* lebih teruk 200% dan saya harap bahawa ini semua dibetulkan supaya akhirnya kita mahu betulkan kita ada masalah, kita bukan mahu jatuhkan maruah dan kedudukan universiti-universiti kita. Ini universiti kita semua, kita mahu yang terbaik. Masalah-masalah UM, kenapa kita sebut begitu banyak kali mengenai UM oleh kerana ia *premier* universiti, kalau *the premier* universiti begitu teruk, *what is the hope for other universities*.

Sebagai contoh, *mark tampering* satu contoh sahaja, *English language, high rate of failure in this paper almost 35%*. Keputusan untuk *raised all the candidates grades of this paper by 13%, we should have ensured a new pass rate of 85%*. Ini dikemukakan kepada menteri-menteri, apakah tindakan diambil berhentikan *mark tampering*, meritokrasi, kejatuhan *standard*, kualiti, mutu itulah sebabnya. Sebab itu kita perlulah *Parliamentary Select Committee*, kita perlulah satu *Royal Commission of Inquiry*, tetapi kalau kita mahu terus jadi, "*Frog in the well*", kata kita lebih baik daripada Afrika, Somalia dan Rwanda itulah tidak ada harapan untuk masa depan rakyat, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gerik sila.

11.52 pagi.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Merujuk pada Butiran 040000 dan juga merujuk kepada universiti *ranking* ya, bila kita meletakkan Universiti Malaya - 45, Sastera, Sains Kemasyarakatan kita tidak pernah membandingkan dengan Afrika, tetapi kita membandingkan dengan *National University of*

Singapore, Johns Hopkins, Michigan State, Duke, Boston, Illinois, Wisconsin, Manchester, 'UMIS', St. Andrews, Frankfurt, Erasmus University of Rotterdam, University of Amsterdam, MIT, Seoul, Hong Kong dan sebagainya. Kita membandingkan negara-negara dengan negara yang sudah maju.

Begitulah dengan kategori sains sosial di mana Universiti Malaya berada di 83, Bio Perubatan - 82 semuanya kita perbandingan dengan universiti-universiti yang tersohor di Amerika, di Eropah dan juga di Asia. Kita harap kita harus menerima hakikat bahawa Universiti Malaya dan juga UKM dalam bidang sains merupakan universiti-universiti terbilang bukan lagi cemerlang di dunia, dibandingkan dengan universiti-universiti di Eropah.

Tuan Pengerusi, mengenai Akta Universiti kita mengalu-alukan akan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya, sila, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tidak ada masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tadi tidak sempat hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Timor, apakah yang dilaungkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor itu berulang kali benda yang sama, adakah fakta yang betul, ataupun setakat temberang di sini sahaja, apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Saya kata tadi pertamanya semua yang kita ini semua tidak betul, semua tidak elok dan perbandingan dengan universiti *Singapore* itu saya hairan kenapa *Singapore*, jadi dia tidak sindrom - pergantungan DAP itu dengan *Singapore* kita tahu tidak boleh dilepaskan lagi. Asyik-asyik *Singapore*, asyik-asyik *Singapore* kita melihat dunia global yang lebih luas itu saya rasa dia tidak boleh lepaskan diri daripada barangkali ibu kandung diakah apa, entah kita tidak tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat Gerik, bersetuju dengan saya PAP itu bapa, DAP itu anak jadi dia akan ikut arahan PAPlah.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Saya hendak kata tadi itu, tetapi sudah dikatakan oleh Yang Berhormat Jerai terima kasih Yang Berhormat Jerai kita catatkan. Bila mana kementerian akan melihat kembali Akta Universiti kita mengalu-alukan, kita harap ada juga wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan juga bekas Majlis Perwakilan Pelajar dan barangkali kita tengok juga perintah am para pensyarahnya di mana mereka ini tidak dibenarkan bersuara hal-hal yang berkaitan dengan politik.

Ini suatu yang mengongkong kedudukan mereka. Sehubungan dengan itu berkaitan dengan pensyarah juga, kita mengalu-alukan kalau boleh disegerakan kajian tentang umur persaraan. Saya ibaratkan bahawa profesion ini tidak jauh daripada para hakim kita, mereka matang di umur 45 ke atas ada yang mendapat *professorship* 50, 52, 53 tiba-tiba bersara 56. Mereka *direemploy* sebagai profesor kontrak, tetapi mendapat gaji penuh, jadi mungkin ini membazirkan juga kita bayar penuh gaji yang kontrak tadi dan juga pensyen mereka dapat. Barangkali kita lanjutkan umur persaraan mereka kepada 60 ataupun 65 seperti yang sedang dibincangkan. Tentang pelantikan pemilihan naib canselor, katanya ada *search committee* yang akan diwujudkan.

Saya tidak pasti adakah ini suatu yang baik dan apakah salahnya sistem yang ada dahulunya, malah kita berbangga seperti yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang, Naib Canselor cemerlang ialah Profesor Ungku Aziz dan beliau silap dia menegur kementerian mengatakan bahawa adanya naib canselor yang tidak mempunyai Ph.D, maknanya tidak cemerlanglah kalau tidak ada Ph.D. Di luar negara, di Eropah di Amerika bukannya Ph.D itu yang menjadi kriteria kecemerlangan, tetapi penyelidikan dan di sini contoh yang terbaik ialah Profesor Diraja Ungku Aziz kita yang diakui oleh Ketua Pembangkang cemerlang,

seorang Naib Canselor yang cemerlang, sebenarnya Profesor Diraja Ungku Aziz tidak ada Ph. D ini satu contoh yang baik. Dia mendapat *Masters Degree in Economic* dari Waseda Universiti Jepun. Kita harus jelaskan tidak semestinya seorang yang cemerlang itu mempunyai Ph.D, tetapi penyelidikannya itu yang penting.

Satu lagi perkara pelantikan naib canselor juga, saya kira lebih baik diberi peluang kepada orang yang melalui sistem universiti itu sendiri kerana pelantikannya ialah bukan sekadar untuk kebolehan mentadbir sahaja, tetapi juga rekod beliau dalam penyelidikan. Biasanya seorang yang hampir, secara tiba-tiba ke tangga naib canselor itu adalah seorang pensyarah biasa dilatih sebagai ketua jabatan, timbalan dekan, dekan, timbalan naib canselor dan dari kalangan timbalan naib canselor itulah diambil, diangkat menjadi naib canselor. Di antara asas-asas pemilihan itulah rekod penyelidikan, kalau seorang naib canselor yang diambil dari luar daripada PTD umpamanya tidak ada rekod penyelidikan, maka bagaimana dia hendak memimpin orang-orang lain menjalankan penyelidikan kerana beliau sendiri tidak ada rekod penyelidikan dan tidak ada dirujuk pun kerja-kerja penulisan atau penyelidikannya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah isu PTPTN yang barangkali belum selesai. Ada satu cadangan di sini di mana lebih berkesan kalau kementerian menggunakan agensi kutipan walaupun mungkin ini agak sedikit merugikan. Dan yang keduanya saya rasakan agak tidak adil kalau mereka yang enggan membayar ini dibebankan bayaran hutangnya kepada penjamin-penjaminnya. Ini suatu yang membebankan mereka yang sebenarnya terpaksa menjamin seseorang itu berhutang, kenapa kita buat satu sistem kejarkan mereka yang berhutang ini, sekian saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, 3 minit ya?

11.59 pagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, pertamanya Tuan Pengerusi saya hendak register bahawa universiti-universiti yang ada di dalam negara kita ini walaupun masih peringkat muda baru 48 tahun merdeka dan ada universiti yang baru tubuh 5 tahun dan sebagainya.

Bagi saya, saya *consider* universiti itu terbaik, *perfect* cuma sudah tentu kalau kita hendak bandingkan dengan universiti-universiti luar negara Tuan Pengerusi dia orang sudah tubuh beratus tahun, bukannya baru. Kita ini ada universiti yang baru setahun jagung dan sebagainya, jadi kita kena bagi peluang kepada tenaga-tenaga dari universiti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perkara ini pun telah dijawab oleh menteri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak ini saya hendak masuk pasal Universiti Pusat Pengajian Tinggi Awam ini, jadi saya hendak bagi *confidence* kepada diri saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, jadi kita jangan pertikaikan, kalau universiti kurang ini bagi *chances*, bagi dia orang *prove* kan. Cuma Tuan Pengerusi, saya hendakkan R&D di universiti ini, boleh dikatakan kebanyakan universiti ada bahagian R&D dia tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Malah syarikat-syarikat swasta pun tidak mempergunakan R&D ini untuk membuat kajian-kajian.

Saya berharap pada pihak kerajaan, pihak universiti dan juga... – *[Mengalih tumpuan secara tiba-tiba]* Eh, Yang Berhormat Kepong...

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... dan juga kepada pihak-pihak, syarikat-syarikat cara untuk membantu universiti dan cara untuk menggembleng tenaga bersama dengan pihak R&D universiti untuk membuat kajian-kajian ini, jadi kalau kita tidak menggunakan universiti-universiti ini, malah kita akan menanggung kerugian dari segi itu, kita terpaksa ambil dari luar dan ini akan menelan belanja berlebih-lebihan. Apa salahnya

kita menggunakan universiti sebagai pusat untuk membuat kajian dan sebagainya? Saya sendiri menggunakan Universiti Utara, Tuan Pengerusi, untuk mengkaji balik prestasi tugas saya dalam kawasan Parlimen saya, tidak seperti macam orang kata saya ini koman sangat ini dan dia laporkan kata *okay, reasonable, good MP*.

Tidak macam sesetengah Ahli Parlimen mong, mong, mong menyalak-nyalak seperti anjing menyalak bukit tetapi bukit tidak runtuh. Jadi kita gunakan. Saya mintak pihak universiti pun kena keluarkan, mencari, *invent* benda-benda baru, kalau macam Yang Berhormat Arau kata pasal baja dan sebagainya, pasal benih-benih yang kita akan adakan di Pusat Benih Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiya! Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Lagi, lagilah bunyi lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Benih negara ini, Tuan Pengerusi. Jadi universiti-universiti kena buat kajian dan *last* sekali, Tuan Pengerusi saya amat terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi baru datang,... .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, terima kasih Tuan Pengerusi, jadi *last* sekali saya minta universiti-universiti swasta kalau kita lihat di luar negara universiti swasta memainkan peranan lebih penting daripada universiti awam ini. Jadi mengapa di sini di Malaysia ini universiti swasta pula mengharapkan daripada kerajaan dan universiti awam?

Kita kena cari jalan pihak universiti swasta ini kena menunjukkan prestasi dan kepercayaan rakyat untuk masuk ke universiti dan kita telah mengatakan, menteri telah melaung-laungkan Malaysia akan jadi pusat pengajian untuk tarikan pusat-pusat universiti-universiti swasta ini sebagai hak kepada pelajar-pelajar di rantau Asia ataupun dengan negara Asean. Yang ini kita harus prestasi universiti swasta itu kena meningkat dan saya berharap badan-badan besar, syarikat-syarikat besar - saya berterima kasih kepada Petronas, Tenaga Nasional, Telekom – *Kepong, you agree with me?* Telekom, ini syarikat-syarikat yang besar yang telah mewujudkan universiti.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kita mintak syarikat-syarikat lain juga bersama dengan pengusaha-pengusaha yang ada pada hari ini yang telah menjalankan universiti ini supaya mereka juga bersama memperkukuhkan status dan juga nama universiti swasta supaya tidak semua pelajar-pelajar dalam negara kita dan pelajar-pelajar yang datang ke negara kita ini hanya tumpu kepada universiti-universiti awam. Ini penting dan harus kerajaan memberi sokongan yang kuat kepada universiti-universiti swasta supaya mereka dapat beri satu saingan kepada universiti awam di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi baru masuk, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Iyalah, memanglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kira masa Tuan Pengerusi masuk kira masa saya bercakap, Tuan Pengerusi.

Satu lagi saya berharap Tuan Pengerusi, ini *last* Tuan Pengerusi, saya hendak minta pihak universiti, *Vice-Chancellors (VC)* dan guru-guru atau pensyarah-pensyarah yang jaga bahagian disiplin-disiplin ini, tengoklah sedikit pakaian pelajar-pelajar kita ini.

Mereka adalah bakal memimpin negara, mereka adalah bakal pengurus-pengurus negara, mereka adalah bakal tokoh-tokoh politik negara, tetapi saya biasa masuk ke universiti Tuan Pengerusi saya pun naik takut tengok. Cara dia orang berpakaian, cara dia orang ini itu dan kita tengok kadang-kadang depa ambil duit pusat pengajian tinggi, dok *top up, top up* telefon. Sudah itu duit tidak ada. Bercakap dalam telefon, *online* sana, SMS sana, masuk *competition* itu guna, jadi salah gunakan duit-duit ini dan pakaian budi-bahasa mereka, harus walaupun kita mahu universiti kita ini *world class* - dan universiti kita Universiti Malaya memang *world class* - tetapi kita hendak juga pelajar-pelajarnya itu berhemah tinggi, berbudi-bahasa. Tidak ada erti kita ada universiti *of world class* tetapi perangai....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Semua orang salah, dia sahaja betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Nobody is right, he is the only right person in the world, world class person. Haiya! To me, no way!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat Jerai, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi saya harap pihak-pihak universiti jagalah ini, inilah anak-anak cucu, bibit-bibit rakyat Malaysia yang akan menerajui negara kita ini, yang akan mengangkat martabat negara kita ini tetapi kalau perilaku budi-bahasa mereka itu tidak sopan dan tidak senonoh, maka gelaplah negara kita ini, Tuan Pengerusi. Sekurang-kurangnya macam Yang Berhormat Arau budi-bahasa, macam Yang Berhormat Jerai dan juga Yang Berhormat Kepong orang yang lemah lembut, begitu juga Yang Berhormat Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Seputeh bolehlah *off and on*. Jadi itulah harapan saya, tiga benda saya minta pihak kementerian tolong ambil kira. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

12.06 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin tarik perhatian Butiran 020000 dan 040000, JPT dan juga IPTA. Saya ingin menyentuh di sini bahawa universiti-universiti kita adalah merupakan tempat gedung ataupun tempat himpunan segala kecerdikan, kepandaian kita di sini ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin disebut sebagai *intellectual power house*.

Ini merupakan satu perkara yang penting sebab di sinilah letaknya otak dan pemikiran sesebuah negara itu dan saya kira *Times Higher Education Supplement* baru-baru ini adalah merupakan satu perkara yang membangkitkan satu kesedaran kepada semua orang. *Is it a wake up call to everybody?* Sebenarnya naib cancellor universiti yang berkenaan sebenarnya bukan pula menunjukkan ego *defence mechanism*, dengan izin, tetapi dia menyatakan dalam bentuk statistik dan dalam bentuk kupasan-kupasan yang juga objektivitinya itu ada dan dia sendiri pun tidaklah akan goyang kaki dengan penemuan-penemuan yang telah dibuat oleh badan antarabangsa ini. Saya juga tidak bersetuju kalau sekiranya kita hanya semata-mata mempertahankan diri kita yang bersifat proaktif tetapi dalam masa yang sama kita harus menyusun langkah *to re-position ourselves*, dengan izin, untuk kita menentukan langkah-langkah untuk bergerak ke hadapan.

Dalam konteks ini saya ingin tarik perhatian fungsi utama universiti bukan sekadar mengajar, bukan hanya semata-mata *teaching* tetapi dalam masa yang sama adalah untuk

kita menemui perkara-perkara baru, dengan izin, *teaching and discovering*. Maka dalam konteks ini, semua universiti-universiti harus sentiasa siap siaga dari segi R&DC - dengan izin – *Research and Development and Commercialization*. Dalam konteks ini saya ingin menyebut beberapa kali bahawa universiti kita perlu mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi luar, dengan swasta supaya hasil penyelidikan yang dilakukan di peringkat universiti itu boleh dijual dan boleh mendatangkan keuntungan kepada universiti agar universiti dapat *sustained*, agar universiti dapat berdiri sendiri secara mampan.

Maka dalam konteks ini hasil-hasil penyelidikan yang dibuat oleh universiti-universiti jangan hanya tinggal sebagai penyelidikan sahaja, *research* sahaja tetapi harus digunakan, dijual, dimanfaatkan dan hubungan *networking* dengan agensi-agensi di luar itu harus dipergiatkan. Kepada pensyarah-pensyarah pula kalau sekiranya tidak dapat menerbitkan hasil-hasil penyelidikan mereka, mereka harus dikenakan penalti-penalti tertentu. Dengan izin, "*publish or perish*" harus dijadikan sebagai satu perjuangan kita: Menulis, menghasilkan hasil-hasil penemuan baru, *new discoveries, new intellectual discoveries* ataupun mereka akan berdepan dengan risiko-risiko tertentu kerana kita tidak ada tolak ansur lagi. Universiti kita ini harus diletakkan sebagai *an intellectual power house*.

Apa yang berlaku sekarang ini dengan *ranking* dunia ke atas universiti kita semua universiti-universiti hendaklah sentiasa siap *siaga* dengan cabaran-cabaran dunia global. Meskipun saya lihat penilaian telah dibuat di peringkat antarabangsa ini tidak begitu adil kerana *ranking* universiti itu bukan kita menilai dalam bentuk yang konkrit segala-galanya. Banyak hasil-hasil universiti yang dididik ini adalah dalam sifat yang, dengan izin, *intangible element* ataupun faktor-faktor yang *intangible*. Sebab itulah saya kira Universiti Malaya melalui *vice chancellor* nya cuba memberi satu penjelasan kepada khalayak dan kepada masyarakat tentang kriteria-kriteria, tentang kelemahan-kelemahan penilaiannya itu.

Namun dia sendiri pun tidak akan bergoyang kaki sahaja, malah dia akan mengambil tindakan dan saya kira dalam tindakan-tindakan ini harus disemak beberapa perkara. Pertamanya dari segi kurikulum akademik, keduanya kebebasan-kebebasan *intellectual*, dalam masa yang sama *autonomy* kepada universiti juga harus diberikan oleh kementerian, tidak pula senantiasa kita mengongkong ataupun, dengan izin, bahasa Inggeris *micro manage university* ini.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Ruang dan peluang kebebasan, dan juga geran untuk penyelidikan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gerik bangun, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail:harus diberi secara bebas untuk ditentukan secara *intellectual* dan profesional oleh ahli-ahli universiti.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Pengerusi, pertanyaan saya ini mengenai penyelidikan. Markah Universiti Malaya itu kurang daripada Singapore, Singapore mendapat 94%, tinggi tetapi penyelidikannya 75% adalah warga asing. Manakala penyelidik-penyelidik kita 95% adalah anak warga tempatan dan sentiasa mendapat *gold medal* di Geneva dan ada yang menjadi penasihat dalam hal tenaga suria di Timur Tengah dan sumbangan seperti UKM yang baru berusia setahun jagung tetapi mendapat tempat yang baik - 91 daripada 30,000 - di dunia dalam bidang sains dan ini mengajar dalam bahasa Melayu. Yang mana yang baik? Singapore itukah atau negeri-negeri di Malaysia inilah? Walaupun rendah sedikit penyelidikannya tetapi 95% adalah warga kita sendiri? Mana yang kita hendak banggakan? Malaysialah.

Dato' Razali bin Ismail: Syabas di atas kejayaan-kejayaan ini, malah saya kira universiti-universiti kita harus menggerakkan lagi penyelidikan supaya kita dapat menemui - dengan izin - *the body of indigenous knowledge* di sini iaitu ilmu-ilmu berasaskan, bersendikan kepada hasil penyelidikan-penyelidikan *local* agar kita dapat mempamerkan dan menjual di peringkat antarabangsa.

Syabas di atas kejayaan penyelidik-penyelidik universiti tempatan kita tetapi kita jangan leka dalam konteks ini, kita tidak boleh leka, kita hendaklah sentiasa *alert*. *Be alert*, siap siaga untuk terus melakukan penyelidikan kajian, saya kira potensi-potensi yang ada di universiti kita sudah baik tetapi tinggal lagi mereka tidak boleh goyang kaki, dengan izin, saya sebut, tidak goyang kaki sahaja tetapi harus bergerak....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup masa Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: ...ke depan untuk kita memastikan kualiti sentiasa kita perolehi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup masa.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih.

12.12 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 040000 iaitu Institut Pengajian Awam untuk IPTA. Di sini saya ada satu persoalan yang hendak tanya kepada kementerian.

Baru-baru ini kementerian telah mengumumkan bahawa kementerian ataupun IPTA di negara ini akan menawarkan sekurang-kurangnya 5% kepada pelajar-pelajar daripada luar negara dengan alasan bahawa pelajar-pelajar daripada negara yang kita memiliki hak untuk mengeksploitasi petroleum ataupun perkara bekalan sebagai satu sosial *obligation* kepada pelajar-pelajar negara tersebut. Saya hendak tanya adakah ini masa yang sesuai untuk menjalankan satu strategi macam ini untuk menawarkan tempat-tempat tertentu kepada pelajar yang di luar negara, kerana pada masa yang sama kita boleh tahu setiap tahun kita mempunyai masalah untuk menampung pelajar-pelajar cemerlang kita daripada negara kita sendiri. Dan adakah ini bermakna bahawa kita ini telah memberikan tumpuan ataupun keutamaan kepada pelajar-pelajar dari luar negara di mana kita sendiri mengalami tempat yang sesuai untuk kursus-kursus yang kritikal?

Tambahan lagi mengikut beliau bahawa akan membelanjakan sebanyak RM131 juta untuk program ini.. Bukankah kita boleh menjimatkan kos ini untuk memperkasakan lagi kursus-kursus yang kritikal di dalam negara kita untuk negara ataupun untuk pelajar-pelajar kita? Saya hendak sedikit penjelasan daripada kementerian mengenai perkara ini. Pada masa ini, kalau kita menawarkan 5% kepada pelajar-pelajar ini, ini bermakna ada kekurangan 5% terpaksa kita menghantar pelajar di luar negara ataupun kita terpaksa mengurangkan *enrolment* sebanyak 5%. Bukankah ini satu kerugian kepada kita? Kalau kita hantar 5% daripada pelajar ke luar negara, ini bermakna kita terpaksa belanja lagi, kerajaan kita terpaksa belanja lagi ke luar negara. Ini satu persoalan yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian.

Perkara yang kedua dalam butiran yang sama iaitu mengenai *ranking*, universiti dan sebagainya. Telah banyak perbincangan tadi telah dilakukan dan saya di sini saya ingin mencadangkan kepada kementerian bukankah kita in boleh memberi satu strategi pengkhususan, yang fokus. Maksud saya seperti di universiti-universiti yang termasyhur dalam dunia ini di mana mereka terkenal kerana mereka ini khusus dalam sesuatu bidang.

Sebagai contoh kalau kita cakap Harvard kita tahu dia MBA ataupun *Business Administration*, kalau kita cakap Stamford di LA kita tahu apakah khususnya, MIT kita tahu apa khususnya ataupun Cambridge and Oxford, bolehkah kita ini sekarang kita ada sebanyak lebih kurang 17 IPTA dan harapan tahun hadapan dapat 18 lagi. Kita mesti membuat satu strategi. Langkah yang pertama di mana kita mesti menggembelngkan semua sumber-sumber tenaga dan juga kewangan supaya aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D dapat dioptimumkan. Sebagai contoh kita boleh mengkhususkan sebagai MU, mungkin mereka mempunyai daya saing dari segi undang-undang, perubatan ataupun *engineering*. Dan USM kita boleh mengkhususkan untuk *pharmacies*, kedoktoran dalam perubatan dan UKM dia *specialist* dalam kursus-kursus yang lain supaya penggunaan sumber manusia atau kewangan kita tahap yang minimum. Dan ini juga secara langsung

akan meningkatkan lagi kualiti pelajar dan juga pengkhususan meningkatkan produktiviti universiti tersebut.

Akhir sekali ialah dengan ini secara langsung akan menaikkan nama baik dan juga reputasi IPTA-IPTA di negara kita. Dan saya ingin mendapat sedikit pandangan daripada kementerian bahawa cadangan ini dan kalau boleh kita boleh memberi sedikit perhatian kepada ini.

Perkara yang ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai Butiran 04800 iaitu mengenai Kolej Komuniti. Kalau kita baca strategi kementerian yang strategi ketiga iaitu memberikan pengetahuan asas pendidikan teknikal dan vokasional kepada lepasan SPM atau masyarakat awam yang berminat. Saya beberapa kali sudah bangkitkan bahawa terutama di kawasan saya di kawasan Puchong di mana kita tidak kurang dari 13 sekolah menengah di mana sekurang-kurangnya sekarang sudah ada 2,500 orang pelajar lepasan SPM yang di mana mungkin *half* atau 50% ini tidak akan melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Dan saya berharap juga kerana golongan ini adalah merupakan golongan pelajar ataupun golongan tenaga kerja yang potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya gulung Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Dan ini juga adalah merupakan satu kumpulan yang mungkin potensi untuk memberikan banyak masalah sosial kalau kita tidak memberikan perhatian yang sepenuhnya. Saya hendak tahu bilakah rancangan ataupun satu strategi satu rancangan untuk membina Kolej Komuniti di kawasan Puchong dapat dijalankan. Saya harap kalau boleh mempercepatkan lagi pembinaannya kerana tidak terlambat lagi. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang.

12.18 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi Butiran 03000 - Jabatan Pendidikan Swasta. Pihak kementerian telah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa lebih 40,000 pelajar-pelajar asing sedang menuntut di IPTS di negara kita ini. Ini menunjukkan bahawa keyakinan dan kepercayaan pelajar-pelajar asing terhadap sistem pendidikan pengajian tinggi di negara kita. Walaupun bilangannya masih belum mencukupi maka itu pihak kementerian perlu menggalakkan IPTS-IPTS untuk memperluas lagi tawaran masuk daripada pelajar-pelajar asing supaya untuk menambahkan bilangan supaya mereka mendapat pendidikan pengajian tinggi di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang berlaku di IPTS. Saya difahamkan bahawa sehingga kini lebih 560 IPTS telah diwujudkan di negara kita tetapi terdapat juga semasa tawaran kemasukan pelajar ada difahamkan bahawa setengah-setengah pelajar asing datang ke Malaysia walaupun dia memegang permit atau visa pelajar tetapi tidak mendaftarkan ke IPTS-IPTS yang ditawarkan itu. Mereka datang ke Malaysia hanya menggunakan permit pelajar itu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain. Maka adakah pihak kementerian dapat angka yang sebenarnya daripada IPTS-IPTS yang berkenaan untuk memaklumkan kepada pihak kementerian supaya berapa jumlah pelajar-pelajar asing telah ditawarkan tetapi tidak didaftarkan di IPTS tersebut. Supaya pihak kementerian boleh memantau cara mana untuk menjaga aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar asing yang menggunakan permit itu tidak menuntut di IPTS-IPTS tersebut. Jadi ini pentingnya kerana mereka sedang menjalankan aktiviti yang luar daripada pendidikan itu akan menjejaskan imej negara kita.

Dan juga lagi satu kelemahan berlaku iaitu IPTS-IPTS itu yang wujudnya begitu banyak di negara kita tetapi terdapat IPTS-IPTS yang telah pun gagal menjalankan tugasnya dan ditutup. Maka apa sebabnya berlaku demikian jumlah IPTS-IPTS sepanjang masa ini telah ditutup. Kalau pendaftaran IPTS begini mudah dan juga begitu mudah juga ditutup. Ini apa sebabnya berlaku kalau terdapat demikian akan juga menjejaskan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau kita ini. Kita tidak akan mencapai sasaran atau matlamat yang dicita-citakan pada masa ini supaya negara kita capai sebagai pusat

kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Ini patutnya pemantauan dari pihak kementerian terhadap IPTS-IPTS itu begitu lemah dan terpaksa ditutup. Ini ada satu masalah sentiasa dapat dimantau dan dapat diperhatikan supaya IPTS-IPTS yang diwujudkan tidak semudah untuk ditutup. Tuan Pengerusi satu lagi saya minta penjelasan daripada pihak

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat ya.

Dato' Yap Pian Hon:satu lagi iaitu 02000 - Kolej Tuanku Abdul Rahman. Sepanjang masa ini kolej ini telah menghasilkan ramai graduan-graduannya berkualiti untuk menyumbangkan kepada tenaga manusia di negara kita ini. Sepanjang masa ini iaitu dari 2001 hingga 2004 ini kerajaan telah memperuntukkan RM28 juta supaya untuk memberi bantuan kewangan kepada kolej tersebut. Tetapi tahun ini tidak ada peruntukan apa sebabnya? Saya harap pihak kementerian supaya terus untuk memberi bantuan kepada Kolej Tuanku Abdul Rahman seperti bantuan kewangan daripada universiti-universiti dan kolej-kolej di negara kita ini di mana Kolej Tuanku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam pendidikan sepanjang masa ini. Minta penjelasan sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bandar Kuching.

12.23 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua perkara yang saya ingin sentuhkan pertamanya ialah mengenai aduan yang telah saya terima daripada ramai graduan-graduan daripada universiti awam bahawa di dalam universiti semasa mereka masih belajar dalam universiti setiap tahun sebelum peperiksaan akhir tahun ada satu *special tutorial class* yang akan diadakan untuk mahasiswa-mahasiswa bumiputera sahaja. Di mana *tips* peperiksaan, soalan peperiksaan akan diberikan walhal mahasiswa-mahasiswa yang bukan bumiputera tidak akan layak atau tidak akan diberi *special tutorial class*. Adakah ini benar atau tidak benar kerana aduan ini bukan daripada satu orang, dua orang sahaja. Aduan ini dari ramai, *almost all the graduates from UM* telah memberitahu saya mengenai keadaan begitu. Adakah ia salah satu sebab kemerosotan universiti kita?

Masalah yang kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai tuduhan-tuduhan yang dibawa ke atas mahasiswa-mahasiswa UPM kerana atas alasan bahawa mereka telah membentangkan satu memorandum ke SUHAKAM menyeru supaya pilihan raya kampus dijalankan lebih adil dan bebas. Saya anggap bahawa kementerian haruslah menggugurkan tuduhan-tuduhan atas mereka kerana mereka itu adalah pemuda-pemuda yang berminat dalam politik dan di universiti ada tempat yang terbaik untuk melatih seorang menjadi ahli politik. Dan kita haruslah menggalak pemuda-pemuda dan mahasiswa-mahasiswa supaya melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti politik supaya lain kali selepas mereka *graduate* mereka dapat pengalaman dan akan berminat dalam bidang politik. Masalah yang dihadapi dalam masyarakat kita sekarang adalah pemuda-pemuda mereka tidak berapa.....

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Mengenai perkara pertama sebab saya 30 tahun di universiti sebagai kakitangan pensyarah dan belum pernah saya dengar bahawa adanya perkara seperti ini mengatakan bahawa pelajar-pelajar Melayu diberi tips oleh pensyarah Melayunya. Jadi itu *hearsay*, cakap dengar kita tidak mahu dengar di sini kita mahu tahu bila tarikhnya, siapa pensyarahnya dan di mana? Barulah saya rasa kita boleh menerima perkara ini. Jangan kita buat andaian dan tuduhan sahaja. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu adalah aduan yang saya terima daripada *graduate-graduate* dari universiti awam dan saya membentangkan soalan itu kepada kementerian. Yang Berhormat bukan seorang Menteri, bukan Timbalan Menteri bukan Setiausaha atas apa *on what capacity* awak *answer* itu soalan? Tidak ada, tidak ada, oleh itu saya harap, itu saya membentangkan satu soalan kepada kementerian.

Keduanya adalah yang saya ucap tadi bahawa kita haruslah galak menggalakkan pemuda-pemuda, mahasiswa-mahasiswa supaya melibatkan mereka dalam bidang politik kerana itu adalah *cream the cream of our society*. Kita tidak mahu itu *second class, third class talent*, menceburi bidang politik kerana politik akan menentu arah dan pembangunan negara kita. Oleh itu saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen:menyeru supaya kementerian menggugurkan tuduhan atas mahasiswa-mahasiswa itu. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rembau.

12.28 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada kepala 50000 - Politeknik. Tuan Pengerusi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri pada tahun hadapan berapakah bilangan pelajar yang akan diambil untuk memasuki 20 Politeknik yang ada di seluruh negara kerana pada tahun ini saya difahamkan cuma 58,925 orang sahaja pelajar yang diambil. Sedangkan kita sedia maklum pada tiap tahun ada lebih 400,000 pelajar yang menduduki SPM misalnya pada tahun lepas ada 416,741 orang, pelajar yang layak mendapat sijil 324,590 orang. Dan mereka yang dapat masuk ke matrikulasi dan juga IPTS-IPTS yang lain dianggarkan sekitar 50,000 ke 60,000 bermakna ada lebih 250,000 lagi pelajar yang tidak dapat ke mana-mana. Jadi saya sarankan supaya pihak kementerian menambahkan lagi bilangan pelajar ke Politeknik ini memandangkan pelajar-pelajar lulusan Politeknik ini sangat *marketable* malah saya difahamkan lebih 90% daripada pelajarnya mendapat pekerjaan sama ada di sektor kerajaan ataupun swasta sebaik sahaja mereka *graduate*. Dan bayaran ke Politeknik pun agak murah cuma RM260 bagi satu semester termasuk untuk tempat tinggal.

Selain daripada itu saya juga nak mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan lebih banyak lagi Politeknik sekarang cuma ada 20 dan pada tahun depan saya difahamkan ada tujuh termasuk empat dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan tiga untuk projek baru. Jadi saya nak sarankan supaya pihak kerajaan mengadakan Politeknik di tiap-tiap daerah di seluruh negara untuk menambahkan lagi bilangan *sub-professional* kerana kita sedia maklum sekarang ini bilangan *sub-professional* seperti *technical assistant, technician* sangat kurang jika dibandingkan dengan bilangan profesional yang ada.

Jadi kalau boleh *target* kita bagi tiap-tiap satu profesional seperti *engineer* mestilah ada sekurang-kurangnya dua atau tiga *technician*. Jadi dalam masa yang sama juga saya harap dapat kiranya pihak kementerian memberikan butiran mungkin berapakah jawatan-jawatan yang memerlukan kelulusan diploma yang masih lagi kosong di jabatan kerajaan.

Perkara yang kedua ialah soal Butiran 80000 - Kolej Komuniti. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah bilangan Kolej Komuniti yang telah dibina sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan, berapakah yang telah berjalan sepenuhnya dan berapakah pengambilan pelajar dan berapa yang belum berjalan kerana masalah-masalah tertentu. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kemaman.

12.31 tgh.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pengajian Tinggi Butiran 010000 - Pengurusan, 020000 - Jabatan Pendidikan Tinggi, 030000 - Jabatan Pendidikan Swasta. Saya ingin bertanya pada pihak kementerian kenapakah dari segi anggaran belanjawan kita pada tahun ini kelihatan begitu berkurangan. Misalnya pengurusan telah merosot daripada RM81 juta, lebih kurang RM81 juta kepada RM69 juta bagi tahun 2006, mengenai Jabatan Pendidikan Tinggi, perbelanjaan RM33 juta lebih dalam tahun 2005 kepada RM32 juta sahaja merosot juga bagi Jabatan Pendidikan

Swasta daripada RM17 juta hampir RM18 juta bagi tahun 2005 kepada RM14 juta lebih bagi tahun 2006.

Kalau dilihatkan dari segi anggaran begini, ia memperlihatkan bahawa kerajaan sekarang ini mengecilkan perbelanjaannya bagi Kementerian Pengajian Tinggi dan saya memerlukan satu rasional yang munasabah yang patut diberikan kenapa begitu ketara pengecilan dari segi perbelanjaan sedangkan kita rasakan bahawa Pengajian Tinggi adalah satu aspek yang paling penting dalam melahirkan mahasiswa dan melahirkan tenaga kerja dan melahirkan tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang yang berkaliber daripada negara kita.

Lebih-lebih lagi sebagaimana yang saya sebutkan sebelum ini apabila kita telah mengubah dasar pelajaran kita dalam tahun 1993 yang menjadikan dengan hasrat untuk menjadikan negara kita sebagai hub pendidikan, ertinya bukan sahaja kita tidak mahu pelajar kita keluar ke negara lain dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan pendidikan tetapi bukan sahaja kita menyekat mereka keluar, kita mahu mereka belajar dalam negara kita sendiri dan lebih pada itu kita mahu pelajar-pelajar daripada negara-negara lain khususnya negara jiran dan sebagainya datang ke negara kita kerana kita dapat menjanjikan bahawa kita mampu untuk menjadi alternatif kepada negara-negara lain yang terkenal dengan institusi pendidikan sama ada Australia, Amerika, Great Britain dan negara-negara lain.

Saya kirakan bahawa untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan perlu berbelanja dari segi promosinya, saya tidak tahu apakah kita melaksanakan kerja-kerja mempromosikan negara kita dari sebagai hub pendidikan. Kalau Great Britain mempunyai British Councilnya bukan sahaja untuk menyebarkan pendidikan bahasa Inggeris malahan ia menjadi sebagai tempat hentian setempat untuk sesiapa sahaja ingin mengetahui tentang institusi pendidikan negara mereka datanglah ke British Council, kalau Amerika ada MESInya dan negara-negara lain ada.

Jadi saya ingin tahu apakah kita juga menyediakan kemudahan yang sama seperti MATRADE ada, atache perdagangan kita, ada atache dalam ketenteraan kita dan sebagainya di kedutaan-kedutaan kita di luar negara, apakah kita juga mempunyai satu tempat untuk mempromosikan negara kita dari segi sistem pendidikan dan kebolehan-kebolehan yang ada pada kita. Saya percaya walau bagaimanapun promosi ada batasnya tetapi yang menentukan sama ada orang datang atau tidak datang ialah reputasi kita sendiri, reputasi universiti-universiti kita, reputasi institusi pendidikan kita dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berkemampuan dan sudah tentulah reputasi ini bergantung pertamanya, jumlah penyelidikan yang telah kita hasilkan, yang tertera, yang dicetak yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa yang diterima oleh orang umum.

Nama-nama profesor kita, kadangkala orang pergi ke Harvard ataupun universiti yang tertentu di luar negara dalam bidang yang tertentu bukan kerana universitinya tetapi kerana di sana ada mahagurunya, ada profesor yang dikagumi dan orang pergi ke sana untuk belajar dengan profesor ini walaupun nama universiti itu tidaklah terkenal mana tetapi adanya tokoh-tokohnya yang menjadikan orang datang untuk belajar dengannya. Kemudiannya kualiti pelajarannya. Akhirnya kualiti pelajar setelah keluar daripada universiti. Saya sudah menyebut perkara ini dan saya berterima kasih apabila kerajaan akan mengkaji kembali Akta Universiti dan Kolej Universiti tetapi ada baiknya kita ulangkan lagi bahawa akhirnya yang mencernakan soal kepimpinan mahasiswa itu ialah universiti itu sendiri.

Tidak ada gunanya kita menegaskan memerlukan 10 A, 12 A, menjadi prasyarat untuk masuk ke universiti kita tetapi apabila mereka keluar, kemampuan mereka sebenarnya, personalitinya, karakter ataupun sifat-sifatnya sendiri tidak mencerminkan bahawa mereka seorang mahasiswa yang mempunyai kebolehan yang luar biasa, kepimpinan yang bersifat versatil, menjadi manusia yang mempunyai *round personaliti*, dengan izin Tuan Pengerusi dan sebagainya. Sebab itulah saya tekankan apabila ada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang sentiasa menekankan tentang prosedur bukannya soal kepimpinan tetapi menekankan soal prosedur bagi mahasiswa untuk menjalankan aktivitinya, menjalankan kerja-kerja meningkatkan kepimpinannya, sebagainya ianya adalah perkara yang perlu ditekankan di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sebab itulah saya akhirnya saya katakan bahawa pentingnya peruntukan-peruntukan khusus kepada universiti bukan sahaja dalam soal menggalakkan penyelidikan, membina keupayaan pengajarannya tetapi peruntukan-peruntukan khusus dalam pembinaan sahsiah keperibadian mahasiswa untuk menjadi pemimpin. Bila saya katakan pemimpin bukan sahaja sebagai pemimpin politik sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuching tetapi pemimpin, korporat kepimpinan dalam bidang dia, dalam undang-undang, dalam teknologi sains dan sebagainya yang perlu kita lahirkan ialah pemimpin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya hendak Menteri kementerian jawab sebelum pukul 1.00. Kalau boleh Yang Berhormat ringkaskan jawapan. Saya bagi Kuala Pilah.

12.38 tgh.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil ringkas sahaja, singkap daun ambil buahnya sahaja iaitu saya ingin kemukakan soal janji pihak kementerian yang lama dahululah berkenaan dengan penubuhan kampus tetap UiTM di Negeri Sembilan. Sebenarnya perkara ini telah lama disebut, telah lama dibangkitkan dan pihak kerajaan negeri telah pun mengenal pasti tapak untuk didirikan kampus UiTM ini, namun malangnya sehingga hari ini kampus tersebut masih belum lagi didirikan. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk bertanyakan kepada pihak kementerian, bilakah sebenarnya kampus UiTM di Kuala Pilah ini dapat dibina.

Saya sebutkan ini kerana di negara Malaysia, negeri yang belum ada mempunyai kampus tetap UiTM ialah di Negeri Sembilan. Oleh sebab itu saya mengharapkan usaha ini dan juga pengumuman ini akan dapat dibuatlah oleh pihak menteri sendiri tentang bila nak ditubuhkan UiTM Negeri Sembilan di Kuala Pilah ini. Saya sebutkannya dulu sebab kita bercadang dulu untuk menjemput pihak menteri sendiri datang ke Kuala Pilah mengumumkan satu perkara yang sangat baik ini kerana ini adalah merupakan janji politik kerajaan kita. Selain daripada berkehendakkan jawapan ataupun penjelasan tarikh sebenar pembinaan UiTM itu, saya juga ingin merayu supaya pihak menteri sendiri dapat turun padang dan menemui warga Negeri Sembilan khususnya Kuala Pilah untuk menerangkan keadaan sebenar ini. Sebab ini pun telah menjadi satu isu politik di kawasan Kuala Pilah. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang.

12.40 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 60000. Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, IPTS dan IPTA dia tidak perlu bersaing kalau saya boleh gunakan perkataan tersebutlah tetapi IPTS dan IPTA perlu saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain sebagai memenuhi konsep persyarikatan Malaysia tetapi yang berlaku Tuan Pengerusi ialah saya perhatikan Lembaga .Akreditasi Negara (LAN) ini dia tidak ada wakil daripada IPTS. Saya mungkin terfikir supaya setiap IPTS ada badan dia sendiri persatuan atau apa, kemudian ada wakil dalam LAN tersebut tetapi yang berlaku sekarang tidak ada malahan kalau kita tengok seolah-olah berlaku persaingan di antara IPTA dan IPTS, seolah-olah berlaku perebutan pelajar di antara IPTA dan IPTS masing-masing pada pandangan saya ada kepentingan sendiri.

Tentang peranan LAN ini, saya ambil satu contoh. Pertama, saya nak ucapkan tahniah kepada *International University of Central Europe in Sarajevo* yang telah pun ditubuhkan oleh rakyat seorang anak Malaysia yang telah mendapat kerjasama penuh daripada Menteri Bosnia Herzegovina yang akan beroperasi pada 1 Januari 2006 yang akan memerlukan kursus *Bachelor of International Accounting* tetapi Tuan Pengerusi, universiti ini belum pun mendapat ataupun mungkin dia sudah *give up* dengan LAN ini kerana LAN mengarahkan pihak universiti ini untuk menubuhkan cawangannya di Malaysia, mendapatkan satu pengiktirafan daripada JPA.

Saya terfikir JPA letaknya di mana LAN di mana. Sepatutnya LAN mengiktiraf JPA tetapi LAN mengharapkan pengiktirafan daripada JPA. Pada pandangan saya sepatutnya perkara-perkara yang remeh ini boleh diselesaikan di dalam ruang lingkup Lembaga Akreditasi Negara bukannya di pihak lain. Sepatutnya perkara-perkara tersebut tidak berlaku. Tuan Pengerusi, kalau kita hendak menyuburkan negara Malaysia sebagai pusat Pengajian Tinggi dalam negara kalau kita bercita-cita ke arah itu oleh yang demikian Tuan Pengerusi, perkara ini serius dan pada pandangan saya sewajarnya sudah sampai masanya mungkin, sudah sampai masanya Lembaga Pengarah LAN ini dianggotai oleh wakil daripada IPTS. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh.

12.42 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 - Institusi Pengajian Tinggi Awam. Tuan Pengerusi, mengikut laporan Bernama pada 30 November 2005, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi mengumumkan bahawa dia akan meningkatkan jumlah pegawai pendidikan di Australia demi menangani bilangan rakyat Malaysia yang belajar di sana semasa beliau berucap dengan sekumpulan pelajar Malaysia di sini. Laporan tersebut menyatakan bahawa hampir 20000 anak Malaysia tengah belajar di Australia dan memang susah bagi kerajaan untuk menjaga kebajikan dan keselamatan mereka kerana pelajar-pelajar ini berselerak di seluruh Australia.

Mengikut Yang Berhormat Menteri beliau akan meletakkan pegawai Malaysia di tempat yang strategik untuk meningkatkan keberkesanan dari segi membantu pelajar Malaysia. Kenyataan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini telah pun mengelirukan kita bahawa apakah matlamat ataupun objektif sebenar kerajaan untuk melantik pegawai pendidikan di luar negara. Saya difahamkan bahawa setiap pegawai yang pergi ke luar negeri bukan pergi dengan seorang diri tetapi mereka pergi dengan keluarga mereka. *Posting* jawatan mereka sebenarnya memakan perbelanjaan sebanyak RM100,000 sehingga RM300,000 seorang setiap tahun.

Di luar negeri, tanggungjawab pegawai pendidikan adalah untuk rekrut lebih pelajar asing untuk belajar di negara masing-masing tetapi anehnya Kementerian Pengajian Tinggi kita melantik pegawai pendidikan di luar negara demi menjaga kebajikan pelajar Malaysia khususnya demi menjaga kepentingan pelajar dari UMNO. Saya ingin mengambil satu contoh iaitu satu program yang dianjurkan oleh Kelab UMNO di Canberra dengan *Malay Student Association of Canberra (MASAC)* pada 10 April 2004 di kedutaan Malaysia di Canberra, Australia. Program ini termasuk topik kesedaran politik dan kepentingannya oleh pengarah MSDA, Tuan Haji Musa bin Mansur.

Persoalannya ialah kenapakah topik tentang kesedaran politik diberikan? Manakala Akta Universiti dan Kolej Universiti kita mengehadkan pelajar kita untuk menyertai politik. Adakah pelajar Malaysia di luar negeri digalakkan untuk menyertai politik manakala pelajar Malaysia tempatan dihadkan kebebasannya untuk menyertai politik? Kini terdapat beberapa pelajar di beberapa universiti tempatan telah pun menghadapi masalah dengan pihak universiti kerana autoriti universiti memarahkan mereka kerana mengkritik campur tangan pihak universiti dalam pemilihan majlis perwakilan pelajar dalam kampus.

Selain itu, apabila pelajar aktivis ini mengadakan tunjuk perasaan di luar Parlimen dan membentangkan memorandum mereka kepada SUHAKAM, kepada Ahli Parlimen, pihak universiti pula menambah lebih tuduhan kepada mereka sehingga adanya pelajar dikenakan tujuh hingga lapan dakwaan daripada pihak universiti masing-masing. Apakah yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dalam hal yang berkaitan dengan penyekatan kebebasan pelajar? Saya merasa kesal kerana Yang Berhormat Menteri kelihatan menyokong tindakan pemerasan pihak universiti terhadap pelajar tempatan kita dan menghendaki mereka berkelakuan sebagai pak turut kepada pihak universiti dan kerajaan.

Saya ingin tanya, kenapakah *double standard* dipraktikkan oleh pihak kementerian di mana pelajar Malaysia di luar negeri diberi kursus kesedaran politik manakala tindakan

sebaliknya dikenakan pada pelajar tempatan kita. Sehubungan dengan itu kenapakah Kementerian membenarkan Biro Tatanegara untuk mengadakan latihan yang penuh dengan isi kandungan perkauman dan keagamaan yang agak ekstrem kepada pelajar Melayu dan kenapakah pihak Kementerian membenarkan Putera UMNO dan Puteri UMNO untuk beroperasi dan mengadakan *recruitment* di kampus universiti kita? Manakala pelajar aktivis di kampus ditekan hanya kerana mereka agak kritikal terhadap pihak autoriti universiti. Bukankah ini juga merupakan *double standard* kerajaan terhadap pelajar di universiti tempatan?

Tuan Pengerusi, pelajar di universiti dan kolej kita adalah merupakan orang dewasa dan ada di antara mereka malah mencapai umur 50 tahun ke atas. Kenapakah pelajar dewasa yang berfikiran matang ini dihalang untuk mengadakan aktiviti ikut suka hati mereka dan menyertai persatuan dan parti politik? Manakala Putera UMNO dan Puteri UMNO pula dibenarkan untuk wujud dan beroperasi. Jadi saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi satu jawapan tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah berkali-kali menyatakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi di Asia Tenggara ataupun di Asia. Walaupun kita harus tanya apakah tarikan universiti terhadap pelajar di luar negeri, adakah kita mempunyai standard akademik yang paling tinggi berbanding dengan universiti jiran kita seperti universiti di Singapura dan di Filipina ataupun adakah kos pembelajaran di universiti tempatan lebih murah daripada universiti di negara asal pelajar asing ataupun universiti jiran kita supaya universiti kita boleh menjadi lebih kompetitif.

Lihatlah cara Universiti Malaya melayan pelajar asingnya. Pihak Universiti Malaya telah pun membina *Millennium Court* yang dibina oleh Pasak Kukuh Development Sdn. Bhd. *Millennium Court* mempunyai empat tingkat dan mempunyai 1,256 bilik yang mempunyai kelengkapan sepenuhnya kepada pelajar asing. Tetapi mereka dikenakan sewa bilik yang sangat tinggi. Di bawah adalah kadar sewa bilik-bilik ini:-

<i>Single Occupancy Room</i>	RM630
<i>Deluxe Twin Sharing Room</i>	RM450
<i>Standard Twin Sharing Room</i>	RM310
<i>Standard Triple Sharing Room</i>	RM240

Pelajar asing yang belajar di universiti tempatan biasanya dari negara yang lebih miskin seperti dari Myanmar, India, China, Cambodia, Afrika dan sebagainya. Jadi bukannya kadar sewa yang sebanyak RM630 satu bilik sebulan ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim:agak tinggi bagi pelajar asing.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:dari negara yang agak miskin. Selain itu, pihak universiti tidak membekal bas *shuttle* dari asrama ke kampus universiti sehingga pelajar asing ini terpaksa berjalan kaki selama setengah jam untuk pergi ke bangunan fakulti mereka.

Di sini, saya juga ingin tanya macam mana syarikat Pasak Kukuh Development Sdn. Bhd mendapat kontrak *Millennium Court* dan kenapakah pelajar asing ini dilihat sebagai *cash flow* bagi pihak Kementerian dan juga Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Titiwangsa.

12.49 tgh.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Universiti Putra Malaysia yang pada asalnya bernama Universiti Pertanian Malaysia. Pada tahun 90-an nama telah ditukar kepada Universiti Putra Malaysia dan selaras dengan pertukaran nama ini telah diwujudkan Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa dan dalam masa ini jabatan ini telah dapat berkembang dan sehingga sekarang banyak peralatan telah dipasang dan tenaga pengajar juga telah bertambah daripada yang asalnya hinggalah sekarang. Kalau tidak salah saya lebih kurang ada 20 profesor.

Pada tahun bulan Disember 2004 telah dibuat satu keputusan untuk menyelaras semula jabatan-jabatan di universiti-universiti di mana Universiti Putra Malaysia ini harus diberi penekanan untuk pertanian dan telah dibuat keputusan untuk memindahkan Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa kepada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saya di sini ingin menyeru pihak kementerian untuk menimbang semula keputusan ini kerana banyak peralatan telah dipasang di Universiti Putra Malaysia dan kalau memindahkannya agak kerugian barang-barang yang telah dipasang dan di Universiti Kebangsaan Malaysia pula di mana ianya disasarkan pemindahan ini, di sana hanya ada satu kursus iaitu kalau tidak salah saya, *Aerospace Physic*, dengan izin. Jadi kalau dibuat perkara ini saya rasa kita dalam keadaan yang berkurangan *resources* dan agak kerugian.

Jadi untuk menjimatkan apa yang telah dibelanjakan dan kita mencari satu *win-win situation*, elok juga kementerian menimbangkan supaya di Universiti Putra Malaysia diteruskan kursus pra siswazah dan diwujudkan pula pengajian siswazah dan penyelidikan Aeroangkasa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pihak tenaga pengajar dari Universiti Putra Malaysia bolehlah dipinjamkan secara *visiting professor* atau *adjunct professor* kepada UKM. Dengan tindakan ini saya rasa kita boleh mewujudkan *win-win situation* dan tidak merugikan apa yang telah diwujudkan di Universiti Putra Malaysia. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

12.51 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, dengan ringkas iaitu halaman 612, 040000 dan juga halaman 613 iaitu 060000. Tuan Pengerusi, yang penting sekalinya walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah mengaturkan begitu baiknya kita mengawalkan kualiti pengajian tinggi di seluruh negara.

Saya nampak ada usaha seperti LAN (Lembaga Akreditasi Negara) yang memainkan peranan. Kita menggalakkan supaya LAN melantik orang-orang yang cukup berkualiti dan kalau kita nampak di pejabatnya di *new town* PJ itu, ia kecil sahaja. Itu menunjukkan bilangan anggota untuk LAN itu tidak cukup. Tidak cukup. Memang tidak cukup. Macam mana LAN dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk mengawal dan memantau semua institusi pengajian tinggi di negara ini. Tambah pula pihak kementerian sendiri walaupun ada usaha, ada ikhtiar untuk memastikan kualiti pendidikan di negara ini adalah tinggi tetapi oleh kerana skop yang luas, kerjanya belum sampai ke tahap yang boleh memuaskan.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya kita adakan *Total Quality Assessment* dan *Quality Assurance Agency*, TQA dan QAA dan ini tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma hendak mempertahankan kedudukan sahaja tapi jawapan itu tidak ada. Memang tidak ada langsung. Sebab itulah saya sekali lagi mengulang cadangan saya supaya kita memantapkan LAN dan juga sistem kawalan pemantauan di dalam kementerian, yang pertama.

Yang keduanya mengenai standard di universiti-universiti kita. Memang Tuan Pengerusi ada puak, ada mafia di sesetengah tempat di dunia ini dan di dalam universiti sekurang-kurangnya kita menghapuskan mafia itu. Kalau Yang Berhormat bagi Arau, dia tidak suka dengan mafia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat tidak panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak. Tidak payah panjang. Yang Berhormat bagi Hulu Langat pun tidak suka dengan mafia di dalam universiti dan kita mestilah memastikan tidak wujudnya mafia di dalam universiti. Memang ada. Memang ada mafia itu. Kita hendak meningkatkan kualiti kaliber dan tahap universiti kita dan kita mesti mengurangkan mafia di dalam universiti. Memang kita mesti mengurangkannya.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali ini saya sekali lagi menyebutkan mengenai struktur universiti, mengenai *funding* (kewangan) universiti dan juga kualiti supaya industri pengetahuan kita (*knowledge industry*) dapat dipopularkan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya setuju bahawa pihak kementerian ada menekankan politeknik, kolej dan sebagainya memang satu ke arah yang betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi di dalam matlamat kementerian dia hendak meningkatkan peratusan kemasukan pelajar ke peringkat ijazah bagi kohot 18 ke 21.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua, tiga tahun yang dahulu kita ada 5% sahaja. Tadi dia kata 25% sudah. Saya pun kurang pasti....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:sama ada 25% atau 5% atau 10%. Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa peratus kalau berbanding dengan USA.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw:41% atau UK 31%. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Saya cuma benarkan seorang lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

12.57 tgh.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 110500 berkenaan dengan Kolej Komuniti. Kolej komuniti di negara ini yang mengikut rekod saya ada 34 buah kolej dan menawarkan 19 kursus. Oleh kerana kolej komuniti ini sepatutnya hampir dengan hati ahli-ahli masyarakat, ahli komuniti, kolej-kolej ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar lepasan sekolah untuk membangunkan potensi mereka serta memberi peluang kepada ahli masyarakat yang sudah pun bekerja untuk menambahkan kemahiran serta kepakaran.

Soalan saya, Tuan Pengerusi, mengapakah banyak di antara kolej-kolej ini hanya menawarkan satu hingga tiga kursus di tiap-tiap kolej berkenaan. Misalnya, Kolej Komuniti Sungai Petani hanya menawarkan kursus Hotel and Catering, Kolej Komuniti Bayan Baru hanya satu kursus iaitu Sistem Komputer Sokongan, Kolej Komuniti Gerik, Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Selayang, Kursus Reka Bentuk Dalaman, Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kursus Penyelenggaraan bangunan dan banyak lagi yang hanya menawarkan satu kursus atau dua kursus dan maksimum kepada tiga kursus.

Soalan saya, adakah kursus-kursus ini tidak begitu popular di kalangan ahli-ahli masyarakat dan kos yang begitu tinggi bagi mengendalikan sebuah kolej berbanding dengan hanya satu kursus yang ditawarkan bagi setiap kolej berkenaan.

Memandangkan kolej-kolej komuniti ini, Tuan Pengerusi, tidak mempunyai asrama, tidak mempunyai kemudahan tempat tinggal, makan dan sebagainya, kebanyakan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di kolej ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang berulang-

aluk dari tempat yang agak jauh yang mereka berusaha keras untuk memajukan diri dalam kepakaran masing-masing.

Saya ingin menyentuh secara khusus Kolej Komuniti Hulu Langat yang hanya menyediakan dua kursus iaitu Kursus Teknologi Maklumat dan Kursus Penyejukan dan Penyaman Udara. Satu lagi berkenaan dengan kolej ini, Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa kolej ini menumpang di sebuah sekolah menengah teknik di Kajang dan terdapat ura-ura daripada kementerian ini, Kementerian Pengajian Tinggi untuk memindahkan kolej ini masuk ke dalam kampus Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saya percaya bahawa keputusan ini, cadangan ini adalah satu cadangan yang tidak realistik, tidak membantu ahli komuniti bagi terus mempopularkan kursus-kursus di kolej komuniti ini dan saya menyeru keputusan yang dibuat untuk memindahkan Kolej Komuniti Hulu Langat ini masuk ke dalam kampus induk UKM adalah satu keputusan yang tidak realistik dan saya memohon supaya keputusan ini dibatalkan dan dikekalkan dengan kolej komuniti yang ada sekarang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

1.00 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan bajet Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ingin semasa boleh menjawab pandangan dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah mengatakan apakah sebab kolej komuniti menahkutkan kursus-kursus yang ditawarkan. Saya hendak beritahu bahawa sebenarnya tidak ada had untuk mana-mana kolej komuniti menawarkan kursus. Apa jenis kursus akan ditawarkan adalah bergantung kepada keperluan ekonomi tempatan. Seperti yang kita sedia maklum, kolej komuniti merupakan satu agensi di mana kita berharap dengan institusi tersebut ia akan menawarkan kursus pembelajaran sepanjang hayat dan juga untuk menawarkan kursus yang ada kaitan dengan aktiviti ekonomi tempatan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Jadi isu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Ya. Nanti saya habis.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan Timbalan Menteri. Memang sangat berkaitan. Ini mengenai kolej komuniti ini. Sabak Bernam sebenarnya telah menyampaikan perkara ini sudah lama bahawa kolej komuniti ini sangat baik dan ia harus selaras dengan aktiviti di peringkat tempatan. Umpamanya di Sabak Bernam, latar belakang ialah kawasan pertanian. Tetapi maknanya kursus pertanian itu sampai sekarang ini belum ada. Oleh kerana itu saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya masih ingat perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada tahun lepas dan sebab itu saya pun terus bawa perkara ini di mesyuarat kementerian. Kementerian telah menjalankan siasatan dan mendapati bahawa kursus yang ada kaitan dengan pertanian telah dijalankan oleh agensi lain seperti Jabatan Pertanian. Maka kita tidak ingin ada pertindihan dalam kursus-kursus yang ada kaitan dengan pertanian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat sambung....

Dato' Fu Ah Kiow: Sebab itu kita tidak menyediakan kursus tersebut. Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung sebelah petang.

Dato' Fu Ah Kiow: Ha? Sambung petang?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Fu Ah Kiow: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat. Peraturan 13, Kuorum, Tuan Pengerusi, tak cukup kuorum.

[Setiasaha mengira kuorum]

[Loceng dibunyikan selama 2 minit]

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Buang masa saja, Pembangkang bukan cukup. Buang masa sahaja panggil kuorum.

Tuan Chong Chieng Jen: Sudah cukupkah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudahlah. Mana ada Pembangkang, tidak ada. Ada dua orang sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada, ada lagi. 2 orang 10% sudah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudahlah, buang masa saja.

Tuan Chong Chieng Jen: 50% sudah.

Tuan Pengerusi: Baik, Timbalan Menteri jawab.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung jawapan saya tadi. Tentang bilangan kursus yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti. Ingin saya nyatakan di sini memang tiada maksimum yang ditawarkan. Ini bergantung kepada kelengkapan yang ada kepada keperluan aktiviti ekonomi tempatan. Jika ada keperluan untuk menawarkan kursus baru, pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan mengkaji cadangan tersebut dan boleh menambah kursus yang diperlukan.

Tentang cadangan untuk memindah tapak Kolej Komuniti di Hulu Langat ke kampus UKM. Ini disebabkan bilangan pelajar di Kolej Komuniti di Hulu Langat telah bertambah dan tapak sementara di Sekolah Menengah Teknik tidak boleh menampung lagi kapasiti tambahan pelajar di situ, maka ada cadangan untuk pindah buat sementara di bangunan Keris Mas, UKM. Apabila

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Nak bagi peluang?

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti, saya habis dulu, nanti saya bagi. Apabila projek kampus tetap untuk Kolej Komuniti siap pada Rancangan Malaysia Kesembilan, maka ia akan dipindah balik ke tempat yang tetap. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat berpendapat bahawa ia adalah tidak sesuai, kementerian sedia mengkaji semula cadangan untuk pindah sementara ke Keris Mas, tetapi masalah ialah kita menghadapi kekurangan tempat untuk menampung bilangan pelajar yang kian bertambah. Okey, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kolej Komuniti di Sabak Bernam ini, saya menganggap supaya kursus pertanian itu sangat penting. Sekarang ini ada 400 orang penuntut, sebenarnya 25% saja anak tempatan, salah satu sebabnya ialah kursus yang relevan ini sebenarnya tidak ada di situ, yang sangat relevan ialah pertanian. Saya telah *check* daripada Kolej Komuniti, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya ada kursus jangka pendek, satu hari, begitulah, yang telah diadakan. Oleh kerana itu, saya sangat berharaplah supaya kursus ini disegerakan di Sabak Bernam kerana salah satu daripada perusahaan yang boleh mendatangkan pendapatan RM500 ke RM1,000 di Sabak Bernam untuk penduduk di situ ialah pertanian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Fu Ah Kiow: Terima kasih. Seperti tadi saya telah jelaskan bahawa sebelum ini kita pun telah semak, bahawa kursus yang berasaskan pertanian memang ada dijalankan oleh Jabatan Pertanian, oleh sebab itu Kolej Komuniti Sabak Bernam tidak menawarkan kursus tersebut. Walau bagaimanapun, saya akan kaji semula, kalau memang Jabatan Pertanian tidak mengadakan kursus yang tetap, maka kita boleh menimbang mengadakan kursus tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: Tawaran kursus baru, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai UKM. Di sini saya mahu tanya mengenai keputusan yang tidak berasas atau tidak wajar, yang diambil, khasnya mengenai *aerospace engineering* di Universiti Putra Malaysia yang dipindah ke UKM. Dan, bukankah benar bahawa kursus yang pertama untuk 60 pelajar yang dipilih untuk mengikuti kursus pertama Universiti Putra Malaysia *aerospace* ini dalam program, sekarang mereka *dispersed* seluruh negara. Ini kerana UKM tidak bersedia untuk mulakan program itu, yang diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri. Dan, akhirnya satu jabatan yang begitu penting mahu dirobohkan di UPM, tidak sedia untuk dimulakan di UKM. Bukankah lebih baik bahawa program *aerospace engineering* yang begitu lama, yang begitu bermutu *International* dibenarkan untuk diteruskan program itu untuk kebaikan negara kita.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, saya akan sampai ke soalan ini, yang dibangkit oleh Titiwangsa. Tidak apalah, saya boleh jawab sekarang iaitu bagi pihak Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Ya, tentang apa?

Tuan Pengerusi: Nanti dia habislah.

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti saya akan jawab satu persatulah. Jadi, tentang kursus ruang angkasa yang di mana kita telah buat satu keputusan untuk pindah ke UKM, dia ada rasional tertentu. Tujuan kementerian ialah untuk mengadakan proses konsolidasi di mana setiap universiti ada kekuatannya sendiri, ada *niche* sendiri di mana kita boleh memantapkan lagi kursus tersebut dengan tujuan mengadakan penyelidikan dan sebagainya.

Jadi, dengan cara itu kita ada *synergy* dalam segala sumber, sama ada sumber peralatan atau.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti saya habis dahululah. Saya bagi, saya mesti bagi. Ada *synergy* dalam sumber, sama ada sumber tenaga pengajar atau sumber peralatan. Dalam pada ini, UKM pun ada kursus, kursus ruang angkasa tetapi ia punya *emphasis* lain dan UPM pun ada. Jadi, keputusan ialah memberi tumpuan kepada UKM supaya UKM bukan sahaja menawarkan kursus ijazah pertama dalam ruang angkasa tetapi juga akan menawarkan kursus pasca ijazah. Itu adalah tujuannya. Dan masalah pelajar tidak timbul sebab pelajar yang sedia ada di UPM akan dibenarkan untuk meneruskan pengajian mereka sehingga mereka habis pengajian mereka dan selepas itu kalau mereka ingin mengikuti Master atau Ph.D program dia boleh pergi ke UKM.

Pemindahan setakat ini tidak menghadapi apa-apa masalah dan dia tidak merugikan sebab kelengkapan masih boleh diguna di UKM di situ.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita tahu mengenai rasional. Sekarang kita tidak mahu *argue* mengenai rasional kenapa mahu pindah. Tetapi, bagaimana kita boleh ada *synergy* kalau UKM belum sedia, yang dilihat daripada *batch* tahun ini, 60 yang mahu mengikuti *aerospace engineering* UPM, sekarang UPM tidak boleh terima mereka, lepas itu pergi UKM, UMK tidak sedia, tidak sedia untuk menerima mereka. Ini kerana UKM tidak sedia mengadakan satu *aerospace engineering department*, akhirnya mereka pergi semua universiti, ambil kursus-kursus bersangkut paut dengan *aerospace engineering*. Bukankan ini mensia-siakan usaha untuk mendevelop satu *aeronautical engineering capability* di negara kita. Kalau belum sedia kenapa mahu mula, bukankah lebih baik.... Ini kerana sekarang *Aerospace Engineering Department* di UPM ada mutu ada kelayakan, sehingga siap membenarkan mereka teruskan. Itu *synergy*, tak ada *synergy* kalau belum sedia, bukan?

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak pernah mengatakan UPM tidak sedia menerima. Mereka

Tuan Lim Kit Siang: Mana itu 60 *students*?

Dato' Fu Ah Kiow: Untuk pelajar yang sudah masuk sebelum tahun ini, mereka boleh teruskan pengajian mereka sehingga mereka habis dalam pengajian Ijazah Pertama. Masih boleh teruskan, untuk UKM adalah untuk *enrolment* baru, mereka tidak ada.....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat tidak tahu apa yang berlaku. 60 *students* itu tidak pergi UKM oleh kerana UKM tak sedia. Ini fakta, tak perlu kita *argue*, itu benar, you *check* dengan pegawai-pegawai di belakang, tentu tau, adakah 60 *students* itu diterima oleh UKM, tidak!

Dato' Fu Ah Kiow: Saya nak sebut lagi, pelajar yang sedia ada mereka akan teruskan pengajian mereka di kursus-kursus di UPM sehingga mereka tamat pengajian yang telah mulakan. Untuk pelajar baru yang belum masuk UPM, mereka akan dihantar ke UKM dan lain-lain tempat mengikut *specialization* mereka, sebab ruang angkasa ada banyak bidang. Sungguhpun begitu, tapi kelengkapan dan kemudahan di UPM dipertingkatkan...

Tuan Lim Kit Siang: Saya jelas, saya jelas. Pelajar-pelajar di UPM, *second year*, *third year*, *fourth*, *fifth year*, teruskan habis. Betul?

Dato' Fu Ah Kiow: Ha, betul!

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya ialah *first year*, tahun ini, yang masuk Jun, Mei-Jun, mereka mahu masuk tak boleh masuk, oleh kerana keputusan dibuat pinda UPM kepada UKM. *Intended first year*. Sebab itu mereka pergi UKM, UKM tak sedia untuk terima mereka oleh kerana belum sedia untuk mengadakan *aeronautical engineering* program. Sebab itu mereka di *dispersed* semua universiti ikut kursus-kursus yang tidak ada bersangkut paut, oleh kerana *first choice* mereka telah diambil oleh pelajar-pelajar lain,

itulah *first year student for this year, second year, third year, fourth year* mereka terus di UPM, saya tau. *For this year*, kalau belum siap sedia kenapa perlu mahu paksa khususnya apabila ada satu program, satu *department* yang sudah ada baik. Itulah, bolehkah mereka dibenarkan balik?

Dato' Fu Ah Kiow: Untuk mereka yang dihantar ke lain tempat, kursus yang berkaitan adalah kursus yang mereka telah bersetuju sendiri untuk memasuki. Kalau pelajar itu tidak setuju mengikuti kursus itu kita tidak paksa, ini sememangnya amalan kita.

Saya harap sudah cukuplah jawapan soalan ini. Mengenai soalan Yang Berhormat bagi Kepong yang sekali lagi membangkitkan isu *quality management* ..Kepong tidak ada di sini...[Memandang ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Kepong] Saya sudah.....

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Fu Ah Kiow: Okey.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Minta penjelasan sedikit. Sebenarnya Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa ini tidak dibenarkan mengambil murid-murid tahun satu seperti yang katakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, itu memang benar. Tetapi saya rasa dalam *consolidation* dengan izin, tidaklah berapa hairan sangat. Ada satu universiti di Amerika iaitu *Purdue University* yang sebenarnya universiti pertanian tetapi ada satu jabatan *aerospace* yang besar dan di situ *aerospace engineering* memainkan satu peranan yang besar untuk bekerjasama dengan pihak pertanian untuk *precession farming*, jadi hujah-hujah yang ditimbulkan tidak berapa tepatlah.

Saya rasa elok jugalah seperti yang saya cadangkan tadi, kursus pra siswazah itu eloklah dikekalkan supaya tidaklah peralatan dan staf berpindah-randah demi kebaikan apa yang telah diwujudkan selama ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita inginkan ada *excellence* di dalam sesebuah IPTA kita perlu ada *synergy* dan perlu ada fokus. Maka kebiasaannya kalau kita ada kursus ijazah pertama, kita juga mengizinkan kursus pasca ijazah, dengan itu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, corong itu ke atas sikit.

Dato' Fu Ah Kiow: Apa dia?

Tuan Pengerusi: Corong pembesar suara itu ...

Dato' Fu Ah Kiow: Okey. [Membetulkan kedudukan alat pembesar suara] Dengan itu *synergy* adalah lebih baik dan lebih senang kita memantapkan kursus.

Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada mengatakan isu kualiti - dia faham bahawa LAN mempunyai proses kawalan kualiti yang ketat dari segi pun tidak ada di sini, saya pun sudah menjawab beberapa kali. Nampaknya dia masih tidak permohonan kursus, dari segi pemantauan semasa pengajaran dijalankan, dari segi penilaian dan sebagainya. Begitu juga untuk kursus di IPTA Bahagian Jaminan Kualiti memang ada proses yang ketat untuk menjalankan kawalan kualiti. Jadi, saya tidak ingin menjawab dengan lebih panjang sebab dia pun tidak ada.

Tentang angka *cohort* yang berpeluang memasuki pengajian tinggi, saya hendak memaklumkan di sini bahawa pada tahun 1990 belia yang dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun yang berpeluang memasuki Institusi Pengajian Tinggi ialah 19% dan pada tahun 2004. Melalui pelbagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memajukan peluang pendidikan tinggi, maka peratusan ini telah meningkat ke 28%. Itulah angka yang kita ada sekarang.

Yang Berhormat bagi Seputeh

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri ada menjawab soalan beberapa ahli yang berucap kemudian daripada saya. Tetapi *point* saya, ranking dan yang lain-lain belum ada disentuh. Bolehkah.....

Dato' Fu Ah Kiow: Saya akan sentuh satu persatu. Saya akan sentuh. *No. Problem.* Saya akan menyentuh satu-persatu mengikut giliran.

Yang Berhormat bagi Seputeh ada menyebut tentang apakah sebab kursus kesedaran politik diadakan dan sebagainya di Australia dan di sini kita tidak mengizinkan.

Saya hendak menjelaskan di sini bukan kursus kesedaran politik parti tetapi kursus kesedaran politik dan juga dasar-dasar kerajaan diterangkan kepada pelajar-pelajar di luar negara. Ini disebabkan di luar negara mereka tidak menghadiri lain-lain kursus yang diadakan di IPTA tempatan seperti sejarah pembinaan bangsa Malaysia, sejarah tamadun dan pendidikan moral di Malaysia dan sebagainya.

Oleh kerana IPTA tempatan telah mengadakan kursus tersebut, tetapi pelajar di luar negara perlu ada pendedahan terhadap input-input tersebut, maka kita melalui pejabat pelajar antarabangsa di luar negara adakan kursus tersebut. Ini tidak ada apa-apa masalah. Lagipun pelajar tempatan ada peluang untuk menghadiri seminar yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar tempatan yang biasanya memberi kursus-kursus tentang dasar kerajaan dan topik-topik yang ada kaitan dengan kepentingan awam. Ini adalah untuk memastikan pelajar-pelajar di luar negara juga berpeluang untuk memahami perkembangan dalam negara kita.

Mengenai hostel *Millennium Court* yang dibina melibatkan caj yang tinggi sebagaimana dituduh oleh pihak Yang Berhormat bagi Seputeh, kerajaan mempunyai satu dasar iaitu pembinaan hostel, biasanya di *outsource* kepada syarikat tertentu melalui program *Built Operate Transfer* (BOT). Memang mengikut dasar kerajaan, kita tidak boleh memberi layanan yang sama kepada pelajar antarabangsa dan warga tempatan. Begitu juga caj yang dikenakan mestilah berlainan, kalau tidak nanti kementerian akan dituduh seolah-olah kita membazirkan wang rakyat untuk membantu pelajar antarabangsa. Tetapi kita sentiasa memantau dan memastikan bahawa caj yang dikenakan adalah berpatutan.

Dalam kes *Millennium Court*, sewaan sebanyak RM630 itu adalah apartmen yang mempunyai hawa dingin dan juga lain-lain kemudahan. Caj ini adalah berpatutan dan sebenarnya ramai pelajar antarabangsa berminat dengan kemudahan hostel di situ sebab ia berkualiti dan ia menyediakan satu suasana yang lebih selesa untuk pembelajaran. Tentang cadangan untuk mengadakan *shuttle bus* untuk penyewa-penyewa di situ, ini akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat bagi Ledang telah menyentuh mengenai LAN tidak mempunyai wakil dari IPTS dalam Lembaganya untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Saya hendak beritahu di sini, memang kita ada dua wakil individu daripada IPTS sebagai Ahli Lembaga LAN supaya pandangan Lembaga tidak berasas kepada wakil IPTA sahaja. Selain daripada IPTS, wakil daripada badan profesional, wakil daripada pihak industri pun telah dianggotai dalam Lembaga LAN.

Mengenai pengiktirafan oleh LAN dan JPA terhadap universiti yang bakal ditubuhkan di Sarajevo, saya hendak terangkan di sini, itu bukanlah dalam bidang kuasa LAN untuk mengiktiraf penubuhan IPTS di luar negara. Sesiapa pun boleh menubuhkan universiti di luar negara tetapi graduan daripada universiti tersebut, kalau mereka ingin memohon pekerjaan daripada kerajaan, maka kursus-kursus tersebut perlu mendapat pengiktirafan oleh JPA.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Bukan soal kelulusan penubuhan universiti di luar negara, universiti tersebut ingin membuka cawangan dalam Malaysia. Maknanya apabila dia tubuhkan cawangan dalam Malaysia dia memerlukan pengiktirafan daripada LAN. Soal di luar negara tidak ada masalah sebab sebenarnya Yang Amat Berbahagia Tun pun telah maklum perkara ini. Yang Amat Berbahagia Tun mengiktiraf universiti tersebut di Sarajevo, diiktiraf oleh Menteri Pendidikan Bosnia-Herzegovina dan mendapat segala kemudahan.

Tetapi soalnya sekarang ialah dalam negara kita untuk membuka cawangan dan pihak LAN meminta supaya universiti berkenaan merujuk kepada JPA.

Saya bangkitkan isu ini kerana pada pandangan saya dan pandangan umum, sewajarnya bukan JPA yang memberi kelulusan, LAN sendiri, maksud saya apa pun kelulusan yang hendak ditimbangkan oleh LAN dia ditimbangkan dalam kerangka dia, tidak melibatkan pihak LAN. *May be* wakil JPA ada dalam LAN, bukannya meminta pihak berkenaan pergi ke JPA macam kena bola.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya faham soalan Yang Berhormat sekarang. Memang benar, penubuhan cawangan universiti luar negara mereka perlu memohon ke Kementerian Pengajian Tinggi dan kalau sudah mendapat jemputan daripada menteri untuk menubuhkan cawangan luar kampus universiti antarabangsa di sini, maka LAN akan menjalankan penilaian dan LAN tidak perlu merujuk kepada JPA. Itu tidak ada kaitan dengan pengiktirafan JPA. Apa yang dikatakan memang benar. Kalau perkara ini masih ada masalah, Yang Berhormat boleh meminta pihak yang berkenaan berjumpa dengan saya dan kita akan uruskan dengan pihak LAN.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah menyentuh isu kampus tetap UiTM dan telah bertanya bilakah ia akan dibina. Saya ingin maklumkan di sini bahawa tanah di Kuala Pilah pun telah diambil alih dan pengambilan tanah pun telah selesai. Projek pembinaan untuk kampus tetap itu telah pun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jika kita dapat peruntukan tersebut selepas kelulusan daripada EPU, kementerian telah merancang supaya pembinaan akan bermula pada tahun 2006 dan siap pada tahun 2009. Tentang meminta Yang Berhormat Menteri turun padang, saya akan sampaikan kehendak Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kemaman, saya hendak ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberi tentang *ranking* dan juga reputasi IPT tempatan. Perkara yang sentiasa disebut-sebut oleh Yang Berhormat bagi Kemaman ialah tentang kajian semula AUKU di mana tadi saya sudah pun jawab bahawa satu jawatankuasa akan ditubuhkan dan akan menjalankan kajian semula lagi.

Tentang langkah-langkah yang akan diambil untuk mempromosi pengajian tinggi di negara lain, saya hendak jawab di sini bahawa kementerian saya telah wujudkan empat pejabat pengajian tinggi untuk tujuan promosi di empat buah negara iaitu di Dubai, Ho Chi Min, Vietnam, Indonesia dan Beijing. Keempat-empat pejabat ini memang berfungsi seperti MATRADE, tetapi oleh sebab penubuhan masih awal lagi, kita perlu memantapkan lagi pengurusan di situ dan perlu memperbanyakkan lagi usaha promosi, bukan sahaja di keempat-empat negara ini tetapi juga di lain-lain negara.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga ada bertanya apakah sebab dan rasional anggaran pengurusan tahun ini nampaknya telah merosot kalau dibandingkan dengan tahun lepas. Saya hendak memberikan penjelasan iaitu pada tahun lepas oleh sebab pada tahun itu kementerian adalah kementerian yang baru dan apabila baru ditubuhkan ia memerlukan banyak bekalan, utiliti dan juga aset seperti peralatan, peralatan pejabat dan sebagainya.

Maka tahun lepas, 2005, kita dapat peruntukan yang lebih tinggi dalam bekalan utiliti, aset dan sebagainya. Tetapi tahun ini peralatan tersebut pun telah diperolehi, maka kita tidak perlu begitu banyak lagi peruntukan. Pada keseluruhannya peruntukan tahun ini masih lebih tinggi daripada tahun lepas. Misalnya, jumlah peruntukan untuk mengurus tahun lepas ialah RM5.2 bilion dan tahun ini ialah RM5.6 bilion. Begitu juga untuk pembangunan, tahun lepas RM1.2 bilion dan tahun ini adalah RM1.35 bilion. Maknanya jumlah tahun ini ialah RM6.96 bilion berbanding dengan tahun lepas RM6.4 bilion, masih lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Kemaman yang ingin melihat pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Rembau ingin penjelasan tentang bilangan politeknik yang sedia ada dan *enrolment* setiap tahun. Kini kita ada 20 politeknik yang sudah pun beroperasi dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebenarnya ada empat lagi patut dibina, tetapi tidak dapat dibina dan ia akan dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Selain daripada itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan tambah lagi tiga buah politeknik, bermakna jumlah politeknik yang akan dibina, kalau kita dapat semua peruntukan, ialah tujuh buah pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya berkenaan dengan politeknik di Muadzam Shah kerana dijangka siap politeknik ini pada tahun 2004, sedangkan sehingga hari ini kemasukan pelajar-pelajar ke politeknik tidak dapat masuk kerana tidak siapnya bangunan politeknik itu di Muadzam Shah. Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih. Politeknik Muadzam Shah, kita ada sedikit masalah sebab kontraktor yang telah diberi kerja tidak dapat menyempurnakan projek tersebut dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan pernah berlaku penukaran kontraktor terhadap projek tersebut. Kini projek telah bermula lagi dan ia akan siap. Saya tidak ada angka di sini tetapi projek telah bermula dan adalah menjadi harapan ia akan siap secepat mungkin. Nanti saya akan bagi butiran bila ia akan siap di bawah projek baru dan bila kita boleh mula mengambil pelajar. Saya akan bagi maklumat yang terperinci kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Rembau juga tanya jumlah *enrolment* pelajar untuk politeknik pada tahun depan dan tahun ini. Pada tahun ini jumlah pengambilan ialah 34,400 pelajar iaitu 16,144 pada sesi Jun dan 18,289 pada sesi Julai. Untuk tahun depan, kita ada dua sesi pengambilan dengan *enrolment* seramai 39,232 orang. Ini bermakna jumlah *enrolment* yang berada di semua politeknik kini ialah 159,994 pelajar.

Memang benar dikatakan graduan daripada politeknik mendapat penerimaan pasaran yang amat menggalakkan dan oleh kerana kursus-kursus yang dijalankan menitikberatkan latihan praktikal, maka biasanya graduan daripada politeknik mudah dapat pekerjaan dengan pihak swasta. Memandangkan kita masih memerlukan ramai tenaga sub profesional di peringkat ini, maka kita akan terus memperkembangkan politeknik supaya kita dapat menerima lebih ramai lagi pelajar daripada belia kita.

Untuk kolej komuniti, kini kita ada 34 buah kolej komuniti di mana 27 buah telah siap dan beroperasi, dua dalam pembinaan dan lima buah politeknik telah ditangguhkan sebab kekurangan peruntukan termasuk Hulu Langat yang saya katakan tadi dan ia akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia. Kelima-lima kolej komuniti yang telah ditangguhkan ialah Sungai Petani, Hulu Langat, Hulu Selangor, Marudu dan Slim River. Ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita juga akan memohon peruntukan untuk membina 30 buah lagi kolej komuniti termasuk satu yang telah dicadangkan ialah dekat Puchong. Tetapi sama ada ia akan diluluskan oleh pihak EPU, kita masih tunggu keputusan daripada EPU.

Dato' Firdaus bin Harun: [Bangun]

Datuk Fu Ah Kiow: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap jawapan tadi. Saya mencadangkan kalau boleh supaya pengambilan ke politeknik ini ditambah sekali ganda kerana bagi pelajar-pelajar di luar bandar, pelajar-pelajar yang miskin, ibu bapa berpendapatan rendah dan sederhana, yang tidak dapat peluang masuk

ke matrikulasi, tidak dapat masuk tingkatan enam, tidak berpeluang masuk ke IPTA, pilihan mereka hanyalah politeknik sebab hendak masuk IPTS, kosnya agak mahal.

Sebab itulah saya cadangkan kepada pihak kerajaan, kalau boleh selain daripada menambah bilangan *intake* yang sedia ada pada tahun hadapan sekali ganda dan sebagainya, dalam masa yang sama juga kalau boleh kerajaan timbang supaya di tiap-tiap daerah ditubuhkan politeknik ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan supaya dengan itu lebih banyak lagi pelajar di luar bandar khususnya dapat berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat mengikuti kursus diploma, dan dalam masa yang sama memenuhi keperluan negara untuk mendapatkan lebih ramai lagi tenaga mahir dan juga tenaga separa profesional untuk keperluan industri kita.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Firdaus bin Harun: Saya ingat ini penting sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, saya dapat banyak aduan daripada pelajar-pelajar yang masuk IPTS, biasanya dia setengah jalan sahaja. Kadang-kadang dia minta duit dengan wakil rakyat. Jadi mana kita hendak bagi kan? *[Ketawa]* Peruntukan tidak ada. Jadi sebab itu saya cadangkan kerajaan mesti fikir dengan serius untuk menambah bilangan ini sebab di politeknik ini kosnya cuma RM260 sahaja satu semester termasuk untuk hostel, sangat murah dan kursus yang dijalankan itu sangat *marketable*. Kursusnya adalah dalam bidang kejuruteraan, *accounting* dan sebagainya.

Jadi kalau boleh kita minta komitmen daripada pihak kerajaan, adakah kerajaan akan menimbang dengan serius untuk menambah bilangan tempat tadi, khususnya di luar bandar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih. Jemaah Menteri pada beberapa bulan sebelum ini telah buat keputusan akan menambah kursus di peringkat diploma untuk menampung keperluan tenaga manusia di peringkat sub profesional. Itu memang salah satu yang akan mengakibatkan penambahan pengambilan pelajar di politeknik. Penambahan ini cuma boleh dijalankan secara berperingkat-peringkat. Kita tidak boleh menambah secara besar-besaran sebab ia menjejaskan politeknik itu nanti, bukan sahaja kelengkapan kemudahan perlu peruntukan yang agak besar, tetapi kita juga perlu tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkualiti dan berkelayakan untuk menjalankan pembelajaran. Jadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Fu Ah Kiow: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Kolej komuniti ini kalau saya tidak silap, sudah dijanjikan oleh menteri pada ketika itu beberapa tahun yang lalu dan nyata mana-mana kawasan Parlimen yang ada kolej komuniti banyak membantu masyarakat setempat memahami dan mempelajari teknik-teknik baru dalam pelbagai bidang sama ada pelajar sekolah yang sudah berumur 53 tahun. Hari ini *newspaper* ada menyatakan umur seorang makcik itu lebih kurang 53 tahun tetapi dia menduduki kolej komuniti untuk menambah ilmu pengetahuan.

Jadi bilakah janji kerajaan ini mahu ditunaikan? Kita mahu tahu. Kalau alasan tidak ada wang, saya rasa inilah yang menyulitkan perjalanan pemprosesan masyarakat dalam negara kita. Jadi minatlh kementerian ini memberi tumpuan kepada kolej komuniti ini lebih-lebih di kawasan Parlimen di luar bandar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Seperti di Kinabatangan, ini dijanjikan, Tuan Pengerusi. Mungkin Tuan Pengerusi pun masih ingat tetapi janji tinggal janji. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih Tuan Pengerusi. Itu adalah dasar awal atau perancangan awal, di mana kita berharap setiap kawasan Parlimen akan didirikan sebuah kolej komuniti. Tetapi kerajaan telah membuat pindaan terhadap dasar tersebut. Kini dasarnya ialah bergantung kepada keperluan sesuatu tempat dan ada kriteria yang tertentu untuk kita memberi keutamaan dalam pembinaan kolej komuniti termasuk kepadatan penduduk dan kalau sesuatu tempat ketiadaan lain-lain institusi pendidikan yang memberi latihan dalam peringkat sijil dan diploma, dan tiada lain-lain institusi latihan...

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh minta....

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya habiskan dahulu. Maka kerajaan akan memberi pertimbangan utama kepada tempat itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Walau bagaimanapun, kerajaan setiap tahun memang ingin membina lebih banyak lagi kolej komuniti. Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tadi saya kata kita telah memohon 30 buah lagi kolej komuniti untuk mempertingkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya harap kementerian tidak tersalah pertimbangan sebab di Kinabatangan memang tidak ada apa-apa kolej-kolej yang lain yang boleh menidakkan kolej komuniti ini.

Persoalan yang kedua, walaupun ini mungkin perancangan awal, janganlah menteri yang terlibat mengumumkan di media massa dan kita pula, wakil rakyat pun terpaksa berbohong. Kita kata kerajaan telah buat keputusan untuk mewujudkan kolej komuniti, tetapi akhirnya dasar itu tidak berlaku. Jadi kalau sebelum selesai, jangan lagi buat pengumuman, buatlah dulu persediaan asas dan saya harap Rancangan Malaysia Kesembilan ini daripada 30 ini, Kinabatangan dimasukkanlah sebagai *priority* sebab memang memerlukan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Puchong sekali, ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Sekali, sekali.

Datuk Fu Ah Kiow: Okey.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cukup menyokong apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Di kawasan saya juga, untuk makluman Yang Berhormat bukan sahaja kawasan luar bandar, kawasan pinggir Bandar Baru Puchong pun kita memerlukan satu kolej komuniti yang bagi saya adalah sangat penting kerana dari segi kepadatan penduduk dan juga keadaan-keadaan perindustrian sekeliling, di mana kita mendapati banyak kawasan perindustrian di mana pelajar-pelajar yang berumur bolehlah ada satu peluang untuk mempelajari *technical knowledge* dan sebagainya.

Saya juga merayu kepada kementerian, mungkin ada pendapat bahawa Puchong atau di kawasan yang sekelilingnya ada banyak kolej yang lain, tetapi itu kolej yang secara akademik. Tetapi kolej-kolej yang berteknikal atau vokasional, itu adalah sangat penting, Tuan Pengerusi, kerana kalau kita tidak beri peluang kepada pemuda ataupun pelajar-pelajar lepasan SPM untuk memiliki *skill* atau kemahiran. Mereka akan menjadi satu masalah kepada masyarakat kita.

So saya berharap ini memberikan satu peluang ataupun memberikan keutamaan kepada kawasan-kawasan yang memang kepadatan penduduk adalah satu faktor yang utama untuk mewujudkan kolej komuniti di Puchong. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Puchong memang sudah pun termasuk dalam senarai kolej komuniti yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya tidak kata kawasan Kinabatangan tidak ada, nanti saya semak sama ada termasuk ataupun tidak, tetapi untuk Puchong, sebab dia ada tanya, saya sudah semak, Puchong memang termasuklah. Tetapi sama ada ia akan diluluskan oleh EPU atau tidak, kita kena tunggu sekejap lagi.

Yang Berhormat Puchong juga ada sebut hasratnya hendak melihat semua IPTA ada fokus tertentu dalam penawaran kursus. Ini memang menjadi usaha kementerian ini. Oleh sebab itu kita ada proses konsolidasi, di mana tiap-tiap universiti tempatan telah diberi niche areas atau kursus tertentu dan ini adalah bertujuan menjadikan pusat kecemerlangan masing-masing.

Yang Berhormat Puchong juga ada sebut lima peratus, apakah sebab dan rasional kita merizabkan lima peratus tempat *enrolment* untuk pelajar antarabangsa. Di sini saya hendak menjelaskan sedikit, nampaknya ada sedikit salah tafsiran iaitu lima peratus itu bukan dirizabkan tetapi kita mengizinkan IPTA merekrut pelajar antarabangsa ke tahap lima peratus untuk kursus-kursus yang tidak *competitive*. Ini adalah dasar sebelum *ranking* diterbitkan baru-baru ini.

Dia tidak ada kaitan semata-mata untuk meningkatkan kedudukan dalam *ranking* dan juga tidak ada kaitan dengan tanggungjawab kepada negara lain. Ia merupakan salah satu proses pengantarabangsaan IPTA tempatan. Dengan adanya pelajar antarabangsa di kursus-kursus tersebut maka kita harap akan mempelbagaikan budaya di IPTA dan akan memperkayakan suasana pembelajaran di IPTA.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana pengkhususan yang saya cadangkan itu memang ada dan akan dilaksanakan supaya IPTS dan IPTA akan menjadi lebih cemerlang lagi.

Berbalik kepada peruntukan lima peratus ini, apa yang saya baca daripada surat khabar *The Star* ini pada 19 November. Yang Berhormat Menteri cakap, dengan izin, *Higher Education Minister*, Dato' Dr. Haji Shafie Mohd Salleh *described the move as a social obligation to nations with which Malaysia had exploration rights especially for petroleum*. Okay, itu yang saya hendak selesaikan kerana pada masa sekarang ini kita menghadapi masalah kerana

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Paper* tidak boleh dijadikan bahan bukti dalam Dewan.

Tuan Lau Yeng Peng: Ini dia cakap. Dia cakap ini, saya hendak kepastian daripada kementerian. Dan satu lagi ialah mengenai dengan kebimbangan saya, setiap tahun kita menghadapi masalah kerana banyak pelajar-pelajar cemerlang kita ini tidak dapat masuk ke IPTA yang cemerlang ini. Mengapa kita ada satu dasar lagi untuk membuka peluang kepada pelajar lain? Bukankah kita untuk mengambil hati atau mengambil berat dahulu pelajar-pelajar cemerlang kita ini? Itu saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya pun telah menyatakan dalam surat khabar untuk menjelaskan perkara ini iaitu adalah tidak benar kita merizabkan lima peratus untuk kursus *competitive*. Tidak. Kita cuma benarkan IPTA merekrut semaksimum lima peratus untuk kursus-kursus yang tidak *competitive*.

Tuan Lau Yeng Peng: Okay, satu lagi.

Dato' Fu Ah Kiow: Jangan, jangan

Tuan Lau Yeng Peng: *He said, for the first time Malaysian Public Universities will be open for foreigners of which five percent of undergraduate places including courses being allocated to them*. Ini dia orang cakap....

Dato' Fu Ah Kiow: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lau Yeng Peng:iaitu saya hendak cerita sedikit mengenai ini.

Dato' Fu Ah Kiow:jangan ambil semua yang dikatakan dalam surat khabar sebagai kebenaran sebab saya telah keluaran kenyataan menjelaskan kenyataan tersebut. Di sini saya beri penjelasan lagi. Jadi jangan ulang lagi apa yang telah dilaporkan dalam surat khabar. Lagipun tentang apakah rasional kita menyediakan peruntukan sebanyak RM131 juta untuk tujuan tersebut? Itu pun sudah salah dilaporkan. RM131 juta itu adalah untuk penambahan kursus perubatan dan farmasi di IPTA dalam lima tahun. Jadi saya harap dengan penjelasan hari ini, beres isu ini.

Tuan Lau Yeng Peng: Last sekali, penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata, kursus yang kurang kritikal, boleh saya tahu apa kursus yang kurang kritikal yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Fu Ah Kiow: Kursus mungkin kursus yang ada kaitan dengan *humanity, social science, environment* dan sebagainya, bukan kursus seperti perubatan, farmasi, *engineering, accountancy*.

Tuan Lau Yeng Peng: Baik.

Dato' Fu Ah Kiow: Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah membuat tuduhan liar mengatakan ada *tutorial* yang *special* dan dalam *tutorials itu, tips* akan dibahagi kepada pelajar bumiputera dan sebagainya. Saya rasa tidak elok sebagai seorang Ahli Parlimen kita keluaran tuduhan tanpa bukti. Saya rasa ini tidak eloklah. Yang kedua tentang....

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat apa-apa siasatan atas sama ada *tutorials* khas yang diberi kepada mahasiswa-mahasiswa bumiputera sebelum *final year exam*, kerana saya telah menerima ramai graduan doktor yang membuat aduan itu bahawa ada *tutorials* yang *special* untuk mahasiswa-mahasiswa bumiputera sebelum *final year exam*. Oleh itu saya haraplah jangan *just waive it aside*. Buatlah suatu siasatan kerana ini aduan daripada ramai doktor yang *graduate* daripada UM.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, memang menjadi sebahagian pembelajaran untuk memberi *tutorial* kepada pelajar-pelajar, tetapi tuduhan Yang Berhormat itu serius yang mengatakan *tips* peperiksaan diberi kepada pelajar-pelajar bumiputera. Mana boleh kita siasat atas tuduhan yang tidak berasas dan tidak mempunyai bukti? Kalau begitu, kementerian akan membuang masa membuat siasatan terhadap tuduhan-tuduhan liar khususnya daripada pihak pembangkang.

Apa yang lebih penting ialah kalau pihak pembangkang ada bukti tersebut, kemukakanlah bukti dan kita akan jalankan siasatan. Kalau tidak, tidak mungkin kita akan buat siasatan yang tidak berasas. Cukuplah tidak payah, saya tidak hendak....

Tuan Chong Chieng Jen: Mengenai hal ini, apa sebab satu *tutorial* yang *special* untuk mahasiswa bumiputera? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, mengatakan ada *special tutorials* tetapi bukan *tips* yang diberi. Apakah sebabnya diadakan satu *special tutorials* atau kelas *special* untuk murid-murid tertentu?

Dato' Fu Ah Kiow: Yang Berhormat dengar dan *check Hansard*. Saya kata *tutorials* adalah biasa untuk pelajar. Saya tidak kata lain-lain. Jangan letak perkataan dalam mulut saya. Dengar baik-baik dan *check* baik-baik, jangan buat tuduhan yang tidak berasas dan mengeluarkan kenyataan sebegitu. Itu adalah tidak bertanggungjawab. Isu sama ada kita patut menggugurkan tuduhan terhadap lima pelajar UPM yang disyaki telah melanggar peraturan di AUKU, saya hendak beri pandangan dan pendirian kementerian iaitu kita perlu sedar AUKU telah diadakan pada tahun 60an dan 70an dan kerajaan setuju bahawa kita perlu mengkaji semula AUKU. Jawatankuasa akan dilantik secepat mungkin untuk menjalankan tugas ini.

Tetapi selagi akta itu belum dipinda, ia masih tetap menjadi suatu undang-undang yang perlu dihormati. Ini adalah semangat dan prinsip demokrasi iaitu *Rule of Law*, selagi undang-undang itu belum dipinda, ia menjadi suatu undang-undang yang patut dihormati.

Kita tidak boleh ada sikap di mana sesuatu undang-undang telah diluluskan oleh Parlimen, kita boleh ketepikan. Itu bukan konsep *Rule of Law* yang selalu dikatakan oleh

Dewan yang Mulia ini. *Rule of Law* juga merupakan sebahagian sistem demokrasi dan ini saya hendak menekankan.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian telah membuat keputusan untuk mengkaji AUKU ini. Mengapakah tidak boleh semua tindakan ke atas pelajar-pelajar oleh pihak universiti ini dihentikan? Ini baru menunjukkan, Yang Berhormat, tindakan kementerian sejajar sebab kementerian telah mendapati AUKU perlu dikaji.

Apa salah untuk menghentikan sebarang tindakan sementara pengkajian AUKU ini dan Kementerian Belia dan Sukan telah terang menyatakan *listen to the youths*. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di luar negara in *the youth programme*. Mengapakah pada masa yang sama, kementerian yang lain tidak menjalankan kesahluan dengan kata-kata Menteri Belia?

Saya pohonlah, saya merayu juga agar tindakan ke atas tujuh orang pelajar ini dihentikan.

Dato' Fu Ah Kiow: Okay, Yang Berhormat bila kita sebut perkara ini, jangan cakap secara bergantung kepada perasaan semata-mata. Seperti yang telah saya katakan, pelajar-pelajar ini telah diingatkan beberapa kali. Selagi Akta AUKU in belum dipinda, mereka perlu mematuhi, jangan melanggar peruntukan-peruntukan di bawah AUKU. Sudah beberapa kali diingatkan tetapi masih mereka mungkin telah melanggar peruntukan-peruntukan yang ada.

Kalau seperti yang telah saya katakan tadi, kita perlu menghormati *Rule of Law* tetapi pada masa kini jangan kita *pre-judge* sebelum siasatan diadakan. Biarkan jawatankuasa menyiasat dan kalau pelajar yang terbabit tidak bersabit kesalahan, mereka tidak akan dihukum.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa *don't pre-judge*, tetapi Akta AUKU itu dia *pre-judge*. Mereka akan *di suspend*, dihentikan pelajaran mereka sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman. Apakah itu suatu Akta yang begitu zalim?

Every one is presumed innocent until proven guilty but for the university students they are presumed guilty and they are proven innocent. Are we going to treat our children like that, the future leaders like that? That's why! Ya, memang itu suatu undang-undang, tetapi kalau undang-undang itu adalah suatu *bad law*, Kementerian ada *discretion* untuk menjalankan tuduhan atau tidak menjalankan tuduhan. Itulah *discretion* kementerian. *What more to say? You admit that it is a bad law*, dengan izin.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya tidak mengatakan *it is a bad law* pada masa kini. Jangan buat kesimpulan tersendiri. Saya kata masa telah berubah. Kita mungkin perlu kaji supaya akta ini, supaya kita dapat memberi ruang yang lebih besar kepada pelajar-pelajar. Jangan *pre-judge*, dan sekali lagi saya kata selagi akta itu belum dipinda, ia masih menjadi suatu undang-undang yang patut dipatuhi oleh semua orang.

Bukan sahaja tentang ini, untuk undang-undang lain diluluskan oleh Parlimen ini. Saya harap isu ini dapat dijelaskan sekali lagi....

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Fu Ah Kiow: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu secara mendalam apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap memorandum yang diserahkan oleh mahasiswa yang menuntut pilihan raya kampus yang bebas kerana masalah pelaksanaan *e-voting*. Pelajar ini tidak ada pilihan sebab pihak kementerian tidak mengambil sebarang tindakan langsung ke atas aduan mereka berkenaan ketidakadilan dalam pilihan raya kampus mereka sehingga perlu datang

berjumpa dengan Ahli Parlimen *caucus* mengenai hak asasi manusia. Apabila mereka balik dikenakan disiplin.

Jadi, apakah tindakan sepanjang masa terhadap aduan-aduan ini kalau pihak kementerian prihatin dan mahu pilihan raya kampus yang adil, sepatutnya mereka tidak perlu sampai ke institusi ini. Jadi, saya pohonlah satu jawapan yang mendalam. *What have you done to orders complains of the students?*

Dato' Fu Ah Kiow: Okey, sudah! Tadi pun sudah dijawab tentang pilihan raya di kampus. Aduan-aduan yang dikatakan adalah daripada satu kumpulan bukan semesti mewakili semua pelajar. Saya hendak mengatakan, tadi pagi saya sudah beri angka, purata 83.3% pelajar sudah turun mengundi. Kementerian telah meneliti dan mendapati pilihan raya dalam kampus telah dijalankan dengan telus, adil dan aman.

Jadi, itu pun telah dibangkitkan tadi dan telah dijawab. Pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun berjumpa dengan pelajar-pelajar tersebut. Nanti dalam usaha kita mengkaji AUKU itu kita akan ambil timbang aduan-aduan yang telah diterima selama ini dan kita akan tengok lagi proses pilihan raya di kampus.

Yang Berhormat bagi Serdang ada tanya mengenai Kolej TAR, apakah sebab tahun ini tidak ada peruntukan. Saya hendak jelaskan di sini oleh sebab Kolej TAR tidak ada apa-apa projek yang akan disambung pada tahun 2006 dan tidak ada projek baru maka peruntukan tidak diberi untuk tujuan tersebut. Untuk anggaran mengurus ia masih ada, kalau tidak salah RM3.8 juta, nanti saya semak balik. Mengenai jumlah IPTS telah ditutup, pada tahun 2002 - 24 IPTS telah ditutup, 2003 - 14 dan tahun ini, 2005 - 38 IPTS telah ditutup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi.

Dato' Fu Ah Kiow: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada satu cadangan, sekarang ini kita cuba hendak menyelamatkan IPTS supaya ia tidak tutup. Kita bimbang nanti bila orang luar negara dengar bahawa banyak IPTS kita ditutup mungkin pelajar-pelajar yang datang hendak belajar di Malaysia ini tidak *confident* tentang IPTS kita di sini.

Jadi, apa salahnya kalau IPTS ini dijadikan macam bukan anak syarikat tetapi macam cawangan kepada IPTA yang wujud pada hari ini. Ini kerana kadang-kadang IPTA kita pun tidak mempunyai tempat yang secukupnya. Jadi, mungkin ia akan jadi sebagai satu cawangan kepada IPTA yang ada pada hari ini supaya dapat kita menyelamatkan IPTS-IPTS yang gulung tikar ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Fu Ah Kiow: Kerajaan tidak menghalang mana-mana IPTS mencari jalan keluar seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Sebaliknya kerajaan menggalak IPTS-IPTS yang berskala kecil-kecilan bergabung untuk menjadi satu entiti yang lebih besar untuk bersaing di sektor ini. Untuk IPTS yang ditutup kebanyakan disebabkan oleh masalah kewangan dan kesukaran dapat belajar. Jadi, ini adalah pelbagai sebab IPTS ditutup.

Tentang sama ada bilangan pelajar antarabangsa yang telah menyalahgunakan visa pelajar untuk menjalankan aktiviti lain yang tidak dibenarkan, setakat ini pihak kementerian tidak ada angka tersebut. Kementerian dalam usaha memperkemas kini data-data. Dalam cadangan pengeluaran visa, Kementerian Pengajian Tinggi telah mencadangkan supaya satu pusat sehati ditubuhkan di Kementerian Dalam Negeri di mana ia akan dianggotai oleh wakil daripada polis, imigresen dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tugas dan tanggungjawab pusat sehati itu ialah memproses segala permohonan yang dikemukakan oleh IPTS, pastikan permohonan adalah daripada pelajar yang *bonafide*, yang betul-betul mempunyai kelayakan masuk yang mencukupi. Melalui pusat sehati itu,

kita harap akan dapat memantau bilangan pelajar antarabangsa yang ada di setiap IPTS pada bila-bila masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, satu soalan, Tuan Pengerusi.

Dato' Fu Ah Kiow: Jadi, dengan harapan adanya pusat sehenti ini kita dapat mengadakan pemantauan yang lebih ketat lagi. Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Timbalan Menteri. Ramai penuntut luar negara ini yang benar-benar merupakan penuntut *bona fide* seperti juga rakyat Malaysia yang belajar di luar negara. Dalam masa belajar itu mereka memerlukan sedikit kerja sambilan untuk menampung perbelanjaan pengajian mereka.

Salah satu daripada penghalang daripada lebih ramai penuntut luar negara untuk menjadi penuntut yang membuat pengajian di negara kita adalah disebabkan oleh visa kita yang tidak mengizinkan penuntut-penuntut ini untuk mendapatkan kerja sambilan. Ada cadangan daripada IPTS-IPTS yang menghendaki kementerian untuk mengkaji dan membuat penyesuaian dengan pihak-pihak tertentu agar *bona fide students* ini yang benar-benar penuntut, yang memerlukan kerja sambilan dibenarkan dalam biasiswa pengajian mereka.

Adakah kementerian melanjutkan usaha ini dengan kementerian-kementerian yang tertentu. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Cadangan tersebut sebenarnya telah pun dipersetujui oleh kerajaan, di mana pelajar *bona fide* boleh menjalankan kerja sambilan dalam pekerjaan yang ada kaitan dengan kursus pembelajaran. Cuma mekanisme pelaksanaan masih dalam proses dikemaskinikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ada beri pandangan tentang *ranking*, supaya pihak kementerian jangan mikro *manage* dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih ke atas pandangan-pandangan yang bernas yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Tentang keperluan IPTA memperbanyakkan lagi aktiviti R&D dan C, memang salah satu yang sedang diambil berat oleh kementerian. Nanti saya akan juga sebut lebih mendalam bila menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Jerai tentang R&D.

Yang Berhormat bagi Jerai ada katakan hasil R&D universiti perlu digunakan oleh pihak swasta untuk memanfaatkan negara. Saya memang setuju dengan pandangan beliau. Saya ingin menjelaskan di sini, kita ada dua kategori R&D yang dijalankan di IPTA iaitu R&D asas atau R&D fundamental, di mana kita cuma dapat peruntukan sebanyak RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Ini adalah sangat tidak mencukupi dan kementerian kini telah memohon supaya peruntukan tersebut di tambah kepada RM300 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kategori R&D yang kedua ialah kategori *industrial* atau *application*, di mana IPTA telah dapat peruntukan sebanyak RM760 juta daripada MOSTI untuk menjalankan pelbagai *R&D project industry*. Kementerian juga sedang mengkaji supaya kita dapat menambahbaikkan insentif-insentif yang diberi kepada pensyarah-pensyarah yang menjalankan projek R&D supaya hasil R&D akan dimanfaatkan oleh pensyarah-pensyarah sebagai satu insentif kepada mereka.

Dato' Liow Tiong Lai: Minta penjelasan.

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti saya bagi, biar saya habiskan R&D dulu. Untuk projek R&D asas iaitu fundamental, ia ada kandungan akademi yang penting. Kalau kita harapkan hasil penyelidikan disebut-sebutkan di persidangan antarabangsa, biasanya R&D fundamental yang akan dapat perhatian. Manakala R&D industri biasanya tidak dapat perhatian, tetapi pengkomersialan hasil R&D industri amat penting untuk negara. Untuk

tujuan tersebut semua IPTA pun telah adakan satu pusat yang dinamakan pusat pemindahan teknologi dan perundingan, di mana pusat ini akan kita pertanggungjawabkan untuk menjaga pemindahan teknologi dan juga usaha pengkomersialan dengan pihak swasta.

Ya, Yang Berhormat bagi Bentong.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya tidak sempat berucap tadi tapi saya ada dua, tiga perkara berhubung penyelidikan dan minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari segi *ranking* universiti saya rasa penyelidikan ini amat penting. Kita menggalakkan pelajar-pelajar....

Dato' Fu Ah Kiow: Yang Berhormat, nanti *ranking* saya akan beri

Dato' Liow Tiong Lai: Oh tidak, Bukan. Saya bincang penyelidikan dahulu. Berhubung dengan penyelidikan ini saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada boleh kita cadangkan kepada kerajaan, salah satu cara adalah proses untuk mempercepatkan hasil-hasil penerbitan kita. Kita dapati bahawa pada masa sekarang banyak hasil penyelidikan oleh pengajar-pengajar, *lecturer* kita lambat di terbitkan.

Salah satu cara saya hendak cadangkan di sini adalah proses penswastan unit-unit penerbitan universiti tempatan supaya dapat bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa seperti yang dilakukan oleh Oxford Universiti dan sebagainya. Adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan seksyen penerbitan hasil-hasil penyelidikan kita ini.

Yang keduanya, dari segi membuat penyelidikan, proses permohonan geran penyelidikan memakan masa yang begitu lama dan proses penilaian yang dilakukan oleh pihak penawar geran ini juga memakan masa yang lama. Bolehkah kementerian membuat kajian untuk memastikan bahawa semua geran-geran penyelidikan ini dapat diberi dengan secepat mungkin.

Yang ketiga, saya minta penjelasan Timbalan Menteri adalah dari segi galakan mahasiswa-mahasiswi kita yang telah pun tamat pelajaran untuk melanjutkan pelajaran dalam siswazah dan Ph.D agar dapat mendalami bidang penyelidikan ini. Setahu saya dalam negara kita semua universiti awam pada skim lanjutan siswazah bumiputera, iaitu satu skim untuk menggalakkan tabung pendidikan lanjutan ini untuk kaum bumiputera.

Saya berpendapat tabung-tabung sedemikian rupa harus juga dibuka kepada kaum bukan bumiputera untuk tujuan menambahkan kepakaran penyelidik dan modul insan pada masa sekarang. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Fu Ah Kiow: Cadangan untuk menswastakan penerbitan penghasilan R&D itu adalah satu cadangan baru. Saya rasa kalau cuma untuk percetakan itu tidak jadi masalah, tetapi kalau ia melibatkan penerbitan, maknanya *editoring* dan sebagainya saya tidak pasti sama ada pihak-pihak yang mahir dalam hal ini. Walau bagaimanapun, kita akan kaji cadangan ini.

Tentang memendekkan tempoh kelulusan permohonan geran, ini pun saya tidak ada butiran di sini berapa lama diambil untuk memproses sesuatu permohonan. Bagaimanapun, memang dalam usaha kerajaan kini ingin mantapkan lagi aktiviti R&D, sudah tentu kita kan beri perhatian terhadap ini. Perkara ketiga saya berharap nanti Yang Berhormat boleh bagi saya butiran yang lanjut. Biar saya lihat dahulu. Perkara itu memang saya tidak pasti, nanti bagi saya butiran yang lanjut.

Saya juga ingin memberitahu di sini memang sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan pengkomersialan hasil R&D dan juga melibatkan pihak swasta untuk lebih tampil di hadapan untuk menggunakan hasil R&D dalam pengkomersialan, IPTA tempatan telah mengadakan pameran di mana IPTA telah mempamerkan hasil mereka baru-baru ini pada bulan September. Pameran itu akan diadakan secara bergiliran supaya penghasilan dapat dipamerkan kepada pengusaha tempatan. Tetapi malangnya setakat ini, pihak swasta, pihak industri jarang mengunjungi pameran tersebut. Jadi saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua pihak industri dan pihak swasta, mereka

sepatutnya ambil peluang sepenuhnya mengunjungi pameran tersebut dan mencari peluang untuk mengkomersialkan penghasilan R&D IPTA tempatan. Itu sahaja perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Yang Berhormat bagi Gerik ada sebut tentang *ranking* di mana nanti saya akan jawab sekali gus. Isu umur saraan pensyarah, beliau telah menyatakan kalau boleh kita patut menyambung umur saraan ke tahap 65 tahun. Di sini saya ingin menjelaskan perkhidmatan pensyarah boleh disambung secara berkontrak ke tahap melebihi 65 tahun. Kita pun ada beberapa kes seperti Prof. Syed Hussein Al-Attas, beliau masih berkhidmat di Universiti Malaya dan juga lain-lain profesor. Jadi had umur dalam perkhidmatan pensyarah bukan perkara yang tidak boleh diatasi.

Cuma kementerian berpendapat adalah lebih elok kita menyambung perkhidmatan mereka secara kontrak. Mereka pun telah menyuarakan mereka lebih suka perkhidmatan mereka dilanjutkan secara berkontrak dan bukan secara automatik, sebab dengan cara itu mereka boleh dapat manfaat daripada pencen dan pada masa yang sama mereka boleh terus memberi perkhidmatan. Jadi dengan cara itu, ia akan memanfaatkan kedua-dua pihak.

Tentang agensi kutip hutang untuk PTPTN. Ini merupakan salah satu perancangan yang sedang diteliti oleh PTPTN untuk meningkatkan mekanisme kutipan balik pinjaman yang telah dikeluarkan. Cuma kita perlu berhati-hati dalam syarat-syarat pelantikan agensi tersebut supaya ia tidak disalahgunakan dan tidak berlaku apa-apa penyelewengan nanti. Tentang tanggungjawab terhadap PTPTN, di sini saya hendak jelaskan kaedah ini kita tidak memerlukan pelajar mengadakan penjamin terhadap segala permohonan. Pelajar adalah bertanggungjawab sendiri untuk membuat segala bayaran balik selepas tamat pengajian mereka. Jadi soal penjamin memang tidak timbul buat masa ini.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor banyak menyentuh *ranking* dan juga Yang Berhormat bagi Gerik juga menyentuh *ranking*. Pagi tadi saya pun telah menjelaskan beberapa pandangan terhadap *ranking* ini dan tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga ada sentuh tentang apakah sebab kita bagi 5% *enrolment* kepada pelajar antarabangsa seolah-olah kita cuma bertujuan untuk meningkatkan kedudukan *ranking* di *Times Supplement* ini. Saya telah jelaskan itu bukan tujuan tersebut dan tujuan adalah proses pengantarabangsaan yang dijalankan oleh IPTA. Ini pun bukan amalan baru, memang keputusan telah dibuat sebelum *ranking* oleh *Times* dilaporkan. Jadi tentang *ranking* sekali lagi...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan sebelum itu. Mengenai *internalization process* universiti. Tetapi oleh kerana Yang Berhormat Menteri pernah menerangkan bahawa peruntukan 5% untuk pelajar-pelajar antarabangsa ialah oleh kerana kontrak-kontrak dengan negara-negara yang lain yang adalah komitmen-komitmen Parlimen kerana ada kontrak-kontrak Petronas dan Sudan atau apa itu, adakah ini boleh menjadi asas untuk mengurangkan peluang anak-anak kita, rakyat Malaysia mendapat tempat-tempat di IPTA-IPTA. Bukankah ini tidak wajar, tidak patut dan perlu dikaji semula supaya ia tidak menjadi dasar kerajaan.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya hendak jelaskan lagi. IPTS diizinkan rekrut maksimum 5% dalam kursus-kursus yang tidak kompetitif, tetapi dalam 5% itu ada juga sebahagian kecil adalah di bawah program penukaran pelajar di bawah perjanjian kerjasama pendidikan G&G Malaysia dengan negara lain. Maksud saya dalam perjanjian kerjasama kedua-dua negara ada menawarkan biasiswa untuk pelajar negara lain untuk belajar di IPTA. Jadi itu termasuk dalam 5%. Ini bukan semata-mata untuk merizabkan untuk tujuan membaiki *ranking* antarabangsa, bukan. Biasanya walaupun pelajar diterima masuk, mereka perlu bayar kadar yang lebih tinggi. Untuk kursus pasca ijazah iaitu *Master's* dan *Ph.D.*, kita mengizinkan pengambilan ke tahap 20% sebab dalam tahap itu, kita juga memerlukan pakar penyelidik untuk belajar di universiti tempatan dan ini akan mengayakan tenaga penyelidik di IPTA tempatan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Parlimen diberi satu laporan mengenai senarai negara-negara di mana kita ada perjanjian G&G di mana kita ada *commit* untuk memperuntukkan tempat-tempat di IPTA-IPTA dan apa *courses* itu, kritikal atau *not* kritikal, bolehkah kita dimaklumkan?

Dato' Fu Ah Kiow: Ini bolehlah, kita akan maklumkan, apa kursus yang telah ditawarkan kepada pelajar antarabangsa, dari negara mana dan sebagainya. Sebenarnya ini pernah juga dijawab mungkin tidak begitu teliti. Pendirian kementerian menghadapi *ranking Times Supplement* ialah kita bersikap positif dan dengan minda terbuka. Kita sedar bahawa memang ada kriteria-kriteria yang digunakan oleh *Times* itu ada yang relevan, ada yang kurang relevan.

Misalnya kriteria *citation* di mana pemberat adalah 20% kriteria ini memang penting tetapi kita juga dapati ada universiti-universiti yang menduduki kedudukan dalam 20 tetapi pencapaian kriteria *citation*, dapat markah yang rendah. Salah satu sebab seperti mana dipersetujui oleh Kuzzo Karakera iaitu pengarang utama dalam *ranking* ini, salah satu sebab ialah sebab penerbitan mereka adalah dalam bahasa yang bukan bahasa Inggeris.

Maka peluang untuk disebut atau mendapat *citation* adalah lebih rendah. Tetapi saya tidak mahu disalah tafsir seolah-olah kita negatif dan melarikan daripada kehendak kita memperbanyakkan lagi dan supaya kita mengeluarkan lebih banyak lagi hasil R&D yang bermutu supaya ia dapat juga disebut-sebut dalam persidangan akademik antarabangsa. Itu masih usaha, tetapi saya cuba hendak mengatakan satu fakta iaitu universiti seperti Universiti Beijing, Universiti Singapura yang dapat kedudukan yang amat tinggi, tetapi *citation* mereka pun dapat markah rendah. Sebab itu saya pada peringkat permulaan telah kata kalau kita melihat *ranking* ini adalah lebih bermakna kalau kita anggap ianya sebagai satu penilaian prestasi terhadap setiap kriteria yang digunakan sebab pemberatnya adalah berlainan. Jadi kalau kita terlalu huru-hara tentang kedudukan menyeluruh mungkin ia akan memberi satu gambaran yang kurang tepat dan tidak bermakna.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat menganggap ia sebagai satu penilaian, jangan menjadi hamba, *slave* kepada *ranking*, tetapi kita tidak boleh kategorikan sebagai sindrom. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi bahawa Jiao Tong University satu *ranking* yang dibuat oleh Jiao Tong University, Shanghai. Kenapa dia tidak sebut apa pendirian kerajaan, kenapa untuk tiga tahun turut-turut tidak ada sebuah universiti Malaysia dalam *ranking* Jiao Tong University Shanghai, mengenai 500 buah universiti yang terbaik.

Adakah beliau kata bahawa Jiao Tong University oleh kerana diduduki 189 sama dengan Universiti Malaya sebab itu tidak diterima? Adakah beliau sedar bahawa baru-baru ini Melbourne University yang ada di antara 20 yang terbaik sekali di dunia pun ada *ranking* ini dia sendiri mengenai universiti-universiti di Australia, *Melbourne Institute Index Of The International Standing Of Australia University* 2005 di mana kajian *ranking* Jiao Tong University ada disebut dengan a *favorable comment*.

Bukan sahaja, kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak sebut mengenai *ranking* 2000 universiti terbaik, yang saya ada sebut dalam ucapan saya hari Khamis yang di *web page* 2000 universiti terbaik, Malaysia satu universiti pun tidak ada. Bukankah kita perlu satu kajian, satu sikap yang lebih serius yang menunjukkan standard kita merosot?

Dato' Fu Ah Kiow: Saya tidak mengatakan oleh sebab kedudukan *Shanghai Jiao Tong University* bersama dengan Universiti Malaya iaitu 169, di *Times Ranking* maka kredibiliti *ranking* yang dijalankan oleh *Jiao Tong University* perlu dipersoalkan. Saya tidak kata begitu. Saya cuma kata dalam meneliti sesuatu *ranking* kita perlu tengok kriteria-kriteria yang diguna dan sama ada kriteria itu tepat untuk universiti tempatan atau tidak dan saya juga setiap kali saya jawab, saya kata adalah lebih bermakna kalau kita mengkaji prestasi dalam tiap-tiap kriteria.

Seperti tadi saya kata, *citation* memang penting tetapi kalau kita hendak dapatkan sebutan atau *citation* di persidangan akademi antarabangsa, kita perlu memperbanyakkan

R&D fundamental walaupun R&D industri adalah penting, tetapi biasanya hasil R&D fundamental yang biasanya dapat disebutkan bukan industri *research*, malangnya peruntukan untuk fundamental *research* memang amat mencukupi.

Bagaimana pun memang menjadi hasrat kementerian untuk meningkatkan aspek ini iaitu R&D, khususnya R&D fundamental. Kita juga akan menggalakkan lebih ramai pensyarah melibat diri dalam R&D. Kita juga perlu adakan pemantauan yang lebih rapi terhadap bilangan kertas yang telah diterbitkan dalam majalah antarabangsa, usaha itu yang akan dipertingkatkan untuk meningkatkan usaha R&D dalam IPTA tempatan....

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu mengenai *ranking* 2000 universiti yang saya sebut tadi itu. Web page! Adakah kementerian tahu mengenai *ranking* ini? Adakah satu kajian dibuat atau tidak tahu?

Dato' Fu Ah Kiow: *Ranking* yang disebutkan oleh *Jiao Tong Universiti* ini....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan! *The Jiao Tong Universiti* ini ialah 500 universiti terbaik dunia. Ia telah disebut dalam *web page ranking* itu ialah 2,000 universiti, adakah kementerian tahu mengenai perkara ini atau tidak tahu?

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, *ranking* memang wujud di merata tempat

Tuan Lim Kit Siang: Tidak!

Dato' Fu Ah Kiow: *Ranking*...Nanti saya jawab dahululah. Saya cakap, saya jawab dahulu. Sabar sedikitlah...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak!

Dato' Fu Ah Kiow: *Ranking* 2000 universiti itu saya belum meneliti secara detail.....

Tuan Lim Kit Siang: Tahu *ranking*? Tahu mana itu, dari mana tahukah?

Dato' Fu Ah Kiow: Tidak meneliti dengan *detail* tetapi saya hendak mengatakan *ranking* misalnya di USA pun ada tiga, empat *ranking*. Kita tidak boleh mengkaji semua *ranking* yang telah diterbitkan di seluruh dunia. Banyak negara menjalankan *ranking* tetapi ada *ranking* yang lebih dapat liputan. Seperti *Times* kita memberi lebih perhatian dan *Jiao Tong Universiti* itu kita pun telah kaji. Tetapi untuk universiti 2,000 ini saya belum kaji dengan teliti lagi, jadi saya hendak katakan di sini apa yang penting ialah kriteria dan pemberatannya, misalnya *peer review*.

Pierre review memang penting, *peer review* akan dapat di tingkatkan kalau kehadiran pensyarah-pensyarah kita dalam persidangan antarabangsa dipertingkatkan dan kalau kita ada perhubungan yang lebih rapi dalam kerjasama dengan universiti antarabangsa. Sebab itu kita ingin memperbanyakkan lagi aktiviti pengantarabangsaan dan kita menggalakkan universiti mengadakan kerjasama yang lebih rapi lagi dengan universiti-universiti terkenal di dunia. Ini adalah usaha-usaha kita dalam memperkenalkan universiti-universiti tempatan ke *peer* antarabangsa aktiviti pengantarabangsaan.

Selain daripada itu, misalnya pemeriksa luar negeri juga memainkan peranan dalam memberi *peer review* yang lebih positif. Memang ada usaha-usaha dijalankan tetapi seperti Yang Berhormat pun sudah setuju kita tidak harus menjadi hamba terhadap sesuatu *ranking*. Kalau tidak hari ini kita mengejar kedudukan sesuatu *ranking*, esok kita kejar kedudukan dalam *ranking* kita yang di lain negara, makna kita akan buang masa untuk mencari dan mengejar kedudukan dalam *ranking* sahaja.

Tuan Pengerusi: Baiklah, teruskan yang lain.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya rasa itu tidak patut menjadi usaha pertama kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Fu Ah Kiow: Ya, *last*, ya *last*, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya memang tertarik kepada jawapan bahawa Yang Berhormat mengakui bahawa kita mesti ada konsep antarabangsa. Adakah kementerian sanggup memulihkan misalnya Fakulti Perubatan di Universiti Malaya dan kita dapat pengiktirafan termasuk *British Medical Council* dan sebagainya. Sudah lebih 20 tahun telah tidak diiktiraf. Pada mulanya Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak tahu, saya dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ada bangkitkan di sini mengenai Fakulti Perubatan di Universiti Malaya ditarik balik pengiktirafan daripada BMC.

Waktu itu pihak Kementerian Pelajaran mengatakan ini tidak payah, kita tidak payah pengiktirafan. Kita buat kita punya agenda sendiri itu sudah cukup. Cukup sudah kerana ada NEP, Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya, itu memang kita lebih kuat daripada orang lain dan kita tidak payah pengiktirafan. Lebih 20 tahun kemudian, sekarang kita mengakui konsep antarabangsa itu baik, kalau kita hendak pergi North Caroline itu lebih baik.

Bolehkah Yang Berhormat buat satu rancangan atau satu program iaitu mendapat pengiktirafan bagi UM, bagi UKM, bagi banyak lagi Fakulti Perubatan dan juga fakulti-fakulti lain, pengiktirafan antarabangsa kerana ini akan membantu kita atau graduan kita mendapat sambutan yang lebih baik. Bolehkah Yang Berhormat buat demikian?

Tuan Pengerusi: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, saya jawab yang *last* ini. Salah satu usaha pengantarabangsaan IPT di negara kita ialah meningkatkan lagi usaha mendapat pengiktirafan oleh negara asing cuma dalam proses mendapat pengiktirafan mekanismenya adalah berlainan misalnya, cara pengiktirafan dijalankan oleh negara China. Pengiktirafan ialah secara menyeluruh bukan sahaja untuk sesebuah IPTA ataupun universiti tetapi untuk seluruh negara, itu adalah cara mereka.

Tetapi cara pengiktirafan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di Malaysia ialah mengikut sesuatu kursus sahaja. Jadi, mekanisme ini perlu di bincang supaya kedua-dua pihak dapat persetujuan tentang pengiktirafan, walaupun pengiktirafan memang salah satu usaha yang kita hendak pertingkatkan. Mengenai isu MU *medical*, kursus pengiktirafan oleh *British Council*, itu saya pun telah jawab dengan secara teliti dalam sebelum ini di dalam....

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, Tuan Pengerusi, bukan *British Council*, *British Medical Council* - yang sangat berbeza.

Dato' Fu Ah Kiow: Yes, yes *British Medical Council*. Saya pun sudah jawab semasa menggulung peruntukan Perbekalan Tambahan. Jadi itu sahaja, saya cuma hendak.....

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir, terakhir. Oleh kerana Yang Berhormat ada jamin mahu jawab banyak perkara tetapi tidak tahu apa, itu adalah terakhir sahaja. Saya ada bangkit dalam ucapan saya dan Yang Berhormat bagi Gerik pun ada sebut sebenarnya, perkara bagaimana boleh memastikan syarat mengadakan keunggulan, kecemerlangan atau *excellence* universiti-universiti. Perkara pensyarah-pensyarah yang memperolehi Ph.D. Saya tanya mengapa ada *vice chancellor* tanpa Ph.D. satu pertiga sahaja pensyarah-pensyarah yang ada Ph.D.

Yang Berhormat bagi Gerik berkata, Profesor Ungku Aziz juga pun tidak ada Ph.D. Betul! Itu 30 tahun dahulu, 30 tahun mana boleh kita gunakan keadaan 30 tahun dahulu, pada masa sekarang kita mahu. Bukankah kerajaan ada satu pelan di mana mahu setiap pensyarah ada Ph.D. Kalau begitu bukankah kita perlu bermula dengan semua *vice chancellor* dengan Ph.D. Saya tahu Yang Berhormat bagi Gerik dahulu Naib Canselor UKM, mungkin pun tidak ada Ph.D. Masa itu tidak apa tetapi sekarang kita mahu semua Naib Canselor ada Ph.D. Adakah ini menjadi pelan kerajaan?

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Memang dalam pemilihan *vice chancellor* keteguhan dalam berlatarbelakangkan akademik sentiasa dipentingkan termasuk mengadakan Ph.D tetapi

kalau kita kaji pelantikan rektor-rektor di universiti misalnya di USA ada juga yang tidak mempunyai Ph.D. Ini tertakluk kepada fungsi dan tanggungjawab *vice chancellor* yang kita inginkan. Tetapi setakat ini memang Ph.D adalah sesuatu yang kita utamakan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Fu Ah Kiow: Jadi, itu sahaja yang saya hendak katakan dan sekali lagi saya ingin menekankan sikap kementerian ialah positif terhadap *ranking* dan kita tidak sepatutnya dianggap sebagai *defensive*. Saya juga merumuskan jawapan saya dengan petikan atau *quotation* daripada editor *Times Higher Education ranking* ini iaitu *John Ollary*. Di sini saya ingin sebut, *quote*:

"There is no sign that a high ranking university in our table is better than one more lowly ranked"

Itu adalah pandangan editor *Times Magazine* ini dan walaupun saya masih.....

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Fu Ah Kiow: ...positif kita perlu ambil langkah untuk memperbaiki kedudukan dalam *ranking*. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,615,118,900 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,615,118,900 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,348,104,300 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,348,104,300 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.60 [Jadual] – Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2006] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Gerik.

4.14 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Saya hendak menyentuh dua sahaja perkara. Yang satunya mengenai 060000 - mengenai pertahanan di sebelah utara sana di negeri Kelantan, Perak, Kedah dan sebagainya. Baru-baru ini ada sedikit kegawatan politiklah saya kira di sempadan yang akibat daripada kekacauan di sebelah sana dan kita dapati selain daripada tentera wataniah, Batalion 3012345 yang mengawal secara sepenuh masa di kawasan utara. Adanya konvoi-konvoi tentera kita ke sana dan saya dapati bahawa tentera darat kita datangnya dari Melaka.

Jadi, masalah saya, persoalan kita ialah kenapa tidak adanya batalion ataupun briged tentera sepenuh masa yang mungkin kita buka yang baru, sama ada di Perak atau di Kedah sebelah utara kerana nampaknya tumpuan pertahanan kita ke arah selatan kerana kita tidak tahu bahawa suatu yang berlaku pada tahun 1963 atau 1965 dahulu berlaku tanpa kita sedari. Jadi, kemungkinan di utara juga harus kita perkemaskan dan pertanyaan saya adakah Kementerian Pertahanan merancang untuk mengadakan briged tentera di sebelah utara seperti yang pernah di dengar 10 atau 15 tahun yang lalu tetapi belum direalisasikan.

Perkara yang keduanya Tuan Pengerusi ialah mengenai tentera darat, Pertahanan 03000 ialah tentera wataniah kita yang pernah saya timbulkan di Dewan yang mulia ini tetapi tidak mendapat jawapan barangkali ucapan saya itu pada pukul 8.00 lebih malam tidak ada pegawai mengambilnya. Perkara itu mengenai tentera wataniah yang dalam namanya sukarelawan tetapi mereka ini berkhidmat secara sepenuh masa mengawal.....

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [Bangun]

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Hendak minta laluan ya Padang Terap?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Gerik. Kita berpatah balik kepada kem-kem tentera tadi itu, memang benar kita memerlukan kem-kem tentera kalau boleh di kawasan sempadan. Ada kem tentera di Sungai Petani dan juga di Pulau Pinang di kem Batu Uban. Adakah Yang Berhormat bagi Gerik hendak mencadangkan supaya kem-kem tentera yang di dalam kawasan pekan ini di pindahkan ke kawasan-kawasan bersempadan di Kedah ataupun di Perak Utara. Itulah ceritanya mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Maksud saya kalau berlaku sesuatu barangkali dengan cepat sudah ada Tentera Darat dekat-dekat kawasan sempadan dan bukannya di bawa dari Melaka mengambil masa berjam-jam lamanya untuk sampai bagi memberi satu tindakan yang cepat.

Kita harus imbangi kekuatan di Selatan dan juga kekuatan di Utara, tentang perpindahan itu saya tidak pasti. Berbalik kepada Tentera Wataniah yang dianggap sebagai sukarelawan tetapi sebenarnya mereka saya rasa bertugas sepenuh masa di mana 6 bulan di pendalaman, mengawal sempadan, 6 bulan di luar tetapi dari segi *service* nya tidak sama. Mereka menganggap diri mereka sebagai *second class* walaupun tidak *third class*. Kenapa tidak kita adakan satu perancangan di mana mereka ini juga bila khidmat mereka baik dan diberi latihan tambahan Tentera Wataniah ini akhirnya diserap masuk ke *regular* ataupun diberi satu imbuhan yang lebih baik seperti elaun-elaun khas (*hardship allowance*) dengan izin semasa mereka bertugas di pendalaman dan kalau 21 tahun itu barangkali ada imbuhan yang baik kalau pun tidak persaraan, sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Larut.

4.18 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Maksud Bekalan B 60 Kementerian Pertahanan - Butiran 03000, Tahanan Darat. Tahniah kepada pihak kementerian kerana dalam menyambut hari kemerdekaan baru-baru ini saya dapat melihat bagaimana satu demonstrasi kereta kebal (*tanker*) yang telah digunakan. Saya lihat ia daripada negara Poland. Saya ingin tahu apakah perkembangan ke atas kereta kebal ini adakah kita akan terus membelinya, berapa buah dan kosnya? Kerana saya lihat mengikut apa yang telah difahamkan penggunaan kereta ini tidak langsung menjejaskan jalan-jalan raya bahkan ia tidak langsung tidak menampakkan bahawa ia mendatangkan kerosakan. Apakah kaedah lain ke atas pembelian kereta kebal ini yang difikirkan amat mustahak untuk keselamatan negara.

Kemudian di bawah butiran 04000 - Pertahanan Maritime. Saya ingin bertanya tentang pelayaran Selat Melaka terutama sekali latihan terkini dengan keanggotaan keselamatan kita menghadapi sebarang kemungkinan daripada ancaman musuh kerana saya lihat apakah kemudahan-kemudahan baru yang terkini dan yang terancang yang telah dilakukan oleh pihak kementerian? Selain daripada itu saya ingin bertanya tentang penubuhan anggota Pasukan Maritime Malaysia (APMM). Apakah penubuhan ini ada berlaku pertindihan kuasa dengan marin polis dan daripada manakah anggota APMM ini diserapkan? Jadi saya ingin bertanya kepada pejabat dan kementerian kalau penubuhan ini mendatangkan manfaat yang sudah tentu kebaikan kepada keselamatan negara kita bagi mempertingkatkan penjagaan keselamatan di perairan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita dapat maklumat di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan telah menyebut tentang ancaman kumpulan ekstremis dalam internet iaitu daripada Al-Qaeda. Apakah persiapan tentera kita dalam menghadapi...bukan sahaja daripada kumpulan ini tetapi daripada mana-mana kumpulan ekstremis yang kita telah pun ada pengalaman daripada kejadian seperti di Ulu Perak yang berlaku sedikit masa lalu. Syabas kepada pihak tentera di atas tindakan cekap mereka dalam mengatasi masalah ini.

Apakah ancaman-ancaman ini kita lihat hanya sebagai satu perkara yang kita pandang serius ataupun mungkin hanya sepintas lalu. Apakah kecanggihan dalam kita menghadapi ketahanan dalam negara kita ini, cuma sekali kita tahu bahawa ianya dalam internet sendiri telah menyebut bahawa ada ancaman daripada kumpulan ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi tentang pembelian *submarine*, kapal selam yang telah diwarwarkan untuk perairan kita di Sabah yang akan ditempatkan di Semporna. Apakah perkembangan terkini tentang pembelian kapal perang ini kerana kita tidak mahu lagi ketinggalan daripada negara-negara lain terutama sekali dari negara jiran kita. Bagaimanakah langkah yang telah diambil dan apakah perkembangan terbaru dalam menjaga ketahanan dan keselamatan kita terutama pembelian kapal selam ini. Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang ingin saya sampaikan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kuala Terengganu.

4.22 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian sidang Dewan ini iaitu 03000 iaitu pertahanan darat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti pengurusan dan logistik.

Yang pertamanya iaitu tentang peristiwa bolos, kem askar Kubang Badak, Kuala Terengganu di mana senjata-senjata yang berbahaya telah berlaku kecurian tetapi nasib baik dalam masa yang singkat telah dapat dipungut balik, telah dapat dikesan orang-orang yang terlibat dalam perkara ini. Tetapi ini adalah merupakan satu perkara yang telah berlaku berulang-ulang kali.

Ini menunjukkan kepada kita kewibawaan kita, *authority* pegawai-pegawai terutama dari segi pertahanan kita, askar-askar kita ini ataupun pegawai-pegawai kanannya itu harus diberi perhatian yang serius sebab sekiranya alat-alat senjata itu jatuh ke tangan musuh yang oleh membawa masalah-masalah yang lebih besar implikasinya, seandainya senjata itu telah dapat di seludup ke Selatan Thailand, barangkali ini boleh menimbulkan banyak lagi masalah-masalah dalam hubungan antarabangsa kita.

Dalam konteks ini saya mohon penjelasan dari pihak Kementerian Pertahanan khususnya setakat manakah dari segi kawalan-kawalan, *armory* kita iaitu pusat di mana kita menyimpan alat-alat persenjataan ini agar diberi satu janji kepada kita tidak akan berlaku lagi atau berulang lagi kes-kes serupa ini.

Perkara yang kedua ialah tentang strategi ataupun konsep pertahanan yang menyeluruh. Setakat manakah Kementerian Pertahanan khususnya telah dapat membuat persiapan-persiapan yang kita menghadapi ancaman-ancaman perang dalam kaedah yang moden seperti peluru pintar yang bersifat dengan izin, pantas, senyap dan sekali gus dapat membunuh, *swift, silence and deadly*. Setakat manakah kita juga dapat menyediakan peralatan-peralatan robotik, juga pesawat tanpa pemandu UAV ataupun *unmanned, aerial, vehicle* ini.

Kita telah dapat bersedia sebab ini adalah merupakan strategi dan metodologi, *method* peperangan dalam dunia yang begitu canggih. Sejauh manakah pula Kementerian Pertahanan dengan kemampuan R&D nya membuat penyelidikan dan juga setakat manakah kerjasama kita dengan firma-firma tempatan untuk menghasilkan alat-alat senjata yang bersifat robotik dan juga alat-alat peluru pintar ini telah kita usahakan bersama ataupun kerjasama kita dengan pihak-pihak yang lain dalam usaha kita memperlengkapkan angkatan tentera dan juga pertahanan negara.

Selain daripada itu, saya ingat saya ingin tanya satu perkara iaitu tentang pameran yang bakal berlaku yang tidak lama lagi daripada 6 hingga 11 Disember iaitu Areoangkasa dan Maritime LIMA, apakah kesan-kesan selama ini daripada pameran serupa ini? Apakah berlaku peningkatan, apakah kita telah membuat *bench marking*, apakah kita telah ada membuat peningkatan mutu persenjataan kita?

Akhir sekali dengan izin, saya mohon sedikit perhatian daripada kementerian ini berhubung dengan agenda keselamatan maritime Malaysia ini. Setakat manakah dengan ancaman-ancaman negara jiran terutamanya Singapura, kita telah bersiapsiaga, bersiap sedia untuk berdepan dengan ancaman-ancaman dari segi lautnya pula, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mambong.

4.26 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh kepada Butiran 03000 Pertahanan Darat. Di dalam butiran ini saya ingin berbincang tentang Askar Wataniah. Elaun Askar Wataniah sekarang kadarnya kalau prebet kurang lebih RM2.90 satu jam, apabila mereka menghadiri latihan. Yang sebenarnya Askar Wataniah ini kalau macam di Sarawak mereka menghadiri latihan setiap bulan dan mereka dibayar elaun RM2.90 kalau prebet dan pegawai RM4.50 kurang lebih sejam.

Adakah kadar ini masih sama seperti tiga, empat tahun dahulu semasa saya sendiri di dalam Askar Wataniah walaupun saya pada masa itu berpangkat Major dan juga ketua satu kompeni yang berpangkalan di sempadan Kem Tebedu. Saya harap kerajaan dapat melihat perkara ini kerana kadar untuk prebet memanglah tidak mencukupi kerana mereka datang dari kampung-kampung yang jauh dan dekat juga.

Selepas itu mereka tidak membuat kerja mereka sendiri dalam tempoh hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, tiga hari masa buat latihan. Oleh yang demikian saya menyarankan agar keadaan ini disemak semula oleh kerajaan termasuk juga kadar *mileage*.

Yang kedua yang berkaitan juga dengan Askar Wataniah adalah menyerap mereka ke dalam perkhidmatan *regular* ataupun perkhidmatan tetap. Semasa saya menjadi Ketua Kompeni dahulu memang jarang-jarang mereka ini diserap ke dalam perkhidmatan tetap. Saya pun tidak tahu mengapa, walaupun mereka ini sudah lama juga dilatih tetapi mereka tidak dikerah. Mereka memang ada memohon untuk masuk ke dalam perkhidmatan tetap tetapi tidak dapat juga. Ini harus dipertimbangkan oleh pihak kementerian agar lebih ramai lagi anggota Askar Wataniah memohon untuk perkhidmatan tetap, agar mereka boleh dipertimbangkan kerana sudah ada pengalaman.

Tuan Pengerusi: Baik masa sudah cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Satu lagi Tuan Pengerusi sedikit sahaja...

Tuan Pengerusi: Ya baik, sila.

Dr. James Dawos Mamit: Saya ingin bertanya tentang penubuhan Askar Wataniah di setiap kawasan Parlimen, apakah perkembangan ini? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

4.30 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi halaman 627 Butiran 010000, Program 010200 secara ringkasnya Tuan Pengerusi *offshore patrol vessel* kita. Kita sudah menempah *shipyard*, pada mulanya enam kapal OPV, OPV1, OPV2, OPV3 sehingga enam. Saya hendak menanya pihak kementerian bilakah OPV kita yang menghadapi masalah ini dapat disiapkan dan bagi setiap kapal ini, setiap buah kapal ini berapa jumlah wang yang hendak kita hendak belanja supaya OPV ini dapat *operational*.

Ini memang satu perkara yang penting saya minta tolong Kementerian Pertahanan kerana ada kesilapan berapa tahun yang lampau dia buat perjanjian yang tidak betul.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Lantikan konsortium yang salah yang tidak mampu untuk membekal/membina OPV untuk kita. Sebenarnya kita pada asalnya hendak lebih 20 buah OPV, tetapi sekarang lima tahun kemudian kita tidak dapat satu pun, satu pun. Itu masalah negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan saya hendak tahulah ada dianggarkan mungkin satu OPV itu RM2 bilion mungkin. Kalau.....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: lebihkah?

Seorang Ahli: Sudah lebih saya rasalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Lebih, kalau RM2 bilion teruklah. Itu kita boleh beli satu dua *destroyer* sudah, bukan OPV sahaja *offshore patrol vessel*. Ini memang satu perkara yang saya hendak tolong kementerian supaya kita dapat OPV. Dan apakah seterusnya dapat satu dua OPV ini, apakah akan kita tamatkan kontrak dengan konsortium ini ataupun langkah alternatif yang lain? Kemudian Tuan Pengerusi kerana kita hendak memastikan semua pengurusan perolehan dan bekalan serta perkhidmatan untuk kementeriannya dilaksanakan mengikut keperluan, peraturan dan masa yang ditetapkan termasuklah baru-baru ini difahamkan bahawa kerajaan hendak menggunakan *reserve* emas untuk membiayai pembelian kapal-kapal perang dan kelengkapan pertahanan lain berharga hampir RM7 bilion dari *BAE System PLC*. Sama ada ini benar ataupun tidak, saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab supaya kita sama-samalah dapat memastikan semua perolehan kelengkapan ini dapat mengikut keperluan dan peraturan dan masa yang ditetapkan seperti yang disebutkan tadi.

Kalau tidak daripada *BAE System*, daripada manakah hendak kita bayar ataupun perolehan kelengkapan seperti ini. Kemudian Tuan Pengerusi kita sudah belanja RM3.4 bilion untuk Sukhoi, tetapi Tuan Pengerusi yang kita bimbangannya Sukhoi ini SU30MKI ini di Tentera Udara India kita nampak dia punya kegagalan untuk enjin Sukhoi ini terlampau tinggilah insiden kegagalan untuk Sukhoi. Tetapi apakah pendapat pihak kementerian sekarang setelah kita buat perjanjian untuk membelanja RM3.4 bilion kita. Arau tidak tahu RM3.4 bilion ini memang besar jumlahnya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan Sukhoi yang mahu - *fighter* sahaja mempunyai kelebihan mempelbagaikan peranan dia di dalam perangnya. Adakah kita dapat maklumat yang lengkap daripada pihak Tentera Udara India mengenai SU30MKI ini supaya kita boleh mempertahankan ataupun menjagakan kepentingan kita semasa kita menerima Sukhoi daripada pihak Rusia. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

4.35 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dua perkara di bawah Butiran 010000 - Pentadbiran Pertahanan, di bawah Butiran 010100 - Pentadbiran dan Dasar Pertahanan. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian berhubung dengan penglibatan masyarakat Malaysia yang bukan bumiputera dan Melayu memasuki Angkatan Tentera Laut, Darat dan Udara.

Kalau dapat minta penjelasan kita telah diberitahu daripada segi nisbah, jadi kita belum diberitahu daripada segi dasar untuk mengubah keadaan kerana kalau kita lihat tentera Amerika umpamanya menggunakan satu pendekatan untuk mempertingkatkan pembangunan sosial, pembangunan ekonomi dan pendidikan, orang yang memasuki

angkatan tentera ini untuk menarik pihak yang tidak berminat untuk memasuki tentera khususnya pada tahun 50-an dan 60-an kepada kumpulan African-American. Tetapi sekarang perkara yang sama berlaku lagi yang mana African-American tidak lagi melihat tentera sebagai satu tempat untuk mereka meningkatkan kedudukan sosial, ekonomi dan pendidikan mereka. Jadi penglibatan pihak ini menurun, jadi mereka telah merancang satu lagi iaitu wave ataupun gerakan yang kedua untuk menarik pihak yang hendak ditarik ini akan masuk dalam tentera supaya jangan tentera di sana nampaknya satu bangsa sahaja untuk mempertahankan negara. Jadi di sini kita tidak mahu berlaku di Malaysia *reflection*, penglibatan bangsa lain ataupun etnik lain dalam tentera Malaysia. Jadi kita hendak dasar yang khusus dan pendekatan yang proaktif.

Yang kedua, saya bertanya ini ada hubung kait dengan logistik dan juga berhubung kait dengan pertahanan. Kita telah mendengar tadi soalan pembelian Sukhoi oleh Kepong, pembelian sub marin oleh Kuala Terengganu dan sebagainya. Memang perkara ini adalah amat relevan.

Pertanyaan saya soalan RazakSAT yang akan dilancar dalam masa dua tiga bulan lagi. Adakah ini juga kita mempunyai satu spesifikasi yang tertentu untuk pertahanan supaya kita boleh melihat Malaysia ini satu tempat yang di bawah *surveillance* oleh RazakSAT satelitnya. Dan apakah pendekatan yang telah dibuat dan rundingan telah dibuat dengan pihak pelancar RazakSAT ini supaya kita mempunyai satu spesifikasi yang khusus supaya Malaysia bolehlah di bawah kawalan dari atas udara menerusi satu satelit kepunyaan kita sendiri. Dalam keadaan yang sama apakah latihan supaya pendekatan itu jangan tinggal pendekatan sahaja, latihan telah diberi kepada mereka ini kerana kalau kita melihat bukannya senang hendak *translate* satu gambar daripada satelit menjadi satu spesifikasi yang memberi gambaran *intelligent* kepada angkatan tentera.

Kita mesti mempunyai latihan-latihan yang khusus, latihan-latihan yang tertentu untuk boleh menginterpretasikan satu gambar yang diterima daripada satu satelit menjadi satu informasi yang boleh diguna pakai, memberi maklumat kepada kita bahawa negara kita dikecam ataupun negara kita di bawah ancaman satu-satu negara. Jadi bukan sahaja daripada soalan tsunami, tetapi juga soalan segala malapetaka lain yang boleh diambil kira oleh pihak kementerian ini. Jadi Tuan Pengerusi saya menyokong terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

4.39 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan/Pembangunan 60 ini saya yang pertama sekali hendak bercakap tentang Butiran 10000 - Emolumen. Jadi semasa membentangkan Bajet 2006, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menaikkan Elaun Khidmat Awam (EKA) bagi gred 41 sebanyak RM300.00. Bagi mereka yang mula berkhidmat kalau semasa SSM dahulu selepas 10 tahun baru mendapat RM300. Jadi oleh kerana tidak disebut tentang elaun khidmat tentera dan juga badan-badan uniform lain, jadi saya mohonkan supaya elaun itu juga dipanjangkan kepada pegawai-pegawai yang sama grednya dengan gred 41 seperti Kapten, Major dan lain-lain yang sama taraf. Jadi ini supaya moral pegawai-pegawai tentera kita juga meningkat. Itu yang pertama.

Yang keduanya mengenai dengan Butiran 03000 - Pertahanan Darat. Jadi mengenai Askar Wataniah. Kalau kita lihat sejarah Askar Wataniah yang terdekat sekali dia bermula daripada Pasukan Pertahanan Tempatan atau LDC (Local Defence Corps). Selepas itu mereka ini dipindahkan ataupun menjadi rejimen terutamanya dalam Siri 500. Jadi semasa dalam Local Defense Corps dahulu ada pasukan pertahanan tentera wataniah ini mereka telah menjalankan latihan seminggu sekali terutamanya di kampung-kampung. Dan cara latihan ini apabila bertukar kepada Siri 500 Rejimen Askar Wataniah, mereka telah rasa saya dibuatkan latihan sebulan sekali mungkin dua hari atau tiga hari di kem. Sebenarnya bagi saya latihan di kampung itu lebih menepati dan lebih memberi manfaat terutamanya dari segi kita hendak merapatkan jurang antara pasukan

tentera dengan orang awam. Kerana apabila ada platun di kampung jadi elaun yang sedikit itu iaitu RM2.90 atau RM4.50 bagi pegawai itu jadi tidaklah memberi kejutan sangat kepada mereka yang berminat, itu yang pertamanya.

Yang ketiganya secara tidak langsung platun ataupun *company* yang mengadakan latihan di kampung-kampung itu telah dapat menarik minat terutama kanak-kanak, anak-anak muda kerana setiap minggu, seminggu sekali sekurang-kurangnya selama tiga jam mereka melihat Pasukan Askar Wataniah berkawat ataupun menjalani latihan senjata di kampung mereka. Jadi sentiasa ada dan ini telah menjadi budaya dan cara ini kita dapat menarik minat anak-anak muda dan anak-anak kecil untuk meminati angkatan tentera ataupun jadi anggota tentera. Sekarang ini latihan dibuat di kem tidak ada orang tahu apa yang berlaku, jadi terpisah di antara orang awam dengan pasukan tentera. Jadi sebenarnya saya memanggilkan Askar Wataniah sebagai tentera awam kerana banyak masa mereka menjadi orang awam dan mungkin dalam 24 jam dalam sebulan mereka menjadi tentera. Jadi mereka ini adalah penghubung yang rapat.

Yang keempat dari segi logistik Butiran 030200 iaitu rumah-rumah atau kuarters tentera rasa saya masih banyak lagi kuarters tentera terutama yang berpangkat prebet, koperal ke bawah yang dua bilik. Rasa saya eloklah kalau kuarters-kuarters ini mungkin diubahsuai menjadi tiga bilik kerana dua bilik sudah tidak sesuai. Kerana dalam lawatan saya ke kem tentera di kawasan saya semasa berbuka puasa masih ada lagi kuarters untuk pangkat koperal ke bawah ini yang menggunakan, ada yang biliknya dua bilik yang rasa saya sudah tidak sesuai pada masa ini. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

4.44 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merangkumi Butiran 03000, 04000, 05000. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah kementerian berhasrat merevolusikan persenjataan dan pertahanan yang ada dalam negara kita ini, sebab saya melihat senjata yang digunakan waktu Perang Dunia Kedua pun masih dipakai oleh tentera kita. Seperti Jet Fighters Sky Hawk, dia Tuan Pengerusi kalau saya tidak silap digunakan oleh Amerika dalam Perang Dunia Kedua dan itulah yang kita beli ataupun Helikopter Nuri sebagai logistik. Sebetulnya ini tidak masuk akal juga sebab negara kita sudah maju orang negara lain tidak lagi mengguna senjata-senjata ini, tetapi tentera kita masih menggunakan.

Bagaimana logik akal boleh terima kita mempertahankan negara kita daripada serangan mana-mana pihak kalau persenjataan kita begitu ampul, rapuh. Pepatah Melayu Tuan Pengerusi ada mengatakan, "Air tenang jangan sangka tiada berbuaya", "Malang sudah pastinya tidak berbau", jangan kita berharap-harap negara kita aman, tenteram, tenang tidak ada negara lain atau kumpulan lain yang berhasrat untuk membinasakan kita.

Tetapi dengan persiapan senjata yang rapuh ini bagaimana kita mempertahankan negara kita. Kalau saya buat bandingan dengan negara Amerika, dengan negara Singapura negara kecil, 2006 Kerajaan Singapura akan membelanjakan untuk pertahanannya adalah yang terbanyak di kalangan negara-negara Asia ataupun Asia Pasifik sebab dia negara kecil sebab itu dia digelar sebagai "Nelugi udang beracun" bermakna dia kecil tetapi walaupun ada ikan paus yang cuba menyerang dia maka dia akan menggunakan udang beracun untuk memerangi negara besar.

Kita apa ada? Mungkin juga disebabkan perhubungan luar kita baik maka kita mengharapkan ketenangan ini akan berterusan, tetapi sekiranya ada berlaku sesuatu kecemasan, apakah dengan *Skyhawk* ini kita gunakan sementara negara luar menyerang menggunakan laser, sudah tentu kita tidak mampu untuk berhadapan dengan ancaman-ancaman sebegini. Jadi apakah kerajaan akan mempertingkatkan peruntukan kewangan untuk tujuan pertahanan-pertahanan kita termasuk mengganti senjata-senjata. Saya pernah bertanya dengan pihak tentera, ada senjata yang telah berkarat tidak boleh digunakan tetapi masih dibekalkan.

Jadi ini pada saya sudah tiba masanya revolusi secara besar-besaran untuk memastikan bahawa negara kita ini terkawal daripada mana-mana ancaman dan saya percaya mana-mana negara yang kuat dari segi pertahanannya 10 kali kumpulan-kumpulan atau mana-mana negara yang berhasrat untuk merosak atau menceroboh negara tersebut, tetapi kalau dasar pertahanannya longgar, rapuh maka ianya berpotensi untuk diserang pada bila-bila masa. Justeru itu pada saya kementerian ini harus membongkar dan meminta kerajaan mempertingkatkan kekuatan pertahanan kita sebab apa juga kekayaan yang kita miliki dalam negara ini sudah tentu tidak ada jaminan untuk pada masa akan datang sampai bila sebab kalau pertahanan kita rapuh maka di situlah kekhawatiran dia akan berlaku sebarang ancaman kepada kita.

Jadi saya tidak melihat perkara ini tidak boleh kita laksanakan sebab negara miskin seperti Filipina seperti Indonesia pun lebih baik lagi negara kita daripada segi ekonomi mereka mempertingkatkan dasar pertahanan mereka, mereka merekrut tentera-tentera yang terlatih. Kita berbicara soal apa ini askar wataniah yang saya tengok saya pun ada askar wataniah lembik, tidak bermaya, macam mana kita nak *expose* dalam peperangan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Jadi ini seharusnya mereka direkrut ala tentera seperti di Singapura, dia melalui nasional servis di mana terdiri daripada masyarakat yang terlatih dan boleh dikerah menjadi tentera pada bila-bila masa. Mereka memiliki teknologi, ICT dan sebagainya. Askar wataniah kita mana tahu ICT? Mana tahu komputer? Jadi ini seharusnya kita apa ini kementerian bincang semula, panglima-panglima kita yang ada gagah berani ini jangan hanya gagah dengan pangkat tetapi mereka harus melihat keperluan masa depan ketenteraan yang ada pada kita, bagaimana bentuk tentera hari ini dengan masa depan yang kita idam-idamkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Jadi oleh sebab saya pun menghormati masa Tuan Pengerusi, saya buat rumusan saya harap kementerian boleh merancang satu strategi bagaimana pertahanan kita ini boleh diperkukuhkan untuk masa depan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepanggar. Selepas Sepanggar, Bukit Bintang, bahas dan timbalan menteri boleh jawab.

4.50 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat hendak rehat? Rehatlah, Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 04000 Pertahanan Maritim khasnya menyentuh mengenai P.6000300 Pembinaan di mana memang di kawasan saya sendiri di Sepanggar kita ada satu tempat di mana tentera laut sedang membuat pembinaan kawasan yang besar - agak besar dan luas - tetapi yang masalah pada ketika ini ialah di mana ramai penduduk-penduduk kampung telah dipindah ke satu kawasan di Kampung Numbak masih lagi memerlukan bantuan-bantuan daripada pemindahan ini seperti air dan bekalan elektrik yang belum mereka peroleh sedangkan mereka telah pun dipindahkan ke kawasan Kampung Numbak ini.

Satu lagi di mana saya difahamkan bahawa tentera laut ini akan menggunakan satu laluan melalui Kampung Gentisan dan memang bila kita guna laluan itu di Kampung Gentisan ini akan melalui ramai penduduk kampung yang akan diminta pindah perumahan mereka tetapi setakat ini kita belum dapat kepastian, kita belum dapat kepastian sama ada pemindahan itu akan dilaksanakan secepat yang mungkin oleh sebab sekarang penduduk kampung sedang memohon penjelasan dan saya juga ingin memohon penjelasan agar ini

dapat dilaksanakan secepat yang mungkin oleh sebab sekiranya dapat dilaksanakan tentu sekali penduduk-penduduk kampung itu akan dipindahkan ke satu tempat yang sesuai dan juga ada bekalan-bekalan seperti air dan bekalan elektrik yang tersedia ada.

Memang kita alu-alukan pembinaan ataupun logistik di mana di Sepanggar ini kita guna sebagai satu logistik tentera laut. Ini saya rasa akan memberi kebaikan di mana kita dapati bahawa ketika ini memang lautan persekitaran di negara kita ini begitu luas sekali dan dengan adanya tentera laut yang akan diletakkan di Sepanggar ini akan menjamin pertahanan di persekitaran air khasnya di Sabah. Saya ingin juga mohon penjelasan setakat ini berapa peratus kah pembangunan itu disiapkan oleh kerana penduduk Sabah sedang menanti bilakah tentera laut ini dapat ditempatkan di Sepanggar supaya dapat dilaksanakan dengan secepat yang mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng): Bukit Bintang. Selepas itu Ipoh Timor dan menteri boleh jawab. Ipoh Barat tadi tak ada? Dia pergi luar.

4.54 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya suka merujuk kepada Butiran 010000 Pentadbiran Pertahanan. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa di Langkawi (LIMA) yang mana negara kita akan menganjurkan pada 6 hari bulan hingga 11 Disember 2005 untuk kali ke-8 yang disertai oleh banyak negara di dunia. Saya tidak pasti sama ada pameran antarabangsa ini benar-benar membawa keuntungan kepada Malaysia atau tidak. Selain yang saya faham bahawa komitmen Malaysia untuk menjadikan pameran ini acara tahunan adalah tinggi.

Saya ingin tahu sejak pameran ini diadakan sebanyak lapan kali, berapakah pendapatan perbelanjaan dan sama ada keuntungan atau kerugian yang diperolehi oleh negara dari pameran tersebut sejak mula dilancarkan? Apakah nama syarikat-syarikat yang diberi tugas dan tanggungjawab menguruskan pameran antarabangsa itu? Apakah faedah langsung dan tidak langsung yang diperolehi oleh Malaysia dan peserta-peserta pameran? Jumlah kunjungan pelawat yang datang dan jumlah urus niaga yang berjaya dijalankan.

Apakah pula rungutan penduduk tempatan dan orang luar negara berhubung pameran dan layanan serta perkhidmatan yang diberikan? Saya ingin tahu juga, Tuan Pengerusi, berapa banyak bil peralatan pertahanan sepanjang tempoh lapan kali yang di Malaysia berjaya perolehi baik untuk udara dan laut? Apakah syarat menyertai pameran oleh negara-negara asing dan bagaimanakah pula sambutan dari tahun ke tahun sejak dilancarkan? Tuan Pengerusi, saya menganjurkan soalan-soalan ini dengan maksud bahawa kita tidak mahu Malaysia terbabit dalam projek antarabangsa yang mana terpaksa menanggung kos yang tinggi saban tahun dan kurang memberikan pulangan.

Tuan Pengerusi, mengenai Program Latihan Perkhidmatan Negara, akhbar Star terbitan Sabtu lalu telah menyiarkan nama dan bakal-bakal pelatih baru sepanjang 2006, ada yang terpilih dan ada yang tidak. Tarikh bancian yang dijalankan oleh perkhidmatan latihan negara kita bagi tempoh dua tahun ke atas 10000 pelatihnya. Didapati 94 peratus respons bahawa latihan memberi mereka pengetahuan baru dan pengalaman berguna yang telah meningkatkan ketahanan fizikal dan mental para pelatih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung. Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Fong Kui Lun: Ini menjadikan mereka telah bertanggungjawab. Ini menunjukkan sistem pendidikan kita tidak berjaya mengisikan kekosongan yang disediakan oleh Program Latihan Perkhidmatan Negara dalam memperkasakan para pelatih. Ini bererti kerajaan terpaksa menjalankan lebih untuk menjadikan seseorang remaja berdisiplin dan berpandangan positif dalam hidup misalnya setahun tadika, enam tahun sekolah rendah, lima tahun sekolah menengah. Kesemua berjumlah 12 tahun dan ditambah pula kursus wajib Program Latihan Khidmat Negara selama tiga bulan, akan tetapi saya pertikaikan di sini ialah 10 peratus dari 10000 peserta PLKN menunjukkan keputusan yang

positif bagaimana daripada baki 90 peratus pelatih yang kita banci apakah mereka juga diberikan jawapan yang serupa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup masa.

Tuan Fong Kui Lun: Ini saya haraplah - menteri ini hari tak datang ke Dewan ini - Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan tentang ini. Ini ada satu rujukan kepada 00600 Kelengkapan berjumlah peruntukan sebanyak RM1,373,567,700. Ini satu angka yang besar. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berapa jumlah peruntukan ini yang akan disalurkan kepada kementerian untuk memberi kelengkapan khususnya kepada pentadbiran LIMA ini? Adakah ini merupakan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: ...sebanyak berapa peratus dalam peruntukan ini? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak mahu rehat, Yang Berhormat? Saya ingat Yang Berhormat nak rehat.

4.59 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sedang rehat. Harap boleh rehat.

Yang pertama saya mahu ucap tahniah dan syabas kepada pihak polis oleh sebab tak sampai 24 jam, sudah berjaya untuk menemui semula kesemua 21 pucuk senjata api dan 596 butir peluru yang dilarikan daripada stor senjata Kem Batalion Pasukan Gerakan Am PGA di Kubang Badak di Terengganu.

Saya rasa inilah sedikit-sebanyak ada memulihkan keyakinan orang ramai terhadap pihak polis dan saya ucap tahniah dan syabas. Inilah apa yang kita mahu lihat profesional yang cekap pihak polis hal yang lain masa yang lain. Tapi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baru mula, mana ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat hendak beri tahniah dan duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Sekejap lagi. Itu polis belum sampai *arm forces*.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Masalah ialah bagaimana perkara ini boleh berlaku? Sudah berapa kali? Yang pertama Al-Maunah di Gerik. Apa *consequence* yang begitu dahsyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran yang mana satu?

Tuan Lim Kit Siang: *Arm Forces* di bawah.....kalau mahu cari mahu satu minit nanti. Lebih baik kita janganlah. Terus masuklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum datang kena cari.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh. Saya boleh. Kalau kita mahu jimat masa tidak payahlah. Kita terus. Bagaimana boleh berlaku bahawa kelonggaran dan kecuaiannya menjaga tempat-tempat keselamatan itu. Kita mahu tahu apa tindakan yang diambil supaya perkara ini tidak berlaku lagi kerana ini satu *trust* yang mustahak.

Yang kedua yang terakhirlah, saya mahu tahu bahawa kenapa sekarang kita ada LIMA Show. Tahun 2002 pada masa itu LIMA Show ada satu pengumuman dibuat bahawa satu keputusan diambil untuk *refurbish* 10 F5 *jet fighter* dengan harga sebanyak lebih kurang kalau tidak silap saya RM500 juta supaya *recommission* FE *jet fighter* tetapi nampaknya banyak masalah berlaku. Ada tuduhan penyelewengan di mana MINDEF tidak mengikut janjinya menggunakan kontrak yang asal ialah *Langkawi R&D Catering Sdn. Bhd.* dan kenapa ini boleh berlaku dan apa kedudukan setakat ini dan mungkin dalam perkara ini

Public Account Committee pun perlu ambil perhatian untuk menyiasat. Tetapi sebelum itu kita harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu kepada kita kenapa ini boleh berlaku, latar belakang dan apa keadaan sebenarnya. Adakah F5 *jet fighter* sekarang terus tidak boleh digunakan. F5 *Jet fighter* - beratus-ratus juta ringgit kita belanja sekarang mahu *refurbish*, *recommision* tidak boleh oleh kerana masalah manusia, *management* (pentadbiran) dan bukan masalah senjata. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh barat dan Timbalan Menteri jawab.

5.02 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 02000 - Bantuan Bersama. Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kementerian Pertahanan telah menghantar beberapa angkatan anggota tentera ke Batam Geram di Pakistan pada hujung bulan Oktober-November. Akan tetapi bila mereka sampai di sana Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa tidak ada *supporting material* di sana. Di antaranya adalah di mana baru-baru ini bila salji sudah datang mereka tidak ada pakaian (*winter clothing*) to face the situation.

Saya ada beberapa gambar-gambar yang saya baru terima melalui email dari beberapa orang yang telah pergi dari kawasan saya ke tempat ini. Dikatakan mereka tidak ada langsung *tents* pun hingga perlu menggunakan *tents* dari negeri China kerana kita tidak ada *sufficient material and manpower*, Tuan Pengerusi.

Saya juga difahamkan di antara 120 orang, mereka dalam keadaan yang sangat serius, sangat rumit dan apakah tindakan yang akan diambil dengan serta-merta kalau kita tidak sedia kita tidak perlu hantar untuk membantu sesuatu negara. Saya tahu Pakistan baru ada gempa bumi. Kalau kita perlu hantar kita punya askar-askar mereka lagi dalam satu gempa bumi yang sendiri. Apa ini terjadi? Kem-kem yang disediakan tidak ada, perlu gunakan dari negara-negara lain.

Hari ini, pada pagi ini saya jumpa beberapa ibu bapa dari kawasan saya di mana anak-anak mereka berada di Batam Geram di Pakistan yang mengatakan salji sudah datang, tidak ada *winter clothing* langsung. Apakah ini betul dan apakah tindakan yang akan diambil.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin bertanya seorang Panglima Tentera bernama Jeneral Datuk Seri Abdul Aziz bin Zainal telah pergi ke tempat Batam Geram di sana dan telah mengatakan kepada askar-askar kita bahawa mereka hanya layak mendapat RM33 elaun sehari. Walhal dari segi undang-undang kita mengikuti United Nation Protocol. Adakah ini betul?

Saya difahamkan bahawa ramai di antara askar-askar yang dihantar ke Aceh hanya dibayar RM33 walhal Timbalan Perdana Menteri telah memberi *guarantee* bahawa mereka akan dibayar RM120 sehari. Tetapi patut bayaran adalah dari USD. Apakah ini satu perkara yang sangat aneh. Apa terjadi? Siapa yang menguntungkan dalam proses ini? Adakah askar-askar kita yang berada di luar negeri akan di *sacrifice* oleh kerana ada sesiapa yang menguntungkan dalam proses ini. Jangan kita lupa 20 tahun dahulu kita menjual Maggi mi kepada askar-askar di Sabah dan Sarawak dengan harga RM5 satu. Adakah perkara macam ini juga jadi. Bilakah askar-askar yang dihantar ke Pakistan akan balik? Itulah yang ditanya oleh ibu bapa yang saya jumpa pagi ini. Mereka tidak senang hati dengan anak-anak kita, wira-wira negara ini perlu berkhidmat di luar negara dengan tidak ada pakaian-pakaian untuk menghadapi musim salji.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Akhir sekali OPV. Apakah yang terkini mengenai perkara itu? Walaupun perkara itu saya bangkit mengenai dari soalan tertulis dikatakan perkara teknikal, apa? *What is so technical about it* hingga pihak Ahli Parlimen tidak tahu dan apakah akan jadi kepada beratus-ratus pekerja-pekerja di *dockyard*? Apakah mereka ada apa-apa *guarantee* bahawa mereka akan dibayar - sekarang mereka dibayar gaji bulanan yang tidak cukup setiap bulan. Bukan dapat gaji - dua bulan sekali, tiga bulan sekali.

Apakah kerajaan akan mengambil tindakan supaya pekerja-pekerja ini akan dapat gaji pada tiap-tiap bulan tanpa gagal. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Tuan Pengerusi, saya membaca buku bajet ini tapi tidak nampak butiran untuk Program Latihan Khidmat Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat mana satu?

Cik Fong Po Kuan: Sebab itu saya hendak minta Tuan Pengerusi.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan mesyuarat berapa ini, Tuan Pengerusi?

Cik Fong Po Kuan:boleh maklumkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa. Sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: Saya telah lihat depan dan belakang tapi tidak nampak butiran. Mungkin boleh bagi tunjuk ajar. Program Latihan Khidmat Negara di bawah butiran mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah? Yang Berhormat boleh beritahu ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa. Butiran tentang Program Latihan Khidmat Negara.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

5.09 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Pengerusi, pertama saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Jawatankuasa mengenai bajet tentang Kementerian Pertahanan ini, dan saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah berucap dan meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan.

Yang Berhormat bagi Gerik, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Sepanggar dan akhir sekali Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Kebanyakan daripada apa Ahli Yang Berhormat bangkitkan ini saya percaya sebahagian besarnya telah terkeluar dalam persoalan bajet awal yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan dan beberapa soalan juga telah dibangkitkan dan telah dijawab. Tapi pada dasarnya saya rasa sangat berterima kasih kerana kepekaan dan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat kita mengambil berat tentang kedudukan angkatan tentera dan keselamatan negara ini serta apakah sikap kita, masa depan kita sebagai rakyat, kita sebagai negara dan anggota tentera yang berkhidmat untuk kita dan untuk negara ini. Maka tidak hairan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap mengenai kemampuan anggota tentera kita, kesungguhan kerajaan dan kesediaan alat kelengkapan dan imbuhan yang diberikan kepada anggota tentera kita. Dan, apakah masa depan keselamatan negara ini, sama ada kita akan bertahan dengan senjata-senjata yang telah dibawa, masih digunakan sejak perang dunia yang kedua seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong dan lain-lain.

Saya percaya, hasrat kerajaan secara terbuka dan secara amnya adalah seperti kehendak Yang Berhormat untuk melihat bukan sahaja kita mempunyai negara yang kuat

dari segi pertahanan, kita juga berkehendakkan kita mempunyai anggota tentera yang berdisiplin dan sanggup mempertahankan negara kita ini dalam masa yang sama mempunyai kepakaran dan senjata yang sesuai.

Maka dengan itu, tidak hairan kalau kita memikirkan *sky hawk* tidak berguna, maka kita menggunakan F18 dan kita menggunakan akan membeli *sukhoi* dan kemungkinan pada masa hadapan kita akan melihat jenis-jenis teknologi yang canggih dalam menggunakan senjata bagi mempertahankan negara ini. Pada amnya juga, kita mesti tahu bahawa apabila kita nak menggunakan senjata dan teknologi yang moden dengan kelebihan-kelebihan kecanggihannya, kita mestilah membayar harga yang tinggi. Untuk melihat perkara-perkara seperti ini, jangan lupa bahawa kita perlu juga melatih anggota-anggota tentera kita bukan saja dari segi disiplin dan yang lainnya boleh menggunakan senjata-senjata yang ada.

Daripada persiapan kita seperti Yang Berhormat ketahui bahawa nak menggunakan senjata moden, kita mesti ada kekuatan mental. Maka dari segi persediaan *manpower*, kerajaan telah membuat satu sikap iaitu mengguna pakai tenaga rakyat yang ada di kawasan Parlimen masing-masing untuk dilatih, diserap menjadi anggota tentera wataniah. Tentera wataniah, pada dasarnya kita telah bersetuju dan saya melalui kedengaran cakapan dalam Dewan ini, keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat juga bersetuju bahawa tiap-tiap Parlimen kita akan lahirkan satu kompeni Askar Wataniah.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga bersetuju, bahawa sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyertai anggota wataniah di Parlimen masing-masing dan ada juga yang meminta pangkat-pangkat yang tertentu kerana menganggotai askar wataniah di Parlimen masing-masing. Untuk pengetahuan pada ketika ini, sudah terdapat lebih daripada 40 Parlimen yang telah menubuhkan kompeni askar wataniah di dalam Parlimen di seluruh negara kita dan responsnya adalah baik. Tetapi ada kalanya pengisytiharannya atau penubuhannya tergendala kerana ada ketika Ahli Yang Berhormat kawasan Parlimen yang berkenaan tidak ada ataupun ada sebahagian daripada anggotanya bekerja di luar dari Parlimen yang berkenaan, pada hari penubuhan itu mereka tidak dapat balik. Oleh sebab itu, penubuhan ini agak tergendala tetapi pada dasarnya semua Ahli Parlimen dan penduduk-penduduk pimpinan di kawasan Parlimen yang berkenaan sudah bersedia untuk menubuhkan satu kompeni askar wataniah di kawasan Parlimen masing-masing.

Persediaan ini adalah persediaan lanjutan daripada apa yang telah digalakkan oleh angkatan tentera mereka, angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bermula daripada sekolah apabila kita buat penubuhan PALAPES dan Kadet di sekolah-sekolah dan kolej. Lanjutan daripada ini, selain daripada untuk terus menjadi ahli profesional dalam angkatan tentera, mereka juga sebahagian daripadanya akan dipilih menganggotai PLKN. Dan, daripada kumpulan PALAPES mereka telah diajar untuk menggunakan senjata api dan di dalam PLKN juga kita merancang untuk melatih mereka menggunakan senjata api.

Saya percaya, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berhajat untuk cuba menggunakan senjata api M16, *Styer* dan sebagainya. Insya-Allah, seperti yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini.....

Cik Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu di bawah butiran mana, peruntukan untuk menjalankan Program Latihan Khidmat Negara ini. Saya pohon, di dalam buku Bajet ini di bawah butiran mana sebab sebelum ini, tahun lalu juga begitu, tak ada butiran, tapi peruntukan juga diluluskan. Jadi, saya nak tahu, kali ini di bawah butiran mana?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya akan pergi satu persatu, saya akan pergi satu persatu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah nanti dia akan jawab.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, apabila kami bahas di sini, kami ada kemukakan butiran. *[Disampuk]* Kalau pihak kementerian nak kami luluskan peruntukan, mesti ada butiran di dalam buku Bajet ini. Saya hanya tanya soalan yang paling asas di bawah butiran mana, di mana permohonan peruntukan untuk Bajet, untuk menjalankan Program Latihan Khidmat Negara. Di bawah butiran mana? Itu soalan saya. '00' berapa, itu saja. *[Disampuk]* Bawah butiran mana? Sebelum Yang Berhormat, kementerian Yang Berhormat boleh teruskan dengan jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat biar Timbalan Menteri menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat yang lain. Nanti lepas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, saya harap pihak kementerian mesti maklumkan di bawah butiran mana, peruntukan untuk menjalankan Program Latihan Khidmat Negara, sebab sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menjawab berkenaan Program Latihan Khidmat Negara. Itu sangat senang soalan saya. Butiran mana di dalam buku Bajet ini? Kalau tidak ada butiran tak boleh jalankan program ini, sebab tak ada peruntukan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pada dasarnya, pada amnya di bawah bahagian Pengurusan sebanyak RM400 juta.

Cik Fong Po Kuan: Dato' Yang Berhormat boleh tunjuk, ini buku Bajet *is from page 617*. Jadi, bahagian mana? 00 apa?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bawah Pengurusanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pengurusan, kata timbalan menteri, cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fon Po Kuan: Tuan Pengerusi, kalau kita baca kandungan dalam Pengurusan, satu perkataan pun tak sentuh Program Latihan Khidmat Negara. Ia hanya kata, mengekalkan paras kekuatan anggota TD sentiasa berada di paras operasi bagi menentukan keselamatan negara terjamin;

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Cik Fon Po Kuan: ... (b) merancang, menubuhkan pasukan, melaksanakan program penempatan informasipasukan TD dan anggota; (c) meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia yang berkualiti dan profesional melalui skim pengajian tinggi di dalam dan luar negeri; dan (d) merancang latihan dalam dan luar negara bersama dengan tentera negara lain bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman TD,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat, timbalan menteri

Cik Fon Po Kuan: Jadi jangan *simply-simply*.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ap, tak apa. Apa jawapan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nak baca lagi, saya nak dengar dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Okey, dia di bawah 010100 Pentadbiran Dasar Pertahanan.

Cik Fon Po Kuan: Tadi Pengurusan sekarang Pentadbiran. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, tidak apalah. Sekarang dia betulkan, tak apalah Yang Berhormat. *[Disampuk]* Tidak apalah, tidak payah Yang Berhormat.

Cik Fon Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah maklumkan. Sambung, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan tentang Pameran Lima bagi tahun ini. Tujuan diadakan Pameran Lima pada tahun ini supaya Langkawi berada di eta dunia kerana pengunjung di luar negara, terutamanya bagi pihak pengeluar peralatan senjata dapat mengenali Malaysia. Penganjur adalah pihak kerajaan dengan kerjasama Lima Sdn. Bhd. dan Lee Proton LIMA Sdn. Bhd. Peruntukan pameran ini adalah sebanyak RM5 juta sahaja.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Saya terkejutlah Tuan Pengerusi kalau baca 010100, dia mengatakan;

- (a) memastikan bekalan peralatan pejabat, perabot yang berusia lebih 10 tahun diganti;
- (b) memastikan serta mengekalkan penyelenggaraan kebersihan bangunan dan harta modal kalau keadaan baik pada setiap masa;
- (c) memastikan semua aktiviti perhubungan awam berjalan dengan licin dan lancar itu, PR work;
- (d) memastikan pengurusan sumber tenaga manusia yang cekap dan berkesan;
- (e) memastikan pengurusan pengauditan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan;
- (f) memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cepat dan mengikut peraturan; dan
- (g) menyediakan garis panduan dasar pertahanan negara dan menguasai pelaksanaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan: Jadi mana ada perkataan Program Khidmat Negara. Di bawah mana? Jadi tidak ada....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ... kaitan langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tahun lalu.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Tahun lalu begitu, tahun ini berulang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tidak apa Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, nanti saya serahkan kepada majlis untuk diputuskan, tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Apabila kita kata, mengurus hal ehwal manusia dan pentadbiran, dia sekali gus di dalamnya. Di dalam Latihan Khidmat Negara ini, kita ada beberapa modul yang kita jalankan dan beberapa tenaga yang telah kita kenakan serta implementasi dari segi pengurusan termasuk pentadbiran yang kita gabungkan sekali terkandung dalam beberapa fakta yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang susah Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kalau kita makanan, kita makan apa? Kalau kita kata tomyam apa dalam tomyam mesti ada? Cabai mesti ada, cili mesti ada, belacan mesti ada, udang mesti ada, kalau udang itu beberapa sen, cili itu berapa sen? Kalau kita kata tomyam berharga RM5.00 itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, ringkaskanlah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: yang dikehendaki oleh Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, Program Khidmat Negara salah satu program begitu penting dalam kementerian Yang Berhormat. Kalau kita baca Kementerian Sumber Manusia, walaupun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Cik Fong Po Kuan: ... petugas di luar negara dia ada butiran, pengubahsuaian menaik taraf dia ada butiran, pengurusan dan khidmat sokongan dia ada butiran, butiran aktiviti ada. Tetapi Program Khidmat Negara yang memakan belanja begitu banyak, satu butiran aktiviti pun tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Mengakuilah, mengakuilah tertinggal.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berikanlah satu....

Cik Fong Po Kuan: Kami akan maafkan, mengakuilah ketinggalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang sudah tulislah, cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tertinggal, kami akan maafkan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Tepuk]

Cik Fong Po Kuan: Kami bagi tiga kali peluang, ada satu lagi peluang untuk buat kesilapan. Tetapi akuilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini bukan kesilapan. Ini bukan kesilapan, kerana kalau dia kata masuk dalam pentadbiran, masuk dalam pengurusan, masuk dalam pemulihan masuk dalam pengendalian, dia sekali gus. Program Khidmat Negara melingkupi kesemua sekali.

Tuan Pengerusi ramai penduduk di kampung Nombak telah dipindahkan tetapi masalah diperlukan bantuan bekalan air dan elektrik. Kementerian telah menyediakan semula keperluan infrastruktur. Oleh itu bagi bekalan air, pihak Jawatankuasa Kerja Kampung hendaklah berusaha dengan Bekalan Air Sabah. Bekalan Elektrik pula pihak kementerian telah menjelaskan kos sumbangan kepada pihak Sabah Electricity Sdn. Berhad. Oleh itu penduduk kampung perlu berurusan dengan pihak tersebut.

Yang Berhormat bagi Sepanggar pembinaan jalan masuk ke TLDM Teluk Sepanggar melibatkan penduduk di kampung Gantisan. Setakat ini belum dapat kepastian. Perpindahan penduduk tersebut, jadi Yang Berhormat mohon dapat dilaksanakan secepat mungkin di tempat yang sesuai dengan menyediakan kemudahan air dan elektrik.

Sebanyak lima buah rumah di kampung Gantisan yang terlibat dengan pembinaan jalan masuk ke TLDM Teluk Sepanggar, kementerian akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri untuk memindahkan penduduk yang terlibat ke kawasan perindustrian Kota Kinabalu Industrial Park dengan kemudahan-kemudahan yang tersebut.

Yang Berhormat bagi Santubong, adakah dasar yang tertentu bagi menarik masuk bangsa-bangsa lain untuk menyertai, Angkatan Tentera Malaysia. Kementerian tidak ada mempunyai dasar-dasar khusus. Kemasukan bangsa-bangsa lain ke dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah secara terbuka, sama ada seperti bangsa Melayu di dalam APA dan juga di dalam bidang-bidang lain. Galakan secara terbuka telah pun disuarakan oleh pemimpin-pemimpin negara agar bangsa lain turut sama menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini, saya telah menjelaskan beberapa kali, bahawa pemilihan dan galakan untuk menyertai ini bermula daripada sekolah sampai juga

kepada PLKN, sampai juga kepada Askar Wataniah, sampai kepada askar-askar mengikut unit-unit tertentu. Tetapi kebanyakan daripada bangsa-bangsa lain ini tidak begitu berminat seperti pernah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kenapa orang tidak berminat kerana bayaran gaji dan elaun yang serupa ataupun yang rendah.

Kerajaan telah menaikkan gaji dan elaun mengikut profesion dan gred masing-masing dan ini telah kita cuba. Hari ini masih banyak juga daripada kalangan orang-orang bukan bumiputera tidak mahu menyertai ini kerana pada mereka bahawa kerja mencari sumber kewangan adalah lebih baik daripada kerja mendapat sumber kewangan melalui Angkatan Tentera Laut, Darat dan Udara. Walau bagaimanapun, kita percaya bahawa banyak daripada anggota-anggota ini rakyat kita....

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya setuju bahawa betul bahawa ramai di antara bukan bumiputera tidak minat untuk masuk dalam anggota ketenteraan. Tetapi, saya tahu dengan pernah betul-betul saya tahu, bahawa di antara ramai yang telah masuk bukan bumiputera itu tidak dapat kenaikan pangkat seperti kawan-kawan mereka yang lain, yang bumiputera itu, itu menjadi masalah.

Saya ada kawan-kawan yang masuk tentera, dia naik 100 tahap macam menjadi major, sampai 15 tahun di sana. Walaupun rekrut-rekrut semasa beliau major ini tunjuk ajar kepada rekrut-rekrut, beliau telah mendapat kenaikan pangkat lebih dari beliau, ini bukan satu atau dua, merata-rata *cross the board*. Ini ada perkara, mungkin ramai di antara pihak yang berkenaan tidak ingin cakap mengenai perkara itu, kerana sedikit sensitif. Tetapi ini adalah satu di antara sebab-sebab. Saya harap ini dapat diberhentikanlah.

Di Naval Base di Lumut adalah di antar di mana kawan saya sendiri seorang komander yang kata dia rekrut. Beliau sekarang adalah bos dia. Bukan dia kata dia tidak layak, tetapi dia kata saya sudah lama berkhidmat, saya ada kelayakan yang lebih dari dia saya *masters holder*, tetapi saya setakat oleh sahaja, macam mana? Ini satu di antara masalah. Mungkin timbalan menteri lebih arif dalam perkara ini, mungkin dapat memberi penerangan atau boleh mengambil tindakan susulan mengenai perkara ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, dalam pemilihan atau kenaikan pangkat dan sebagainya, saya percaya peraturan-peraturan ini telah lama dijalankan sejak daripada sebelum kita merdeka, saya selepas kita merdeka. Tidak bermakna bahawa tidak ada orang-orang bukan bumiputera tidak mendapat kenaikan pangkat, tetapi tidak hairan juga macam seorang guru yang telah mengajar anak muridnya kemudian guru ini belajar di universiti anak muridnya menjadi pensyarah. Ini tidak terdapat dalam angkatan tentera, tetapi di dalam profesion perguruan.

Kenaikan pangkat dan kedudukan mesti berasaskan pada beberapa faktor, berasaskan juga kepada profesional yang telah dipilih. Kita jangan menaruh syak wasangka dan pada amnya pemilihan dan peluang adalah terbuka di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Oleh sebab itulah kalau kita hendak mengatakan bahawa orang-orang Melayu akan pilih orang Melayu menduduki tempat yang baik tetapi terdapat juga orang bukan Melayu dapat tempat baik. Di dalam memilih pemandu jet pejuang ada terdapat orang bukan Melayu yang menjadi pemandu jet pejuang dan di antara pemandu jet pejuang ada orang perempuan daripada kalangan orang Cina yang menjadi pemandu jet pejuang. Kalau kita hendak mengesyaki bahawa terdapat diskriminasi ataupun pilih kasih, maka tidak akan terdapat seorang wanita Cina yang pemandu jet pejuang ini. Dalam perkara lain juga saya meminta bahawa apa yang telah diamalkan sepanjang masa ini adalah satu amalan yang boleh diterima dan saya tidak dapat lagi sepanjang 1 tahun lebih di kementerian ini surat sama secara rahsia ataupun secara terbuka ataupun diucapkan oleh....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:ibu bapa dan keluarga tentang pemilihan kenaikan pangkat bagi anak-anak mereka di dalam angkatan tentera pada masa ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya mendengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya tidak pernah berkhidmat dalam tentera tetapi saya pernah berkhidmat dalam *police force*, sama juga macam tentera.

Komander saya yang pertama ialah seorang India nama dia A. S. Nathan. Komander Batalion saya yang pertama di Sibu ialah seorang India juga nama dia K. S. Nathan, semua orang India. Komander Briged kami ialah Yusof Khan, orang Pakistan jadi saya tidak melihat perkara ini berlaku, Tuan Pengerusi, tetapi apa yang saya hendak tanya dengan kementerian di sini ialah satu perkara, kalau "tidak kenal maka tidak cinta". Kalau kita lihat di Egypt umpamanya, lepasan daripada universiti dimasukkan ke dalam tentera sebagai menyahut *National Service Call* di Egypt, 2 tahun.

Selepas berkhidmat 2 tahun secara wajib ini, mereka diberi peluang ataupun opsyen dengan izin untuk sama ada berkhidmat terus dalam tentera ataupun keluar mencari pekerjaan. Jadi dengan pengalaman yang 2 tahun saya pernah banyak berjumpa dengan pegawai-pegawai ini, lepasan-lepasan ini, mereka yang tidak menyukai angkatan tentera sebelumnya mendapati banyak kemudahan, keistimewaan dan kebaikan dalam perkhidmatan tentera itu yang boleh memenuhi cita rasa kehidupannya. Jadi mereka terus berkhidmat dalam angkatan tentera dan dalam satu soalan dia boleh mengatasi masalah soal "tidak kenal maka tidak cinta" ini dan yang kedua boleh juga mengatasi masalah graduan yang menganggur, tidak terisi ini. Jadi secara keseluruhannya kita boleh memperkenalkan angkatan tentera kepada pihak-pihak graduan dan angkatan tentera, orang semua sekali, bukan atas kehendak dia sendiri tetapi akhirnya dia menyukai angkatan tentera. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, dalam masalah ini kita saya mengatakan kementerian sendiri dan angkatan tentera sendiri memang ada menggalakkan rakyat dan orang-orang tertentu ataupun orang awam untuk menyertai angkatan tentera ini, peluang-peluang yang diberikan.

Kita telah mengatakan bukan sekali menjadi tentera, dia akan terus menjadi tentera kerana peluang ini ada digalakkan kepada anggota-anggota yang telah berkhidmat, kemudian anggota-anggota yang telah habis perkhidmatan untuk menceburi dalam bidang-bidang yang lain. Jadi jangan kita mengambil sikap, jangan juga orang yang belum menjadi anggota tentera mengambil sikap kalau mereka menjadi anggota tentera. mereka akan mati menjadi anggota tentera. Dalam amalan kita, kita beri peluang kepada anggota tentera kita untuk mengikuti kursus-kursus yang tertentu dalam waktu mereka berkhidmat dan sebelum mereka habis perkhidmatan, mereka boleh memilih untuk terus menyertai profesion dalam latihan yang tertentu yang dijalankan oleh badan-badan yang tertentu supaya mereka boleh menceburkan diri.

Peluang-peluang ini semua rakyat kita bermula daripada sekolah sampai kepada kalangan belia dan orang dewasa mengetahui, tetapi apa daya kita kalau peluang ini kita katakan ada terdapat mereka tidak boleh mempercayai bahawa ini adalah di antara peluang yang baik yang mereka mahu menyertai. Alhamdulillah, orang-orang Melayu, bangsa bumiputera dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak menyahut seruan ini dan jangan timbul rasa ragu bilangan mereka terbanyak di dalam anggota tentera kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya hendak ucapkan rasa terima kasih dan hormat kepada kalangan kumpulan ini yang telah sanggup menyertai anggota tentera kita selain daripada dengan semangat patriotisme yang tinggi dan mendalam yang menjadikan bilangan anggota kita bertambah menjadi lebih daripada 100 ribu orang.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangkit mengenai bahawa kajian terdapat 10% pelatih yang dijalankan adalah pasif, bagaimana dengan baki 90% pelatih yang lain. Latihan di dalam Khidmat Negara ini telah memberi peluang kepada semua pelatih dan di dalam Latihan Khidmat Negara ini juga tidak dipilih bahawa orang India akan diajar seperti keperluan-keperluan budaya dan keperluan orang India dan orang Cina diajar mencari budaya dan keperluan orang-orang Cina, orang Melayu, orang Iban, Dusun dan sebagainya. Latihan dalam Khidmat Negara adalah menyeluruh. Saya tidak menolak bahawa Latihan Khidmat Negara selama 3 bulan ini boleh mengubah sikap keseluruhan 100% pelatih-pelatih dalam Khidmat Negara.

Tetapi saya boleh mengatakan dengan bangganya apabila saya membuat lawatan dan berjumpa berdialog dengan pelatih-pelatih di pusat Latihan Khidmat Negara, mereka kebanyakannya 90% lebih suka dengan latihan ini. Kalau tidak ada di antara mereka yang lari ataupun ada di antara mereka yang akan meminta untuk keluar daripada pusat Latihan Khidmat Negara waktu Latihan Khidmat Negara ini dijalankan.

Dalam siri fasa ketiga, siri yang kedua pada tahun lepas iaitu pada bulan 9, kumpulan ini telah dipanggil masuk dalam Khidmat Negara. Apabila kita mengetahui ataupun keluarganya memberi pengetahuan memaklumkan kepada kita bahawa anak-anak ini telah dipilih untuk mengikut sebagai pelajar di universiti ataupun pelajar persediaan di peringkat kolej dan sebagainya, kita benarkan mereka ini balik.

Tetapi apabila mereka ini balik setelah selesai mengikuti kursus ini, mereka minta untuk balik, balik ke dalam Pusat Latihan Khidmat Negara. Ini membuktikan bahawa terdapat satu jalinan persefahaman rasa kemesraan dan perpaduan yang baik yang menjadikan sebenarnya mereka boleh terus balik, memang kita benarkan mereka balik tinggal terus di universiti ataupun dengan keluarga mereka. Tetapi apa yang saya hendak terangkan kepada Ahli Yang Berhormat mereka sanggup menerangkan dengan tulus ikhlas setelah selesai kursus dan kebenaran ini mereka minta masuk balik ke dalam Pusat Latihan Khidmat Negara dan meneruskan latihan ini sehingga habis tamat latihan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini membuktikan ia tidak menakutkan dan tidak menjejaskan, bahkan merangsang mereka untuk terus tinggal lebih lama lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita mengikuti perkembangan, memang program ini merangsang. Persoalannya iaitu apakah kementerian berhasrat untuk mempertingkatkan lagi kursus-kursus yang sedia ada ini ataupun latihan supaya bukan sahaja merencanakan program ini, tetapi mereka boleh menjadi mungkin macam di Singapura menjadi tentera simpanan yang boleh kita rekrut bila-bila masa dan faham menggunakan senjata, faham bagaimana dasar pertahanan, faham bagaimana keyakinan diri, jadi ini rasa saya lebih efektif. Kita memang bersetuju dasar sekarang ini memang baik tetapi kita perbaiki lagi untuk memastikan bahawa mereka bersiap-sedia menjadi warganegara masa depan kita. Minta penerangan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, kurikulum dan sistem pembelajaran dan pengasuhan di Pusat Latihan Khidmat Negara ini bukan statik dan oleh sebab itu ahli lembaganya silih berganti, dan mereka menilai daripada masa ke masa apakah yang perlu dianjak ataupun perlu ditambah ataupun perlu diubahsuai.

Sekarang ini Pengerusi Lembaga Pusat Latihan Khidmat Negara ialah bekas Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang Tan Sri Lee Lam Thye. Kalau dahulu kita katakan ialah seorang bekas profesor sekarang sudah meninggal dunia, kerajaan telah memilih Tan Sri Lee Lam Thye untuk menjadi Pengerusi dan apa yang menyukakan kita Tan Sri turun ke padang, dia turun ke banyak Pusat Latihan Khidmat Negara dan saya percaya sikap yang diamalkan oleh beliau, beliau akan berjumpa dengan anak-anak bahkan kemungkinan akan berjumpa dengan ibu bapa mendengar laporan sama ada program-program yang telah

disusun ini patut diteruskan ataupun diubahsuai, ataupun dibuang dan diganti. Ini peluang yang ada dan seperti Yang Berhormat Santubong mengatakan bahawa, kenapa kita tidak membuat seperti Singapura memberi latihan, bukan dia memberi Latihan Khidmat Negara dia adalah *service*, iaitu untuk mempertahankan negara itu dan dibawa di dalam asuhan ketenteraan, kita tidak membawa dalam asuhan ketenteraan, tetapi kita juga memberi peluang kepada anak-anak ini untuk mengetahui sedikit sebanyak tentang penggunaan senjata api, tentang kawad, tentang disiplin-disiplin sebagai seorang tentera dan disiplin sebagai rakyat yang berguna kepada negara ini. Insya-Allah bahawa peluang untuk mereka melanjutkan dan untuk mereka memahami, untuk mereka menginsafi dan untuk mereka menjalankan hidup mereka.

Proses pengubahsuaian minda dan tenaga manusia ini akan diteruskan dalam Program Latihan Khidmat Negara ini. Kita akan bersama-sama dan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah banyak peluang untuk sama ada bercakap di dalam Dewan ini ataupun menulis terus kepada kita, kepada kementerian atau Program Latihan Khidmat Negara. Cadangan-cadangan yang sesuai kita akan cuba dan pakaikan sekiranya boleh menarik hati dan boleh menolong anak-anak kita untuk berjaya pada masa hadapan, itulah sebenarnya harapan kita dan itulah harapan negara ini.

Yang Berhormat dari Kepong - adakah TUDM memperolehi sebarang maklumat mengenai kegagalan enjin pesawat pejuang SU30 MKM yang bakal dibeli oleh TUDM

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Padang Terap bangun, Padang Terap.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak berpatah balik kepada Program Latihan Khidmat Negara. Kita mengikuti perkembangan Program Latihan Khidmat Negara memang dia menakjubkan dan memberikan kesan yang baik kepada anak muda kita, cuma saya bangkitkan di sini tentang menu yang disajikan di Program Latihan Khidmat Negara.

Saya tengok menu yang dihidangkan macam buah misalnya epal merah, buah lai, limau Sunkist, semuanya diimport daripada luar negara, sama juga ikan dan daging. Adakah kita bercadang supaya memberi buah-buahan tempatan dibekalkan kepada para peserta Program Latihan Khidmat Negara di seluruh negara kita. Juga memberi ikan-ikan air tawar seperti ikan tilapia, ikan keli misalnya untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan menjual buah-buah tempatan dan juga ikan-ikan tempatan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang menu-menu atau dikaji semula atau sebagainya, minta pandangan dari Yang Berhormat mengenai isu ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, apabila Program Latihan Khidmat Negara memberi kontrak dan menyediakan makanan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain, dia ada satu *guide line* dan perkara-perkara yang akan ditetapkan. Oleh sebab itu dari segi makanan umpamanya, di Semenanjung Malaysia kontraktor hanya akan mendapat bayaran sebanyak RM16 bagi menyediakan makanan sarapan pagi, minum teh pukul 10, makan tengah hari, minum teh petang, makan malam sarapan ataupun kita katakan *supper*. Tetapi bagi Sabah dia lebih RM20. Pemilihan-pemilihannya apabila diperlukan daripada segi, katakanlah selepas makan ada buah, biasanya bukan bermakna sunkist mesti setiap masa, epal mesti setiap masa ataupun kita kata *blueberry* mesti setiap masa, ia berubah-ubah. Ada kalanya, bahkan kuih pun apabila pelatih-pelatih dan saya sendiri membuat tinjauan pelatih tidak suka dengan kita kata "bengkang", maka kontraktor akan mengubah mengikut selera pelatih, tetapi mesti tidak boleh membebankan kepada kontraktor dengan membeli satu bahan yang harganya tinggi, yang tidak sesuai dengan apa yang telah ditetapkan.

Saya sangat setuju dan oleh sebab itulah maka Program Latihan Khidmat Negara ini tidak dibuat dalam bandar, maka Program Latihan Khidmat Negara ini dibuat di luar bandar. Bukan sahaja kita hendak beri peluang kepada orang-orang di luar bandar dapat

merasai nikmat dan mengetahui program, tetapi dapat membekalkan, mencari peluang perniagaan dan sebagainya. Maka sayur-sayuran boleh dibeli daripada penanam-penanam sayur tempatan di samping kita melatih anak-anak kita beri peluang kepada penduduk-penduduk untuk mencari rezeki.

Dato' Firdaus bin Harun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan, pada tahun hadapan di jangka 90,000 pelatih akan mengikuti Program Latihan Khidmat Negara, ini yang akan dipilih secara *random* atau secara rawak melalui senarai yang ada sedangkan kita ada lebih 400 ribu, hendak dekat 500 ribu pelajar-pelajar lepasan SPM. Jadi mengikut kajian yang dijalankan oleh NS Training Council, Majlis Program Latihan Khidmat Negara ini sambutan daripada mereka yang telah menghadiri program ini, kajian terhadap 10,000, mereka mendapati bahawa sambutan ini sangat baik malah 94 peratus mengatakan mereka mendapat pengetahuan baru, 90 peratus dapat meningkatkan ketahanan fizikal mereka dan 90 peratus lagi mendapat pengalaman baru yang sangat berguna kepada mereka. Jadi soalnya bagaimana mereka yang tidak dapat peluang dan tak terpilih, adakah mereka berpeluang untuk menyertai program ini pada masa-masa akan datang atau adakah mereka menulis sendiri kepada pihak Program Latihan Khidmat Negara? Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ingin bertanya.....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kalau terlajak makanan, minum air. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Yang Berhormat pada suatu masa apabila kami pergi melawat ke kem di Kulim, pelatih mengadu, pelatih-pelatih Cina, mereka mengadu bahawa makanan yang disajikan iaitu sayur dan kadang-kadang ayam dan kadang-kadang daging lembu. Jadi mereka kata kalau pada hari yang dibekalkan daging dan sayur maka mereka tidak makan daging. Jadi mereka hanya makan sayur dan mereka minta ada dua pilihan, ayam atau daging. Siapa-siapa mahu makan daging, daging, siapa-siapa tidak boleh daging dia ada pilihan untuk ayam dan bukan menafikan mereka mendapat lagi satu makanan, sekian.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat juga sebagai Ahli Lembaga Pelawat ya?

Tuan Lim Hock Seng: Ya....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasihlah...

Tuan Lim Hock Seng: Pada masa itu ada kes.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jawab dahulu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, ini hendak jawablah ini. Jadi perkara itu kita boleh memaklumkan kepada kem yang berkenaan. Sememangnya kita memaklumkan kepada operator kem supaya dalam masalah pemilihan jenis makanan ini kita jangan hanya ada satu, sehingga tidak ada pilihan di mana terdapat peserta-peserta tidak boleh buat satu persediaan yang lain. Kalau tidak suka makan daging atau tidak boleh makan daging, maka tidak makanlah hari itu hanya makan sayur sahaja. Jadi kalau tidak boleh makan sayur tidak ada pula yang lain, maka tidak bolehlah makan yang lain hanya makan sayur sahaja. Saya ingat kita boleh terima pandangan itu dan insya-Allah kita akan maklumkan kepada operator yang baru yang akan bermula pada Januari ini.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu objektif Program Khidmat Negara adalah untuk memupuk perpaduan dan saya percaya juga itu perlu dipertekankan dan saling memahami budaya dan agama antara pelatih-pelatih di dalam kem.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah dapat banyak maklum balas daripada pelatih mereka tanya mengapa hanya makanan satu kaum sahaja yang disajikan dalam kem-kem latihan khidmat negara, sebab saya percaya melalui makanan juga kita dapat memahami budaya antara satu sama lain. Mereka kata mengapa mereka disajikan makanan pedas-pedas sahaja? Makanan kaum Melayu sahaja? Mereka pun kata apa salah kalau disaji makanan kaum Kadazan, kaum Iban, kaum India, kaum Cina? Jadi mereka pohonlah melalui cara ini boleh antara satu kaum yang lain memahami budaya lain.

Yang kedua ialah lagu. Mereka kata ada aktiviti waktu malam tetapi hanya satu lagu sahaja dimainkan. Mengapa tidak ambil kesempatan itu memainkan lagu kaum yang lain? Jadi mereka boleh memahami lagi melalui lagu, bahasa dan makanan. Itu saya pohon pandangan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya pun pergi melawat banyak juga tempat tetapi fasal lagu tidak bangun dia tidak bangkitkan. Fasal makanan ini pun dia tidak sangat bangkitkan. Kalau kata sayur ini orang Cina tidak makan, saya pun hairan. Ataupun sayur Kadazan, Iban, Murut tidak makan saya pun hairan. Sebenarnya apa yang telah diasaskan oleh Lembaga ini jenis-jenis makanan yang diberi kepada peserta ini adalah merupakan satu *blend* yang tidak boleh makan lima tetapi empat tiga mesti boleh makan. Ia melibatkan makanan yang memang menjadi amalan makanan oleh semua kaum.

Yang Berhormat daripada Bagan juga ada mengatakan terdapat kadang-kadang - bukan selalu - maka kadang-kadang inilah kita harap bahawa peserta PLKN bila hendak memilih seleranya maka terdapat kadang-kadang selera ini tidak sesuai. Inilah satu latihan yang tidak disedari. Kita tidak boleh memuaskan hati kita pada setiap ketika. Ada ketika kita mesti tidak puas hati untuk memuaskan hati orang lain. Saya percaya parti pembangkang pun macam itu, hendak minta supaya memuaskan hati semua orang. Kadang-kadang parti pembangkang pun tidak memuaskan hati orang lain juga tetapi orang lain mesti menerima mesti ada pembangkang dalam negara ini.

Dan sekarang kita sedang bertarung untuk hendak mengambil kerusi di pilihan raya kecil kawasan Pasir Mas. Tetapi ini kalau kita cakap sini pun tidak boleh menang dalam pilihan raya tetapi sebenarnya kita hendak bagi menang kita sudah pergi. Tetapi DAP tidak pergi kerana DAP tidak ada bertanding di sana.

Datuk Haji Hasan bin Malek: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Pilah Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. PLKN ini memang menjadi....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Hasan bin Malek: Kacaulah pembangkang ni!

Dato' Firdaus bin Harun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Pilah, Kuala Pilah, Rembau sila duduk.

Datuk Haji Hasan bin Malek: PLKN ini sudah menjadi satu isu yang begitu pentinglah dan mendapat pujian daripada kebanyakan masyarakat. Cuma ada beberapa masalah lain yang mungkin tidak secara langsung menjadi tanggungjawab kementerian

tetapi itu sebenarnya masalah di peringkat akar umbi. Misalnya sebagai contoh ialah tentang pembayaran kepada sub-sub kontraktor....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Hasan bin Malek: Ya? Oh, tidak apa. Dia tidak buat kerja, dia tidur itu.

Jadi saya sebutkan ini kerana pihak kontraktor yang menjadi pemaju kepada kem tersebut tidak membayar kepada sub-sub kontraktor yang membuat kerja untuk menyiapkan ataupun hendak membina kem-kem di tempat ini. Sebagai contoh yang saya sebutkan tadi ialah di Kuala Pilah. Sub-sub kontraktor itu tidak dibayar oleh main kontraktor membuat kerja-kerja untuk membina kem, kem sudah siap tetapi pembayaran masih lagi tidak dapat. Ini sudah jadi satu masalah dan saya telah panjangkan dan telah kemukakan masalah ini kepada kementerian, tetapi dari segi kementerian memang benarlah dari segi undang-undang ataupun tanggungjawab memang mereka tidak bertanggungjawab secara langsung kepada "sub" ini. Tetapi ini sebenarnya menjadi masalah.

Soalan saya ialah sama ada pihak kementerian akan membiarkan perkara ini berterusan begitu sahaja ataupun mengambil tindakan kepada kontraktor, main kontraktor ini untuk memastikan pembayaran kepada sub-sub ini dapat dibuat. Dan ini juga ada kaitannya juga dengan masalah lama dahulu iaitu berkenaan dengan kontraktor-kontraktor yang membuat memberikan perkhidmatan pengangkutan kepada kem-kem di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila selesaikan isu PLKN, kita boleh berpindah kepada tajuk lain.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini kita biasanya ada satu persetujuan, apakah yang akan dibuat oleh kontraktor dan bagaimana dia hendak buat bagaimana dia hendak bayar dan bagaimana dia akan tuntutan. Apabila kita membuat perjanjian dengan main kontraktor maka kita akan bayar dengan main kontraktor sahaja. Kita tidak boleh hendak bayar kepada sub kontraktor tetapi ini tidak bermakna dalam amalan kerajaan tidak ada kerajaan tidak melindungi sub kontraktor.

Ada terdapat umpamanya kontraktor-kontraktor kelas F yang telah diberi perlindungan apabila dia kontraktor kelas F mengadakan sub, kerja-kerja sub ini daripada main kontraktor. Dan kita telah memanggil mengikut pengalaman saya waktu di Kementerian Kerja Raya dan juga di kementerian-kementerian lain ini, apabila perkara ini sudah ada *clause* yang membenarkan kita meminta main kontraktor untuk membayar wang kepada sub kontraktor kalau duit itu ada pada kita. Biasanya dalam kontrak PLKN ini mereka menyiapkan dahulu semua kerja-kerja ini barulah kita melihat dia kontraktor yang berkenaan telah menyiapkan kesempurnaan keseluruhannya daripada segi infrastruktur dan lain baru kita boleh dia untuk kita masukkan peserta kita. Jadi pandai-pandailah dia. Oleh sebab itu kalau perkara ini menjadi satu yang agak dan memudaratkan kita tidak memberi jaminan tetapi kita boleh panggil berunding minta mereka berunding bagi menyelesaikan perkara yang berkaitan. Insya-Allah.

Dato' Firdaus bin Harun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat berikan jawapan kepada soalan saya tadi iaitu pada tahun hadapan cuma 95,000 sahaja pelajar yang akan dipilih untuk menyertai program PLKN. Jadi bagaimana pelajar-pelajar yang lain yang berminat tetapi tidak terpilih untuk menyertai skim ini, bolehkah mereka menulis surat dan sebagainya untuk menawarkan diri? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat jangan tersilap, ya. Kalau kita berasaskan anak-anak pelajar di sekolah pada hari ini ada lima juta. Kalau kita mengambil pada setiap tahun ada bukan 100,000 yang

akan keluar daripada sekolah di peringkat lulusan SPM ataupun tahun SPM. Dia ada lebih beratus ribu, bahkan berjuta. Jadi yang mampu kita ambil daripada dahulu 85,000 kita telah buat keputusan untuk tambah lagi menjadi 95,000. Siri pertama dalam tahun yang akan datang ini kita akan bermula dengan siri 95,000 dibahagi kepada tiga fasa dan fasa pertama ini saya ingat lebih kurang 30,000 juga. Jadi berbanding dengan 28,000 yang telah kita ambil pada masa yang akan datang. Kalau Yang Berhormat bertanya macam mana yang lain, tunggulah nasib dia kita akan pilih. Dalam ketika kita pilih pun pada tahun lepas siri yang akhir kita pilih 38,000 - 10,000 yang tidak datang. Terdapat kem-kem ini yang dianggarkan boleh memuat sebanyak 300 orang yang hanya tinggal 120 orang sahaja. Ini....

Dato' Firdaus bin Harun: Soalan saya tadi....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Dato' Firdaus bin Harun: Nama dia tidak ada dalam senarai tetapi dia berminat hendak masuk. Bagaimana bolehkah mereka memohon?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Boleh.

Dato' Firdaus bin Harun: Boleh tidak?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Boleh.

Dato' Firdaus bin Harun: Kepada siapa hendak mohon itu, adakah kepada terus kepada kem yang sedia ada ataupun kepada siapa?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak ada, tidak boleh. Kem tidak ada kuasa untuk menerima.

Dato' Firdaus bin Harun: Terus pada PLKN?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pada PLKN, boleh pada kementerian boleh.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tetapi yang lepas sekolahlah, yang sudah tua melaut tidak boleh dah. Itu kita boleh menilai, itu pun kalau ada pada tempat yang berkenaan. Umpamanya 30,000 yang kita pilih ini ada yang akan tertinggal kerana ada program-program yang telah dia dikecualikan. Maka tempat-tempat itu boleh kita susun mengikut permintaan daripada individu yang berkenaan. Insya-Allah kita buka peluang ini, tetapi jangan kata bila dia menulis mesti dapat, kita tidak tentu boleh dapat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa kementerian tidak ada kuasa untuk membayar secara *direct* kepada subkontraktor, perlu bayar kepada *main contractor*, kenapa? Bukankah amalan ini di mana ada kes-kes tertentu di mana pembayaran ada dibuat kepada *subcontractor side line main contractor* kena berlaku? Kenapa ada masa boleh ada masa tak boleh?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi, ada yang kita cakap orang setuju, ada kita cakap orang tak setuju. Bila kerajaan cakap pembangkang tidak setuju, bila pembangkang cakap kerajaan tak setuju.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan. Perkara ini bukan setuju tak setuju. Ada berlaku ada masa di mana kerajaan bayar terus kepada subkontraktor *side track* ke *main contractor* tetapi yang sekarang Yang Berhormat kata tidak boleh. Ini bukan setuju tak setuju, ini yang berlaku, kenapa ada itu perbezaan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dia tak ada perbezaan, yang berbeza ialah kefahaman. Yang Berhormat agak tertinggal apa yang telah saya terangkan, Yang Berhormat keluar tadi. Yang Berhormat keluar kalau Yang Berhormat tak keluar Yang Berhormat mesti faham. Ada ketika di mana kita telah menerima persetujuan di mana kontraktor kelas F yang dapat subkontrak daripada kelas lain dan dia tidak dibayar mereka mengadu kepada kita, maka *the main contractor* kerajaan ada duit lagi, maka kita berunding dengan dia untuk kita bayar terus kepada subkontrak yang dia pilih. Ini kita tak tahu,

subkontrak yang telah dibuat lebih awal sebelum dia menerima ataupun kita membenarkan dia menjadi penerima pelatih-pelatih di kem yang berkenaan.

Kejadian ini lebih awal dan subkontrak yang berkenaan tidak pernah mengadu kepada kita waktu dia menjalankan kerja. Apa yang telah saya katakan dulu ialah ketika menjalankan kerja dia tak bayar. Ini sesudah bekerja dia tak bayar. Ini dia punya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...perbezaan dia.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa tentang kontraktor utama yang saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Pilah bahawa ada satu kes aduan kepada saya bahawa *main contractor* tidak membayar walaupun kontrak kerja sudah dibuat adakah tindakan diambil oleh Kementerian bahawa kontraktor utama ini adakah disenaraihitamkan mereka jika ia berlaku seperti yang saya sebutkan walaupun kerja telah disiapkan tetapi subkontraktor tidak dapat bayaran oleh kontraktor utama ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Yang Berhormat jika ia benar-benar berlaku di sini. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat, saya dah jawab tadi. Saya kata kes ini kita tidak tahu dan sekiranya berlaku dan maklumkan kepada kita untuk kita melihat ataupun kita bawa *main contractor* dengan subkontraktor berunding dan bagaimana persetujuan yang boleh dibuat dan bagaimana kita boleh membantu sama ada kepada *main contractor* atau kepada subkontraktor bagi menyelesaikan masalah pembayaran tertunggak, terhutang.

Itu boleh kita bantu tetapi kalau kita sudah bayar semua kerja yang telah dijalankan dan kita bayar mengikut seperti yang telah kita janjikan dengan *main contractor* kerja-kerja subkontraktor mesti dibayar oleh *main contractor* bukan minta daripada kewangan yang ada pada kita kerana bayaran telah kita jelas, telah kita langsaikan. Kita sudah bayar itu, kita boleh bantu daripada segi perundangan, daripada segi macam mana supaya perkara ini tidak boleh berlaku lagi. Kita tidak ada sebab untuk hendak mengambil tindakan kepada dia kerana dia menipu subkontraktor dia, kerana perjanjian dia dengan kita dan kita tidak menipu dia, dia tidak menipu kita.

Apabila berlaku penipuan luar daripada kuasa dan kebudayaan kita saya hendak beritahu seelok-eloknya kita tidak campur tangan tetapi kalau ada orang minta untuk kita melihat perkara ini saya sudah beritahu kita boleh tolong macam mana cara hendak selesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tak panjang tetapi kalau tak ada soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, selesaikan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Kepong bertanya tentang TUDM dan pesawat SU30. Pihak Rusia telah mempertingkatkan kemampuan enjin pesawat ini. Masalah yang terdapat oleh tentera udara India telah disalurkan kepada pihak Rusia, adalah dijangka setelah setahun masalah ini diatasi, Malaysia dijangka menerima enjin yang lebih baik. Itu dalam tinjauan kita.

Yang Berhormat bagi Lipis pula membangkitkan perumahan anggota-anggota tentera. Perumahan untuk anggota tentera kini mengandungi minimum tiga bilik, dia bukan dua bilik di mana bangunan-bangunan lama telah dibuat keputusan untuk diubahsuai supaya sama ada dia menjadi tiga bilik atau lebih kerana kita menggandingkan dua unit menjadi satu dan mana-mana bangunan baru kita akan kekalkan supaya dia menjadi tiga bilik untuk keluarga anggota tentera.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Tuan Pengerusi, ini semasa lawatan saya ke Kem Lapan RMD di kawasan saya. Jadi saya bertanya kepada CO pada masa itu dia

berkata masih dua bilik. Jadi kita mintalah kalau itu disegerakanlah mengikut standard yang ditetapkan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dasar kita tidak lagi mengadakan satu unit dua bilik, kita ada mesti satu unit dua bilik. Bangunan lama kita cantumkan iaitu dua unit menjadi satu dan kita jadikan tiga bilik ataupun kalau kita boleh jadikan empat bilik, kita jadikan empat bilik dalam unit yang berkenaan. Ini dasar dan amalan yang sedang kita jalankan. Insya-Allah, pada keseluruhannya nanti kita dapat atasi masalah ini.

Yang Berhormat bagi Lipis juga telah minta penjelasan elaun khidmat awam. Pihak angkatan tentera menyedari perkara ini dan telah memohon agensi pusat, agensi pusat melalui Kementerian Pertahanan agar memanjangkan elaun khidmat awam ini kepada pegawai Angkatan Tentera Malaysia sekarang, ini kita sudah panjang.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, mengenai R&D *Robotic* Kementerian/ Institut Sains Teknologi Pertahanan masih tiada kepakaran dalam *robotic* ini. Mentabung - elaun askar wataniah. Elaun pegawai RM4.35 dan lain-lain pangkat RM3.00 kadar lama, elaun terbaru dalam kajian pegawai ialah RM7.00, lain-lain pangkat RM5.00. Perkembangan *company* di dalam Parlimen sehingga kini seperti saya katakan tadi iaitu hampir 30 ataupun 40 sekarang 39 *company* kawasan Parlimen telah dilancarkan, kita lancarkan dan masih ada banyak lagi yang akan kita lancarkan tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, kajian bagi projek pembinaan PB, TLDM telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi dan hasil kajian telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 15 September 1993. Projek ini diterajui oleh Sabah Konsortium yang dikenal sebagai *Penang Ship Building Construction and Naval Dockyard Sdn. Bhd. (PSCNDSB)* pemilihan kontraktor untuk bekerjasama dengan PSCNDSB adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Kumpulan Kerja Penilaian Tender Kementerian Kewangan. Kos bagi projek pembinaan enam buah *vessel* untuk TLDM adalah bernilai RM5.35 bilion sahaja bukan RM8 bilion sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Pangkalan Chepa. Sehingga kini pembayaran yang telah dilaksanakan ialah RM3.839 bilion. Pembinaan kapal PV1 telah mencapai 98 peratus siap manakala kapal PV2, telah mencapai 96 peratus. Kapal PV1 adalah merupakan *benchmark* kepada kapal PV2 sehingga PV6. Kapal PV1 dan PV2 dijangka mampu diserahkan pada awal 2006 kepada TLDM.

Pada ketika ini kapal PV1 ada di dalam fasa penyediaan untuk melaksanakan ujian di laut bagi *combat suit* dan jika berjaya akan menjalani *blast trial, life firing trial*, sebelum *final acceptance trial* dan *ingrate logistic support*. Sementara itu PV2 akan menjalani ujian-ujian tersebut sekiranya PV1 berjaya.

Kerajaan sedang mengkaji semua cadangan yang telah diberi oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara termasuk menamatkan kontrak penswastaaan dan mengkaji sama ada terdapat sebarang elemen jenayah seperti penyelewengan atau salah guna kuasa. Walau bagaimanapun, tumpuan kerajaan pada masa ini adalah untuk mematikan PV1 dan PV2 dapat disiapkan terlebih dahulu. Kini *shipyard* PSCN-DSB telah diambil alih pengurusannya oleh Syarikat Boestard Bhd. Syarikat ini ialah anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia.

Yang Berhormat bagi Gerik membangkitkan perancangan kementerian - Tentera Darat di sempadan. Tuan Pengerusi, saya sendiri telah pergi ke sempadan baru-baru ini ke dua kem di sempadan. Kita bukan sahaja menghantar anggota tentera ke sempadan sama ada di semenanjung di Sabah dan Sarawak. Kita juga sedang melihat apakah bekalan atau kemudahan-kemudahan yang perlu kita beri kerana mereka ini akan menetap di situ tidak kurang daripada dua bulan ke tiga bulan dan lepas itu kita akan tukar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baguslah. Itu memang tugas Yang Berhormat lawat sempadan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya. Berkaitan dengan itu, apa yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat apakah persediaan kita untuk mempertahankan negara ini dan bagaimanakah persediaan kita tentang sempadan dan di persisiran pantai. Di semua persisiran pantai dan sempadan kita meletakkan tidak kurang

daripada dua brigid angkatan tentera kita untuk sentiasa diletak dalam keadaan siap-siaga mengawal dan meneliti serta melihat kesempurnaan dan keselamatan negara kita.

Sekiranya brigid-brigid yang telah ditetapkan di sini tidak cukup dalam masa yang terdekat, Angkatan Tentera Malaysia akan *deploy* kan lagi atau membawa lagi anggota-anggota tentera yang berada di beberapa kawasan yang berdekatan sama ada melalui udara ataupun melalui laut dan melalui darat. Persediaan ini insya-Allah seperti yang telah dijanjikan oleh pihak tentera Malaysia. Mereka bersedia bukan sahaja untuk mempertahankan diri mereka tapi untuk mempertahankan kita keseluruhannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat? Kalau tidak minta habiskan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Semua anggota dan pegawai boleh mohon untuk diterap ke dalam angkatan tetap dengan syarat mereka telah memenuhi syarat perkhidmatan. Ini berkaitan dengan Askar Wataniah. Tadi saya dah katakan bahawa sekali jadi askar dia tidak semestinya hanya akan kekal dan mati dalam askar. Askar Wataniah pun kita benar untuk meneruskan kemajuan dan kebolehannya. Sekiranya kemampuan dan kebolehannya membolehkan dia diserapkan dan dia ada kredibiliti yang boleh diterap maka dia akan diserapkan dan dia juga boleh meneruskan amalan dan latihan yang dikehendaki sehingga boleh memakai pangkat-pangkat yang lain.

Tapi jangan pula kita bertanya bahawa ketika dia dilatih oleh seorang askar biasa dan apabila dia diserapkan menjadi anggota tentera tetap dan dia memaki pangkat tinggi kita soal seperti kata Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ketika dia latih dia tidak ada pangkat dan ketika dia masuk dia menjadi pangkat besar, orang yang melatih dia masih pangkat yang sama. Ini berlaku pada semua. Ia tidak menjadi satu kejanggalan dalam budaya di dalam angkatan tentera dan dalam ketenteraan yang lain.

Yang Berhormat bagi Larut bertanya tentang *tank* yang kita pamer dalam ujian pertunjukan kemerdekaan. Itu telah dibuat akan tamat pada 6 Disember dan pada 6 Disember *tank* dibawa balik ke Poland. Di dalam minggu pertama Januari 2006, akan dilaksanakan untuk ujian menembak dan penghantaran pertama pada bulan jun 2006 iaitu kita bukan bawa *tank* ini untuk satu sahaja dan ini adalah sebagai satu contoh dan ujian. Kita buat *trial* dan jika kita berpuas hati kita akan patuh dengan peraturan dan perjanjian yang ada dan kita akan membeli beberapa buah *tank* sehingga kita ada satu *tank* batalion yang ada dalam negara kita pada masa yang akan datang.

Persediaan ini bukan bermakna bahawa bila kita membeli SUKHOI, kita membeli *tank*, kita membeli *sub marine* bahawa kita bersedia untuk berperang. Tapi kita bersetuju bahawa 'berjagung-jagung dahulu sebelum padi masak' dan kita mesti 'menyediakan payung sebelum hujan'. Latihan tempatan dibuat kepada dua kali seminggu di dalam kem Askar Wataniah ini dan ada ketika mereka terpaksa diberi latihan lasak.

Mereka mesti dibawa kepada pusat-pusat yang tertentu supaya mereka akan menjadi seorang askar yang boleh diserap dan boleh diguna pakai pada bila-bila masa.

Yang Berhormat bagi Sepang bertanya tentang peratus kemajuan projek di Sepang. Kemajuan projek Sepang sehingga kini ialah 96% dan dijangka dapat beroperasi sepenuhnya di dalam tahun 2006.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, seramai 140 anggota tentera yang dihantar ke Batergram memang sedia dibekalkan dengan peralatan dan pakaian sejuk tapi ada ketika mereka tidak ada. Maka jawatankuasa tinggi kementerian telah mengarahkan Panglima Tentera Darat untuk menyediakan kemudahan ini.

Saya percaya penghantaran ini adalah satu masalah dan insya-Allah kita biasanya kita bukan tidak biasa menghantar anggota-anggota tentera kita berkhidmat di negara-negara sama ada bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun di bawah khidmat dengan NATO kita tidak akan biar anggota tentera kita waktu menyelamatkan orang lain sehingga membunuh diri-sendiri. Ini keputusan yang kita harap dan dapat dijalankan dan dapat kerjasama dengan semua pihak.

Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang membawa kes ini. Sebenarnya Yang Berhormat ini telah bercakap dengan saya di luar tetapi dia tidak yakin bahawa saya akan kemukakan kepada kementerian. Saya beritahu bahawa saya telah kemukakan kepada kementerian dan Yang Berhormat menguji saya di dalam Dewan. Kita dalam Parlimen dan kita sebagai pihak kerajaan kita bawa semua apa yang dibangkitkan oleh kita dan apa yang dibangkitkan oleh pembangkang. Sekiranya demi kepentingan rakyat kita akan tentukan bahawa ini boleh berjalan dengan baik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah berhubung dengan kementerian mengenai perkara ini, oleh kerana saya pun ada dalam perkara ini, apa penerangan mengenai pembayaran. Mengapa bukan RM120 tetapi bayaran RM45 sahaja?

Tuan M. Kula Segaran: RM33.

Tuan Lim Kit Siang: RM33 dan bukan lebih daripada RM120 yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai peserta-peserta kita yang pergi Aceh pada masa malapetaka Tsunami.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Pembayaran elaun ataupun gaji adalah mengikut perkara-perkara yang telah ditetapkan.

Tuan Lim Kit Siang: Jawab apa itu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sama ada ke Pakistan, sama ada ke Aceh ataupun sama ada ke Bosnia Herzegovina dan lain-lain. Pembayaran elaun sebanyak RM33 sehari atau RM1,000 sebulan adalah jumlah yang sama kita beri kepada kita.....

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, ringgit Malaysia. Kita tidak bayar dengan Amerika dolar dan kita tidak bayar juga dengan Pakistan rupee kerana kita bayar mereka melalui kerajaan kita maka kita bayar dengan duit kerajaan negara kita. Ini kita bayar di semua juga seperti di Aceh dan di mana juga. Tidak ada pilih kasih. Orang yang berkhidmat atas tugas-tugas yang tertentu di luar daripada negara kita, kita bayar seperti ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bererti ada silap fahamlah kenapa kita *firefighters* kita ada silap faham itu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Silap faham kita bagi betul supaya tidak silap faham lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Pembayaran.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Supaya dia faham. Yang Berhormat tolong bagi faham ini sama. Yang Berhormat jangan menambah menjadi silap faham lagi sehingga menjadi tidak faham-faham. Terima kasih Yang Berhormat. Ini daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, status program penambahbaikan.....

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit, sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum kita alih kepada.....masih dalam Ipoh Barat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, apa Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa mereka yang ada dihantar ke Pakistan ada diberi persefahaman bahawa mereka ada *rotation* oleh kerana itu kerja yang sukar ada *rotation* bulanan (*monthly rotation*). Adakah ia benar oleh kerana sekarang mereka dapati bahawa mereka bukan perlu di sana satu bulan tapi perlu di sana tiga bulan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu saya kata tadi waktu saya beri penerangan Yang Berhormat keluar. Saya dah cakap berkenaan dengan tiga bulan-tiga bulan di sempadan itu. Tiga bukan ganti tiga bulan dan daripada briged ini pergi tiga bulan dan diganti dengan

brigid-brigid lain. Itu tiga bulan. Amalan tiga bulan ini di mana-mana juga tetapi sekiranya kita menimbang semula bahawa penghantaran pergi dan balik menelan belanja yang agak banyak, kita berunding dengan pihak yang berada di sana supaya mereka pada satu ketika dan kumpulan lain pergi. Ini adalah satu rutin dan persefahaman yang telah dibuat, ini bukan dari segi pilih kasih dan sebagainya. Persefahaman ini telah dibuat di dalam Majlis Angkatan Tentera dan di dalam kementerian kita, laporan ini telah dipersetujui di peringkat atas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dah bangkitkan mengenai berapakah elaun yang sebenar yang patut dibayar oleh kerajaan, adakah ia RM33.00 sehari, atau yang diberitahu oleh Timbalan Perdana Menteri, RM120.00 sehari atau bayaran seperti Timbalan Menteri bila saya sembang di luar Dewan pada hari Khamis dulu, mengatakan bayaran adalah tertakluk kepada bayaran dengan US dollar. Mungkin saya silap tetapi saya dengar Yang Berhormat kata, ada tertakluk kepada tarif-tarif yang tertentu. Tetapi yang saya nak tahu, apakah, berapa banyakkah mereka di bayar setiap hari mereka berada di luar negara dan macam mana bayaran itu dibuat? Adakah bayaran itu secara tunai atau secara terus ke akaun mereka dan berapa bayaran tersebut?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya berpegang kepada jawapan yang telah saya sebutkan. Saya menjawab di Dewan ini, pemberian elaun sebanyak RM33.00 sehari atau RM1,000.00 sebulan, adalah jumlah yang sama yang kita beri kepada *team* yang telah berkhidmat di tsunami, Aceh. Itu yang kita jawab.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri sebanyak RM120.00 itu tak wujudlah atau sasaran atau apa yang beliau ingin askar-askar kita mendapati RM120.00 itu tak jadilah, tak benar. Itu yang diluahkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Apa terjadi kepada kenyataan tersebut?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita akan melihat cerita Yang Berhormat, kita akan dapat daripada pejabat Timbalan Perdana Menteri tentang RM120.00, mana satu yang betul dan kita akan bincangkan balik untuk kita terangkan semula. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tak, belum.

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit, sedikit saja, mengenai *tent-tent* yang saya bangkitkan. Ini adalah perkara yang saya dapat hari in, dari Pakistan [*Menunjukkan gambar kepada Timbalan Menteri*], yang menunjukkan bahawa satu pisco telah terjadi kerana kita tidak ada peralatan-peralatan yang guna pakai untuk sewaktu dan nampaknya kita *sacrifice*kan askar-askar kita. Saya rasalah seperti yang kita bincangkan, nampaknya kita tak sedia tapi kita hati besar. Kita hendak hantar askar-askar kita, tapi saya rasa kita tak sedia kenapa kita perlu hantar? Macam gambar-gambar ini, gambar yang betul ini, yang menunjukkan bahawa kita menggunakan.....Ini rakyat Malaysia yang mendirikan kem-kem yang digunakan dari negara China. Kita tidak ada. Saya difahamkan, ibu bapa yang jumpa saya hari ini di Ipoh, mengatakan sangat serius. Mereka khuatir anak-anak mereka yang sedang berkhidmat, walau pun mereka sangat bangga bahawa anak-anak kita bertugas di luar negara tetapi, dengan izin, *I hope they don't become a sacrificial lamb*.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat pun tahu bahawa permintaan yang didatangi oleh Pakistan melalui Bangsa-Bangsa Bersatu untuk kita menghantar bantuan kepada Pakistan dalam keadaan yang terdesak, dalam keadaan yang darurat. Apa yang ada pada kita, kita hantar dan pada masa itu, saya percaya bahawa keadaan cuaca tidak

seperti yang ada sekarang, maka kita hantar apa yang kita ada. Seperti juga apa yang kita hantar ke Aceh dan akhirnya kita terpaksa bawa tambahan untuk sesuaikan dengan keperluan yang dikehendaki.

Bagi anggota tentera kita yang berada di Pakistan, seperti yang saya katakan tadi, kita juga membekalkan sehingga kini kecuali kalau tindakan itu tidak diambil lagi atau pun penghantaran itu tidak sampai. Saya berjanji kepada Yang Berhormat, saya akan melihat perkara ini dan kita akan beritahu dan bagus Yang Berhormat telah beritahu

Tuan M. Kula Segaran: Boleh saya hantar gambar ini sebagai satu buktilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya boleh menerima gambar itu sebagai satu bukti Yang Berhormat hantar, tapi sama ada gambar itu benar atau tidak, saya tak boleh terima, tapi kita boleh terima.

Tuan M. Kula Segaran: Ini boleh *check* ni, ini boleh *check*, mungkin saya boleh bawa ibu bapa berkenaan dari kawasan saya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu tidak apa. Yang Berhormat tak payah beri tahu ibu bapa, bagi tahu pada kita, kita boleh jumpa dengan ibu bapa berkenaan.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan! Yang memberitahu saya adalah ibu bapa yang berkenaan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak apa, kita boleh beritahu kepada ibu bapa, kita boleh pergi jumpa kepada ibu bapa yang berkenaan. Kalau Yang Berhormat boleh jumpa, kita pun boleh jumpa ibu bapa yang berkenaan.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir-terakhir, penjelasan, penjelasan,. Saya rasa soalan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dan seorang Ahli Parlimen yang mengeluarkan sama ada itu benar tak benar. Saya rasa sangat kesal. Saya kesal kenapa ada sikap semacam ini, tidak percaya anggota tentera kita, patut tarik balik, minta maaf. Bagaimana mereka di sana untuk *national services*, untuk bantu Pakistan, gempa bumi, sekarang kata, gambar itu mungkin tidak benar. Ini tidak patutlah dikutuk, mana boleh ada sikap semacam ini. Tidak simpati tak apa, kata mereka isu ini saja, mereka di sana tanpa *winter clothing*, mereka menderita, kita tak mahu simpati, kita ada sikap semacam ini, malu ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik, minta maaf.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini marah tak pasal-pasal.

Tuan Lim Kit Siang: Marah, mereka sana masalah, sini kata, gempa ini mungkin direka. Bagaimana boleh, mana boleh?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya kata saya tak tahu, ini gambar kita boleh terima, tapi saya kata saya akan siasat. *[Disampuk]* Kita pun tak tahu siapa hantar gambar ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] Cukuplah Yang Berhormat, Timbalan Menteri sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Apa guna jadi Ahli Parlimen *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh, Yang Berhormat memang suka marah, perangai macam itu. Bagus kita kata, marahlah terus menerus, kita pun tak hairan punya. *[Disampuk]* Jangan kata Yang Berhormat ambil berat kita pun ambil berat. *[Disampuk]* Kita ambil berat. *[Disampuk]* Kita bawa dalam mesyuarat, tapi kita tak dapat berita ini, berita ini baru Yang Berhormat bagi pada kita, macam mana kita nak kata berita ini benar. Kita kena tanya. *[Disampuk]* Mana kita tahu, saya tak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] Cukuplah Yang Berhormat. Ya, timbalan menteri teruskan, sila.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat nak terima ini benar, terimalah. Saya tak gaduh tetapi saya mesti mahu tanya, sama ada ini benar, tak benar. Ini tidak ada pakaian. Saya tengok dia pakai *cardigan*, pakaian bukan pakaian sejuk atau pakaian panas. Macam mana Yang Berhormat tahu ini pakaian sejuk. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita dah buat, kita dah buat, kita masuk dalam mesyuarat, kita bagi arahan. Yang Berhormat jangan mengesyaki bahawa kita tak ambil tindakan, ini yang jahat. Kita dah ambil tindakan. Yang Berhormat menuduh kita tak ambil tindakan. Saya kata, saya tak yakin kepada ini dan saya hendak tahu. Yang Berhormat tidak yakin kepada kita, kita dah ambil tindakan, lagi dahsyat. *[Disampuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, ini sedikit hal ini. Seperti yang dikatakan oleh timbalan menteri, boleh saya dapat pengesahan bahawa yang sambung dari yang saya bincang dengan timbalan menteri pada hari Khamis dulu, *there is some problem* dengan komunikasi. Oleh kerana saya rasa *on slot of winter*, dengan izin, *earlier than schedule*, tetapi adakah kita sudah menghantar bantuan. Hari ini bila saya dapat cakap dengan ibu bapa, katakan tidak ada lagi, timbalan menteri, itu saya khuatir.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Saya rasa anak-anak kita di...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, kita bukan sahaja bercakap, kita sudah hantar kita punya Panglima Angkatan Darat pergi. Yang Berhormat mesti juga tidak percaya.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, saya percaya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Habis kalau sudah percaya, kenapa tanya saya lagi?

Tuan M. Kula Segaran: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita sudah buat keputusan untuk menghantar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah. Timbalan Menteri selesaikanlah, Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*kita *getting instant information*, bukan *1 day or 2 days late*.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak apalah, kita akan selesaikan kes ini. Kes ini tanggungjawab kita. Kita akan selesaikan. Kita sangat berterima kasih kerana Yang Berhormat peka dan bersimpati. Itu sangat baik. Kita tidak mengambil ini sebagai satu perkara yang enteng, itu kerajaan kita. Kita akan menjadikan itu serius, kita ambil tindakan, kita sudah hantar Panglima kita. Sampai itu kita akan tanya kenapa tidak sampai lagi? Jangan susah hati, kita kata serius, kita serius dalam perkara ini. Kalau ada lagi ada Ahli Yang Berhormat yang kata saya tidak menjawab....

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oo, ini ya. Perancangan adalah untuk *upgrade* tujuh pesawat iaitu dua buah model F Twin-Seater, dua buah model RF berkamera dan tiga buah model E Single-Seater. Perkembangan terkini adalah *Letter of Acceptance*

Kementerian Pertahanan kepada AIROD masih belum ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Skop kerja dicadangkan adalah teknologi *demonstrator* dua pesawat sahaja, iaitu yang melibatkan satu X Twin-Seater dan satu XRF berkamera. Ini sahaja yang ada.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Adakah ini benar, jawapan ini benar?

Seorang Ahli: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Seorang Ahli: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini adalah FIA, yang jawab ini adalah FIA.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ok, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Beberapa Ahli: Habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,622,902,000 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,622,902,000 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,106,300,000 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,106,300,000 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.61 [Jadual] –

Maksud P.61 [Anggaran Pembangunan 2006] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.61 dan Kepala Pembangunan P.61 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

6.34 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030100 – Imigresen dan juga Pengurusan Dasar Hal Ehwal Dalam Negeri. Tuan Pengerusi, baru-baru ini negara kita hampir ada kekecohan sedikit iaitu berhubung dengan tahanan Imigresen yang diserahkan kepada pihak polis. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian ini, apakah kewajarannya pada hari ini Imigresen tidak boleh mempunyai *cells* ataupun tahanan sementara untuk Imigresen sendiri. Sebab apa yang berlaku, tahanan yang dibawa undang-undang Imigrasi diletak pula yang ditahan ini, yang didakwa ini, yang disyaki ini di bawah jagaan polis. Maka bertindih dua peraturan yang berbeza.

Seharusnya kesalahan imigrasi ditahan di bawah imigrasi. Apabila dibagi kepada pihak polis, di penjara ataupun di pusat tahanan sementara polis, maka berlakulah penyelewengan pula iaitu pihak polis pun menyiasat, pihak Imigresen pun menyiasat sehingga berlakulah mungkin perkara-perkara tahanan ditanggal baju dan sebagainya dan ditelanjarkan. Seharusnya dalam dunia pada hari ini, imigrasi kita sudah begitu canggih, kita tidak lagi berhadapan dengan masalah Imigresen tidak mempunyai pusat tahanan sementara untuk menunggu mereka direman dan sebagainya. Jadi kalau ini diwujudkan, saya melihat kurang birokrasi di kalangan anggota-anggota penguat kuasa. Jadi apabila ini pula berlaku, maka terdapat pula pihak-pihak luar yang cuba menjadi hero sehingga memporak-perandakan keadaan ekonomi negara kita.

Ini sudah tentu tidak adil bagi negara kita, bagi kepimpinan kita. Kita juga simpati dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa meminta maaf dengan negara luar yang perkara-perkara yang dia tidak diketahui langsung disebabkan pelanggaran dua permasalahan di antara pegawai Imigresen dengan pegawai pihak polis yang menjaga tahanan kesalahan imigrasi ini. Jadi saya meminta, Timbalan Menteri bawalah perkara ini kepada pengetahuan pihak atasan di bawah kementerian ini supaya melihat keperluan-keperluan ini perlu diwujudkan di bawah Imigresen itu sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini masalahnya Tuan Pengerusi, cakap sekejap, tetapi yang tanya berjam-jam. Kalau begitu kita cakap panjang sedikit, tidak usah tanya lagi baik saya tengok. Sebab kita cakap sedikit pun, yang bertanya saya tengok berjam-jam. Yang perkara di luar pun dia tanya. Jadi kalau kita cakap panjang sedikit, tidak apa, tidak usah tanya lagi. Macam saya, tidak mahu tanya kalau saya sudah cakap. Tetapi kalau saya berhenti di sini, saya bangun lagi tanya-tanya. Jadi ini belum habis Tuan Pengerusi, kalau boleh, boleh tambah sedikitkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Permasalahannya, iaitu sehingga hari ini tidak ada prasarana seumpama ini di pejabat-pejabat Imigresen. Jadi perlu diwujudkan. Ini perlu dilihat, kalau perlu diwujudkan Suruhanjaya Imigresen, kita wujudkan untuk melihat keperluan-keperluan di pejabat-pejabat Imigresen. Suruhanjaya Polis kita sudah ada, jadi kita wujudkan pula Suruhanjaya Imigrasi untuk melihat keperluan-keperluan Imigresen itu, sehingga pada hari ini, sebab masalahnya ianya telah mengakibatkan keruntuhan ekonomi negara. Negara kita dari segi industri pelancongan menyumbang kepada nombor tiga pendapatan negara dan kita faham bahawa memang rakyat China banyak datang ke negara kita berjuta-juta setiap tahun, tetapi dengan insiden seumpama ini, ianya telah menyekat sedikit keuntungan negara kita dan ada pula pihak-pihak yang mengambil kesempatan mengeksploitasi perkara ini.

Tuan Lau Yeng Peng: Bolehkah....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hendak tanya Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng: Ini penting. Saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa kita semestinya melihat dari segi prasarana oleh pihak Imigresen, tetapi pada masa yang sama untuk kes-kes yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, undang-undang kita juga iaitu kedua-dua pihak pun mempunyai hak untuk menahan seseorang suspek itu dan juga untuk menyoal siasat. Adakah Yang Berhormat bercadang kepada bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mesti duduk bersama-sama untuk berbincang bagaimana untuk menyelesaikan pertindihan ini. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya memang banyak bertindih Yang Berhormat sebab itu rakyat kita keliru, kita pun Ahli Parlimen keliru sebab seharusnya kesalahan di

bawah imigresen ditahan di bawah imigresen. Pihak imigresen oleh kerana tidak ada prasarana seumpama ini, tidak ada *cell* tahanan dia serah kepada pihak polis.

Pihak polis yang bertugas pula mengambil kesempatan menyoal juga orang yang sama sedangkan kesalahan dia bukan di bawah kesalahan *criminal* dan sebagainya. Dia melanggar undang-undang imigrasi, jadi seharusnya dia ditahan di situ tanpa ada soalan daripada polis. Pihak imigresen, pegawai imigresen yang menyiasat tetapi berlaku begini, inilah masalah yang kita hadapi jadi saya harap perkara ini perlu diadakan sebab ini satu keperluan.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, iaitu saya mahu minta kementerian ini juga selaku kementerian yang menguatkuasakan soal-soal imigrasi iaitu mengeluarkan visa dan sebagainya. Baru-baru ini Wakil Rakyat Tangga Batu juga telah menyuarakan kebimbangan iaitu kehadiran Kumpulan *Black Metal* daripada Norway.

Kita meminta, saya mahu ulangi lagi supaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak mengeluarkan permit kebenaran kepada kumpulan ini sebab ternyata hari ini di surat khabar walaupun saya tidak merujuk surat khabar mana. Terdapat lebih kurang 200 lebih belia kita ditahan di Melaka sebab mereka bergiat dalam Kumpulan *Black Metal* dengan kegiatan-kegiatan yang antiagama sama ada Islam, Kristian dan sebagainya. Ini merupakan satu bukti, kenyataan, kebimbangan kita itu berlaku dan saya minta juga kementerian ini bukan sekadar untuk menahan permit visa kemasukan, tetapi juga membuat penyiasatan berhubung dengan kegiatan-kegiatan Kumpulan *Black Metal* yang boleh menghancurkan masa depan negara kita.

Sebab kita percaya remaja dan belia pada hari ini adalah bakal mewarisi kepimpinan kita masa akan datang, bagaimana negara kita bersandar kepada belia pada hari ini kalau belia kita ini belia *black metal*, belia liar, belia yang ganas dan sebagainya. Saya rasa ini adalah keperluan supaya kementerian ini lebih bukan peka sahaja ataupun membuat pemantauan, tetapi mengkaji bagaimana cara membendung masalah-masalah seumpama ini termasuk bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga mungkin kementerian-kementerian yang lain untuk memastikan belia-belia kita ini hadir dalam keadaan yang waras, wajar dan mereka memiliki agama. Apa pun agama yang dianuti sekurang-kurangnya mereka tidak terlibat antiagama, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gelang Patah.

6.42 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma ada dua, tiga perkara meminta penjelasan Menteri mengenai Butiran 030000. Saya mendapati kementerian akan melaksanakan satu dasar baru menghapuskan Pasport Terhad dan digantikan Pasport Antarabangsa sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di kawasan saya 20% penduduk bekerja di Singapura. Setiap hari mereka terpaksa bangun awal untuk mengejar ke tempat kerja. Pasport Antarabangsa dengan harga RM300 bagi golongan ini merupakan satu beban yang berat. Saya difahamkan kementerian akan mengeluarkan satu kad untuk rakyat sering berulang-alik dan jiran negeri ini adalah satu tindakan yang baik, tetapi saya harap kementerian mengekalkan mengeluarkan Pasport Terhad kepada golongan yang bekerja di negeri jiran sebelum cadangan ini diimplementasikan.

Tuan Pengerusi, dasar ini akan dilaksanakan kepada tahun 2006, saya ingin tahu jika pemilik Pasport Terhad memperbaharui pasport mereka pada tahun yang lepas atau tahun ini, saya ingin bertanya pihak kementerian bolehkah mereka menuntut balik bayaran yang telah dibayar untuk 5 tahun, kerana pasport mereka cuma digunakan satu tahun sahaja.

Tuan Pengerusi, pada bulan yang lepas saya baca satu berita dari surat khabar, seorang pemilik Pasport Antarabangsa balik dari Singapura. Bila beliau dan pendatang lain sampai ke kaunter imigresen terdapat mesin pemeriksa pasport rosak dan seorang

pegawai imigresen menyuruh mereka keluar mengikut lorong tepi tanpa mengecop atau periksa pasport mereka. Beliau merasa khuatir dan membawa pasport mereka ke Jabatan Imigresen selepas dua minggu dan meminta pegawai imigresen untuk memeriksa pasport beliau dan diberitahu pemilik pasport ini masih berada di luar negeri. Saya ingin hendak tanya kementerian, apakah langkah-langkah atau cadangan untuk mengatasi masalah atau insiden yang berlaku?

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah, saya difahamkan kementerian telah melaksana satu dasar *one stop service* untuk membantu syarikat atau pengilang yang amat memerlukan dan layak menggaji pekerja asing supaya permohonan diluluskan dalam masa yang singkat. Ini merupakan satu tindakan yang efisien dan digalakkan, tetapi yang saya tidak faham ialah mengapa kementerian memaksa mereka membayar levi dalam dua hari sahaja selepas kelulusannya. Ini telah menjadi satu beban kepada mereka kerana bayaran levi ini mungkin boleh sampai beratus-ratus ribu. Saya haraplah kementerian mengkaji semula dasar ini supaya mereka diberi masa sekurang-kurangnya 2 minggu untuk membayar levi dikenakan, dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

6.47 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya terus kepada Butiran 030100 – Pengurusan Imigresen. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan beberapa masalah yang telah berlaku dan melibatkan peraturan-peraturan imigresen dan bagi diri saya, saya menganggap perkara ini memang boleh diuruskan dengan baik.

Pertama saya ingin melihat statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Saya merasa ini adalah satu perkara yang memalukan kerana statistik itu menunjukkan kononnya ada 2.5 juta penduduk Singapura berada di Malaysia tidak keluar. Saya rasa ini adalah kesilapan dari segi statistik, itu yang pertama.

Kedua, kalau orang yang biasa di Johor tentu faham sebelum hari Krismas mereka datang ke Malaysia untuk bercuti, bila balik 1 Januari. Apabila statistik itu dibandingkan tahun ke tahun bermakna ada yang tidak balik,.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...saya rasa ini adalah satu perbandingan yang tidak bererti dan tidak ada maksud langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sedikit sahaja ya, baru hendak mula!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apakah Yang Berhormat percaya bahawa statistik itu memang tidak tepat sebab kalau betul bermakna tidak ada lagi rakyat yang tinggal di negara Singapura sudah kosong negara itu, tetapi nyata masih juga rakyat dia ada situ, masih penuh juga, jadi mungkin ini perkara yang betullah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sebab itu saya menasihatkan supaya Jabatan Imigresen apabila kita mengeluarkan satu statistik biarlah sesuatu yang jitu, tepat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kita tidak boleh buat sewenang-wenangnyanya apabila berlakunya satu insiden mengatakan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong:begitu ramai sekali....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Adakah ini hanya semata-mata kerana soal statistik ataupun barangkali terdapat masalah yang besar tentang sistem imigresen kita.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ini yang saya hendak sebut sekarang, saya berpendapat bahawa Jabatan Imigresen kenalah buat *overhaul*, kenapa saya kata begitu?

Apabila polis mengambil tindakan terhadap pendatang asing atau mereka yang mempunyai passport, apabila menyemak permit mereka termasuklah mereka yang dibenarkan untuk menetap di sini selama 5 tahun di bawah *Malaysia My Second Home Program*, mereka juga ditanya kesahihannya sama ada betul atau tidak. Itu yang pertama.

Yang kedua, apabila ditahan kononnya rekod yang masuk itu tidak dicatat dalam komputer itu menyebabkan ada yang ditahan di lokap, saya rasa ini kesilapan yang menganiayakan warganegara asing masuk ke sini.

Kita kena insaf bahawa negara Malaysia ini negara yang cantik. Orang datang ke sini kerana mereka menghayati suasana yang begitu stabil di Malaysia tetapi Malaysia bukan hanya satu negara yang mereka boleh pergi. Jadi saya rasa Jabatan Imigresen kena menyerap nilai dari segi profesionalisme itu perlu dipertingkatkan.

Yang kedua,....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong:belum, belum! Baru masuk ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang satu lagi perkara yang saya rasa ialah polis dan imigresen kenalah bekerjasama. Selalu saya lihat kalau polis buat kerja dia - polis - kalau imigresen jarang sekali dia ikut. Jadi di sini sampai masanya kita memikirkan satu cara, dua pasukan penguat kuasa ini bekerjasama. Jangan lagi kamu buat kamu punya kerja, saya buat saya punya kerja, malahan kita macam berkuasa antara satu sama lain, kita ada kuasa sendiri. Itu adalah satu kesilapan yang besar.

Yang kedua, ini adalah satu perkara yang besar yang saya ingat serius di mana Jabatan Imigresen telah memberi satu arahan kepada semua pejabat-pejabat kedutaan bahawa warga negara Malaysia yang di luar negara itu tidak boleh memperbaharui passport mereka di luar negeri. Saya ingin memberitahu kepada Jabatan Imigresen, perkara ini adalah satu perkara yang tidak adil di mana saya pernah berbincang dengan pegawai-pegawai kanan di Kementerian Luar Negeri iaitu Wisma Putra, kalau mereka tidak dibenarkan memperbaharui passport di luar negara seperti di New York, London, satu keluarga kena balik ke Malaysia. Berapakah kosnya yang perlu ditanggung. Yang keduanya, apa gunanya kita menghantar Attaché Imigresen? Jadi saya rasa apabila kita menghantar pegawai kita ke sana untuk memudahkan proses itu, bukan untuk menyusahkan rakyat kita. Jadi rakyat Malaysia kita bila bekerja di luar negara mereka mendapat pendapatan di sana dan akhirnya akan menyumbang balik pendapatan itu kepada keluarga mereka di Malaysia. Saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh memberi kemudahan kepada mereka yang begitu baik sekali, begitu terus menerus.

Saya rasa ini satu rintihan yang saya terima daripada warga negara Malaysia yang berada di New York yang begitu ramai sekali. Mereka rasa amat tidak adil untuk mereka membawa keluarga balik ke sini mengambil cuti selama seminggu, dua, dan kesemuanya melibatkan kos. Itulah saya minta Jabatan Imigresen mengambil tindakan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya rasa ini satu perkara yang serius juga di bawah Jabatan Pendaftaran. Minta maaf, MyKad yang saya terima itu maklumatnya silap. Saya bukan orang Kristian tetapi bila dibaca saya adalah Kristian kononnya. Saya rasa kalau kita hendak gunakan ini sebagai gantian kepada dokumen perjalanan seperti mana yang diuraikan dan telah diumumkan oleh Menteri baru-baru ini, saya rasa kita kena kemas kini data-data kita. Jangan nanti satu hari kita pergi Singapura akhirnya rekod menunjukkan kita masih berada di Malaysia atau pun ke Brunei. Ini adalah satu perkara pokok yang perlu

diselesaikan dahulu, kalau tidak saya rasa kita belum sampai masa untuk menggantikan MyKad itu sebagai dokumen perjalanan alternatif. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

6.53 ptg

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Insiden pemalsuan pasport yang berlaku di negara kita ini dan telah mengakibatkan seorang pelawat seperti yang saya baca dalam *New Straits Times*, kita baca bagaimana *predicament* yang dihadapi oleh seorang pelawat Malaysia yang hendak ke Turki dan terpaksa melalui Bulgaria, tetapi disebabkan pasport kita ini ada ramai pemegangnya yang bukan rakyat Malaysia yang berasal dari China, setiap pasport Malaysia itu dikategorikan sebagai pasport yang perlu diselidiki dan diperiksa secara terperinci dan rakyat Malaysia yang benar-benar memegang pasport Malaysia juga terkena di samping mereka yang memegang pasport palsu Malaysia ini.

Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk memberikan penjelasan yang sebenarnya supaya rakyat Malaysia yang benar-benar rakyat Malaysia yang melancong ke negara lain tidak dikategorikan sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai masalah dan pasport. Saya rasakan masalah yang dihadapi oleh pelawat kita yang dikeluarkan dalam *New Straits Times* baru-baru ini harus diambil perhatian oleh kementerian untuk menjelaskan ciri-ciri keselamatan yang ada pada pasport Malaysia dan membezakan dengan pasport palsu yang dipegang oleh sebahagian rakyat China yang menggunakan pasport Malaysia sebagai pasport perjalanan mereka.

Saya juga ingin kepastian terhadap MyKad sama ada MyKad ini benar-benar *secure* dan tidak ada unsur-unsur yang boleh dipalsukan. Saya membaca juga dalam akhbar bahawa ada insiden yang berlaku di mana MyKad di salah gunakan dan dipalsukan iaitu *particular* yang ada dalam MyKad. Kalau kita lihat kad pengenalan kita telah berubah daripada kad pengenalan yang lama kepada kad pengenalan yang berkualiti tinggi dan hingga sekarang ini MyKad dan setiap perubahan ini berunsur sekuriti dan juga keselamatan merupakan unsur yang diletakkan oleh kementerian tetapi akhirnya kita melihat terdapat juga mereka yang boleh meniru dan memalsukan MyKad ini. Saya ingin penjelasan terhadap perkara ini dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mempercepatkan proses pengeluaran MyKad. Kalau kita lihat sekarang ini satu bulan merupakan proses yang diambil untuk mengeluarkan MyKad. Saya merasakan bahawa proses ini boleh dipercepatkan. Mempercepatkan proses ini akan memberi kebaikan kepada ramai rakyat Malaysia untuk mendapatkan MyKad dengan cepat selepas proses pertukaran.

Di kawasan saya masih ramai lagi yang menggunakan kad pengenalan biru dan belum lagi menukar kepada kad pengenalan berkualiti tinggi. Sekarang ini harus menukar kepada MyKad dan saya jangkakan bahawa jika proses pengeluaran MyKad itu dapat dipercepatkan, memang ramai mereka yang akan dapat memperoleh MyKad dengan cepat.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi iaitu RELA, saya melihat bahawa 20 juta diperuntukkan sepanjang tahun 2006 ini sama ada peruntukkan ini akan mencukupi keperluan-keperluan anggota RELA di kawasan. Ramai daripada mereka ini yang menjadi anggota RELA tetapi tidak mendapat kemudahan-kemudahan asas seperti kasut, topi, pakaian baju uniform RELA. Ini merupakan perkara asas yang harus diperhatikan oleh RELA untuk menentukan setiap anggota yang menyertai pasukan ini ada uniform dan ada peralatan asas sebagai seorang anggota RELA. Saya yakin, Tuan Pengerusi, jika tindakan ini diambil jika peruntukan cukup untuk mereka ini, lebih ramai rakyat Malaysia akan menyertai persatuan RELA ini dan untuk kebaikan kita bersama. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Puchong.

6.57 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada butiran 030100 Pengurusan Imigresen iaitu perkara yang sekarang

diperbincangkan di dalam masyarakat kita mengenai statistik yang telah disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi. Baru-baru ini satu surat khabar yang telah mengatakan bahawa ada lebih kurang 50,000 rakyat China memasuki semasa di negara ini dan selepas itu penjelasan daripada Ketua Pengarah bahawa ini tidak betul dan ini telah mengatakan bahawa di mana *computer* tidak di *updated* semasa dia masuk dan dia keluar, tidak di *updated* dengan secepat mungkin dan juga Kabinet telah mendengar penjelasan dan sebagainya.

Tetapi implikasinya, implikasi telah memberikan banyak kekeliruan dan juga salah faham di antara semua masyarakat kita terutama pelawat-pelawat dari negara China dan sebagainya dan ini telah mencetuskan juga, ada ura-ura mengatakan bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah memberikan orang kata satu arahan kepada semua Ketua Polis-Ketua Polis negeri bersama dengan imigresen untuk memburu pendatang asing China yang tidak pulang ini dan ini telah memberi banyak implikasi yang bagi saya tidak sesuai dan tidak relevan untuk masa ini kerana ini memberi satu kesangsian atau pun persoalan-persoalan yang lebih serius lagi. Persoalannya sekarang ialah bagaimana dengan pendatang-pendatang asing yang lain? Mengapa kita mesti *target* pendatang asing daripada negeri China ini kerana isu IMF itu? Dan ini saya hendak tanya apakah penjelasan daripada Jabatan Imigresen mengenai perkara ini?

Perkara yang kedua saya hendak sentuh dalam butiran yang sama iaitu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen ini kerana baru-baru ini kita ada pegawai-pegawai tertentu, penterjemah tertentu dalam KLIA kita iaitu penterjemah daripada bahasa Arab dan juga Mandarin, papan tanda dan juga pengumuman-pengumuman yang telah dilakukan untuk dalam bahasa Arab dan juga bahasa Mandarin. Tetapi dari pengalaman saya kerana kelemahan saya ialah semasa kesibukan banyak kapal terbang datang ke negara kita tetapi kaunter-kaunter imigresen itu kerana saya difahamkan bahawa pegawai-pegawai imigresen tidak membuka kaunter-kaunter tertentu dan pada masa yang sama kita perlu lihat, memang saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan memberikan peluang kepada rakyat Malaysia yang mempunyai pasport dengan cip-cip melalui kaunter yang tertentu. Memang ini memudahkan untuk kita. Jadi *problem* yang sama kita terpaksa fikir bagaimana kita boleh mempercepatkan lagi *clearance*, dengan izin, untuk pelawat-pelawat daripada imigresen ini.

Saya pernah bertanya kepada seorang pegawai semasa saya pulang daripada luar negeri. Saya tanya dia bagaimana kita hendak mempercepatkan, dia kata, "*Sorry* ini yang maksimum, kita buat semua pegawai". Tetapi saya nampak ada banyak pegawai lagi yang berada di kanan kiri kaunter-kaunter tertentu, dan saya harap saya hendak dapat satu penjelasan daripada Jabatan Imigresen. Kalau kita tengok Jabatan Imigresen di negara lain, sebagai contoh di Hong Kong, bila ada kesibukan, ada beberapa kapal terbang mendarat pada masa yang sama, mereka cepat untuk membuat *clearance*. Kita mesti meningkatkan lagi produktiviti kita ini dari segi *clearance* penumpang.

Satu lagi perkara ialah mengenai biometrik cadangan biometrik oleh Jabatan Imigresen iaitu di Butiran 37000 iaitu Pengkomputeran Imigresen. Saya hendak tahu setakat ini apakah rancangan, apakah kejayaannya juga, mungkin kegagalan telah berlaku dalam proses, *I mean* dalam rancangan biometrik ini kerana bila diumumkan oleh Menteri-Menteri tertentu bahawa ini akan menjadi satu cara atau satu orang kata *method* untuk merekodkan semua butiran-butiran pendatang asing ini dengan lebih jitu sudah lebih tepat lagi. Saya hendak tahu apakah kejayaan-kejayaan setakat ini kerana kalau kita lihat pendatang asing tanpa izin masih berkeliaran di sana sini dan juga saya tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi kerana ini akan memberikan satu implikasi yang serius kepada masyarakat kita.

Dan akhir sekali mengenai pengkomputeran dan kad pintar iaitu 47000 iaitu mengenai MyKad. Saya difahamkan lebih dari 1.5 juta lagi rakyat Malaysia belum tukar ke MyKad. Saya hendak tahu apakah langkah-langkah Jabatan Imigresen untuk mempercepat mereka atau menggalakkan mereka dengan menukarkan kad pengenalan ini dengan secepat mungkin. Dan saya juga difahamkan bahawa banyak langkah-langkah memujuk telah dilakukan oleh Jabatan Imigresen. Adakah Jabatan Imigresen akan

mengimplementasikan langkah-langkah pujuk, tekanan atau ugutan supaya mereka cepat tukar kepada MyKad ini supaya satu standard sistem yang ada kita ini dapat diteruskan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

7.02 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi halaman 638, 040000 dan juga halaman yang sama 030000. Tuan Pengerusi, mengenai MyKad. Yang pertama saya hendak Yang Berhormat memberitahu kepada kita setakat ini berapa MyKad sudah pun diedarkan dan berapa lagi sedang diproses dan berapa rakyat Malaysia yang belum lagi mendapat atau memohon untuk MyKad. Seterusnya kita hendak tahu syarikat yang membekalkan MyKad, setakat ini jumlah yang dibayar oleh pihak kementerian untuk MyKad yang sudah dibekalkan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri sudah mengumumkan bahawa kad yang lama tidak akan dilayankan lagi terutamanya pada 1 Januari tahun hadapan. Dan seterusnya kita hendak tahu macam mana pihak kementerian akan menangani masalah-masalah yang timbul kerana ramai lagi belum memohon untuk MyKad.

Dan yang pertama kita hendak Yang Berhormat menerangkan sama ada kad yang lama masih terpakai pada Januari 1 tahun hadapan. Kalau kad yang lama ini yang dianggap tidak lagi terpakai maka berapa lama MyKad dapat diproses setelah dipohon? Adakah ini dalam tempoh dua bulan kad sedang diproses ini yang lama tidak boleh dipakai lagi? Macam mana kita dapat menguruskan hal ini? Dan sekarang orang-orang yang mempunyai kad yang lama dengan resit daripada pihak pendaftaran negara, adakah resit ini boleh dipakai seperti yang lama dengan kad yang lama, pihak yang membuat permohonan untuk membarui kad lama resit itu boleh diguna? Dan saya berharap kementerian juga berfikir dengan baik-baik macam mana kita boleh menggunakan resitnya seperti yang dibuat oleh dengan kad yang lama.

Isu yang kedua pihak kementerian mestilah memberitahu orang ramai sama ada fee permohonan RM20.00 ini boleh difikirkan sebagai satu penalti untuk pemohon yang baru selepas 1 Januari hadapan. Dan sekiranya ia tetap menjadi fee permohonan adakah pihak kerajaan akan mengenakan penalti ke atas pemohon-pemohon baru? Dan pihak kementerian mestilah memberitahu kepada orang ramai dengan hal ini. Dan kita pun tidak tahu sama ada bila seorang itu sampai umur 12 tahun kanak-kanak 12 tahun dan selepas itu mesti bayar RM12.00 lagi.

Dan isu yang ketiga pihak mempunyai kad-kad yang baru, MyKad yang baru, kita hendak tahu kad ini boleh laku sampai bila? Daripada umur 12 sampai ke umur 18 kah? Dan pihak kerajaan mengadakan kad ini sejak tahun 2000, Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun ada kad sejak 2000, saya pun dan ramai yang di sini. Adakah pihak yang memegang MyKad ini terpaksa tukarkan kad apabila umur sampai 18 ataupun berapa tahunkah dihadkan supaya kad ini ditukarkan? Ini semua ini mestilah diberitahu kepada orang ramai. Dan di dalam dua tiga tahun ini pihak kementerian sudah menekankan bahawa begitu perlunya kita tukar kepada MyKad itu, sekali gus menggalakkan semua orang untuk menukar kepada MyKad itu tetapi masalah kita ini, pihak kementerian mesti menyedari setengah-setengah tempat, setengah-setengah pejabat ada ramai orang yang buat permohonan dan ada juga di setengah tempat yang tidak begitu ramai.

Ini memang menimbulkan masalah dan saya berharaplah pihak kementerian dapat memberitahu kita macam mana pihak orang ramai dapat mengatasi masalah ini. Misalnya yang buat telefon saya, pada mulanya saya menggalakkan dari tempoh lima tahun ini mereka untuk menukarkan MyKad, dia kata tiap-tiap kali dia pergi begitu ramai. Dua tiga kali pergi bermula 6.30, pukul 7.00 pergi berbaris pun tak dapat, dua tiga kali. Pihak kementerian itu mestilah mempunyai hati yang baik jugalah, simpati kepada orang ramai juga, bukan semestinya ini kesalahan orang ramai.

Seterusnya mengenai imigresen kita, baru-baru ini saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Arau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau tak masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia baru masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Baru masuk, saya ingat dia hendak.....

Mengenai imigresen, selain dari peristiwa *[Disampuk]* Hah!.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, boleh gulunglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya nak gulunglah - peristiwa bogel itu tak payah saya hebohkan di sini dan tak pernah hebohkan di sini sebab Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Seputeh pun sudah dengan panjang lebar, itu.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat kena sedar kerajaan telah menubuhkan suruhanjaya jadi kita tolak kepada....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tak ada kaitan dengan Butiran....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, saya nak perbetulkan Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak, tak dia faham, dia tidak akan sebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong ini bila malam dia celaru, Tuan Pengerusi, sebab itu kena beritahu dekat dia, lain kementerian Yang Berhormat, biarlah suruhanjaya siasat dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tak sebut. Yang Berhormat tak faham sebab baru masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak mempertikaikan, saya berharaplah badan ini dapat menyiasat dengan betul, kita nak tahu siapa yang salah, siapa yang perlu bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma akhir sekalilah iaitu mesti ada yang akhir.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya lebih suka jemput Yang Berhormat duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Akhir sekalilah mengenai itu imigresen, bukan sahaja kita ada 50, saya tak tahulah berapa orang rakyat China yang masuk yang tak keluar balik saya tak tahu tetapi kita perlu siasat. Bukan sahaja rakyat China, Bangladesh pun ada, Indonesia lebih teruk. Filipina pun ada, Myanmar pun ada, Rohingya pun ada, Afrika pun ada tetapi bagilah kita tahu semua daripada seluruh dunia ini, siapa yang masuk tak keluar. Jangan satu negara sahaja bagi satu imej kita melakukan adil, itulah perlu dibuat. Saya ingat jiran kita Indonesia pun beratus ribu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat bagi Arau sudah masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

7.13 mlm.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan 61 - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Butiran 030000 - Imigresen.

Tuan Pengerusi, kita mengalu-alukan siapa nak datang ke negara kita. Tak kira dari negara China baik, Arab baik, datang, sebab apa mereka menjana ekonomi untuk negara kita. Akhirnya akan membantu mempercepat lagi proses pembangunan negara kita. Cuma yang membimbangkan kita ialah kesempatan yang diambil oleh pelancong-pelancong ini yang, dengan izin, *over stay [Disampuk]* yang tinggal lebih daripada had masa yang telah ditetapkan oleh pihak imigresen.

Bagaimana cara kita nak mengawasi mereka ini. Tahniah kepada pihak penguat kuasa yang dipimpin oleh Pak Sako, Datuk Ishak, Pak Sako saya panggil Datuk Ishak Mohamad, Ketua Pengarah Penguat Kuasa Imigresen. Orang Perak, Tuan Pengerusi, orang bola.

Menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan tidak ada mereka yang tidak ada dokumen, tinggal lebih masa had yang ditetapkan. Walaupun statistik yang dikeluarkan betul dengan tak betul, Tuan Pengerusi, kita tidak tahu 50,000 ataupun mungkin lebih. Sebab itu saya ingin mencadangkanlah, saya tak kata pihak imigresen tak konsisten, mungkin imigresen boleh berpakat dengan Kementerian Pelancongan, selepas ini kita akan berbahas pelancongan.

Kita syaratkan kepada setiap *travel* agen, dengan izin, yang membawa masuk pelancong-pelancong mungkin dengan secara pakej supaya mereka meletakkan sejumlah wang deposit atau wang jaminan ke atas pelancong-pelancong yang masuk ke negara kita ini. Kalau mereka tinggal lebih daripada masa, *over stay*, dengan izin, Tuan Pengerusi, *travel* agen ini bertanggungjawab. Agensi-agensi pelancongan ini bertanggungjawab, apa salahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tak melalui agensi pelancongan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Secara lain, secara individu, yang saya maksud ini secara pakej. Mungkin kebanyakan yang datang dari negara-negara asing, Tuan Pengerusi, adalah secara pakej kerana mereka melihat negara kita ini stabil, macam mana company itu baik, maka sebab itu mungkin pada mulanya mereka datang mungkin sekadar untuk melancong tetapi akhirnya mereka mungkin mengambil kesempatan untuk melencong. *[Ketawa]* Melencong maknanya mungkin secara diam-diam. Pernahkah kita pergi ke pasar-pasar, meninjau apakah tidak ada kemungkinan pelancong ini berniaga di situ, cuba kita *try*, buat sedikit pemantauan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya nak tanya dengan Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat bagi Larut, agak relevan cerita ini.

Satu soalan orang asing datang berniaga di negara kita ini yang mengganggu-gugat keadaan dan peluang yang patutnya diguna pakai oleh orang negara kita sendiri. Yang kedua, pihak yang asing ini sudah lari dari negara ini mengambil pasport dan menggunakan pasport palsu negara ini dan mencemarkan nama negara di luar negara pula, memberi masalah kepada rakyat Malaysia yang sejati yang menggunakan pasport dengan betul di luar negara. Macam mana pandangan Yang Berhormat, dalam soal ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itulah macam yang saya katakan tadi, kita mesti mengambil satu pendekatan, tindakan yang begitu tegas ke atas mereka yang menyimpang daripada tujuan asal. Cuba kita pergi ke *market-market*, pasar-pasar, tinjau tengok. Bukan saya nak mengajar pihak imigresen, kita buat kita *test*, tengok, apakah cara mereka bercakap. Di situ mungkin kita boleh tahu kerana mereka mungkin

bersembunyi. Saya tidak menuju, Tuan Pengerusi, kepada mana-mana negara, saya bercakap secara terbuka. Akhirnya bilangan mereka ini mungkin bertambah dan akhirnya apa akan terjadi kepada negara kita.

Kita mengalu-alukan kehadiran pelancong tetapi kita tidak mahu di atas kelembutan kita adat ketimuran yang begitu tinggi yang kita amalkan pada hari ini orang mengambil kesempatan, menjadikan negara kita ini sebagai, dengan izin, *dumping ground*. Ini kita tak mahu, Tuan Pengerusi. Oleh itu saya menyerulah kepada pihak imigresen supaya dapat mempertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat bagi Larut katakan tadi bahawa kita perhatikan akhir-akhir ini kebanyakan pelancong-pelancong asing ini dah *start* berniaga. Mula berniaga kecil-kecilan di kawasan-kawasan kita ini di bandar-bandar, di pekan besar dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya pelancong-pelancong ini kita berikan kebenaran untuk melancong dan mereka tidak dibenarkan untuk menjalankan perniagaan-perniagaan kecil, yang kecil-kecil di pasar-pasar, di gerai-gerai dan sebagainya. Kalau kita tengok di Chow Kit itu cukup banyak sekali, yang boleh menjejaskan kepada peniaga-peniaga kecil di negara kita. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Daripada awal saya dah mengatakan tadi, kalau mereka datang untuk melancong kita tak menghalang tetapi kita tidak mahu mereka tinggal di sini mengambil kesempatan yang akhirnya boleh menjejaskan peluang kepada masyarakat tempatan. Kita tidak mahu jadi macam rakyat Palestin, akhirnya tanah yang ada tergadai, Tuan Pengerusi, tetapi kalau ada mana-mana di kalangan sindiket.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya akan gulung. Di kalangan sindiket yang mungkin terlibat, kita tidak tahu. Ini tidak boleh dimaafkan kerana kita sendiri menanggung beban Tuan Pengerusi. Kita sedang berusaha untuk menghantar balik pendatang asing tanpa izin yang begitu ramai jumlahnya, yang masuk secara tidak izin, secara haram, timbul pula dengan kemasukan mereka yang pada mulanya sebagai pelancong, tetapi bertukar menjadi melencong.

Jadi saya berharaplah supaya jabatan berkenaan mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas masalah yang telah kita sebutkan tadi. Walaupun kita ada undang-undang kita, tetapi kalau ada orang yang tampil untuk memberi maklumat, mungkin amat sukar pada jabatan imigresen, penguat kuasa imigresen untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang tinggal lebih, daripada tempoh yang telah ditetapkan. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran.

7.21 mlm.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam perbahasan bagi Maksud Bekalan 61 – Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri Butiran 03000 – Imigresen, Butiran 04000 – Pendaftaran Negara.

Tuan Pengerusi, suatu ketika dahulu dalam Rancangan Malaysia Kelapan dalam dokumen, sekejap saya akan tunjuk. Satu petikan telah diambil oleh seorang penulis yang bernama Kamal Salleh. Dia menyatakan, *according to the Seventh Malaysian Plan 1995 to the year 2000, Sabah will have estimated 3.3 million people by State Sarawak will trend with a low 2.06 million. The question where the extra RM1.3 million came from, both Sabah and Sarawak so had been parallelhas been primly important to the state of Sabah.*

Tuan Pengerusi kenyataan ini telah dinyatakan berasaskan kepada statistik ataupun banci penduduk yang dikeluarkan pada tahun 1970 di mana penduduk negeri Sabah pada ketika itu hanyalah 929,299 orang dan bertambah kepada 1,734,685 orang pada tahun 1990. Ini mengikut perangkaan. Ini bererti bahawa pertambahan penduduk di Sabah dalam dekad tersebut ialah 5.6% berbanding dengan purata penduduk bagi nasional iaitu hanya 2.6% sahaja.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1999 ada satu pernyataan, satu di muka surat akhbar di negeri Sabah, *Daily Express* telah menyatakan bahawa *making citizens how to non-citizens has become a major industry in the state of Sabah with a potential market of 4,000 foreigners, illegal IC business then become very local.....*

Tuan Pengerusi, kita sudah mengetahui bahawa beberapa penduduk Sabah bersama-sama dengan beberapa pegawai daripada Jabatan Pendaftaran telah ditangkap di bawah ISA kerana mereka telah dikatakan terlibat dalam pemberian pewarganegaraan, IC dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya amat hairan bahawa sehingga pada hari ini tidak ada langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki sistem imigresen kita seperti mana yang pelbagai isu yang dibangkitkan sekarang ini. Saya amat hairan Tuan Pengerusi, bahawa beberapa kenyataan telah dikeluarkan yang menyatakan bahawa pelarian negeri Sabah yang telah diberikan dokumen MM13 boleh dipertimbangkan untuk menjadi warganegara Malaysia. Malah, dalam jawapan di peringkat dasar daripada Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa masalah pelarian Filipina di negeri Sabah akan dapat diselesaikan pada 31 Disember tahun 2006 iaitu tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu bagaimanakah ini dapat diselesaikan? Apakah penyelesaiannya akan dijadikan sebagai warganegara dan jika sekiranya mereka ini akan dijadikan sebagai warganegara, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi bahawa dalam negara kita ini, dalam Akta Imigresen 1999, kita telah dapati bahawa setelah kita kaji dan teliti di dalam, akta ini tidak membuat apa-apa perbezaan di antara pelarian dan pendatang haram. Tidak ada perbezaan di antara pendatang haram dan pendatang asing tanpa izin di dalam akta ini.

Syarat-syarat untuk mendapatkan status PR di Malaysia, belum lagi untuk mendapatkan kewarganegaraan, telah ditetapkan tiga perkara utama iaitu yang pertamanya, seseorang itu mesti menetap di Malaysia selama lima tahun secara berterusan di bawah permit kemasukan yang sudah sah ataupun *valid entry permit*. Yang keduanya ialah sekiranya si suami adalah warga asing dan menetap di Malaysia, beliau mesti menetap di Malaysia selama 10 tahun secara berturut di bawah permit kemasukan yang sah ataupun *valid entry permit*. Yang ketiga untuk tujuan permohonan adalah dikehendaki membawa bersama dokumen perjalanan atau passport yang sah. Persoalannya di sini ialah orang-orang pelarian Filipina di negeri Sabah ini mereka tidak mempunyai apa-apa dokumen ataupun *valid entry permit*. Oleh sebab itu mereka tidak boleh masuk, langsung tidak boleh dipertimbangkan untuk menjadi warganegara seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Imigresen 1959. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, bahawa tuntutan kita, cadangan-cadangan kita yang telah dibuat selama ini supaya satu jawatankuasa khas atau pilihan khas Parlimen untuk menentukan masa depan pelarian Filipina yang dikatakan sebanyak 60,000 itu yang diberi dokumen MM13 sejak tahun 1972 sehingga pada hari ini dipinda balik. Sebab apa juga tindakan untuk menjadikan mereka ini diberi PR atau memberi mereka kewarganegaraan, ini adalah bertentangan dengan undang-undang Akta Imigresen 1959.

Saya juga Tuan Pengerusi, ingin mencadangkan bahawa sudah tiba masanya bagi kerajaan untuk menyuarakan hal-hal pelarian Filipina negeri Sabah ini diserahkan kepada Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk menangani masalah ini dan bukan lagi di bawah Majlis Keselamatan Negara. Yang amat menghairankan ialah sehingga pada hari ini, hah-ehwal mengenai pelarian Filipina di negeri Sabah ini masih lagi ditangani, dikawal selia oleh Majlis Keselamatan Negara tetapi dokumen MM13 itu dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Saya tidak tahulah bagaimana

Jabatan Imigresen, bagaimana Pengarah Jabatan Imigresen, bagaimana Ketua Setiausaha Kementerian Hal-Ehwal Negeri mengeluarkan dokumen-dokumen ini sebab seolah-olah mereka tidak tahu menahu langsung tentang masalah pelarian kita. Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa perkara ini amat serius.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, saya ingin mahu menggulung. Perkara ini amat serius sebab jika sekiranya dokumen yang senang dipalsukan ini, ini bererti bahawa sesiapa juga boleh masuk ke negeri Sabah, di negara kita ini sama ada orang-orang ini pengganas dan sebagainya. Seperti mana yang kita tahu, bahawa Malaysia ini sudah dikenali pasti. Seluruh dunia menyatakan Malaysia inilah sarang pengganas dan jika sekiranya kita tidak perketatkan undang-undang untuk mengawal selia hal-hal imigresen, hal-hal pendatang asing tanpa izin, hal-hal pelarian di negara kita ini, negara kita lambat laun akan dipenuhi dengan pengganas-pengganas.

Tuan Pengerusi, saya ingin menggulung. Adalah amat penting untuk menangani hal-hal pelarian di negara kita ini dan apabila kita tangani hal-hal pelarian, jangan sekali-kali ada *double standard*. Janganlah di negeri Sabah, pelarian Filipina diberi MM13 tetapi pelarian Rohingya, pelarian daripada Aceh tidak diberi MM13. Apa *double standard* ini? Kenapakah negara kita tidak mempunyai dasar untuk menangani hal-hal pelarian secara total, secara seluruh negara. Kalau dikatakan pelarian Filipina negeri Sabah itu boleh didefinisikan sebagai pelarian *under the UN punya definition of refugees* saya mengatakan definisi pelarian menurut Bangsa-bangsa Bersatu tidak lagi digunakan untuk pelarian Filipina ini sebab masalah Filipina, masalah di Selatan Filipina. MNLF dengan Kerajaan Filipina sudah pun menandatangani perjanjian untuk mengadakan gencatan senjata bahawa di Selatan Filipina sudah aman damai. Mereka tidak mempunyai lagi ketakutan untuk balik. Mereka tidak ada ketakutan lagi untuk lari daripada negara mereka.

Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan sekali lagi dan kita akan menyatakan ini, dari dulu sampai sekarang, sampai bila-bila pun jika sekiranya kerajaan tidak menangani masalah-masalah imigresen, masalah M13 ini, masalah pelarian Filipina dan apa juga masalah pelarian di negara ini selagi ia tidak ditangani.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya mahu mencadang, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bintulu.

7.30 mlm.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara P.61, Butiran 03000 atas Imigresen. Tuan Pengerusi, sekarang nampaknya masalah Imigresen tidak mempunyai rekod orang masuk dan keluar. Contohnya, Imigresen cakap terdapat 50,000 pendatang asing dari negara China masih di Malaysia. Apabila Kedutaan China meminta bukti, hari ini menteri berkenaan pula mengatakan bahawa 50,000 tersebut juga terdiri daripada warga negara lain. Ini merupakan satu contoh bahawa Jabatan Imigresen tidak menjalankan tugas dan memberi maklumat yang tidak tepat. Kenapa selalu tunggu sehingga sesuatu perkara berlaku barulah mereka kelim kabut untuk menunjuk kepada rakyat bahawa mereka sedang menjalankan tugas mengenai isu pendatang haram ini?

Mengenai isu pendatang haram, ini bukan isu baru. Kita sememangnya sudah mempunyai undang-undang. Penguat kuasa sepatutnya menguatkuasakan undang-undang pada setiap masa dan bukannya apabila khabar buruk menjadi hal lain barulah kita kelim kabut, buat heboh dalam negara kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.
[Ketawa]

Dato' Seri Tiong King Sing: Eh, lima minit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, baru datang Yang Berhormat ni. *[Ketawa]*. Apakah Yang Berhormat ingin menyampaikan mesej kepada penguat kuasa di dalam negara kita bahawa kesilapan informasi daripada mereka telah mengakibatkan kerugian besar kepada negara kita termasuk pelancong-pelancong tidak mahu datang? Minta penerangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Memanglah saya setuju. Selalulah ini masalah berlaku dalam negara kita. Tadi saya ada masuk sikit jugalah.

Tuan Pengerusi, satu lagi negara kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit ke atas sistem permohonan visa secara *online* di antara Kedutaan Malaysia di luar negeri dan ibu pejabat Imigresen di Malaysia. Sekiranya kedutaan kita mendapat bahawa satu permohonan visa adalah tidak terang, maka permohonan tersebut patut ditolak. Walau bagaimanapun sekiranya visa telah dikeluarkan, kita mesti menghormati keputusan kedutaan kita sendiri di serata dunia termasuk negara China. Saya cadang bahawa Jabatan Imigresen....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dato' Seri Tiong King Sing: Nanti, nanti, nanti. Saya cadang bahawa Jabatan Imigresen perlu bekerjasama dengan jabatan-jabatan pekerjaan lain untuk membolehkan mereka mendapatkan maklumat imigresen dengan serta merta. Pada masa yang sama, pegawai-pegawai imigresen perlu bersikap sopan dan mesra semasa bertugas dan juga tidak membiarkan orang awam menunggu lama.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan bahawa memang boleh dibuat permohonan visa secara *online*. Tetapi pegawai Imigresen sendiri tidak menghormati keputusan pegawai Imigresen yang bertugas di luar negara.

Saya kata begitu kerana di negara China mereka telah memohon visa untuk datang ke Malaysia. Tetapi bila sampai ke Tambak Johor, ataupun *Second Link*, mereka sekali lagi diperiksa kesahihan visa tersebut. Minta penjelasan Yang Berhormat bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini kalau pegawai sendiri tidak menghormati keputusan yang dibuat oleh pegawai yang sama dari jabatan yang sama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Ini biarlah bagi Setiausaha Parlimen, nanti dia jawab. *[Ketawa]* Juga Imigresen janganlah menyusahkan sangat pelawat-pelawat yang sampai ke kaunter Imigresen di masa mereka hendak masuk mana-mana *airport* terutama sekali wanita iaitu dari mana-mana negara, contohnya wanita dari negara China. Selalu saya ada pernah sendiri lihat, nampak juga kadang-kadang ini di kaunter sana, ada wanita dari negeri China juga yang lawa memang pegawai Imigresen itu banyak susah bagi lepas sama dia. *[Ketawa]*

Saya pernah ada berdiri sana, saya tengok ada satu pegawai ambil masa setengah jam pun tidak boleh kasi lepas. *[Menyampuk]* Ada masalah dia? Kita sudah ada visa. Visa kelulusan dari *online*. Apa masalah kita tidak boleh kasi lepas? *[Menyampuk]* Semua hendak cari peluang macam mana boleh dapat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dapat apa?

Dato' Seri Tiong King Sing: Dapat apa, saya Setiausaha Parlimen jawablah! *[Ketawa]* Janganlah terlalu terbawa-bawa, apabila melihat pelawat atau wanita asing. Disangkakan dia itu adalah pelacur. Kita selalu buat *over suspect*. Kita mesti mahu ingat, harap-harap pegawai Imigresen, kita mesti mahu ingat. kalau kita punya isteri atau kita punya anak perempuan, pergi orang punya negara, Imigresen itu buat sama punya *treatment* kepada kita, macam mana kita rasa? Janganlah kata pegawai imigresen semua

tiada anak perempuan? Semua lelaki? Janganlah ini perkara timbul-timbul lagi. Saya ingat ini perkara sudah lama, saya masih ingat lagi tahun 2000, saya di Dewan yang mulia ini sudah bahas, tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ketua Pengarah pun buat tidak tahu sahaja sebab hari ini masih lagi perkara ini berlaku baru satu bulan yang lepas tadi saya sebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, masa Yang Berhormat sudah lebih Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Bagi lagi sikit, sekejap. Sikit lagi habis. Tuan Pengerusi, nampaknya memang banyak lagi yang perlu dikemas kini oleh kementerian ini mengenai tugas dan tanggungjawab Jabatan Imigresen. Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah tindakan dan strategi-strategi yang akan diambil untuk memperbaiki imej jawatan ini dan negara kita?

Saya memang setuju dengan pandangan setengah mereka yang risau bahawa kesemua insiden yang telah memberi nama buruk kepada negara kita akan mengakibatkan kerugian dari segi pelancongan warga negara asing ke negara kita nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Tuan Pengerusi, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

7.38 mlm.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap pasal Imigresen, Tuan Pengerusi, 03000. Tuan Pengerusi, saya tidaklah berjalan ke merata dunia. kerana saya kadang-kadang ada peluang. Saya boleh katakan prestasi pegawai Imigresen kita ini yang terbaik. Setengah negara, kita masuk dalam kawasan, dia lepas anjing, Tuan Pengerusi. Dia lepas anjing untuk mai kat kita. Ada setengah Imigresen di setengah negara, dia yang kita ni, dia suruh buka habis baju, kasut dan sebagainya.

Dan saya lihat, timing dari segi kita nak *clearkan*, *clearance* dari segi imigrasi pusat Imigresen adalah yang terbaik. Dengan sistem yang ada hari ini untuk warga negara kita, hanya kita pakai masuk dan dia automatik, dia panggil automatik, ya. Sudah tentu Imigresen dia kadang-kadang dia terpaksa bertanya.

Kadang-kadang saya pergi ke negara-negara lain pun dia bertanya. Berapa lama hendak mai ke negara dia? Apa tujuan hendak mai negara dia? Padahal dia tahu dalam borang itu kita tulis jawatan kita Ahli Parlimen *Member of Parliament*. Dia tanya dan kita pun tanya sebagai *friendly approach* kepada orang yang datang. Dan selalunya kita kata "*have a nice day*". Lepas itu, pergilah.

Jadi kadang-kadang manusia ada angin elok, ada angin tak elok, mungkin dia ada masalah di rumah, kemudian dia mai sini terbawa-bawa. Tapi bukan keseluruhannya, jadi ini kita kena faham. Saya boleh bagi jaminan sebagai Ahli Parlimen, saya ada melawat juga negara-negara mengikut program kerajaan dan juga melancong secara peribadi dan sebagainya. Saya tak nampak bermasalah sangat apabila kita *landing* di Kuala Lumpur *International* ataupun di Danok dan sebagainya, boleh kata begitu, cuma bila dia merasai ragu-ragu kepada seseorang itu, sudah tentu sebagai pegawai yang bertanggungjawab kepada keselamatan negara, dia kena menyoal.

Yang itu tak boleh dielakkan, tapi kita lihat di lapangan terbang kita, tak ada anjing seekor pun. Kalau kita pergi ke Australia, minta maaf, anjing, kita nak masuk tu, kadang-kadang kita nak masuk sesebuah negara itu kita berasa macam kita ini di *harass*, kita ini dalam keadaan ketakutan, nanti soal itu sampai fikir ini roti boleh bawa ke tak, daging boleh bawa tak, sat ni telur boleh bawa tak boleh. Sampai macam tu kita berbincang,

biasa beg yang saya beli itu, yang saya bawa itu, dulu saya isi buah, anjing tu boleh kesan walaupun seminggu dah kerana buah ini tidak boleh dibawa masuk ke sebuah negara kerana takut merosakkan buah-buahnya dan sebagainya. Tapi kita bawalah apa pun, buah apa pun, telur apa pun, masuklah, nak masuk telur pun sembunyi di sesetengah negara, kita - tak payah.

Dan saya juga, kita tertanya-tanya Tuan Pengerusi, *constraintnya* Jabatan Imigresen dari segi logistik. Kemudahan kenderaan terhad, bilik kurungan tak ada, pegawai tak mencukupi, jadi bagaimanakah kadang-kadang depa nak membuat tugas dengan sempurna. Jadi saya minta pihak kerajaan, Kementerian Kewangan, supaya mengambil kira benda ini, untuk memberi kemudahan-kemudahan logistik kepada *enforcement*, bahagian imigresen dan juga kepada Jabatan Imigresen itu sendiri. Kalau mereka buat operasi tangkap pendatang-pendatang ini, pendatang-pendatang haram dan sebagainya, depa terpaksa masuk dalam lokap, balai polis dan sebagainya dan di *crammed* dah di balai itu pun dengan penagih dadah dan sebagainya.

Jadi kadang-kadang mereka nak buat operasi saya difahamkan kena *check* dulu dengan lokap ada ke tak ada *space*, ini nak bawa mai pula ni, dia bawa mai, bawa mai, tak cukup, nak pergi mana? Tak kan nak bawa, nak kurung di Jabatan Imigresen ataupun di Pejabat Imigresen, ini tak boleh. Jadi inilah yang kadang-kadang menyebabkan prestasi kerja-kerja mereka ini terganggu-gugat. Jadi saya berharap dan minta bahawa pihak kerajaan melihat benda ini, supaya pihak pegawai-pegawai imigresen dan sudah tentu saya ingat pegawai-pegawai imigresen mereka bertanggungjawab kerana kepimpinan kita mengatakan Malaysia sebuah negara yang mesra, Malaysia sebuah negara yang baik, saya ingat penerimaan lebih banyak pelancong masuk, lebih banyak kita dapat pendapatan, pertukaran kewangan.

Tetapi kita kena ingat, maruah kita kena jaga, keselamatan negara kita kena jaga, jangan negara kita menjadi negara yang kadang-kadang menjadi tempat seperti sesetengah negara depa kata kalau pergi saja negeri itu, kalau kita buat baik pun, orang kata kita akan buat kerja yang tak elok, yang itu kita tak mahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Gulung ya. Jadi kita nak Tuan Pengerusi, supaya keseimbangan tugas pegawai imigresen dan juga cara kita nak melayan pelancong seimbang, tetapi kalau kita terbuka sangat, pelancong-pelancong ini yang masuk, ada yang masuk yang akan merosakkan negara kita. Kita pun tak mahu yang memperalatkan negara kita dengan kemasukan dadah dan sebagainya. Sudah tentu pelancongan akan menolong pendapatan negara, tetapi kita takut juga pelancongan akan merosakkan kebudayaan, merosakkan kestabilan negara kita ini kerana maklumlah.

Dan satu lagi Tuan Pengerusi yang mai dengan *tour group* ini kadang-kadang dia ikut prosedur, yang jadi masalah ini dia mai seorang. [*Bercakap dengan Yang Berhormat di sebelahnya*] Dia mai secara individu ini masalah Tuan Pengerusi, kalau dia mai cara *tour* ini dia akan balik dan sebagainya. Masalah apabila dia mai secara individu, dia akan hilang dalam negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma satu Tuan Pengerusi *last*, dulu Menteri beritahu pada saya pandangan saya itu baik, bila saya kata, bila kita tangkap pendatang haram, majikan yang menggaji pendatang haram ini harus bertanggungjawab untuk membayar duit denda, duit lokap, semua duit mahkamah ke atas pendatang yang dibawa masuk. Jadi kalau dah Menteri kata pandangan itu baik, saya nak tanya Menteri, buat ke tak buat? Supaya lain kali majikan tak berani nak ambil pendatang haram bekerja dengan dia kerana kalau pendatang itu kena tangkap, dia kena tanggung, biayai daripada *the day one* dia kena tangkap sampailah kita depot dia balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, terima kasih banyak Tuan Pengerusi, terima kasihlah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Bintang.

7.45 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Butiran 030000 - Imigresen. Tuan Pengerusi, belum pun kes tiga wanita Cina berbogel dan ketuk ketampi diselesaikan oleh Suruhanjaya Siasatan, berlaku pula kes baru-baru ini atas dua wanita Cina ditahan polis Kuala Lumpur.

Pada 16hb November 2005, dua orang pelancong wanita Cina bernama 'Wang Gin Ping' berumur 38 tahun dan 'Lee Feng Ji', 36 tahun telah memasuki Malaysia melalui KLIA secara sah. Di mana pihak imigresen telah merekodkan kemasukan mereka, malangnya pada 2hb Disember 2005, iaitu tidak sampai dua minggu berada di Malaysia, mereka telah ditangkap dan ditahan oleh polis Kuala Lumpur sehingga hari ini, kerana rekod kemasukan mereka tidak ada dalam sistem.

Setelah pihak kami DAP pergi menyemak sendiri di Jabatan Imigresen KLIA mendapati bahawa rekod mereka ada dalam sistem dan bila kami balik semula ke lokap IPK Kuala Lumpur pada 3hb Disember untuk memberitahu bahawa rekod mereka ada dalam sistem, pegawai polis memberitahu bahawa mereka perlu menunggu sehingga hari Isnin ialah 5hb Disember, hari ini untuk menunggu mengesahkan oleh Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya sebelum boleh dibebaskan. Mengapa perlu menunggu kelulusan ibu pejabat sebagai pihak negeri boleh mengesahkannya. Nampaknya dua wanita ini terpaksa merengkok dalam lokap selama 4 hari dengan sia-sia sahaja akibat sistem daftar kemasukan pelancong asing tidak selaras antara KLIA dan pusat-pusat imigresen yang lain.

Apakah ini harga yang perlu pelancong asing dari China bayar bila mereka datang melancong ke Malaysia dengan menahan mereka di dalam lokap-lokap polis seolah-olah mereka melakukan kesalahan jenayah. Sungguhpun polis melakukan tugas dan tanggungjawab, bila mereka membuat pemeriksaan ke atas orang-orang yang disyaki menimbulkan keraguan, jalankan tugas itu dengan berhemah dan berbudi bahasa. Pihak imigresen hendaklah mewujudkan sistem *back-up* daftar kemasukan pelancong asing yang diselaraskan keseluruhan negara yang mana mereka ditahan dan diperiksa di mana-mana di dalam Malaysia. Mereka akan dijamin bahawa maklumat mereka mudah access dalam sistem. Sungguhpun pihak polis dan imigresen menganggap ini kes terpencil, tetapi jika ia kerap berulang bukanlah satu lagi kes terpencil, tetapi menunjukkan sistem kerja Jabatan Imigresen dan polis yang lemah.

Tuan Pengerusi, sebelum negara dikejutkan dengan penurunan drastik angka ketibaan pelancong asing ke Malaysia dan tempoh-tempoh pendatang adalah perlu sistem ketibaan dan pelepasan pelancong asing dapat dipertingkatkan, yang mana kita berupaya mengesan pelancong-pelancong yang hilang dalam tempoh singkat dan tahu di mana mereka berada. Saya percaya ini merupakan sebahagian usaha untuk memulihkan imej negara yang tercalar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Saya gulung. Tuan Pengerusi, kita tidak tahu angka sebenarnya bagi kes-kes seperti yang berlaku selama ini kerana tidak didedahkan kepada umum. Saya kira cukuplah dengan pendedahan kes yang ada telah menjadi satu titik berhenti dan tidak lagi ada kes-kes baru selepas ini. Oleh kerana angka-angka mengikut satu laporan dalam STAR bahawa ramai pendatang asing khususnya pelancong-pelancong seperti mana yang dicatatkan dalam surat-surat khabar STAR ini bahawa ada ramai. Ini rekod pun tidak ada. Betul atau tidak, bahawa saya bagi satu contoh. Australia mengikut mengikut tahun 2003, *arrivals* sejumlah 197,000 tetapi dibaca hanya 167 sahaja. Ini bermakna ada ramai pendatang asing atau....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun:pelancong ada di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tawau.

7.51 mlm.

Tuan Shim Paw Fat [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 03000 bertajuk Imigresen. Saya ingin merujuk kepada keadaan yang tidak memuaskan pada stesen imigresen berdekatan dengan Tawau Barter Trade Center. Stesen ini adalah pusat kemasukan orang asing terutamanya dari Nunukan dan Tarakan, Indonesia. Kini terdapat 13 feri belayar berulang alik antara Nunukan dan Tawau, dua buah lagi belayar berulang alik antara Tarakan dan Tawau setiap hari. Perahu kecil mengambil kira-kira 100 hingga 120 penumpang, manakala perahu yang besar pula mengambil kira-kira 150 penumpang. Dengan ini, hampir senarai 2,000 penumpang datang ke Tawau melalui stesen ini setiap hari. Jeti yang berada sekarang adalah kecil, hanya dapat memuatkan dua perahu pada masa yang sama. Selalunya tujuh atau lapan perahu datang pada masa yang sama disebabkan keadaan paras air laut dan semua perahu ini meletakkan di samping.

Kebanyakan penumpang sebelum sampai ke jeti haruslah melalui perahu ke perahu yang lain. Ini adalah risiko yang besar terutamanya bagi kalangan orang tua, wanita dan juga kanak-kanak semasa berada di lautan yang berombak. Dengan itu, seringkali kami kedengaran orang terjatuh ke dalam laut semasa melalui perahu ke perahu yang lain. Penumpang-penumpang kemudiannya melalui ke arah stesen imigresen. Seringnya kami melihat barisan yang panjang disebabkan bilangan penumpang yang banyak. Empat kaunter sahaja diberikan iaitu dua untuk orang asing dan dua lagi untuk orang tempatan. Sentiasanya penumpang-penumpang yang berbaris itu tidak kurang daripada 300 orang pada satu masa dan ini adalah tidak aneh jika ia mengambil masa lebih tiga jam untuk dokumen perjalanan mereka diproseskan. Kadangkala orang ramai ini menyebabkan keadaan yang berselerak dan kekerasan dan ini telah memberikan imej yang tidak baik bagi pelancong.

Bandar-bandar yang kecil seperti Nunukan dan Tarakan yang telah saya lawati mempunyai ruang dan kemudahan jeti dan imigresen yang lebih berkesan dan baik jika membuat bandingan. Kebanyakan penumpang-penumpang dari Nunukan adalah buruh asing dari Sulawesi dan kebanyakan penumpang-penumpang dari Tarakan adalah pelancong dan penduduk yang ingin ke Tawau untuk membeli barang. Saya telah menerima banyak aduan dan komen yang negatif mengenai kekurangan ruang pada perahu dan masa yang panjang diambil semasa menunggu untuk proses di imigresen. Sepanjang tahun yang lepas, tahap peningkatan adalah agak lemah dan lembut.

Dalam keadaan *chaotic* yang telah berlaku ini, tidak menggalakkan para pengunjung untuk mengadakan lawatan kembali. Keadaan ini juga menghalang pelancong yang berhasrat untuk melawat Tawau apabila mereka diberitahu senario di jeti dan stesen imigresen. Sebaliknya, mereka beralih lawatan ke tempat lain. Walaupun Tawau adalah bandar yang terdekat bagi mereka untuk membuat lawatan, perkara ini telah mengakibatkan kerugian berjuta ringgit sebulan bagi industri pelancong di Tawau.

Tuan Pengerusi, keadaan ini memerlukan satu proses peningkatan yang efektif sebelum berlakunya sebarang kerugian yang berterusan. Untuk menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini pada 12 Oktober yang lalu, pihak kementerian telah menyatakan bahawa kerajaan akan mendirikan sebuah kompleks CIQ pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian juga telah memperuntukkan anggaran wang sebanyak RM200,000 untuk meningkatkan kemudahan stesen yang sedia ada dengan segera.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Gulung Yang Berhormat, minat gulung.

Tuan Shim Paw Fat: Ya, saya gulung. Kompleks CIQ yang dicadangkan merupakan satu projek jangka masa panjang di mana ia memerlukan beberapa tahun untuk dilaksanakan. Keadaan yang agak terdesak, yang kita hadapi ini tidak membenarkan kami menunggu dalam masa yang begitu panjang. Dengan ini, saya merayu agar kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera;

- (i) sebagai langkah segera, kita perlu memperbanyakkan lagi kaunter imigresen untuk menyelesaikan kerosakan ini,....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Shim Paw Fat:memperuntukkan... satu lagi -
memperuntukkan sebanyak RM200,000 yang telah diluluskan oleh
kementerian ini bolehlah digunakan untuk tujuan ini; dan

- (ii) sebagai langkah sementara, saya mencadangkan kepada
kementerian agar berbincang dengan pihak berkuasa untuk
membangunkan premis-premis kosong yang berdekatan iaitu
membina satu jeti dan premis CIQ baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Shim Paw Fat: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita
ada dua kementerian lagi hendak dihabiskan. Jadi saya ingin menghadkan empat orang
untuk bercakap. Ya, Ipoh Barat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cakaplah. Ipoh
Barat, sila.

7.58 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit
sahaja. Mengenai imigresen Tuan Pengerusi, saya ingin tahu mengenai pengambilan
pekerja-pekerja dari Pakistan. Apakah kawal selia yang sedia ada? Bila kami pergi ke
Pakistan, kami difahamkan bahawa pekerja-pekerja dari Pakistan boleh datang ke Malaysia
sewenang-wenangnya, tidak ada apa-apa komplikasi, tidak ada apa-apa tapisan yang
dibuat. Saya difahamkan oleh *High Commissioner* di sana bahawa bahagian *Immigration
Attache* tidak ada apa-apa fungsi yang dia mainkan di sana hingga apa yang saya
difahamkan bahawa 100,000 yang dibenarkan masuk ke negara ini, sewenang-wenangnya
boleh datang ke KLIA dan terus masuk dan perjanjian yang sedia ada adalah satu di antara
swasta dengan swasta. Jadi, apakah yang sedang dikenal pasti supaya pihak-pihak yang
tidak diingini dapat masuk dengan sewenang-wenangnya dari Pakistan?

Lagi satu adalah mengenai pengambilan pekerja-pekerja untuk asas tani dan
pertanian. Baru-baru ini, kementerian telah mengatakan bahawa ada satu sistem yang
baru dalam pengambilan pekerja-pekerja baru. Adakah pekerja-pekerja ini dibenarkan
masuk dengan kebenaran kementerian berkenaan atau permohonan yang dibuat oleh
pihak-pihak majikan akan diproses dan selepas itu baru pekerja-pekerja itu akan masuk
atau ada sesuatu agensi-agensi yang tertentu yang ditauliahkan oleh kementerian supaya
membolehkan pekerja-pekerja ini masuk?

Saya bertanya mengenai hal ini kerana bila saya sendiri membawa orang ke
kementerian, kementerian mengatakan bahawa ada satu sistem yang baru tetapi belum lagi
diisytiharkan lagi. Saya pergi ke imigresen Ipoh, dikatakan tidak ada *guideline* langsung,
tetapi bila saya pergi ke Putrajaya, mereka memberitahu bahawa ada *guidelines* yang baru.
Di antaranya adalah kewajipan majikan perlu berdaftar dengan kementerian *human
resources* dan mendapat surat pengesahan bahawa arena pertanian, mereka perlukan
pekerja. Selepas itu sahaja, bahawa kementerian akan meluluskan.

Kelulusan itu saya difahamkan akan dibuat dalam 24 jam. Adakah ini benar?
Kalau ini benar, berapa ia telah dibenarkan dan jika tidak, apakah situasi dalam senario ini?
Sebagai akhir, saya ingin nak tanya, mengenai passport. Passport yang dikeluarkan oleh
Imigresen.

Tuan Pengerusi, kita tahu semua passport ini sah untuk 5 tahun. Tetapi
sebenarnya, itu tidak benar. Passport hanya laku untuk 4 ½ tahun. 6 bulan yang akhir itu
tidak boleh dipakai untuk guna mana-mana. Adakah ini berpatutan walaupun kita bayar
untuk 5 tahun, tetapi kita guna pakai untuk 4 ½ tahun? Bolehkah tempoh itu dilebihkan?

Akhir sekali, mengenai pasport sahaja, di beberapa di Eropah, setiap orang dibenarkan menggunakan lebih dari satu.

Ini adalah untuk memudahkan perjalanan mereka dan juga untuk pergi ke negara-negara di mana mereka dapat menggunakan lebih dari satu pasport, pasport Malaysia. Adakah ini antara satu yang akan dikaji dan adakah apa-apa pendekatan mengenai perkara ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran.

8.01 mlm.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana terus memberi peluang kepada saya untuk terus membahaskan bajet Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya hendak sentuh beberapa perkara, yang pertama Butiran 02000 Pendaftaran Pertubuhan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian pihak kerajaan sejauh mana keberkesanan dan kejayaan Pendaftar Pertubuhan dalam mengawal atau monitor pertubuhan-pertubuhan yang terdapat di negara kita? Saya juga ingin bertanya sehingga tahun 2004, berapakah jumlah pertubuhan yang telah didaftarkan di seluruh negara?

Berapakah pula jumlah pertubuhan yang telah dibatalkan kerana pertubuhan tersebut terlibat akhirnya dengan kegiatan-kegiatan yang menyalahi undang-undang negara? Apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan pertubuhan-pertubuhan ini dibatalkan?

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menarik kepada pertubuhan-pertubuhan ini yang didaftarkan sebahagian besarnya daripada pertubuhan sukarela, pertubuhan belia dan sebagainya. Saya mendapat maklumat daripada pertubuhan-pertubuhan ini, banyak daripada pertubuhan-pertubuhan tersebut telah pun dibatalkan akibat daripada tidak mengadakan mesyuarat, tidak mengemukakan laporan, Borang 9, dan sebagainya.

Saya juga difahamkan bahawa pihak Pendaftar Pertubuhan, secara cepat mengambil tindakan membatalkan pertubuhan-pertubuhan ini, sedangkan sebahagian daripada pertubuhan-pertubuhan tersebut, sebenarnya baru ditubuhkan dan tidak mempunyai pengalaman dalam menguruskan pertubuhan-pertubuhan mereka. Saya merasakan bahawa pertubuhan-pertubuhan ini sebenarnya memberikan peranan yang besar.

Pada kita menggembeleng tenaga-tenaga muda, belia-belie dan sebagainya dan melatih mereka bagaimana menjadi pemimpin, bagaimana menguruskan pertubuhan. Saya minta supaya kerajaan, pertubuhan atau kementerian, bukanlah semata-mata bila masalah dihadapi oleh pertubuhan ini, mereka terus mengambil tindakan untuk membatalkan pertubuhan tersebut. Tetapi, kalau boleh terus memberikan pendidikan, latihan, bimbingan kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan supaya mereka berjaya dalam menggerakkan pertubuhan mereka.

Tuan Pengerusi, saya hendak masuk Butiran yang kedua ialah 0400 Pendaftaran Negara. Terdapat ramai di negara kita warga asing, warga luar, luar negeri yang datang ke negara kita yang secara benar, yang secara haram, termasuklah di seluruh dunia. Saya ingin bertanya, akibat daripada kemasukan pendatang-pendatang ini ramai daripada rakyat kita sendiri sama ada daripada lelaki ataupun wanita telahpun berkahwin dengan pendatang-pendatang ini dan menghasilkan anak-anak yang tidak tentu pendaftaran mereka.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, pihak kerajaan berapakah sehingga kini jumlah anak-anak yang telah dilahirkan oleh rakyat negara kita hasil daripada perkahwinan mereka dengan pendatang-pendatang ataupun warganegara asing dan daripada negara manakah mereka ini terlibat? Masalah sekarang timbul ialah saya sering dijumpai, ditemui oleh bapa ini mengatakan bahawa mereka menghadapi masalah. Anak-anak mereka tidak boleh didaftarkan, dan anak mereka tidak boleh disekolahkan dan tidak tentu hala bagaimana kedudukan mereka.

Saya minta penjelasan daripada kerajaan apakah sebenarnya tindakan ataupun status dan apakah dasar yang ada pada kita terhadap anak-anak ini? Apakah tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi bukan sahaja oleh pendatang yang berkahwin dengan rakyat negara kita, tetapi yang penting ialah kepada anak-anak mereka yang dilahirkan ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah Butiran 04000 ialah Rela. Berikan saya sedikit masa. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian dan terima kasih kepada Rela kerana saya perhatikan peranan Rela sungguh besar. Bukan sahaja dalam membantu pasukan keselamatan, polis, tentera dan sebagainya, dalam mempertahankan negara dan dalam mengatasi masalah-masalah semasa di kawasan masing-masing. Tetapi mereka juga banyak bekerjasama dalam menjayakan apa juga program yang dilaksanakan di peringkat Parlimen, peringkat DUN, dan juga kawasan masing-masing.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya memohon kepada kerajaan, khususnya kementerian, supaya memberikan perhatian serius kepada Rela, berikan peruntukan tambahan kepada mereka, berikan kemudahan yang lebih kepada mereka supaya mereka dapat kita lihat sebagai pertubuhan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: ...yang berperanan besar dalam membantu negara kita. Dengan itu, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: ..Dia marah lagi, dia marah.

8.06 mlm.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Saya ingin membahaskan Butiran 03000 - Imigresen. Seperti mana yang kita tahu, bahawa Imigresen Malaysia adalah merupakan satu jabatan yang berperanan penting khususnya untuk meregularisasikan kemasukan pendatang-pendatang ataupun orang-orang asing yang datang ke Malaysia. Sebagai seorang yang pernah bekerja di luar negara, saya dapat menyatakan di sini bahawa sebenarnya Imigresen negara kita adalah yang terbaik.

Kerana seperti mana yang kita tahu, bahawa berbagai-bagai kemudahan yang kita berikan atas nama untuk mendapatkan pelancongan kepada negara kita sehingga kita bersedia untuk memberikan *visa on arrival* dan banyak kemudahan-kemudahan lain lagi. Kalau kita pergi ke negara-negara asing, kita dapat lihat bahawa sebenarnya, sekatan-sekatan Imigresen terhadap pelancong-pelancong asing atau pengunjung-pengunjung asing ke negara tersebut adalah jauh lebih ketat. Misalnya, baru-baru ini saya pergi ke Australia untuk masuk ke luar daripada Imigresen Australia mengambil masa lebih kurang satu jam.

Tidak adillah kalau kita mengatakan bahawa Imigresen kita ini terlalu lemah, sehingga kita memadamkan rekod kecemerlangan dan juga kemampuan mereka menguruskan kedatangan dan juga keberangkatan pelancong-pelancong dan pengunjung-pengunjung asing ini.

Cuma satu perkara yang sering berlaku kelemahan di dalam jawatan Imigresen kita ialah soal *discrepancy* dari segi rekod-rekod kedatangan dan keberangkatan. Sepertimana yang kita tahu bahawa saya tidak tahu bahawa apa yang berlaku di Jabatan Imigresen kita.

Walaupun kita telahpun melaksanakan sistem IT di dalam rekod kemasukan dan keberangkatan Jabatan Imigresen, tetapi jelas bahawa berlaku deskripinsis yang begitu besar. Saya tidak tahu apa puncanya? Memang ini merupakan satu masalah yang besar kerana rekod-rekod pelancong sendiripun sebenarnya berlaku banyak kelemahan,

Sehingga kita tidak mengetahui berapakah jumlah sebenar pelancong yang datang kerana mengikut rekod Imigresen, selalunya tidak *tele* dengan rekod-rekod daripada jabatan-jabatan yang lain.

Saya ingin mempersoalkan kepada Jabatan Imigresen, kementerian ini, apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ini supaya deskripsis yang sentiasa berlaku sepertimana yang dijelaskan oleh rakan kita tadi bahawa sebenarnya ada 50,000 pelancong daripada negeri China yang datang ke sini mengikut apa yang didakwa sebelum ini, tetapi akhir-akhirnya apabila disiasat, sebenarnya mengikut kenyataan yang baru sebenarnya ada. Ini melibatkan juga daripada warganegara negara-negara yang lain selain daripada negeri China.

Yang kedua adalah berkaitan dengan Rela. Rela adalah merupakan satu pertubuhan yang penting khususnya masyarakat di kawasan luar bandar, khususnya untuk membantu kerajaan untuk mengawasi masalah-masalah keselamatan di luar bandar khususnya di negeri Sabah di mana berlakunya masalah pendatang asing yang begitu serius yang sepatutnya diselesaikan oleh kerajaan. Dengan bantuan Rela ini, saya percaya sebahagian daripada tugas ini akan dapat dilaksanakan.

Tetapi apa yang menyedihkan, sebahagian daripada pertubuhan-pertubuhan Rela ini tidak dibekalkan dengan kelengkapan-kelengkapan yang mencukupi dan tidak adapun bantuan-bantuan dari segi elaun dan sebahagian daripada mereka terpaksa datang berjumpa dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun pemimpin-pemimpin tempatan untuk mendapatkan sumbangan hanya untuk membeli uniform dan juga kelengkapan-kelengkapan yang lain. Jadi, kita minta supaya kerajaan dapat menyediakan satu peruntukan yang mencukupi dan bantuan supaya mereka ini sebenarnya adalah merupakan satu *instrument* yang penting untuk membantu kerajaan khususnya menangani masalah-masalah kedatangan pendatang-pendatang asing.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang ketiga, *last* sekali ialah berkaitan dengan ramai daripada khususnya di negeri Sabah, masyarakat luar bandar yang tidak memiliki identiti, khususnya kad pengenalan. Di kawasan saya, walaupun saya tidak mempunyai rekod tetapi melibatkan beratus, berpuluh-puluh ribu mereka yang tinggal di luar bandar yang tidak mempunyai kad *birth certificate* ataupun kad pengenalan dan ini kita minta supaya kerajaan membuat sesuatu, khususnya membuat operasi-operasi pendaftaran, khususnya di kawasan-kawasan yang terpencil di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, lepas itu Yang Berhormat bagi Dungun, lepas itu Yang Berhormat bagi Mambong, lepas itu Menteri jawab. Yang Berhormat bagi Seputeh terus, ya, Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

8.12 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 - Imigresen dan 040000 - Agama. Selalunya pegawai pendaftaran negara agak cuai terhadap pendekatan agama dalam pemegang MyKad, khususnya mereka yang bukan beragama Islam. Dua minggu yang lepas saya baru menghantar satu senarai yang mengandungi sebanyak 300 nama penganut Kristian yang mana agama mereka telah bertukar di dalam cip My Kad mereka kepada agama yang lain kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Menteri akan membantu semua nama yang tersenarai dalam dokumen itu dan menukar agama mereka secara automatik dalam sistem komputer. Senarai ini sebenarnya dikumpulkan oleh *National Evangelical Christian*

Fellowship of Malaysia (NECF), jadi selain daripada senarai yang di kumpul oleh NECF ini, ramai penganut Kristian yang lain termasuk paderi dan anak-anak mereka juga mendapati agama mereka ditukar.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, semalam dalam satu gereja Katolik yang mana mereka mengadakan pemeriksaan agama dalam MyKad, mereka mendapati ada sesetengah agama mereka malah ditukar kepada agama Islam. Jadi, ini adalah menghasilkan masalah kepada semua pemegang MyKad. Jadi, saya berharap pihak kementerian akan memberi kita satu penjelasan kenapakah ini boleh berlaku?

Saya juga ingin tanya tentang pas khas kepada Rohingya Muslim. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun menyatakan bahawa kerajaan akan memberi pas yang khas kepada Rohingya Muslim di negara kita. Tetapi selepas pengumuman ini dibuat hampir dua tahun, nampaknya keputusan ini masih belum dilaksanakan sehingga ramai Rohingya Muslim masih ditahan dan ditangkap oleh polis. Mereka bertanya kepada saya, bilakah kerajaan akan menunaikan janji yang diberi kepada mereka?

Saya juga ingin tanya bagi pihak Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tentang permohonan *Malaysian Dayak Congress*. Bilakah ia akan didaftar sebagai parti politik di Sarawak? Kenapakah permohonan mereka masih belum diluluskan tujuh bulan sehingga sekarang? Tuan Pengerusi, saya ingin juga tanya tentang, hanya bangkitkan isu orang asing yang melebihi tempoh bermastautinnya atau visanya di Malaysia.

Pada pandangan saya, bila ramai rakyat di negara China dan juga Kerajaan China mempunyai persepsi yang agak salah terhadap Malaysia, kerajaan tidak harus membuat kenyataan bahawa pihak polis dan imigresen hanya ingin memburu rakyat dari negeri China yang *over stay*, yang melebihi tempoh visa di Malaysia. Tetapi sebenarnya pemeriksaan dan penghalauan pendatang asing yang melebihi tempoh visa ini haruslah merangkumi semua negara.

Jadi, saya juga menyeru pihak imigresen dan juga polis semasa mereka menjalankan serbuan dan juga pemeriksaan di tempat-tempat hiburan seperti kelab malam, pub dan restoran, serbuan dan cara pemeriksaan ini haruslah dikaji semula kerana cara yang terburu-buru yang dilakukan oleh pegawai penguat kuasa ini selalu telah menjejaskan perniagaan tempat hiburan, yang mana selalu juga mempunyai pelanggan dan juga pelancong dari luar negara.

Cara pegawai penguat kuasa termasuk polis dan pihak imigresen ini sebenarnya telah merosakkan lagi usaha kerajaan untuk menarik pelancong asing. Kerana kesemua pelancong asing yang mempunyai dokumen yang sah ini, yang pernah mengalami pemeriksaan oleh pegawai penguat kuasa ini, akan menyebarkan pengalaman buruk mereka apabila mereka balik ke negara asal mereka. Publisiti yang buruk seperti ini pun akan menakutkan pelancong asing dari datang ke Malaysia dan juga ini mungkin salah satu sebab kenapakah pelancong negeri China telah turun begitu pesat iaitu sebanyak 49% untuk datang ke Malaysia.

Tuan Pengerusi, ramai orang asing yang melebihi tempoh visa mereka di Malaysia ini, kebanyakan mereka adalah ditipu oleh sindiket tempatan ataupun sindiket *Human Trafficking Antarabangsa*. Selalunya agen-agen sindiket ini menipu orang asing ini, biasanya gadis dari negara China ataupun Indonesia dan Cambodia ke Malaysia untuk dijadikan pelacur ataupun melakukan kerja-kerja yang tidak diingini dan pasport mereka sebenarnya dipegang oleh ketua sindiket ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, saya hanya menyeru pihak imigresen dan pihak kementerian seharusnya bekerjasama dengan kedutaan luar negeri ini dan menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa seperti ini supaya mereka tidak dihantar ke penjara tetapi dihantar balik dengan lebih sopan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Akhirnya, memandangkan imej, persepsi rakyat di negara China yang mana kita ingin tarik mereka untuk melancong ke Malaysia ini adalah tidak begitu baik. Saya mencadangkan supaya kerajaan juga memberi satu tempoh *amnesty* kepada golongan rakyat China yang dikatakan telah *over stay* di Malaysia ini supaya publisiti yang agak negatif ini dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat bagi Dungun.

8.16 mlm.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja. Pertama RELA – 040000. Pejabat RELA di seluruh negara secara keseluruhannya Tuan Pengerusi, hampir keseluruhannya tidak mempunyai kelengkapan yang cukup. Malah kita nampak ada lagi pejabat RELA tak guna komputer dan sebagainya. Jadi saranan saya, cadangan saya supaya sesuai dengan pandangan Yang Berhormat bagi Maran tadi, peranan RELA dan ahli-ahli RELA di seluruh negara kita yang banyak membantu dalam hal ehwal tugas kerajaan dan negara maka sesuai lah pejabat RELA di *upgrade*kan malah termasuk uniform, kenderaan, pejabat dan peralatan-peralatan lain. Habis RELA, saya ringkas sahaja.

Yang kedua, berkenaan dengan 033000 berkenaan imigresen. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kudat, daripada puluhan dan ratusan sub tugas imigresen ini dan kalau kita banding Jabatan Imigresen sebelum ini sehingga sekarang, peningkatan kualiti perkhidmatan Jabatan Imigresen kita jauh lebih baik dan apakah kategori sebenarnya perkhidmatan Jabatan Imigresen kita kalau berbanding dengan Jabatan Imigresen seluruh negara. Dan kalau kita bandingkan dengan Jabatan Imigresen dari negara-negara maju, saya rasa kita pun agak sudah *at par* dengan prestasi yang ada di Jabatan Imigresen lain. Umpamanya kalau zaman dulu penyediaan passport mungkin tiga hingga enam bulan, tapi sekarang ini mungkin dalam masa sehari, dua hari, atau tiga hari pun dah kita dapat passport itu.

Dan, perkara-perkara penguatkuasaan imigresen ini memanglah menjadi tugas pegawai-pegawai imigresen yang sedikit sebanyak ditimbulkan oleh kita semua sebagai satu perkara yang perlu diambil iktibar oleh Jabatan Imigresen dan pegawai-pegawai kita. Secara *isolated*nya kita harus lihat bahawa secara keseluruhan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kudat bahawa tidak semua yang dilakukan oleh imigresen kita boleh mencemarkan kedudukan negara kita malah keseluruhannya saya nampak telah banyak membantu negara kita dalam hal-hal yang berkaitan dengan pelawat-pelawat dari luar negara dan juga pelancongan.

Satu perkara yang ingin saya cadangkan dan usulkan kepada Jabatan Imigresen ialah bahawa Jabatan Imigresen harus mempunyai suatu sektor yang boleh membantu pelabur-pelabur asing yang melalui beberapa kementerian yang lain termasuk MITI, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang saya dapati bahawa salah satu daripada faktor kecil adalah kerana kesukaran perhubungan antarabangsa di antara imigresen kita dengan pelabur-pelabur di luar negara yang kadang-kadang kita nampak ini merupakan satu faktor kecil. Walaupun faktor keseluruhan pelaburan dalam negara kita bergantung banyak kepada faktor-faktor lain. Jadi apakah salah kiranya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ... seperti MAIDA yang menjaga pelaburan kita, kita kena faham bahawa negara kita jatuh ke tempat ketiga atau keempat barangkali apabila kita tidak mempunyai kekuatan dalam perkara-perkara seperti ini supaya imigresen harus melatih beberapa pegawai di MITI dan Imigresen supaya menjadi wakil kepada Imigresen supaya persoalan pelaburan dalam negara kita dapat diatasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Akhir sekali, Tuan Pengerusi. Saya sejak dari puasa dahulu ini baru hendak bercakap. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Berkenaan Ahli-ahli Parlimen, baru-baru ini saya terima banyak pandangan daripada Ahli-ahli Parlimen kita, kita pun tidak ramai, campur pembangkang pun 200 orang lebih sahaja dan itu sebahagian pun berada di *front bench*. Kalau tidak menjadi permasalahan kerana apabila kita melawat mengikuti menteri perdana menteri, timbalan perdana menteri, kita declare diri kita sebagai Ahli Parlimen, ramai di antara pegawai imigresen ataupun di negara asing bertanya adakah betul kita ini seorang ahli parlimen. Ini kerana pasport kita biasa dengan orang lain. Apakah salahnya sekiranya tidak ada masalah besar walaupun perkara ini adalah merupakan tugas kementerian luar ataupun beberapa hal yang lain supaya Jabatan Imigresen boleh mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian supaya sekurang-kurangnya Ahli Parlimen ini mempunyai *status-quo* kad atau pasport yang menunjukkan yang kita ini Ahli Parlimen ataupun memberi status kepada Ahli Parlimen kita ini status pasport yang bertaraf diplomat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong, selepas itu kementerian menjawab.

8.22 mlm.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Imigresen, Butiran 35000 berkaitan dengan pejabat-pejabat Imigresen. Saya telah pun dimaklumkan oleh pihak Imigresen di Sarawak bahawa pejabat imigresen di kawasan saya yang bertempat di Padawan akan dipindahkan ke Kampung Sepit. Kampung Sepit adalah sebuah kampung yang terletak betul-betul di sempadan, bahkan tiang gol padang bola memang di sempadan. Tiang gol padang bola sepak.

Oleh yang demikian, adalah wajar agar stesen imigresen di Padawan dipindahkan dengan secepat mungkin kerana jalan kemasukan rakyat Indonesia daripada Kalimantan memang melalui Kampung Sepit dan bukan melalui Padawan. Oleh yang demikian, adalah wajar jika stesen daripada Padawan dipindahkan ke Kampung Sepit.

Yang kedua, berkaitan dengan Imigresen juga. Ada sindiket-sindiket yang ingin melanjutkan Pas Lawatan Sosial pekerja-pekerja mereka daripada Indonesia. Mereka masuk menggunakan Pas Lawatan Sosial tetapi mereka diambil bekerja sebagai buruh di sektor pembinaan. Sindiket-sindiket ini enggan memperbaharui pas ini di ibu pejabat di Kuching. Mereka pergi ke stesen Imigresen di Padawan.

Di sana, agak mudah untuk diperbaharui Pas-pas Lawatan Sosial kerana hanya tiga orang pegawai sahaja. Agak senang. Bolehkah pihak Imigresen mengawasi stesen Imigresen di Padawan atau bolehkah pas-pas ini diperbaharui di stesen yang kecil ini, kerana pas mereka adalah untuk lawatan sosial tetapi mereka ini diambil untuk bekerja. Inilah masalahnya. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kementerian sila jawab. Nanti, kalau ada Yang Berhormat hendak tanya fasal penjelasan.

8.25 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dan memohon penjelasan serta memberi pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan dan juga terima kasih kerana sokongan-sokongan yang diberikan di samping teguran-teguran membina.

Di bawah Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, terdapat lima jabatan dan hari ini empat jabatan telah disentuh dalam perbincangan oleh 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan menjawab soalan-soalan dan permohonan untuk menjelaskan isu-isu yang berbangkit antara pandangan, teguran dan cadangan akan diambil ingatan dan akan dibawa untuk perbincangan dan tindakan-tindakan di peringkat pengurusan jabatan-jabatan. Sementara jawapan-jawapan yang memerlukan perkara-perkara yang *detail*, akan saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan soal Jabatan Imigresen patut mempunyai lokapnya yang tersendiri. Suka saya maklumkan bahawa Jabatan Imigresen Negeri sememangnya mempunyai lokap sendiri seperti di Putrajaya, Wilayah Persekutuan dan lain-lain. Akan tetapi ini meliputi kes-kes imigresen yang boleh ditahan untuk 14 hari sahaja bagi maksud siasatan terhadap warga asing. Jika jumlah tangkapan begitu ramai, maka mereka akan ditempatkan di pusat-pusat atau di depot-depot imigresen.

Sementara itu mengenai pertindihan tugas yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sepatutnya tidak berlaku pertindihan tugas memandangkan Kementerian Dalam Negeri telah dipecahkan kepada dua kementerian iaitu Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Oleh yang demikian, penjagaan tahanan di depot telah ditugaskan kepada Jabatan Penjara sementara pihak Imigresen hanya meliputi tugas-tugas dokumentasi dan pengusiran para tahanan ke negara asal mereka. Sementara Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah menyentuh soal tangkapan dan operasi yang telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen.

Kerjasama antara pihak imigresen dan Polis Diraja Malaysia sememangnya wujud sekian lama. Akan tetapi, pihak Imigresen akhir-akhir ini telah dibebankan dengan tugas-tugas yang lebih berat, khususnya di dalam menangani isu-isu pendatang asing tanpa izin, di mana tugas-tugas ini dijalankan bersama oleh RELA dan lain-lain agensi. Sementara Yang Berhormat

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran bangun Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Pengerusi, kita faham bahawa pembahagian kementerian yang baru ini, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri dan Keselamatan Dalam Negeri telah membahagikan antara Polis dengan Imigresen. Tetapi saya mengambil contoh Ops Tegas umpamanya di mana Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri bergantung kepada RELA untuk membuat operasi dalam Ops Tegas dan akhirnya kita melihat keputusan, pencapaian yang didapati daripada Ops Tegas tidak seperti yang kita jangkakan.

Ada kepentingan, kebbaikannya untuk Imigresen ini bekerjasama dengan anggota polis dalam perkara-perkara seperti Ops Tegas umpamanya agar lebih banyak tangkapan boleh dibuat. Kita melihat polis mempunyai lokap. Imigresen tidak mempunyai lokap. Kemudian, polis mempunyai anggota yang lebih *equipped*. Imigresen, RELA uniform pun tidak ada. Jadi kita lihat keputusannya. Apa bentuk kerjasama yang boleh dibuat antara Polis dengan Imigresen terutama dalam operasi-operasi penangkapan pendatang asing tanpa izin. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, bahawa kerjasama antara Imigresen, Polis Diraja Malaysia dan agensi seperti RELA memang wujud dan kita telah menjalankan operasi ini dari semasa ke semasa dan kerjasama pihak Polis dengan Imigresen memanglah sentiasa diadakan.

Misalnya dalam menangani apa yang disebut sebagai pendatang warga asing yang tidak pulang, hari ini kerjasama dan gerakan bersama telah dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan juga Imigresen. Jadi setakat ini kita memang berpuas hati kerjasama ini wujud dan kita tidak mempunyai apa-apa masalah.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga menyentuh tentang kebimbangannya mengenai isu *Black Metal* yang memberi kesan negatif kepada muda-mudi dan mencadangkan supaya JIM tidak mengeluarkan visa kepada mereka ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Imigresen akan sentiasa meneliti dengan serius apabila sesuatu permohonan diterima untuk tujuan seperti ini dan kita akan memberi pertimbangan dan penelitian yang sewajarnya dan sekiranya ia tidak memberi manfaat dan menimbulkan masalah, kita tidak akan meluluskan visa kepada mereka.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyarankan supaya kerja-kerja memperkenalkan semula pasport terhad memandangkan bayaran untuk pasport antarabangsa adalah tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Gelang Patah, pasport terhad yang digunakan sebagai dokumen perjalanan ke Singapura telah dibatalkan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah dokumen perjalanan yang dikenal sebagai Dokumen Perjalanan *Frequent Travelers Card* di mana sekiranya diterima, kedua-dua negara ini akan menggunakan kad pengenalan sebagai dokumen perjalanan bagi menggantikan pasport antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga meminta pandangan sama ada dasar *one stop centre* di dalam pengurusan pekerja asing telah berjaya atau sebaliknya dan meminta supaya tempoh bayaran levi dua hari dilanjutkan. Pelaksanaan *one stop centre* adalah berjaya kerana mempercepatkan proses kelulusan pengambilan pekerja-pekerja dan majikan, pemilik syarikat di mana mereka akan ditemu duga oleh ahli panel yang terdiri daripada agensi-agensi yang berkaitan pada hari yang sama dan keputusan akan diketahui pada hari tersebut.

Bayaran levi hendaklah dikemukakan dalam masa dua hari. Berhubung dengan cadangan melanjutkan tempoh bayaran levi melebihi dua hari, setakat ini kita memang menerima rayuan daripada pelbagai pihak dan perkara ini akan dipertimbangkan. Tujuan kita mengenakan bayaran levi untuk dibayar dalam tempoh yang terdekat ialah untuk menentukan pihak yang memohon pekerja ini benar-benar serius untuk menguruskan pekerja tersebut.

Sementara itu, Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga meminta penjelasan sama ada pihak kementerian boleh menimbangkan mereka yang menggunakan pasport setahun boleh dibayar semula terhadap pasport yang mempunyai *validity* lima tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap pasport yang dikenakan adalah dalam tempoh lima tahun. Bayaran selama lima tahun telah dipersetujui dalam borang permohonan. Oleh yang demikian bayaran balik tidak akan diberikan walaupun pasport berkenaan hanya digunakan dalam tempoh setahun.

Yang Berhormat bagi Puchong telah membangkitkan dan menimbulkan soalan apakah kejayaan ataupun kegagalan dalam rancangan biometrik. Apakah masalah-masalah yang dihadapi. Untuk pengetahuan dan makluman Yang Berhormat bagi Puchong, sistem biometrik pekerja asing telah pun ditempatkan di semua pintu seluruh negara dan pejabat-pejabat imigresen negeri-negeri. Kerja-kerja mengambil maklumat biometrik pekerja asing ini telah bermula sejak April 2005 secara berperingkat-peringkat mengikut persediaan infrastruktur sistem ini yang dipasang. Tumpuan diberikan kepada pekerja asing yang baru masuk. Manakala pekerja asing yang telah sedia ada dalam negara ini akan mula didaftarkan apabila pembaharuan permit kerja mulai tahun depan. Sehingga kini jumlah yang telah didaftarkan adalah 355,000 pekerja asing. Sistem biometrik juga dilaksanakan di semua depot tahanan imigresen bagi mendaftarkan maklumat pendatang tanpa izin yang masuk ke negara ini.

Sementara itu, Yang Berhormat bagi Puchong juga ingin mengetahui apakah tindakan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menggalakkan orang ramai menukar kad pengenalan kepada MyKad. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan Kempen Jom Tukar dan Menang bagi menggalakkan orang ramai menukarkan kad pengenalan mereka kepada MyKad. Selain daripada itu, Jabatan Pendaftaran Negara juga banyak mengadakan aktiviti kaunter bergerak di pejabat-pejabat kerajaan mahupun swasta dan juga di kawasan-kawasan pedalaman dan juga untuk masyarakat orang Asli serta golongan orang kurang upaya.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jabatan Pendaftaran Negara juga telah mengiklankan kaunter-kaunter kurang sesak sebagai pilihan kepada mereka. Malah pejabat-pejabat negeri dan ibu pejabat membuka kaunter MyKad pada setiap hari Sabtu kecuali hari cuti am.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga telah membangkitkan kesilapan maklumat agama di dalam MyKad. Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan arahan pentadbiran bagi memudahkan proses pembetulan dan penukaran maklumat agama untuk individu bukan Islam. Kakitangan kaunter adalah diarahkan untuk memastikan maklumat seseorang individu adalah betul dan lengkap semasa permohonan MyKad diterima bagi mengelakkan kesilapan terus berlaku. Arahan Pentadbiran Bil. 4/2005 bertarikh 11 November 2005 adalah berkaitan.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan ramai penganut agama Kristian ini menghadapi masalah ini, jadi mereka juga mengadu kepada saya bila mereka pergi tukar agama dalam cip MyKad itu, mereka juga dikenakan bayaran RM20. Ada yang dikehendaki untuk bawa *baptism certificate* untuk mengesahkan bahawa dia telah menjadi penganut agama Kristian.

Jadi ini telah pun menghasilkan banyak ketidaksempitan di kalangan mereka dan saya hanya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mempertimbangkan supaya pihak kementerian mengadakan *mobile team*. Sekiranya ini diminta oleh sesuatu pertubuhan agama ataupun gereja, mungkin pasukan *mobile* itu boleh pergi ke sana dan membantu mereka untuk menukar maklumat yang disalah isi oleh pegawai jabatan ini. Jadi ini pun akan memudahkan mereka untuk menukar masalah agama yang salah dimasukkan oleh pegawai itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya kurang pasti tentang bayaran yang dikenakan. Namun begitu permintaan pegawai untuk melihat *certificate* itu adalah bagi menentukan supaya tidak berlaku kesilapan ketika mengisi borang.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bintulu menimbulkan tentang strategi-strategi yang akan diambil untuk memperbaiki imej jabatan.....

Tuan Lau Yeng Peng: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pergi jauh lagi, tadi saya telah bangkit juga mengenai kesahihan, mengenai statistik-statistik yang juga telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat yang lain mengenai langkah-langkah yang tertentu, apakah yang sedang dan akan dibuat oleh Jabatan Imigresen untuk memperbetulkan lagi angka-angka yang dikeluarkan ataupun yang dicetak di dalam media masa, yang baru-baru ini telah menimbulkan banyak kekeliruan di kalangan masyarakat. Apakah langkah-langkah terkini? Kalau kita tidak ada langkah-langkah tertentu jangan *publicize* angka-angka tertentu ataupun data-data tertentu, kerana ini sangat mengelirukan. Itu saja yang saya nak jawapan daripada Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya akan sampai Yang Berhormat pada perkara itu. Namun begitu, saya suka nyatakan bahawa angka yang ditimbulkan melalui media massa baru-baru ini adalah di luar pengetahuan Jabatan Imigresen. Jabatan Imigresen tidak pernah membuat kenyataan tentang angka ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan Jabatan Imigresen untuk meneliti semua butir-butir ini dan menentukan supaya satu sistem yang lebih lengkap dan kemas dapat diadakan.

Tuan Lau Yeng Peng: Tapi dia dapat di *web side* Jabatan Imigresen.

Tuan Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta penjelasan. Setiausaha Parlimen minta penjelasan sebab saya yang bangkitkan tentang statistik itu. Saya keliru dan hairan, kenapa apabila timbul statistik ini akhirnya Menteri yang kata, minta maaf, kita akan kemas

kinikan statistik atau data yang telah dikeluarkan. Ini bermakna, statistik asal itu memang ada kesilapan. Jadi, saya tak tahulah yang mana satu versi yang boleh diterima pakai.

Saya nak bertanya pada Yang Berhormat, apa yang berada dalam laman *web* itu, adakah sesuatu yang sah boleh digunakan? Kalau macam itu, saya rasa kita kena berwaspada kerana saya telah buat perkiraan kesemuanya telah disiarkan dalam akhbar dari tahun 2000 sampai 2004, jumlah penduduk dari Singapura yang tidak keluar '*accumulated*' dia punya jumlah tu adalah 13 juta. Jadi, saya pun tergamam dan hairan, kenapa begitu dan akhirnya saya berasa bersyukur kerana Menteri dah kata, "Oh! Kita kena betulkan dari segi data itu", dan sekarang Setiausaha Parlimen kata, " Itu tak pernah dikeluarkan oleh jabatan". Saya tak tahu, manakah versi yang lebih tepat, minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam saya telah sebutkan tadi, bahawa Yang Berhormat Menteri telah meminta dan mengarahkan jabatan mengemaskinikan data-data ini sehingga satu penjelasan dan maklumat tepat dikeluarkan dan dibentangkan kepada Menteri, saya tidak dapat memberi satu kenyataan yang lebih awal. Jadi, kita tunggu sahajalah apa laporan lengkap daripada Jabatan Imigresen atas arahan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Bintulu...

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan mengenai MyKad. Tadi saya tidak berpulang untuk berucap. Saya rasa ini MyKad ini adalah satu *official document* yang semua maklumat di dalamnya adalah betul dan tepat. Jadi, saya rasa *gender* seseorang itu mesti tepat. Kalau dia telah mengubah *gender* dia, saya rasa adalah munasabah kita tulis di dalam IC itu bahawa dia telah menukar *gender* dia, seperti agama. Dulu dia bukan Islam, sekarang dia Islam, kita pun tukar, tulis di dalam ICnya.

Tapi saya rasa untuk menyenangkan setiap urusan kerajaan ataupun urusan dengan bank-bank ataupun urusan peribadi seperti dia nak pergi mendapat kerja, di dalam ICnya ialah lelaki, tetapi tengok orangnya dia seperti perempuan. Jadi ini akan menyusahkan atau dia tidak memberi maklumat yang tepat. Jadi, pada pandangan dan hemat saya, saya rasa ini, IC ini, MyKad mesti memberi maklumat yang tepat dan ini adalah satu caranya, itu bukan bermakna bahawa kita menggalakkan rakyat kita menukar *gender* mereka, tapi ini hanya satu dokumen untuk memberi maklumat yang tepat supaya senang, menyenangkan membuat urusan dengan kerajaan, dengan hospital, dengan bank, dan lain-lain lagi. Jadi, saya haraplah kerajaan yang dikatakan begitu peka kepada minoriti akan lebih terbuka dalam perkara ini, membenarkan untuk memasukkan *gender* yang sebenarnya dalam IC. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Ya, biar dia jawab.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pihak Jabatan Pendaftaran Negara hanya merekod *gender* seseorang. Kita tidak boleh mengubah *gender* seseorang. Jadi tugas dan tanggungjawab Jabatan Pendaftaran Negara setakat ini ialah merekod. Kita tidak boleh membuat sebarang perubahan.

Puan Chong Eng: Maksud saya, kita merekodkan *gender* seseorang itu, tapi kalau *gender* seseorang itu apabila dia sampai umur 22 tahun dia sudah ubah *gender* dia, kita mesti rekod juga *gendernya* dengan ada sijil perubatan, ada doktor yang mengatakan *gender* ia adalah seperti ini. Jadi kita mesti merekodkan juga, kita bukan nak ubahkan *gender* dia, tapi kita merekodkan *gender* yang sebenarnya pada waktu itu, itu maksud saya.

Tuan Pengerusi: Baik, bolehkah?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Bukit Mertajam, setakat ini undang-undang negara tak membenarkan penukaran sedemikian rupa.

Yang Berhormat Bintulu,...

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan, yang pada makluman saya yang katakan tidak boleh ialah fatwa, fatwa terhadap Muslim, orang Muslim, tapi kepada orang yang bukan muslim, tak ada undang-undang yang mengatakan begitu. Kita boleh mengadakan *administrative directive* seperti yang dikatakan untuk pertukaran agama itu. Saya rasa kita boleh buat begitu supaya menyenangkan, hanya menyenangkan saja orang yang minoriti seperti itu, saya rasakan kita tak boleh katakan undang-undang yang tidak membenarkan kerana undang-undang itu tidak dibuat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya rasa ini kes terpercillah Tuan Pengerusi, buang masa saja, buang masa saja, negara kita bukan sewenang-wenang boleh tukar dia punya jantina.

Puan Chong Eng: Memang, memang tak boleh tukar sewenang-wenangnya,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sikitlah, ini kes terpercillah.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat menjawab.

Puan Chong Eng: yang saya rasa adalah penting untuk orang minoriti, kita adalah sangat senang untuk kita majoriti

Tuan Pengerusi: Ya, biar dia jawab.

Datuk Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Bukit Mertajam....

Puan Chon Eng: yang boleh menetapkan seperti ini, saya hanya merayulah supaya kita lebih prihatin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dia merayu, dia merayu.

Datuk Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya, saya menghormati pandangan dari Yang Berhormat dan kita, setakat ini undang-undang dan peraturan boleh kita ubah. Walau bagaimanapun, kita akan membawa pandangan Yang Berhormat itu untuk perbincangan, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan lagi.

Datuk Paduka Abdul Rahman bin Ibrahim: Bagilah saya selesaikan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Isu yang sama, isu yang sama, bagi 30 saat saja.

Tuan Pengerusi: Apa dia Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, ini adalah satu kes yang mana saya bersama dengan mak nyah ini telah pun keluar dalam surat khabar yang besar, apa yang dialami oleh beliau dia telah pun menjalani pembedahan di hospital dan ada surat pengesahan daripada pihak hospital bahawa dia telah pun tukar jantina. Tapi bila dia ditangkap oleh polis di Balai Polis Ipoh, kerana di dalam MyKadnya ditulis dia lelaki, jadi dia dipaksa untuk menanggalkan baju, menelanjangkan badan di hadapan tiga orang pegawai polis lelaki, kerana dalam MyKad tulis lelaki, jadi kita tak percaya you dah jadi perempuan, kita mahu tengok, jadi bagi dia, dia rasa dia sudah kahwin, bagi dia, dia rasa, namanya Mumtaz, dia rasa dia dihina oleh pihak polis dan semua adalah masalah dalam MyKad. Jadi, saya rasa bagi orang yang golongan minoriti. Saya faham tentang dari sudut agama, tiada agama yang membenarkan pertukaran jantina, tapi saya rasa, mereka yang dilahirkan ini ada yang agak tidak normal, jadi kalau mereka tidak boleh dibetulkan dari segi kaunseling, dan psikologi atau apa-apa.....

Tuan Pengerusi: Apa persoalannya Yang Berhormat, persoalannya?

Puan Teresa Kok Suh Sim:dan saya rasa adalah penting bagi kerajaan juga mengambil perhatian tentang dari segi kemanusiaanlah, simpati mereka, supaya mereka tidak dianggap sebagai sampah sarap masyarakat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri ulasan.

Datuk Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat boleh terus bersimpati sementara undang-undang kita tidak berubah setakat ini.

Yang Berhormat Bintulu membangkitkan tentang strategi-strategi yang diambil untuk memperbaiki imej Jabatan Imigresen yang kononnya telah tercalar akibat daripada beberapa insiden yang berlaku.

Kita memang sentiasa proaktif bahawa sebarang teguran, sebarang perkara-perkara yang dianggap tidak baik, pihak kerajaan khasnya Jabatan Imigresen telah mengambil langkah-langkah yang proaktif dan setakat ini beberapa orang pegawai yang boleh berbahasa Mandarin telah pun dilantik bagi memudahkan, menjadi pemudah cara kepada pelancong asing yang datang ke Malaysia.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai *gender sex* itu, pada pandangan saya, pengetahuan saya tidak ada undang-undang yang mengatakan tak boleh tukar sex, saya rasa itu tak betul Setiausaha Parlimen. Dari segi undang-undang, hanya pendaftaran dibuat, kalau kita nak tukar, itu hak kita, tetapi tidak ada mana-mana undang-undang yang kena, spesifik yang mengatakan dia tak boleh ubah, *I stand corrected.....*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya telah mengatakan tadi bahawa pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu akan diteliti dan dibawa balik untuk perbincangan selanjutnya.

Puan Chong Eng: Penjelasan, Yang Berhormat, saya sangat menghargai keprihatinan Yang Berhormat yang kata yang akan membawakan pandangan ini ke kementerian. Tetapi, saya juga akan berbesar hati kalau boleh memberitahu Dewan ini, di bawah undang-undang yang mana, supaya kita juga boleh sama-sama mengkaji undang-undang itu. Kita semua ini *law makers* dan *law* - semua undang-undang ini - semua dibuat oleh kita. Kita bertanggungjawab, kalau ada undang-undang ini yang menyusahkan satu golongan walaupun minoriti, kita bertanggungjawab untuk mengkaji balik undang-undang ini.

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng: Kita lihat sikap sesetengah ahli Parlimen pun di dalam Parlimen ini bagaimana mereka beraksi kepada orang *transsexual* ini. Kita boleh bayangkan bagaimana susahnya golongan *transsexual* ini kalau mereka hendak hidup di dalam masyarakat kita, kalau kita tidak membetulkan ataupun tidak mengiktiraf, membenarkan *gender* mereka ditulis di dalam MyKad/IC. Mereka akan terus dihina, didiskriminasikan. Saya rasa negara kita adalah lebih *civilized*, lebih tamadun daripada itu.

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng: Kita tidak mahu menghinakan, mendiskriminasikan....

Tuan Pengerusi: Dia sudah faham. Timbalan menteri jawab.

Puan Chong Eng: ...mana-mana golongan. Jadi saya harap bolehkah tunjuk ajarlah mana undang-undangnya supaya kita boleh sama-sama mengkaji?

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh sebab perkara ini melibatkan perundangan, saya akan memberi jawapan panjang lebar secara bertulis dan khusus kepada Yang Berhormat.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, kes ini selesailah. Undang-undang belum ada, nanti bincang, kalau macam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata, saya setuju, itu maknanya akan dibawah pada masa akan datang. Kita pun bertanya itu juga. Hari ini dia tukar,...

Seorang Ahli: Lepas itu dia tukar balik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...lepas itu dia tukar balik, kita nak buat macam mana? [Ketawa] Kadang-kadang dia tukar, tidak sesuai, lepas itu dia hendak tukar balik, kan? Takkan DAP hendak bawa cerita itu sepanjang masa? Tukar ubah ini, hari ini, sebulan akan datang dia rasa tidak sesuai. Mana tahu? Dia tukar balik! Tidak gilakah undang-undang kita? Betullah apa yang Setiausaha Parlimen jawab itu, betullah.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Puan Chong Eng: Penjelasan, Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading mungkin kurang berpengetahuan atau berilmu dalam isu ini. Bukan senang hendak ubah, hari ini ubah *gender*, hari esok ubah lain. Tidak ada kes macam ini. Kalau dia ubah pun, ubah kepada satu *gender*. Ini bukan begitu senang hendak suka-suka hendak tukar *gender* kerana itu melalui satu proses yang agak susah. Hendak beberapa tahun, mesti di assess, dinilai oleh doktor, oleh *professionals*.

Tuan Pengerusi: Baik, faham Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Jadi Yang Berhormat bagi Sri Gading saya haraplah, kita boleh lebih prihatin dan peka kepada orang minoriti ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya prihatinlah itu, saya takut dia ubah selera.

Puan Chong Eng: Tidak ada macam ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, kementerian khasnya Jabatan Imigresen sentiasa proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dan menerima teguran-teguran dan sentiasa mengadakan usaha pembaikan dalam menangani isu-isu yang berbangkit dengan Jabatan Imigresen. Jadi setakat ini selain daripada melantik pegawai-pegawai berbahasa Mandarin, seramai 20 orang pada peringkat permulaan dalam minggu ini telah dilantik, kita juga telah mengadakan papan tanda dalam Bahasa Mandarin, Arab dan sebagainya untuk memudahkan pelawat-pelawat asing dalam menguruskan kemasukan mereka. Sementara itu bagi pihak pegawai-pegawai kakitangan imigresen....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: ... sentiasa diberi kursus dan juga dinasihatkan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan setakat ini kes-kes yang berlaku adalah kita anggap *isolated cases*. Kes-kes terpencil yang menarik perhatian. Namun begitu kita memandang serius dan pihak Imigresen mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi perkara tersebut.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi: Dia hendak minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila Yang Berhormat bagi lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Jadi untuk berlaku adillah kepada Jabatan Imigresen ini, yang pertamanya saya hendak mohon penjelasan, rasa saya dalam mengawal keluar masuk warga negara asing ataupun pelawat-pelawat ini ke Malaysia, tentu ada prosedur-prosedur tertentu yang digunakan oleh Jabatan Imigresen itu yang

pertamanya dan saya mohonlah kalau dapat diterangkan prosedur itu dan adakah prosedur-prosedur ini dikhususkan kepada satu-satu negara sahaja, tidak kepada negara lain?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, terima kasih Tuan Pengerusi. Di mana-mana negara juga seperti mana juga negara kita, kita melayan kemasukan warga asing yang ingin masuk ke negara kita dengan sebaik mungkin. Kita tidak mengkhususkan tekanan kepada mana-mana kaum ataupun warga negara yang masuk ke negara ini. Semua warga asing yang masuk diberi layanan yang serupa.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Perkara yang sama. Kita hargai usaha kerajaan untuk melebihi bahasa di lapangan terbang ini, Bahasa Arab, Bahasa Cina, Mandarin dan sebagainya. Ini untuk kemudahan pelancong. Adakah kementerian juga ingin mengesyorkan agar di pihak yang sebelah, di negara China umpamanya, kita tidak dengar Bahasa Inggeris. Tidak ada. Jangan bilang Bahasa Malaysia. Adakah kita juga akan meminta supaya rakyat Malaysia yang pergi sana yang tidak tahu berbahasa Mandarin ini, akan mendapat kemudahan yang sama, keselesaan yang sama ketika melawat negara China? Ketika berurusan visa di lapangan terbang umpamanya. Adakah kementerian juga mencadangkan agar perkara yang sama, *reciprocate* usaha kerajaan Malaysia ini dengan kerajaan yang terlibat, negara yang terlibat di China, Arab dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Baik, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Beluran, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran itu terpulanglah kepada negara-negara tersebut.

Tuan Pengerusi: Itu ikut jumlah kemasukanlah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, kita memandangkan jumlah pelancong dari Negara China itu begitu ramai.

Yang Berhormat bagi Bintulu juga membangkitkan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan sedikit Yang Berhormat tentang bahasa ini. Apakah satu dasar atau pun garis panduan. Hari ini kita ada bahasa kita, bahasa ibunda; bahasa Inggeris Bahasa antarabangsa dan ditambah dengan bahasa Mandarin dan juga bahasa Arab. Kalau esok kita tambah lagi, entah berapa bahasa yang akan dibuat umum dalam KLIA umpamanya. Kalau kita tengok negara-negara lain macam Jepun dan Korea, cuma guna dua bahasa sahaja, Jepun dan Bahasa Inggeris. Itu pun jarang-jarang. Kalau di Korea, sebagai contoh, tetapi orang pergi juga ke negara tersebut. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang satu garis panduan dasar ini tentang bahasa ini? Minta sedikit pandangan. Kalau bukan bidang kementerian Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh sampai kepada kementerian berkenaan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Larut, terima kasih atas pandangan itu. Sebenarnya KLIA adalah di bawah tanggungjawab MAB ataupun Malaysia Airport Berhad. Jadi kita setakat ini yang kita difahamkan bahawa Bahasa Cina sahaja dan Bahasa Arab yang telah diperkenalkan sejak akhir-akhir ini. Kita tidak tahu apakah langkah seterusnya. Tetapi seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, di negara-negara lain tidak timbul masalah ini selain daripada bahasa ibunda dan juga bahasa Inggeris.

Yang Berhormat bagi Bintulu juga telah menyebut tentang perlu menghormati pelancong-pelancong dari negara-negara asing terutamanya wanita yang cantik sehingga

mengambil masa kononnya ada pegawai imigresen yang mengambil masa lama sehingga setengah jam untuk memberi *clearance* kepada pelancong ataupun orang tersebut.

Jabatan imigresen tidak pernah berdiskriminasi terhadap seseorang ataupun mana-mana pihak ataupun berdasarkan rupa paras seseorang pelawat. Mungkin apa yang dilihat oleh Yang Berhormat tadi kemungkinan bahawa pelancong tersebut diperiksa kerana rekod menunjukkan barangkali ada beberapa soalan terpaksa ditanya kerana rekod kemasukan yang menunjukkan dia datang dalam masa yang singkat beberapa kali. Biasanya kita akan bertanya kalau dalam masa yang singkat kita dapati dia ada masuk beberapa kali di negara ini, kemungkinan kita mengesyaki sesuatu dan kerana itu kita perlu mendapat penjelasan.

Tuan Pengerusi: Baik teruskan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya suka memberi jaminan bahawa setakat ini pegawai-pegawai imigresen yang berkhidmat adalah sentiasa berhemah tinggi dan sentiasa menghormati pelancong yang datang ke negara kita. Sementara Yang Berhormat dari Tawau menimbulkan masalah tentang kesesakan di Jeti Tawau dan telah mencadangkan untuk membina CIQ termasuk jeti di Tawau dalam rancangan Malaysia kesembilan.

Untuk makluman yang daripada Tawau pihak kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200 ribu bagi membaik pulih dan menambah jumlah kaunter yang sedia ada dan pada masa ini imigresen sedang melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Pihak kementerian juga telah mengenal pasti premis-premis kosong yang terdapat di sekitar tersebut untuk menambah menjadikan kaunter-kaunter baru. Pada masa ini pihak kementerian sedang berbincang dengan pemilik-pemilik premis yang berkaitan untuk tujuan tersebut. Sementara Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah menimbulkan mengenai jumlah pekerja Pakistan yang telah diluluskan 100,000 untuk dibawa masuk tidak diberi tapisan lengkap. Suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat adalah tidak benar pekerja asing Pakistan diberi keistimewaan untuk dibawa masuk dengan sewenang-wenangnya walaupun kerajaan bersedia menerima kehadiran 100,000 pekerja daripada Pakistan. Semua pekerja asing daripada luar negara yang ingin dibawa masuk bagi tujuan bekerja di negara ini perlu melalui prosedur yang sama dengan mana-mana pekerja daripada mana-mana negara lain. Mereka perlulah mengikuti prosedur-prosedur yang sama di pintu masuk imigresen. Dalam tempoh setahun daripada November 2004 sehingga Oktober 2005 hanya 10,739 orang sahaja pekerja Pakistan yang masuk ke negara ini sebagai pekerja. Sementara Yang Berhormat bagi Maran ingin mengetahui berapa ramai anak-anak orang asing.....

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:yang dilahirkan di negara ini dan dari mana.....

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ok.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat saya hendak timbulkan, yang mustahak adalah mengenai pekerja-pekerja dari Pakistan. Bila kita di Pakistan dahulu baru-baru ini pada bulan Jun, saya difahamkan *Atase* yang ada di kedutaan Malaysia itu tidak ada apa-apa fungsi. Tidak tahu berapakah dibenarkan, apakah kriteria yang dibenarkan, kenapa mereka tidak ada apa-apa penglibatan dalam menapis pa pekerja-pekerja yang datang ke negara kita tetapi ini situasi yang lain kalau pekerja dari India atau di Indonesia kedutaan kita terlibat dalam perkara itu. Itu yang saya bangkitkan, apakah penjelasan mengenai perkara tersebut?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, seperti mana yang saya sebutkan tadi semua pekerja daripada negara asing tanpa mengira negara mana mereka perlu melalui satu proses prosedur-prosedur yang telah

ditetapkan dan mereka tidak boleh datang dengan sewenang-wenangnya tanpa melalui prosedur-prosedur tersebut.

Misalnya antaranya dikenakan kursus oleh Kementerian Sumber, kursus induksi diadakan di negara asal mereka dan setelah menjalani kursus tersebut mereka boleh membuat permohonan. Peranan Atase kita di luar negeri ialah menjadi pemudah cara ataupun penasihat dari segi urusan kemasukan, sementara urusan kemasukan mestilah dibuat oleh agen-agen mereka dengan majikan yang mereka akan bekerja di negara ini. Yang Berhormat bagi Maran ingin mengetahui tentang.....

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi saya ada bangkitkan mengenai perkara pertanian, adakah ia akan dijawab sekarang atau sedikit lambat lagi?

Tuan Pengerusi: Tunggu dahulu, tunggu dahulu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Maran, saya suka nyatakan bahawa dari tahun 2000 hingga 2005 bilangan lelaki warga Malaysia yang berkahwin dengan warga asing adalah seramai 28,566 orang. Manakala jumlah wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing adalah 10,712 orang.

Setakat ini saya tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan anak yang dilahirkan oleh warganegara Malaysia dan asing ini, dan berhubung dengan pendidikan anak-anak tersebut dibenarkan memasuki sekolah kerajaan kerana anak-anak yang dilahirkan ini adalah hasil perkahwinan warganegara Malaysia dan asing dan anak-anak ini adalah menjadi warganegara Malaysia. Yang Berhormat bagi Maran juga memohon supaya peruntukan tambahan yang lebih diberikan kepada pasukan RELA dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Saya telah pun menjawab soalan ini sebelum ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat kalau tidak salah saya. Walau bagaimanapun saya suka menyatakan bahawa anggota RELA memasuki RELA secara sukarela. Namun begitu RELA hari ini sudah menjadi satu jabatan dan kerana itu kerajaan sentiasa peka dan memberi perhatian sebaik mungkin untuk membolehkan RELA bergerak aktif dan beberapa kemudahan misalnya dalam bulan ini kita telah membekalkan kenderaan sejumlah 109 buah kembara kepada semua pejabat RELA di seluruh negara sebagai tambahan kepada jumlah yang telah diberikan pada awal tahun yang lalu. Ini adalah bagi membolehkan pegawai-pegawai RELA di seluruh daerah di negara ini bergerak dapat menggunakan kenderaan ini untuk kemudahan mereka menjalankan tugas-tugas mereka. Di samping itu pada tahun hadapan akan dicadangkan supaya peruntukan untuk uniform kepada pasukan-pasukan RELA ditambah daripada 200 pasang setahun kita cadangkan akan ditambah kepada jumlah yang lebih besar iaitu 500 pasang. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah setakat ini memberi kerjasama dan bantuan kepada anggota RELA di seluruh negara. Yang Berhormat bagi Seputeh.....*[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Seputeh]* ... Oh, sudah keluar ya? Saya rasa kalau yang keluar ini saya tidak payah jawablah.

Yang Berhormat bagi Dungun juga telah mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen diberikan pasport khas atau pasport diplomatik. Ini adalah kerana terdapat pegawai-pegawai Imigresen yang tidak mengenali Ahli-ahli Parlimen bila kita.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:melawat ke luar negeri.

Tuan Pengerusi: Nanti, nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tunggu saya jelaskan kepada yang lain dahulu kerana Yang Berhormat meninggalkan Dewan.

Tuan Pengerusi: Biar dia jawab dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sudah balik kerana dengan kawan saya, saya disebut.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: *Ok I'll come back later, thank you.*

Tuan Pengerusi: Dia akan ulang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Later hah? Later?*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Dungun saya suka menyatakan bahawa setakat ini Setiausaha Parlimen pun tidak diberikan pasport diplomatik hanya menteri dan timbalan menteri sahaja yang diberikan pasport diplomatik.

Namun begitu itu adalah satu cadangan yang sangat baik dan saya sebagai Ahli Parlimen juga bersetuju dan kita akan membawa cadangan ini kepada pihak atas kepada kementerian.

Seorang Ahli: Ya, dia setuju itu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Satu minit boleh?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Setuju sudah setuju bawa cadangan tetapi kalau boleh perkara ini isu lama termasuk speaker, mungkin speaker sudah ada. Yang lain-lain saya pun kesian melihat setiausaha Parlimen, setiausaha Parlimen kita ini *front bench*. Jadi Ahli-ahli Parlimen termasuk pembangkang pun apa salahnya sebagai suatu daripada kumpulan yang membuat dasar dalam negara secara automatik diberi pasport yang bertaraf diplomatik. Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya telah sebutkan tadi insya-Allah saya akan bawa dalam perbincangan di peringkat kementerian.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Kudat telah menyentuh tentang ramai penduduk-penduduk pedalaman di Sabah yang masih belum mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah dan Sarawak telah menjalankan pelbagai program dan antaranya ialah pasukan bergerak (*mobile*) ke seluruh kawasan pedalaman bagi membolehkan masyarakat di pedalaman mendaftar kelahiran dan juga membuat MyKad.

Program-program ini berjalan berterusan daripada awal tahun sehingga akhir tahun dan kita memohon kalau boleh dengan kerjasama Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen di kawasan Yang Berhormat boleh diatur ini akan memudahkan kerja atau gerakan yang dibuat oleh Jabatan Pendaftaran, silakan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Sebelum itu saya ucapkan tahniah kepada kementerian ini yang telah membuat satu operasi di bahagian pedalaman iaitu mendaftar orang-orang yang kurang upaya di mana pegawai-pegawai dari kementerian ini telah membuat satu aktiviti yang saya rasa harus dihargai dan dipuji.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang lebih kurang 500 hingga 600 anak-anak yang tidak mempunyai sijil kelahiran di bahagian pedalaman, khususnya di bahagian Pensiangan ini.

Hasil daripada itu, kita lihat kebanyakan anak-anak ini tidak dapat masuk ke sekolah-sekolah sama ada pra-sekolah ataupun dalam tingkatan-tingkatan yang rendah. Jadi, saya minta kepada kementerian supaya memberi keprihatinan terhadap penduduk-penduduk di luar bandar ini, khususnya kanak-kanak supaya mereka yang mendapat sijil

kelahiran. Dan juga, selain daripada itu tanpa sijil kelahiran ini anak-anak ini ataupun orang-orang tua mereka tidak mendapat MyKad ini...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Jadi, saya minta supaya kementerian ini memberi satu keprihatinan terhadap masalah yang dihadapi, khususnya penduduk-penduduk di luar bandar, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pensiangan. Pihak Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah dan Sarawak sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dan sekiranya Yang Berhormat dapat mengatur untuk kawasan Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara akan berterima kasih dan sentiasa akan memberi kerjasama bagi memudahkan dan membolehkan masyarakat di pedalaman, di kawasan Yang Berhormat dapat didaftarkan. Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan tentang janji untuk mengeluarkan pas khas kepada orang kaum India dan juga telah mencadangkan supaya imigresen menjalankan pemeriksaan kepada orang asing yang menetap bila-bila masa diberikan layanan sewajarnya supaya tidak mengganggu operasi perniagaan mereka. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Seputeh, pihak kementerian sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi mengeluarkan pas kepada masyarakat orang Rohingya dan ia akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi. Menyentuh tentang operasi kepada.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Berapa lama lagi, sedikit masanya, satu hari ada, satu bulan ada, satu tahun lagi? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerana keputusan ini diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri hampir dua tahun....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi mereka tetap ditangkap dan di tahan polis dan dimasukkan dalam lokap.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Kerajaan Barisan Nasional, untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak pernah memungkir janji dan kita akan menunaikan janji kita. *[Dewan gamat]* Menyentuh tentang operasi untuk pemeriksaan kepada pendatang-pendatang asing, kerajaan atau pihak polis atau imigresen tidak hanya menumpukan kepada kaum cina ataupun orang-orang yang datang dari negara China. Pemeriksaan diadakan secara menyeluruh kepada semua warga asing yang tinggal di sini dan tidak pulang dan menjadi pendatang tanpa izin. Tidak ada sebarang fokus untuk menekan mana-mana pihak atau mana-mana warga asing yang ada di sini. Kita akan memberi layanan dan tindakan yang sama.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Seputeh juga mencadangkan supaya program pengampunan kepada pelancong-pelancong China yang dikatakan telah duduk lebih masa di negara ini. Setakat ini pihak kementerian masih lagi mengenal pasti isu yang dibangkitkan ini dan seterusnya setelah maklumat terperinci diperolehi maka pihak kerajaan akan membuat keputusan yang muktamad selepas ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sekarang apa yang berlaku dalam tempat-tempat hiburan macam di kawasan Bukit Bintang, di pub atau pun *night club* semua itu, apabila orang tengah makan dan minum dan

menonton *performance*, tiba-tiba pegawai penguat kuasa semua serbu masuk. Lampu semua dibuka dan selepas itu IC passport, semua pergi. Selalunya tempat ini kita ada peniaga atau pun pelancong dari luar negeri yang mana mereka selalunya suka minum dan juga menonton nyanyian di tempat-tempat hiburan.

Apakah gambaran yang kita beri kepada orang-orang asing ini? Apakah ini mereka rasa kita sudah jadi satu *police state*, yang mana bila-bila masa polis boleh datang atau pegawai imigresen boleh datang cek IC passport semua itu. Ada yang letak satu kad *sign board* di luar restoran ataupun pub itu, orang atau rakyat negara China tidak dibenarkan masuk. Kita hendak menarik pelancong dari negara China tetapi macam mana kita melakukan pemeriksaan kita semua kepada mereka. Saya rasa cara-cara penguatkuasaan ini sebenarnya telah pun begitu menakutkan kepada pelancong asing. Saya menyerulah....

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau hendak jalankan pemeriksaan pun, cuba jalankan secara lebih bersopan untuk menunjukkan kita sebuah negara yang agak sopan santun terhadap pelancong asing.

Tuan Pengerusi: Baik, baik Yang Berhormat, Yang Berhormat beri ulasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Seputeh saya suka menyatakan bahawa kalau Yang Berhormat pergi ke luar negara pun operasi yang sama berjalan kerana setiap negara ingin memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Operasi ini berjalan bukanlah setiap malam, sepatutnya pihak-pihak pengusaha ini perlu mengetahui dan mengambil ingatan supaya kita dapat memberi kerjasama kepada pihak-pihak berkuasa. Dan, dalam menjalankan tugas ini kita telah mengingatkan kaki tangan kita sama ada daripada pihak polis, imigresen ataupun RELA supaya sentiasa menjaga disiplin dan berhemah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Maran juga telah....

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa setiap negara mesti jaga keamanan di dalam sesuatu negara tetapi pada masa yang sama di waktu sekarang di mana industri pelancongan merupakan salah satu industri yang terbesar di dalam negara kita. Kita hendak pelancong datang ke negara kita, jadi kita mesti pandai-pandai membezakan siapakah pelancong yang telah *overstay*. Jadi, saya rasa pegawai mesti lebih profesional dan juga pada waktu sekarang dalam surat khabar yang disiarkan bahawa mereka akan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk] Sudahlah, sudahlah!

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Chong Eng: Apa? Yang Berhormat bagi Sri Gading, apa?

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan Yang Berhormat, teruskan....

Puan Chong Eng: Pada waktu sekarang, sesetengah surat khabar menyiarkan ba yang akan mengambil tindakan terhadap rakyat negara China yang telah melampaui tarikh mereka di dalam negara ini. Jadi, ini pada sesetengah masyarakat, ia dilihat sebagai memang pihak imigresen dan pihak polis mengambil dendam terhadap mereka walaupun ini mungkin bukan tujuan kementerian dan kerajaan tetapi saya rasa pada zaman ICT ini di mana satu berita di dalam negara ini boleh sampai ke seluruh dunia dalam tiga minit, saya rasa kita patut menjaga imej negara kita dengan lebih profesional...

Tuan Pengerusi: Ya, ya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:polis dan pihak imigresen mesti lebih profesional.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat beri penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat sendiri boleh memberi kerjasama membantu kerajaan dengan tidak menimbulkan isu ini sebagai satu isu yang sensasi.

[Dewan gamat]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, penjelasan. Siapa Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Ini pengalaman sayalah Yang Berhormat. Saya pergi ke negara orang pun saya buat passport. Sebab IC kita tidak boleh digunakan di sana, kerana kalau periksa dan sebagainya dia boleh tahu siapa kita. Kita pun kadang-kadang kena juga buat pemeriksaan hendak tahu sama ada, apakah mereka ini melakukan sesuatu yang mungkin - masalah kita ini sebelum berlaku sesuatu kita tidak fikir semua, bila sudah berlaku barulah pada masa itu kita kelam-kabut. Jadi kita kena fikir, ini bukan soal berdendam. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, apakah kita ini teruk sangat, saya rasa tidak. Cuma, ini merupakan pengenalan makna apabila diperlukan untuk pemeriksaan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau tidak ada apa, tidak adalah. Kita pun, saya pergi ke negara jiran, saya tidak jemu hendak pergi ke negara jiran walaupun saya terpaksa buat passport. Kalau ikut amalan kita, jarang kita bawa passport kita hanya bawa IC, IC dan kad pengenalan kita tidak diiktiraf di negara asing..

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apa pandangan Yang Berhormat tentang hal ini supaya mereka faham sedikit.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tanggapan yang mengatakan Yang Berhormat Larut, terima kasih. Anggapan mengatakan bahawa pihak berkuasa hari ini menumpukan kepada orang-orang daripada warga China sahaja adalah tidak betul kerana rekod menunjukkan laporan-laporan setiap hari. Saya tadi pun menerima laporan daripada Pegawai Imigresen bahawa bilangan yang ditunjukkan meliputi semua warga asing yang berada di negara ini jadi tidak ada timbul. Kadang-kadang kenyataan yang dibuat oleh setengah-setengah pihak ini menyebabkan gambaran yang didapati di luar negara bertambah buruk jadi kita harus membantu kerajaan dalam membantu memberi gambaran yang baik dengan tidak terlalu emosional ataupun pra sangka buruk terhadap kerajaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Gambaran itu adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian pihak kerajaan dalam muka pertama surat khabar kita yang mana kerajaan, pihak Imigresen dan juga polis akan bekerjasama menyerbu, menangkap 50,000 orang rakyat China yang telah pun melebihi tempoh pemastautinnya di Malaysia. Ini gambaran siapa yang burukkan imej negara pihak kementerian, pihak kerajaan, penguat kuasa mereka yang memburukkan imej

negara. Kenapa kenyataan seperti ini dikeluarkan sekiranya kerajaan ingin menganggap semua.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Seputeh dia sudah

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim : Kita akan serbu semua warga asing yang berada di negara ini. Malam esok saya sendiri akan mengetuai satu operasi dan saya akan pergi kepada semua premis tanpa mengira warga mana yang ada di situ. Yang Berhormat Maran telah menimbulkan soalan berapa banyak pertubuhan yang telah didaftar bagi tahun 2004 dan bilangan yang telah dibatalkan.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Bagi Yang Berhormat jawablah, jawab.

Dr. James Dawos Mamit: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya jawab dahulu Yang Berhormat Mambong, saya jawab.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Bilangan pertubuhan yang didaftarkan sehingga Disember tahun 2004 adalah sejumlah 102,226 pertubuhan. Sementara bilangan pertubuhan yang telah dibatalkan sehingga penghujung 2004 ialah 1,071. Yang Berhormat Maran juga telah membangkitkan soalan sejauh mana keberkesanan.....

Dr. James Dawos Mamit: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dalam mengawasi pertubuhan. Suka saya nyatakan bahawa Pejabat Pendaftaran Pertubuhan sentiasa melakukan pemantauan melalui ibu pejabat dan di setiap Pejabat Pendaftaran Pertubuhan di negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Sementara itu Yang Berhormat Maran juga telah membangkitkan menyoal apakah faktor-faktor yang menyebabkan pembatalan sesuatu pertubuhan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan, hendak bagi?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Okay Yang Berhormat silakan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini tentang serbuan yang akan disertai oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya memang mengalu-alukan serbuan seperti ini tetapi adakah serbuan ini akan dijalankan juga di bandar Sibu di Kuching Sarawak. Kerana sekarang bandar Sibu sudah dalam keadaan huru-hara. Ada satu pengakuan dibuat oleh agen pelancongan dari Hong Kong bahawa beliau telah membawa 120 pelancong daripada China tetapi pelancong wanita tidak dapat tahu mana mereka pergi, tidak dapat dikesan lagi. Itulah sebab sekarang suri-suri rumah di bandar Sibu sudah kluatir kerana suami mereka sudah hilang juga. Adakah Yang Berhormat akan sertai serbuan ini di Sibu? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Mambong terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita menerima aduan-aduan daripada kaum wanita Cina yang berkait dengan masalah ini kerana itulah tindakan-tindakan kita ambil. Kita serbu ini sebenarnya istilah yang keluar dalam surat khabar. Kita akan membuatkan operasi dan sebarang operasi seperti mana yang saya sebutkan tadi sentiasa berpandukan peraturan dan undang-undang. Kita tidak serbu untuk menyusahkan orang. Kita akan sentiasa menjaga nama baik negara dan imej negara akan menjadi keutamaan kita dalam melaksanakan tugas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:yang saya tadi, Yang Berhormat belum jawab apakah Yang Berhormat akan jawab bila saya timbul tentang mereka yang tinggal lebih masa mungkin mengambil kesempatan melencong maknanya buat pekerjaan, mungkin ada sindiket-sindiket di belakang mereka ini tidak mustahil mereka berani tinggal lebih masa dalam negara kita ini. Saya tidak kira daripada negara mana kerana kita sudah menghadapi masalah dengan pendatang tanpa izin yang kita terpaksa hantar keluar. Kita tidak mahu akhirnya kita akan jadi negara Palestin jadi apa jawapan daripada pihak Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Pihak imigresen telah pun dijemput untuk mengadakan mesyuarat bersama dengan pihak polis dalam minggu ini. Mesyuarat telah dijalankan dan *term of reference* ataupun peraturan dan juga skop tindakan-tindakan untuk menjalankan operasi ini telah pun disusun dan operasi sudah pun bermula.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya dapat sedikit gambaran berapa peratus kemungkinan mereka yang tinggal lebih daripada masa di negara kita, peratus, kerana pembangkang dia tidak bertanggungjawab kalau berlaku sesuatu yang tidak baik dia menghala pada kerajaan, kerajaan kena jelaskan perkara ini. Ini kerana mereka menanggung di air yang keruh. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya tidak ada angka yang tepat jadi tunggu operasi kita berjalan dan operasi ini akan berjalan berterusan dan kerajaan akan dimaklumkan setiap perkembangan yang berlaku.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata esok Yang Berhormat akan pergi buat serbuan jadi bolehkah saya minta ikut sama-sama.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Biar saya lihat macam mana serbuan oleh pihak Imigresen dan juga polis itu dibuat supaya kita boleh pandang dengan mata kita sendiri.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ini tugas kerajaan kalau hendak ikut serta masuk Barisan Nasional dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sedikit lagi Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng: Penjelasan. Yang Berhormat saya rasa itu tidak logik. Itu semua *reporter* mereka bukan Barisan punya mereka ikut juga dalam serbuan jadi saya rasa ini bukan perkara sama ada pada satu masa kata kita sama-sama bertanggungjawab. Kita menolong....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya Yang Berhormat Bukit Mertajam....

Puan Chong Eng:tetapi ada masa yang kita dengan ikhlas dengan cara baik untuk memberi cadangan ingin untuk, tengok sikap ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh faham tidak?

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau katakan tidak boleh berdasarkan undang-undang ataupun prosedur beritahulah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya telah.....

Puan Chong Eng:tidak payah cakap begitu. Ini adalah begitu *political* yang siapa *politicize*....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: *No political* Yang Berhormat, Yang Berhormat *no political*. Saya telah bersama-sama dengan anggota kementerian saya menjalankan operasi ini sudah banyak kali sudah, sudah lama sudah *since* saya jadi Setiausaha Parlimen. Ini kita tidak pernah ajak mana-mana pihak selain daripada pegawai-pegawai kita.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak bagi lagi laluan?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Bagi peluang saya jelaskan ini dahulu.

Tuan Pengerusi: Tunggu dahulu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya ada lagi, ada lagi. Yang Berhormat Maran telah menimbulkan tentang apakah....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Mohon penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:faktor yang menyebabkan pembatalan sesuatu pertubuhan. Saya suka nyatakan.....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat setiausaha Parlimen juga. Berbalik kepada pembatalan pertubuhan tadi jadi saya mohon penjelasan mengenai kedudukan GPMS iaitu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung yang sekarang dikatakan mempunyai dua Ahli Jawatankuasa.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Pihak Pejabat Pendaftaran Pertubuhan telah memanggil kedua-dua pihak yang bertelagah dalam GPMS dan kita telah memberi arahan kepada mereka supaya menyelesaikan masalah ini. Saya difahamkan kedua-dua ini telah dalam surat khabar sama ada betul atau tidak akan memanggil mesyuarat Agung.

Sehingga kita menerima laporan tentang mesyuarat ini barulah kita boleh mengambil tindakan susulan yang sepatutnya. Saya suka menyatakan bahawa sekiranya mereka tidak dapat menyelesaikan masalah ini kemungkinan pihak Pejabat Pendaftaran Pertubuhan boleh membatalkan pendaftaran Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung atau GPMS.

Tuan Pengerusi: Ya baik.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Faktor-faktor yang menyebabkan pembatalan adalah:-

- (i) kerana tidak menghantar penyata tahunan;
- (ii) pertubuhan sudah tidak wujud lagi;
- (iii) pembubaran oleh pertubuhan sendiri;
- (iv) berlaku pertikaian; dan
- (v) pelanggaran undang-undang.

Yang Berhormat Maran juga meminta.....

Tuan Pengerusi: Ada Maran lagi, panjang?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sedikit lagi Tuan Pengerusi, dua ini. Yang Berhormat Maran juga meminta supaya Pejabat Pendaftaran Pertubuhan tidak sewenang-wenangnya membatalkan sesuatu pertubuhan. Sebenarnya proses pembatalan sesuatu pertubuhan melalui langkah-langkah yang cukup memberi masa kepada persatuan untuk tidak dibatalkan, iaitu tempoh selama tiga bulan. Jadi pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan akan memastikan mereka diberi kursus taklimat, nasihat dan sebagainya supaya persatuan dapat bergerak mengikut landasan.

Yang Berhormat Seputeh juga telah membangkitkan tentang bilakah *Malaysian Dayak Congress* akan diluluskan. Suka saya nyatakan bahawa permohonan parti ini masih dalam penelitian.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan, minta penjelasan. Bukankah Pendaftar Pertubuhan telah mengumumkan bahawa *registration*, saya memetik, "*A registration for a political party normally take more than a month to approve because it has to go through security vetting by another department, but the whole process will not take more than four months from the date application was submitted*". Dan permohonan itu telah dikemukakan ke Pendaftaran Pertubuhan dalam Mei, dan apakah sebab-sebabnya ia tidak dapat diluluskan walhal parti seperti *Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP)* permohonannya dikemukakan pada 5 hari bulan November 2003, diluluskan tiga hari selepasnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Itu memang efisien dan itu Parti Rakyat Sarawak, ia diluluskan pada hari yang sama dengan Parti Bangsa Dayak Sarawak dibatalkan. Kenapa efisien yang sama tidak dapat ditunjukkan dalam kes MDC?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada keraguanlah, ada keraguan mahu siasat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Apakah sebab-sebab, saya tak tahu apakah sebab-sebab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebab ada keraguanlah.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang *delay-delay* itu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ok, dua parti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak ada masalah. Jadi kita sedang meneliti masalah-masalah dari segi teknikal sehingga selesai nanti baru kita boleh luluskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan, adakah itu masalah kerana Pilihan Raya Umum Sarawak akan datang? Ia akan diluluskan, walaupun ia akan diluluskan selepas itu pilihan raya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia masuk pun dia tak boleh menanglah - itu kalahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Setiausaha Parlimen sila.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Itu tidak berkaitan.

Tuan Chong Chieng Jen: Apakah masalahnya, apakah masalahnya?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ok, saya sebut masalah teknikal yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Ok, Yang Berhormat daripada Tuaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Pendaftar Pertubuhan sudah memberitahu.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mahu kajilah, bukan senanglah siapa ada dalam mahu kaji.

Tuan Chong Chieng Jen: Semua itu Pendaftar Pertubuhan sudah beritahu pemohon itu semua, *all the paperworks are in order*. Itu adalah dalam bulan September. Sudah diberitahu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Itu Yang Berhormat kata tetapi dalam penelitian kita *still* ada masalah.

Tuan Chong Chieng Jen: Apakah masalahnya? Boleh sebutkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Boleh sebutkah?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Itu saya tak perlu nyatakan di sini.

Tuan Chong Chieng Jen: Apa tak perlu, awak mesti jawab di sini, ini hal rakyat, ini Dewan Rakyat. Dewan Rakyat mulia apakah tidak tak payah.....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Kita akan luluskan bila semuanya selesai.

Tuan Chong Chieng Jen: Apakah masalah, sekarang saya nak tahu apakah masalahnya?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya kata teknikal *problem*.....

Tuan Chong Chieng Jen: Apa, teknikal itu senang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen: Teknikal ada, kerana Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak tidak memberi restukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching, tutup cukup, sila duduk. Setiausaha Parlimen, teruskan.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Bandar Kuching jangan sebarang tuduh Ketua Menteri Sarawaklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagikah Yang Berhormat sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan telah membangkitkan tentang masalah pelarian yang memegang dokumen IMM13, adakah akhirnya mereka akan diberi taraf kewarganegaraan dan apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi memohon kewarganegaraan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa lagi Bukit Mertajam ya nak bagi jalan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Penjelasan. Yang Berhormat, saya rasa apa yang ditanya oleh - ini adalah Dewan Rakyat dan kita semua wakil rakyat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah, tadi Setiausaha Parlimen telah menjelaskan.

Puan Chong Eng: kita mesti telus kalau katakan, kalau kerana keselamatan negara kita boleh terima, tetapi ini teknikal saya rasa perlulah terangkan apakah teknikal, adakah dengan syaratnya mereka mesti menyokong Barisan Nasional barulah boleh diluluskan, adakah itu sebabnya?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Itu anggapan DAP sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Awak menjelaskan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa “awak”, apa “awak”? Mana boleh cakap “awak”?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus kan, Setiausaha Parlimen terus kan. Pindah kepada tajuk lain.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya nak jawab soalan daripada Yang Berhormat Tuaran, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bandar Kuching mana boleh “awak, awak” ini Parlimenlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen jawab yang lain.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:pasukan keselamatan di bawah Bahagian Keselamatan Negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, saya nak beri Peraturan Mesyuarat 36(4), Menggunakan bahasa biadab saya minta Kuching, gunalah bahasa yang baik “awak” ini bahasa yang keras, bahasa yang biadab, kalau tak tahu belajarliah bahasa Malaysia, tanya kawan-kawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen: Cukuplah, cukuplah, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya minta ini tolong ubahlah. Jangan cakap sahaja pandai, belajarliah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bandar Kuching, Setiausaha Parlimen sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa lagi.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Larut itu tidak menghormati rakan saya, dia kawasannya Bandar Kuching bukan Kuching dan dia menyebut, dia panggil “kuching”.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Seputeh....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini, tidak hormat, 36(4).

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen terus kan. Ya, habiskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Beluran telah menyentuh tentang Pasukan RELA seperti mana yang telah disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk daripada Maran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuaran belum selesai tadi baru Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuaran, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah tanggungjawab pasukan petugas khas di bawah Bahagian Keselamatan Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat supaya pasukan petugas khas ini dibubarkan hanya boleh diputuskan oleh pihak kerajaan, terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, pembetulan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya tidak mencadangkan yang Petugas Khas Persekutuan ini dibubarkan.

Saya cuma mencadangkan supaya pengawalseliaan pelarian Filipina itu diserahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, diserahkan kepada Jabatan Imigresen sebab dokumen IMM13 itu dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, itu sahaja cadangan saya, sebab Petugas Khas Persekutuan jelas telah gagal dalam tanggungjawab dia dan mengawal selia pelarian Filipina ini memerlukan dokumen IMM13 ini, selama ini pun dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, itu cadangan saya jadi pembetulan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ok, jadi cadangan Yang Berhormat pihak imigresen tidak boleh melakukan apa-apa kecuali mendapat arahan daripada pihak kerajaan. Yang Berhormat Bintulu telah menimbulkan tentang permohonan visa *online*. Buat masa ini permohonan visa *online* hanya dilaksanakan di India, di Chennai dan di

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, penjelasan lagi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Isu IMM13 ini adalah amat penting dan saya fikir Yang Berhormat kita tidak boleh mengatakan bahawa menunggu arahan daripada pihak kerajaan setakat begitu sahaja. Ini adalah sesuatu yang saya fikirkan begitu serius sebab pemegang-pemegang IMM13 ini perbaharui setiap tahun dan setiap orang memperbaharui dikenakan yuran RM90 dan anak yang kurang daripada 12 tahun tidak diberi dokumen IMM13. Apabila dia tidak ada dokumen IMM13, maka anak-anak ini tidak boleh mendapatkan apa-apa kemudahan persekolahan dan sebagainya.

Itulah akhirnya ada *stateless children* di negeri Sabah. Dan ini jelas kegagalan Petugas Khas Persekutuan. Jadi ini adalah kena mengena hal ehwal dalam negeri. Jadi, Jabatan Imigresen, kalau kita duduk menunggu arahan, arahan, arahan daripada kerajaan sedangkan masalah itu timbul begitu, saya ingat sampai bila-bila pun belum selesai. Jadi bolehkah Yang Berhormat - kementerian Yang Berhormat - membuat perkara ini, peraku kepada kabinet dan membincang secara baik? Mencari penyelesaian sebab kerajaan telah berkali-kali dimaklumkan baru-baru ini bahawa NGO Tenaganita datang ke Sabah di Kota Kinabalu, mendaftarkan anak-anak *stateless children* ini dan sebagainya. Dan kita sebagai wakil kerajaan, kita sama malu, seolah-olah pihak kerajaan tidak mahu membuat apa-apa. Dan Kerajaan Negeri Sabah pun telah meminta semua pegawai-pegawai daerah, "Cik, sila buat banciaan berapa anak-anak yang *stateless* ini".

So dalam perkara ini, hal ehwal dalam negeri ini, pihak Imigresenlah yang menyelesaikan perkara ini. Tapi, kalau Yang Berhormat nyatakan, kita tak tunggu arahan, arahan, arahan, jadi sampai bilakah? Jadi ini, saya ingat, perkara ini jangan kita remehkan. Sebab ini sudah lamalah kita sebut di Dewan yang Mulia ini. Yang Berhormat, saya mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Tuaran, memang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyedari dan memandang serius perkara ini. Kerana itu, perkara ini telah dikemukakan kepada pihak kerajaan. Jadi, sementara menunggu keputusan, kita melaksanakan tugas seperti mana yang ada sekarang. Jadi keputusan akan dibuat oleh pihak kerajaan.

Mengenai Visa *online* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bintulu, pada masa ini, permohonan Visa *online* hanya dilaksanakan di India, iaitu di Chennai, dan di negara China, di Shanghai sahaja. Manakala permohonan visa di tempat-tempat lain dilakukan melalui pejabat-pejabat *attache* di luar negara. Semakan semula di pintu-pintu masuk adalah prosedur biasa bagi memastikan tidak berlaku pemalsuan sebagai jaminan keselamatan negara.

Yang Berhormat bagi Beluran juga telah membangkitkan tentang RELA, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maran, dan pandangan yang sama, jawapannya adalah sama. Yang Berhormat Beluran juga telah meminta proses MyKad dipercepatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan MyKad, permohonan

MyKad di seluruh negara sehari secara purata adalah sebanyak 17,000 hingga 18,000, tetapi kemampuan pengeluaran MyKad adalah sebanyak 16,000. Bagi mempercepatkan proses pengeluaran MyKad, kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara juga telah diarahkan untuk bekerja pada hari Sabtu dan Ahad.

Berhubung dengan pemalsuan MyKad dan adakah MyKad benar-benar selamat, sukacita saya nyatakan bahawa MyKad mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi berasaskan kepada teknologi yang ada. Teknologi ini mempunyai *operating system* dan juga kaedah *inscription* untuk menghalang pencerobohan maklumat dalam *chip MyKad*. Setakat ini belum ada kes pencerobohan maklumat dalam *chip* yang dikesan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan diteruskan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan MyKad, khususnya ciri-ciri fizikal.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, saya ingin tahu apakah pihak kementerian akan melanjutkan masa pendaftaran permohonan MyKad kepada warga-warga tua? Kerana ramai mereka ini tidak dapat memohon kerana Jabatan Pendaftaran terletak di tingkat atas. Jadi mereka, umur telah meningkat. Tidak boleh bergerak untuk tak ada lif, un-user friendly bangunan yang disewa, seperti di Batu Gajah. Apakah pihak kementerian akan lanjutkan masa, agar dan juga sediakan pendaftaran *mobile* ke kampung-kampung baru untuk bantu kategori ini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ketetapan yang dibuat oleh kerajaan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara, untuk pengetahuan Yang Berhormat daripada Batu Gajah, bahawa tarikh akhir menukar MyKad adalah pada 31 Disember tahun 2005. Ini tidak bermakna selepas tarikh ini mereka tidak boleh menukar kad pengenalan KPT kepada MyKad, tetapi apa yang berlaku sekarang sehingga 31 Disember adalah diberi secara percuma. Selepas ini akan dikenakan bayaran yang belum ditentukan lagi kadar bayarannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada lagi Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Difahamkan bahawa terdapat 1.5 juta lagi rakyat yang belum menukar kepada MyKad. Tadi Yang Berhormat kata kita belum tentu lagi bentuk denda yang akan dikenakan kepada rakyat yang belum menukar selepas 31.12.2005. Bolehkah Yang Berhormat terangkan golongan manakah yang agak tidak, masih lagi belum menukar kepada MyKad ini? Yang 1.5 juta itu. Atau apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan supaya ianya dapat disegerakan ataupun dapat dilanjutkan tarikh ini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Saya perlu buat pembetulan, bukan denda. Selepas 31 Disember akan dikenakan bayaran kerana MyKad itu kita terpaksa bayar. Jadi sekarang ini, kerajaan membiayai. Kerajaan bayar, pemegang kad pengenalan tukar kepada MyKad tidak payah dibayar kerana dibayar oleh kerajaan.

Jadi seramai 1.5 juta lagi rakyat belum menukar KPT mereka kepada MyKad. Jadi kita telah mengenal pasti golongan ini termasuklah pegawai-pegawai penjara, pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negara dan juga anggota-anggota polis dan tentera. Mereka ini mempunyai kad pengenalan mereka sendiri. Jadi sebagai langkah...

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan. Tadi ini mengenai keselamatan, ciri-ciri keselamatan MyKad, tapi kita juga lihat dari laporan kementerian mengatakan bahawa terdapat MyKad yang hilang telah dijual dan diguna di Singapura. Dan kalau *bank credit card* kita, kalau hilang, kita laporkan, jadi itu ia akan dimatikan. Tak boleh diguna lagi. Tapi mengapa MyKad tidak boleh dibuat begini? Dan kita mempunyai satu bulan, saya rasa 15,000 kes ragut dan di antaranya, saya rasa 80% ada IC atau MyKad di dalamnya. Jadi,

saya rasa ini adalah satu ciri keselamatan MyKad yang tidak cukup, tidak sempurna, kerana kita tidak boleh seperti *credit card*. Kita mematikan *credit card* kalau ia hilang, tidak boleh dipakai lagi. Tapi lihatnya di sini, kalau ia hilang, ia boleh dipakai oleh orang lain. Dan apakah yang akan dibuat oleh kementerian supaya memastikan ia boleh dimatikan dan tidak boleh dipakai lagi?

Dan keduanya ialah, sekarang begitu ramai wanita di negara ini, beg mereka diragut, MyKad mereka juga diragut. Tapi apabila mereka pergi membuat semula kad pengenalan, mereka didenda lagi. Saya rasa ini adalah sangat tidak munasabah. Kita mestilah membezakan sesiapa yang lalai dan cicir, itu kalau nak denda, itu saya rasa tidak ada orang akan membantah. Tapi di sini adalah kerana masalah keselamatan. Dan mangsa ini telah menjadi mangsa, dan sekarang hendak denda lagi. Saya rasa saya merayulah, ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ...begitu ramai wanita yang telah memesan saya supaya memberitahu kepada kementerian jangan denda mereka lagi kerana mereka telah menjadi mangsa kepada kes ragut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, sila habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. MyKad sebenarnya dipalsukan di bahagian permukaan gambar dan data di atas. Chipnya tidak boleh ditukarkan. Jadi yang keduanya, mengenai kehilangan ini. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa prihatin kepada orang-orang yang kehilangan kad pengenalan. Tetapi apa yang didenda itu biasanya yang telah hilang berkali-kali. Jadi kalau dia dapat membuktikan bahawa kehilangannya kerana ragut dan sebagainya dengan laporan, kita akan memberi pertimbangan supaya ianya tidak didenda.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ingin penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kenapakah pegawai Jabatan Pendaftaran Negara tidak didenda apabila mereka masukkan maklumat yang salah mengenai agama dalam pemegang MyKad? Jadi, saya hendak minta sama ada pihak kementerian boleh adakan pasukan *mobile* yang atas kalau ada geraja ataupun pertubuhan agama, ada permintaan, bolehkah pergi ke sana untuk membantu mereka menukar maklumat berkenaan supaya semua maklumat agama mereka yang salah itu tidak perlu ke Jabatan Pendaftaran dan tunggu satu hari lagi, dua hari lagi untuk dapat MyKad mereka?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Seputeh, kes-kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah *isolated cases*, kes-kes terpencil. Sebenarnya terdapat pejabat-pejabat pendaftaran di setiap daerah dan juga cawangan-cawangan di kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk. Jadi tidak ada masalah untuk pemohon-pemohon MyKad untuk berurusan. Kita memang ada *mobile* unit bergerak yang disediakan oleh jabatan, dan kalau ada kes-kes yang perlu yang boleh kita pertimbangkan Yang Berhormat barangkali boleh berbincang dan kalau pihak pegawai mendapati wajar ataupun logik untuk kita bagi perkhidmatan, kita akan pertimbangkan. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam. Apa lagi ni?

Puan Chong Eng: Yang Berhormat, saya rasa cadangan Seputeh itu begitu baik khasnya untuk penduduk-penduduk di kampung kerana seperti di Bukit Mertajam, pejabat MyKad itu adalah di Bandar Perda tapi di Bukit Teh, di Machang Bubuk, di Junjung, orang-orang kampung, dia mesti naik bas tapi bas tak boleh sampai di sini juga. Kadang-kadang mereka ambil satu hari cuti untuk datang ke sana tetapi nombor sudah habis, terlalu ramai orang. Mereka mesti balik lagi, datang lagi hari esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau boleh, kalau kerajaan peka dengan keadaan orang kampung, saya rasa ini unit *mobile* adalah sangat baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Seperti di klinik, dia sekarang pun ada klinik *mobile* - bergerak supaya menyenangkan orang-orang kampung. Saya rasa kerajaan ini mampu berbuat demikian, mengapa tidak? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiausaha Parlimen sila.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat, unit bergerak ini telah lama berjalan di seluruh negara dan tidak timbul masalah untuk kita melaksanakan program seperti ini. Kita telah pergi ke seluruh negara malah ke pedalaman pegawai-pegawai kita tidur dan bermalam di kawasan-kawasan pedalaman dalam menjalankan tugas mereka, jadi tidak timbul masalah.

Yang Berhormat daripada Ayer Hitam juga telah membangkitkan tentang kononnya ada warganegara Malaysia di luar negara tidak dapat memperbaharui pasport mereka dan mereka terpaksa balik ke Kuala Lumpur. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak berlaku warganegara yang tidak boleh memperbaharui pasport di luar negara. Sungguhpun demikian mungkin berlaku warganegara yang berada melebihi 10 tahun tanpa kembali. Pengeluaran pasportnya perlu dibuat di ibu pejabat.

Mulai tahun depan, tahun 2006 Jabatan Imigresen akan mempertingkatkan sistem pengeluaran pasport di pejabat-pejabat *attaché* atau perwakilan luar negara supaya pengeluaran pasport dapat dilakukan dalam tempoh 24 jam. Sistem ini akan dilaksanakan di pejabat perwakilan New York, London, Canberra, Hong Kong, Jakarta dan Singapura.

Sementara Yang Berhormat di Kepong, telah membangkitkan

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Setiausaha Parlimen, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Sebenarnya ini adalah satu rayuan daripada warganegara yang bermastautin di New York dan kebanyakannya telah berurusan dengan pihak Wisma Putra dan mengemukakan rayuan itu kepada kementerian, kepada timbalan menteri sendiri mengenai perkara ini. Memang betul, ada yang melebihi 10 tahun tetapi mereka masih lagi taat setia kepada negara kita Malaysia, mahu menjadi warganegara Malaysia dan tetap akan menjadi warganegara Malaysia.

Jadi adakah kementerian bersedia untuk memberi satu kemudahan kepada mereka supaya perkara itu dapat diperbaharui dan maklumat ini juga telah disampaikan kepada KSU Wisma Putra yang ada sekarang, Kementerian Luar Negeri. Dan saya mintalah supaya Jabatan Imigresen dapat mempertimbangkan kerana ini adalah warganegara Malaysia, adalah susah dan payah kalau mereka bawa keluarga balik ke sini dan akhirnya mereka terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi. Mereka tetapi setia dengan Malaysia, minta bantuan daripada pihak Jabatan Imigresen dan perkara ini juga telah dibawa kepada Timbalan Menteri Kewangan Pertama semasa beliau berada di New York dan minta Jabatan Imigresen mempertimbangkan rayuan ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, saya akan memberi perhatian tentang perkara ini. Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila dia meninggalkan jawatan, dia ada memberi jaminan *delivery service* akan lebih dicepatkan menggunakan IT. Mengapa perkara semacam ini untuk memperbaharui pasport di

kedutaan di luar negara tak boleh dibuat dengan serta-merta, perlu kaji, timbang. Bukankah ini lagi satu contoh di mana jabatan kerajaan sendiri mengkhianati jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Perlukah perkara ini dibawa ke Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengeluarkan satu arahan, barulah jabatan boleh ambil perhatian. Kenapa? Kenapa ada sikap yang begitu dalam *delivery service*? Tak faham apa erti *delivery service*? Yang lebih cepat, lebih cekap, boleh menggunakan IT.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat, tadi saya telah jelaskan bahawa mulai tahun depan, tahun 2006, kita akan memberi kemudahan ini di enam pejabat-pejabat *attache* atau perwakilan luar negara iaitu di New York, London, Canberra, Hong Kong, Jakarta dan Singapura. Untuk tempat-tempat lain akan diikuti kemudian kerana ia memerlukan satu pegawai dan beberapa kemudahan yang perlu kita sediakan. Kerajaan sebenarnya sentiasa peka, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Imigresen sentiasa proaktif dalam soal ini, tidak timbul kita membelakangkan arahan ataupun sengaja melengah-lengahkan tugas kita.

Yang Berhormat dari Kepong juga

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta penjelasan Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Adakah itu bermaksud mereka yang menetap lebih daripada 10 tahun itu, dibenarkan untuk

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam, minta kebenaran dulu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat, tadi saya kata, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan dibawa untuk perbincangan kerana ada hal-hal yang kita perlu *clarify* bila tempoh lebih dari 10 tahun.

Jadi Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan tentang jumlah yang belum menukar MyKad, tadi saya telah menjelaskan dalam jawapan yang sebelum daripada ini. Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya telah menjawab dan menjelaskan perkara-perkara yang memerlukan jawapan dan mana-mana yang belum saya dapat jawab dengan jelas, yang saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tak jawab lagi. Tadi saya ada kemukakan satu soalan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Dah habis dah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dah, dah, cukuplah. Setiausaha Parlimen dah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM926,679,800 untuk Maksud B.61 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM926,679,800 untuk Maksud B.61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM259,800,000 untuk Maksud P.61 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM259,800,000 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.62 [Jadual] –
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2006] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala B.62 dan Kepala P.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Setiausaha.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)

Memotong RM10 Gaji Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor sila.
9.58 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, sebelum saya mula, mana itu timbalan menteri yang pandai, yang beri kata kemukakan Usul sampai 2.30 kalau selesai, bagaimana kita boleh selesai, kita bermula satu kementerian yang begitu besar, lagi satu Kementerian Pelancongan, mana itu timbalan menteri yang pandai. Lain kali yang menteri atau timbalan menteri yang mahu kemukakan patut ada di sini, duduk di sini, bukan lari ponteng, lari daripada tanggungjawab, ini tidak bertanggungjawab. Mana beliau?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Balik rumah pandai - tidur, pergi *dancing* atau apa-apa, ini tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sangkaan jahat, sangkaan jahat Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dah ada peluang bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Apa dia?

Seorang Ahli: Apa ini? Hari-hari bising, bising.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada masa dah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita semua pergi sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat telah diberi untuk bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, ini perkara yang penting yang mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan menteri ada sini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya bukan *refer*, saya nak rujuk kepada Yang Berhormat yang saya mahu untuk mengkaji ini, bukan. Itulah timbalan menteri yang lain, okey *I'm not referring to you*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang pandai kemukakan usul itu, dia lari. Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya cadang....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Siapa? Orang yang terlibat dalam *monkey business*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah, tidak payahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timor....

Tuan Lim Kit Siang: Yang menyebabkan *monkey business* itulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpukan kepada usul Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okay.

Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10,000 daripada Maksud....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: RM10 Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang: RM10 okaylah. Tidak mahu RM10,000 lah, nanti tidak ada gajilah. *[Ketawa]* RM10 daripada Maksud Bekalan B.62, kod 10000 *emolument* di bawah Butiran 10000 iaitu memotong gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar sebanyak RM10.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Baru balik daripada Permatang Pasirlah. Tidak boleh menang jangan kacau-kacau di sinilah!

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payah hiraukan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia kacau di sana! *Making a lot of noise!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah, tidak payah....

Tuan Lim Kit Siang: *Background noise!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah hiraukan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Background noise*. Tuan Pengerusi, boleh menang 2,000 undi?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh. Menang majoriti 2,000 bolehkah?

[Dewan gamat seketika]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak boleh apa macam?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Barisan Nasional kita buat usul potong elaun pembangkang. Setujukah tidak setuju?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh bagi. Buatlah, buatlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita buat usul potong elaun pembangkang!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai....

Tuan Lim Kit Siang: Buatlah, buatlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Buatlah, buatlah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh, haa? Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, tidak payah kacaulah, nanti....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia mahu mula *statement* pun lambat. Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ada Peraturan Mesyuarat. Duduk, duduk!

Puan Chong Eng: Mana satu? Mana satu?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi,... Duduklah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Mana satu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 36(5), "Seseorang ahli tidak dibenar menyebut nama ahli lain". Yang Berhormat tadi sebut nama Timbalan Menteri, tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada disebut "Noh Omar", tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak boleh, tidak boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor....

Tuan Lim Kit Siang: Ini terasa, oleh kerana ada dua orang Menteri....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: oleh kerana....

Tuan Lim Kit Siang: ada dua orang Menteri. Okay, saya dipaksa menggunakan. Kalau dibenarkan, saya boleh tukar tetapi saya dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Balik kepada usul.

Tuan Lim Kit Siang: Ini dibenarkan oleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu salah siapa, salah Tuan Pengerusi! *[Ketawa]*

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan babitkan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order*, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat....

Tuan Lim Kit Siang: tidak boleh salahkan Tuan Pengerusi, langgar Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Menghina Speaker, Tuan Pengerusi.

[Dewan riuh-rendah]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor tidak payah cakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya minta Ipoh Timor tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang: Okay, saya tarik balik, saya bermula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ... sekarang berpeluanglah. Cukuplah. Yang lain sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tidak menghormati Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: kita tahu begitu sensitif.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, dia tidak boleh menghina Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mana boleh hina Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36(6) sangkaan jahat, tidak boleh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kena menghormati Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Makin banyak....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak boleh. Dia tidak boleh menghina Pengerusi, tidak boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: yang menyampuk, makin panjang lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam unta!

Tuan Lim Kit Siang: Duduklah, okaylah.

Tuan Pengerusi, dalam negara kita digemparkan dengan tiga "*firestorms*". Yang pertama ialah video klip mengenai seorang wanita yang dibogelkan dan dipaksa untuk ketuk ketampi. Yang kedua apabila Timbalan IGP Musa Hassan kata bahawa dia tidak salah, polis wanita yang ada dalam video klip itu tidak salah. Yang salah ialah orang yang ambil video klip itu. Dan yang ketiga ialah apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri buat kenyataan yang menggemparkan negara dan dunia. Dunia! Fantastiklah! Boleh gemparkan dunia pun! Itulah fantastik!

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Puan Chong Eng: Malaysia boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi, bukan untuk kebaikan negara. Sebenarnya kita boleh dengar. Mahu saya *play video*?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ooh, tidak payah. Saya boleh main di sini kalau Yang Berhormat tidak tahu. Saya boleh main di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua orang tahu dah.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu tengok apa Yang Berhormat ucap, boleh pergi ke *block* saya di sana. Pergi ke *block* saya.

Saya pendeklah bahagian yang saya mahu sebut. Seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata, jadi saya hendak beritahu, "...adakah sebab seorang punyai satu kes, sampai merosakkan imej polis kita? Adakah kita ini betul-betul macam negara-negara lain? Kezaliman polis kita itu, kita terima hakikat. Saya hendak tegaskan lagi, kalau kita punya rakyat bersetuju, jangan *strip, search* lebih kurang. Kalau besok jenayah banyak, sosial banyak jangan salahkan polis. Kalau misal kata semua setuju. Kita *have to respect the* polis, kerja dia, dan kita kena ingat di negara kita walau bagaimanapun, banyak pendatang asing datang, berjuta-juta. Alhamdulillah, kita masih jaga keselamatan kita, ekonomi kita masih kukuh dan kalau orang asing, saya hendak cabar. Kalau orang asing kata kita ini zalim, jangan duduk Malaysia, balik negara masing-masing. Tidak payah polis kejar sana, kejar sini sebab hari-hari kita hendak belanja duit berjuta. Tahan dia orang lagi, tidak payah buatlah rusuhan ini, balikkah. Kalau kerja polis kita ini zalim, dia pun tidak terima kasih. Saya hendak beritahu jangan sampai melemahkan polis. Fasal isu ini, jangan sampai *demolish the* polis. Mereka bekerja siang malam untuk keselamatan kita dan percayalah bahawa kerajaan tidak akan melindungi sesiapa pun. Kita jelas siapa juga bersalah, kita akan dakwa. Sebab itu kerajaan tubuh badan bebas untuk siasat kes ini. Tidak ada hendak *cover-up*. *Nobody* hendak jadi hero ini. Semua tidak setuju kalau kita bersalah".

Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya ada sembilan sebab kenapa saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri patutlah potong gaji RM10.

Yang pertama, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memalukan rakyat Malaysia bahawa rakyat negara rasa malu, marah dan malu. Khasnya, saya ada terima mesej daripada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, di London, di Australia yang kata 30 November, satu hari yang sangat gelap kepada mereka. Mereka tidak boleh rasa bangga, *cannot hold their heads high* apabila jumpa dengan pelajar-pelajar negara-negara yang lain, khasnya daripada negeri China. Kita tahu tiap-tiap tahun di United Kingdom sebagai contohnya, 10 tahun dahulu, 20 tahun dahulu pelajar-pelajar Malaysia yang terbanyak. *We dominate, majority*. Tetapi sekarang 5 tahun, 10 tahun pelajar-pelajar daripada negeri China lebih. Mereka sudah lebih dan di mana-mana pun ada pelajar-pelajar Malaysia. Di kolej-kolej, di universiti-universiti pun ada pelajar-pelajar negeri China, lebih daripada pelajar-pelajar Malaysia, dan mereka rasa malu.

Mereka rasa malu bukan sahaja apabila video klip ini tercetus tetapi khasnya apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri buat kenyataan yang saya ada sebut tadi. Dan sebagai satu contoh, satu mesej yang saya dapati, dengan izin,

"All Malaysian students here and everywhere must be confronted by China students who seem to be more outraged with Malaysia mistreating them than with their Chinese government covering up the Harbin River issue or worrying about the earthquake and mine accident" yang berlaku di negeri China.

"My China student flat mates just now said: Mistreatment by police can be understandable, but not such statement from someone so high up in the government".

Dan lagi ada seorang yang kata, dia tanya, kata bahawa:

"I thought Malaysia is very open and democratic, but it seems worse than China. At least China's higher level people are not so stupid to say things like that. Only in the rural level, they have bad cops."

Itu negeri China. Perasaan ini semua rasa. Bukan sahaja di luar negeri, di negara kita pun rasa ini tidak patut dibuat. Tetapi nampaknya ini ada satu sikap tidak suka, keluar. Kita pun dengar dalam Dewan yang mulia ini, pernah dengar. Apabila kita berdiri kata kita tidak bersetuju bahawa Malaysia sebuah negara Islam, ada orang kata "Tidak suka Malaysia negara Islam, keluar Malaysia!" Sikap yang sama, sikap yang sama! Kenapa?

Sebab itu kita perlu lebih terbuka, lebih satu sikap yang bertanggungjawab, itu yang pertama. Yang kedua, tindakan ini, kelakuan ini sudah merosakkan perhubungan baik antarabangsa Malaysia, khasnya dengan negeri China. Negeri China inilah, *People's Daily online*, dengan izin.

Chinese Vice Foreign Minister, Wu Dawei, summoned the Malaysian Ambassador to China, Syed Nurul Zaman on Wednesday to make stern representations over the matter that Chinese citizens have been successfully humiliated and assaulted in Malaysia, who said that the Chinese government attaches great importance to safeguarding the dignity and safety of Chinese citizens and deeply concerned about the incident. China has asked Malaysia to conduct an immediate investigation into the cases in an earnest and responsible manner and to take effective measures to prevent the re-occurrence of such incidents..."

Wu said, "The Chinese Government attaches great importance to safeguarding the dignity and safety of Chinese citizens and is deeply concerned about the incident".

China has asked Malaysia to conduct an immediate investigation into the cases in an earnest and responsible manner and take effective measures to prevent the re-occurrence of such incident". Dan di negeri China. Semua itu internet. Semua itu buletin penuh. Surat khabar, penuh dengan semua ini laporan dan sebagai satu contohnya, editorial, editorial yang ada, *People's Daily*.

Ini *People's Daily Editorial*. Dengan izin,

"Episode must be confronted to maintain overall situation".

Vice Foreign Minister, Wu Daiwei made an appointment on November 30 to meet with Malaysian Ambassador to China Dato' Syed Norulzaman and lodged representations to Malaysia over Chinese citizens being successively humiliated and assaulted in Malaysia.

People take note of the fact that faced with such a rare and grave incident of Chinese citizens being assaulted the Chinese Foreign Ministry's stand is cautious and restrained using carefully weighed wording which so far has not incorporated the phrase "strong protest". It only "requests and immediate investigation into the cases in an earnest responsible manner and take effective measures to prevent the re-occurrence of such an incident". In all fairness, when its citizens are assaulted and illegally detained the Chinese Government and people cannot but feel indignation. The Chinese Government's civilized and cautious handling of the matter is completely out the consideration of the overall China-Malaysia friendship".

Dan lagi akhirnya ada satu paragraph yang ada direct reference..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta izin Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dengan izin. Satu *last*, satu para sahaja, dan inilah yang ada menyentuh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *obviously the Vice Minister* ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

"Obviously, the Vice Minister's voice runs opposite to that of the Malaysian Prime Minister who represents the government and may present some obstacles for investigating the illegal detention of Chinese women. This cannot but raise concern on the Chinese side".

Sebab ketiga, sebab yang ketiga, merosakkan kepentingan ekonomi Malaysia. Dan sebab itulah antara lain, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri perlulah pergi ke negeri China esok dengan Timbalan Menteri untuk memberi penjelasan-penjelasan bahawa tidak ada kempen, *profiling*, diskriminasi terhadap *national China*.

Tetapi kalau, dengan izin, *speak louder than words*, di penjelasan sahaja, or *explanation* - tidak cukup. Tidak ada apa-apa kesan kalau tidak dilihat, dirasakan bahawa ada perubahan, dasar, pendekatan, dan *approach* dan baru-baru ini, apa juga keterangan yang ada dibuat oleh Setiausaha Parlimen, apa yang tidak boleh dinafikan ialah ada kempen terhadap *national-national China* 50,000 yang dikatakan hilang. Mahu cari mereka, dan kenapa mahu *profile Chinese national*, sungguhpun hilang? Apa kedudukan *national*, negara-negara yang lain, sama ada Indonesia, Bangladesh, India dan mana-mana, Nepal, kenapa tidak ada tindakan? Dan ini tidak akan membantukan lawatan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri apabila pergi ke negeri China harap selesaikan masalah ini. Dan pengarang-pengarang, *editorial-editorial* dalam Utusan Malaysia pun tidak akan bantu.

Satu editorial Utusan Malaysia beberapa hari dahulu, ada tanya, kenapa, kenapa kita perlu buat *adjustment*? Oleh kerana mahu menarik pelancong-pelancong daripada negeri China? Saya pun tak fahamlah. Kita nampaknya perlulah satu *mindset change*. Lapisan pucuk pimpinan, kerajaan, *mass media* dan berbagai-bagai sektor mengenai cabaran negara kita dalam zaman globalisasi. Nampaknya ada tempat-tempat strategik pun belum *catch up with the challenges of* globalisasi. Keempat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh minta laluan sikit?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sahabat kitalah, ini Ipoh Timor. Yang 50,000 tu dia pelancong. Tiba-tiba, hilang. Itu yang jadi isu. Rakyat lain pun ada, bukan tak ada. Kita buru juga.

Seorang Ahli: Apa pandangan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, jangan kita ambil ini nanti seolah-olah macam kita perkauman. DAP memang nak panaskan benda ni dari sudut perkauman! Sedangkan sebenarnya, ini dia pelancong. Tiba-tiba dia tak balik. Jadi yang imigresen keluarkan kenyataan 50,000 hilang. Itu yang nak diburu. Tapi pelancong yang datang secara betul dan lepas tu balik, tak ada apa-apa masalah. Dan bukan sahaja China. Bukan mana-mana pun yang hilang, yang.... akan dicarilah. Cuma ini besar. Angka 50,000 ini besar. Ini masalahnya. Jadi saya harap, Ipoh Timor jangan bawa ini ke sudut anti perkauman. Tapi memang DAP akan ambil ini dari sudut perkauman kerana ada kepentingan politik.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan buat tuduhan, jangan buat tuduhan. Sebelum saya pun buat tuduhan, saya pun tak mahu buat tuduhan, okey? *I am restraining my self*, okey. [Ketawa]

Yang pertama betul, kalau ada 50,000 orang hilang secara tidak sah daripada negeri China, perlulah dikenal pasti. Saya bersetuju. Tetapi kalau, bukan sahaja negeri China, tetapi banyak *national* yang lain, mungkin lebih ramai.

Apa yang kita mahu ialah memburu semua yang tidak sah dan bukan satu kumpulan sahaja yang sangat jelas dalam surat khabar. Dan pengumuman yang ada dibuat, secara rasmi atau tidak rasmi oleh pihak yang atasan. Itulah, itulah, dan sebenarnya 50,000 ini, adakah angka ini sah tak? Adakah ini, angka ini betul? Bukan sahaja kita kata mempertikaikannya.

Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen MCA, pun ada mempertikaikan kata ini tak benar. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, mereka pun kata angka ini tak sah. Adakah mereka *racialist*? Adakah mereka *communalist*? Adakah? Kenapa diam? Berdiri, kata,...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak adil menghukum kerajaan, memihak sesuatu kaum ataupun sesuatu negara.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat nantilah. Cuba Yang Berhormat bawa..

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat melawat kem tahanan, tengok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Daripada Indonesia, daripada Bangladesh, daripada semua negara yang melanggar peraturan.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, okey, okey. Saya tidak buat apa-apa....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tak boleh tuduh kata kerajaan kita ... anti rakyat China.

Tuan Lim Kit Siang: Apa, apa itu tuduhan? Nanti, nanti. Saya belum bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu tidak adil. Yang Berhormat tidak melawat kem tahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai, cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pergilah melawat tengok.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak buat apa-apa tuduhan. Saya tidak kata bahawa negara kita anti China. Tidak! Tetapi jangan kita diberi satu anggapan bahawa kita *profile chinese national*. Dan saya ada beri sebab. Saya kata jangan. Dan bukan saya kata begitu. MCA pun ada kata begitu. Menteri MCA pun ada kata begitu.

Tadi Ahli Yang Berhormat Parlimen, mana dia lari? Ayer Hitampun kata begitu. Adakah kenapa? Tak ada pandangan? *[Menyampuk]* Itulah kita. Kita janganlah politikkan perkara ini. Kita tidak mahu politikkan perkara ini. Saya kata yang pertama, adakah angka itu betul? Kita tengok itu, *chart* di sini. *In the internet website*. Kalau kata *missing travellers, missing travellers*, antara 2,000 ke 2,004. Kita tengok Australia - 207,000, bukan 50,000? Brunei - 700,000! Kanada - 57,000, China - 553,000, Germany - 83,000, France - 55,000, Britain - 300,000, Jepun - 747,000, New Zealand - 40,000, Singapura - 13 juta! Mana boleh, Singapura *population* baru 4 juta, 3 juta. USA..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya tanya sikit?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti saya belum habis. Dan ini menunjukkan bahawa angka-angka statistik-statistik yang diberi bukan oleh saya, tetapi oleh sumber

rasmi imigresen, mungkin salah. Sebab itu saya ada tanya mungkin RM50 ribu angka itu pun salah. Yang pertama sama ada angka itu betul, yang kedua bukan sahaja ada *illegal-illegal* daripada negeri China, pun ada *illegal-illegal* daripada negara yang lain, Indonesia, Bangladesh, India, Pakistan, Nepal dan lain-lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Saya boleh bagi jalan tetapi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tak, pasal angka itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi *you wait your turn*, okey, duduk dulu, duduk, duduk, duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasal angka itu.

Tuan Lim Kit Siang: *You wait your turn, I will give you way, but you wait your turn.* Dan sebab itu kita jangan khusus kan kepada negeri China dan oleh kerana kalau begitu tadi saya ada baca mengenai editorial surat khabar-surat khabar, mereka tentu rasa ini satu *profiling* dan siapa suka di profil? Kalau kita rakyat Malaysia diprofilkan di negara yang lain, kita akan bantah, serupanya. Kalau mahu melancarkan satu kempen terhadap *illegal*, jangan ada *profiling* terhadap mana-mana negara. Okey, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasal angka Brunei itu, logiknya penduduk itu.

Tuan Lim Kit Siang: Illogic, Singapura pun tak logik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan Brunei sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya lah, kalau 700 ribu, penduduk dia datang dari mana?

Tuan Lim Kit Siang: Setujulah, itu setuju, saya setuju, saya sudah kata.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah kata itu tunjuk dua angka rasmi tak boleh percaya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau tak boleh percaya kenapa Yang Berhormat berpandukan pada angka tersebut?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tak percaya, itu menunjukkan 50 ribu itu pun tak boleh percaya, itu sebab saya, Yang Berhormat daripada Sri Gading timbulkan perkara. Saya tak mahu sebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor habiskan Usul Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu saya tidak ada sini, ini daripada Yang Berhormat Bukit Bintang. Oleh kerana saya jawab Yang Berhormat Sri Gading. Terima kasih tetapi terima kasih Yang Berhormat Sri Gading kerana memberi satu jawapan, satu peluang, terima kasih, *please ask more questions*.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab keempat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Isu kita ialah isu orang hilang bukan

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan saja dan itu usaha kita, kerajaan kita nak ambil tindakan kepada semua rakyat asing yang datang secara halal lepas itu hilang, itu kita ambil tindakanlah. Jadi kalau tersebut China, bukan soal China semata-mata tetapi kepada semua negara. You tahu Arab Saudi, dia cari orang hilang ini berjuta kerana dia pergi Umrah, lepas itu dia hilang kerana nak pergi Haji, berjuta, dia ambil tindakan, jadi tindakan mencari orang hilang yang masuk secara halal lepas itu hilang, ini di semua negara. Jadi agaknya tersebut China, bukan soal kita nak khusus kan pada negeri China, itu sebagai contohlah, banyak negara lain, Indonesia, India, mana-mana pasal negara kita aman, negara kita mewah.

Tuan Lim Kit Siang: Pandangan itu kita bersetujulah, kita tidak ada perbezaan. Okeylah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi kenapa kita nak

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak ada perbezaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kerajaan kita

Tuan Lim Kit Siang: Itu berapa saya kata? Itu berapa saya kata [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kerajaan kita memang terbaik-baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: *We on the same ground okey.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita berbuat baik dengan negara China.

Tuan Lim Kit Siang: *We on the same ground, ok tak payah lah itu, we on the same ground.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak ada soal kita nak bermusuh dengan negara-negara lain, ambil tindakan kepada rakyat dia yang melanggar undang-undang negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan bermakna kita bermusuh dengan negara dia, sebab itu

Tuan Lim Kit Siang: Saya setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP jangan besarkan isu ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau you besarkan isu ini

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah, Sri Gading sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Dia halang saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan ini sikap DAP, kita amat kesal kerana merenggangkan hubungan baik antara Malaysia dengan China.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: cukuplah Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: Itu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita tahu you punya politik kadang-kadang

Tuan Lim Kit Siang: dia mula tak boleh berhenti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading cukuplah, Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: Itu *unguided*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor sila habiskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia *shoot* tak boleh berhenti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, sebab yang keempat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun diarahkan, ditegur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sungguhpun dia kata bahawa kalaulah dia ada *hurt* sesiapa, dia rela untuk minta maaf sebenarnya, nampaknya itulah *unconditional, unrepentant*, dan khasnya. Sebab yang kelima dalam kenyataan beliau ada beberapa bahagian yang sangatlah serius.

Yang pertama di mana beliau kata, janganlah salahkan pihak polis kalau mereka tidak boleh menjalankan tugas mereka untuk menjaga keselamatan. Apa ertinya? Ini *black mail*, kita ingat bulan lalu apabila ada peristiwa *Director General Customs*, ada pendedahan mengenai perbelanjaan *farewell party* setengah juta ringgit dan lain-lain, dan sehari kemudian kita ada kutipan *revenue customs*, ada Ahli-ahli Parlimen berdiri di sini kutuk ini *black mail*, bagaimana? Serupa, mana boleh apabila ada kritik-kritik mengenai apa yang berlaku khasnya penyelewengan kuasa hak asasi dicerobohi, seorang timbalan menteri kata, kalau pihak polis merosakkan pihak polis dan mempengaruhi prestasi mereka untuk menjalankan tugas, untuk menjaga keselamatan, jangan salahkan mereka. *This is a black mail*, bagaimana boleh berlaku? Saya harap patut ditarik balik, patut minta maaf.

Dan keenam apabila beliau kata jangan melemahkan pihak polis, jangan melemahkan pihak polis, siapa mahu melemahkan, mahu rosakkan pihak polis. Kita di sini, saya mahu terang-terang kata, kita mahu apa yang baik untuk pihak polis. Apabila kita berdiri untuk menegur dan untuk menegur, mengkritik apa yang berlaku, itulah mereka daripada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata, *1% of the black sheep*. Dan kita tidak boleh membenarkan *1%* atau *black sheep get away, immunity, 1% black sheep*, berapa orang? Pihak polis, pasukan polis 100 ribu, *1% black sheep* ialah 1,000 orang, dua, tiga orang *can run riot already*. Bagaimana kita boleh membenarkan 1,000 orang *black sheep* dalam pasukan polis? Kita mahu membersihkan *1% black sheep* polis oleh kerana kita mahu jaga nama baik *99%* pihak polis yang bertanggungjawab, yang bertekun, yang berdisiplin. Oleh kerana kita mahu satu pasukan polis yang profesional, yang baik, yang cekap.

Dalam satu negara yang moden dan civilize tentu kita perlu sebuah pasukan polis, sebuah pasukan polis yang profesional, yang efisien, yang disiplin, *world class police*, itu tujuan kita. Dan jangan kata apa-apa kritikan ialah oleh kerana kita mahu melemahkan polis, kita mahu merosakkan polis, ini semua tidak boleh diterima.

Dan sebab yang ketujuh, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa tidak adalah akan melindungi sesiapa tetapi kita tengok apa yang berlaku, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dilindungi. Apa tindakan diambil terhadap beliau? Apa tindakan harus diambil? Tidak, tidak sahaja satu teguran sahaja, apabila seorang timbalan menteri yang lain cakap sedikit sahaja dalam Dewan, gantung tiga bulan. MIC, Sothinathan tiga bulan digantung, tetapi Yang Berhormat tidak apa-apa tindakan. Apa gambaran bahawa ini bukan pentinglah sungguhpun ditegur oleh Perdana Menteri tetapi tidak begitu penting apabila banding apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri MIC. Ini pandangan tidak akan memberi

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, yang kelapan, perkara ini *will create a cloud* terhadap inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *foreign affairs*, ASEAN Summit Kemuncak, Mesyuarat ASEAN Summit akan berlaku minggu depan. Perkara ini *a cloud over the ASEAN Summit*. Bagaimana kita boleh membenarkan?

Yang terakhir, yang mustahak sekali ialah tidak boleh dinafikan perkara ini menjadi satu *political test* untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pagi ini saya ada dengar radio, satu televisyen, satu *radio talk*. Orang ramai diminta untuk memberi *panel call-ins* mengenai masalah ini, perkara ini. Pandangan-pandangan nampaknya *consensus* ialah kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ambil tindakan yang tegas dalam perkara ini terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan sahaja tegur, ambil tindakan. Mungkin pecat! Mungkin pecat, barulah boleh memulihkan imej *authority, credibility, legitimacy* Perdana Menteri sendiri bahawa dia serius untuk membawa reformasi di negara. Sudah dua tahun, apa boleh dilihat? Kita semua sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *reform, political reform, government reform*, bersih, kecekapan, *delivery, first world Parliament, first world Minister, first world Deputy Minister* tetapi dua tahun ini tidak ada tengok apa-apa.

Perkara ini nampaknya pun lepas tangan dan ini satu *test*, mungkin untuk kebaikan dan pentadbiran ini. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada hati untuk memecat Yang Berhormat Timbalan Menteri, lebih baik Yang Berhormat Timbalan Menteri *resign* untuk imej Perdana Menteri yang baik....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Eh, eh, tidak payahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah? Itu boleh balik rumah tidurlah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hey, cakap baik-baik sikit ya! Saya tunggu sini, saya tidak balik, tahu? *[Dewan gamat seketika]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Lim Kit Siang: Ooh, *you* boleh tungguilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haa....

Tuan Lim Kit Siang: Jangan kacau-kacau....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak mahu dengar *you* punya bising-bising itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tunggu masa cakap, tunggu masa cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Aiyaaa!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor, banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Mereka kacau-kacau!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang sudah minta maaf, mahu suruh buat apa lagi?

Tuan Lim Kit Siang: ...sampai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You* mahu suruh buat apa lagi, sudah minta maaf? Apa lagi mahu buat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai, cukuplah Jerai.

Tuan Lim Kit Siang: Haa, apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak habis, habis! Membebel sahaja!

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap inilah satu, kalau kita pergi tanya orang ramai, mereka....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat terkenal sekarang, lebih terkenal berbanding dengan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang lain. Dengan izin, apabila sebut sahaja nama "Noh Omar", semua tahu. Kenapa? Mereka ini melambangkan *what is everything that is wrong with this government*, melambangkan apa yang salah dengan *this* kerajaan, bahawa adalah sikap, fikiran, kelakuan yang silap. Sama ada usul ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah tidak.....

Tuan Lim Kit Siang: ... diluluskan atau tidak, saya harap kita boleh dengar dan lihat pendirian yang betul oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang menunjukkan bahawa kita sudah matang atau kita belum matang sebagai satu "*First World Parliament*".

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

10.23 mlm.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Suka saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9). Tuan Pengerusi, kebimbangan orang awam dan rakyat jelata terhadap imej dan kecekapan PDRM mula memuncak pada tahun 2002 dan 2003 di mana persepsi orang awam yang menganggap PDRM sebagai sebuah agensi kerajaan yang paling banyak terlibat dalam masalah rasuah. Inilah *observation* yang dipetik dari Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Suruhanjaya juga mendapati bahawa pada masa itu keadaan yang disebutkan tadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah saya memberikan Yang Berhormat lima minitlah?

Tuan Chow Kon Yeow: Boleh, boleh. Saya cuba.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebab ditambah lagi dengan wujudnya perasaan tidak selamat di kalangan orang awam yang berpunca daripada jenayah yang berprofil tinggi, yang berlaku dalam tempoh ini. Prosedur kerja dalam PDRM juga dianggap sudah lapuk, tidak berkesan dan terlalu banyak kerenah birokrasi. Ekoran daripada itu, keyakinan orang awam terhadap polis kian terhakis. Keadaan ini dianggap sebagai suatu yang tidak sihat dan boleh memberi kesan buruk terhadap imej negara memandangkan PDRM merupakan tunggak utama dalam penguatkuasaan undang-undang serta menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Keadaan ini amat membimbangkan kerajaan. Oleh sebab itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk mencari jalan, mencari ikhtiar untuk menambah baik perjalanan dan pengurusan Polis Diraja Malaysia. Kita di sini, saya rasa rakyat pada keseluruhannya menyambut baik inisiatif yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja ini untuk menjadikan PDRM sebuah pasukan penegak undang-undang dan penjaga keamanan yang berwibawa pada abad yang ke-21.

Perdana Menteri bimbang polis menghadapi krisis imej dan jika ianya tidak ditangani dengan segera, orang awam akan hilang kepercayaan terhadap kewibawaan pasukan polis. Dalam laporan ini, dipetik juga Perdana Menteri berharap Suruhanjaya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tanjong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Chow Kon Yeow: ... Suruhanjaya Diraja....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... Sri Gading.

Tuan Chow Kon Yeow: yang akan bantu PDRM....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berucapkah?

Tuan Chow Kon Yeow:menghadapi segala peraturan masa kini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Laluan Tanjong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tanjong punya pandangan kepada polis ini teruk sangat. Teruk sangat! Ini sangka buruk yang terlampau sangat. Ke Amerika macam mana? Dia lepaskan anjing gigit orang tahanan. Dekat England baru-baru ini, polis dia tembak orang, mati salah orang. Tidak jadi isu. Adalah sikit-sikit, adatliah manusia. Tetapi jangan kita pukul borong seolah-olah polis ini tidak berharga. Tidak kenang jasa merekakah? Kita berterima kasih kepada pihak polis yang kita dapat tidur lena, aman damai, duduk makan sampai pukul tiga pagi, tidak ada siapa kacau. Itu menunjukkan bahawa keberkesanan polis, Yang Berhormat, lebih hebat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Okaylah, okaylah. Baiklah, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, janganlah keterlaluan

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading tegur saya kerana kesilapan saya, saya terima dengan hati yang terbuka. Tetapi, adakah Yang Berhormat dengar apa yang saya ucap?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha!

Tuan Chow Kon Yeow: Semua dipetik dalam laporan ini!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha!

Tuan Chow Kon Yeow: Saya petik dari ucapan-ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Itu yang kita tidak dapat terima. Sri Gading cuba tegur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Chow Kon Yeow:cuba tegur Laporan Suruhanjaya Diraja ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow: Ini yang kita tidak dapat terima. Sepanjang ucapan saya, saya petik perkara-perkara yang penting dan pokok dalam laporan ini. Berani tunjuklah, berani diri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Chow Kon Yeow: Jangan duduk sana!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya cuba tanya Yang Berhormat, sekarang kita bahas apa?

Beberapa Ahli: Potong gaji!

Dato' Seri Tiong King Sing: Bahas potong gaji, bukan bahas polis. Bagilah kita bahas.

Seorang Ahli: Selepas ini!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Bukankah Timbalan Menteri ini diberi tugas untuk menjaga PDRM?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Haa!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Dewan gamat seketika]

Puan Chong Eng: Dia sendiri kompelin *about* polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sudah.

Tuan Chow Kon Yeow: Dia bila dalam ucapan dasar kompelin banyak mengenai polis!

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Chow Kon Yeow: Malulah dia!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanjong, janji lima minit, sudah sampai.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebab ada gangguan, saya ingin teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak cukup, tidak cukup.

Seorang Ahli: Dia ingat kita tidak tahukah polis punya masalah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Chow Kon Yeow: Mengikut laporan ini lagi, saya belum masuk apa yang saya ingin bahaskan.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah masuklah, keluar terus Yang Berhormat!

Tuan Chow Kon Yeow: Apa yang saya sebut, semua dari laporan ini. Mukadimah dalam laporan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor sudah cakap banyak tadi.

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak ada. Langsung saya tidak.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu laporan pun belum tentu sah lagi, Yang Berhormat. Ada juga kita boleh pertikai. Yang Berhormat ini kacaulah. Bagi jalan cepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini, Yang Berhormat, saya hendak dengar siapa?

[Dewan gamat seketika]

Tuan Chow Kon Yeow: Apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu laporan pun kita belum bahaslah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat selamat pun kerana polis, tahukah tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu laporan. Itu laporan pun belum benar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat boleh tidur kerana polis.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow: Saya sudah tangkap basah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tidak boleh datang Dewan Rakyat ini kalau tidak kerana polis!

[Dewan gamat seketika]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Polis jaga rakyat....

Tuan Chow Kon Yeow: atas Suruhanjaya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kita boleh bahas....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa? *You* ingat kita setuju semua apa dalam laporan Suruhanjaya itu kah? Kita pun ada kita punya pendapat sendiri!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita pun tengok, bukan betul semua itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan semua laporan Suruhanjaya itu betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini mukadimah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tidak kiralah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Siapa buat tidak kira....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Teruskan. Cukuplah Yang Berhormat.

[Dewan gamat seketika]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudah habis belum? Tuan Pengerusi, sudah habis belum? Kalau habis kita pula hendak berucap!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ingat kita ini....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, boleh tak? Boleh?

Tuan Chow Kon Yeow: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita bersidang ini....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... dan ini....jaga kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudah habis belum? Saya hendak berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, sila duduk. Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Alaah....!! Inilah bangsa yang tidak kenang budilah!

[Dewan gamat seketika]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah, Yang Berhormat.

[Dewan masih gamat]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa? Ingat kita apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudah habis belum? Tuan Pengerusi, sudah habis belum?

Seorang Ahli: Pengerusi sudah hilang kawalan atas apa yang berlaku di dalam Dewan ini.

Tuan Chow Kon Yeow: Nanti, belum habis. Belum habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Belum siap. Duduk!

Tuan Chow Kon Yeow: Belum habis. Saya ambil beberapa minit sahajalah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Tuan Chow Kon Yeow: Suruhanjaya Diraja telah membentangkan sebanyak 125 syor untuk mengubah PDRM.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ..dipotong gajilah, apa *you* cakap ni?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini tajuk tidak betullah, Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap di dalam bahasa Cina].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Satu soalan saya hendak tanya, adakah termasuk itu usul potong gaji RM10? Adakah berkaitan dengan laporan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita belum bahas laporan itulah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat!

Tuan Chow Kon Yeow: Yang Timbalan Menteri, apa yang dia berlaku, apa yang dia tunjukkan adalah tidak secocok dengan apa yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini saya memberi latar belakang hasrat dan aspirasi negara Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiyo, latar belakang.... *[Ketawa].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sudah berucap. Jadi, cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya betul, betul, duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Yang Berhormat sokong sahajalah. Sokong dan biar saya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, sokong dan diam.

Tuan Chow Kon Yeow: Apa ini? Apa ini? Tidak sudi untuk mendengar teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk! Semua duduk!

Tuan Chow Kon Yeow: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa mahu dengar? Cukup! Teguran tidak membina siapa mahu dengar?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: You sangka buruk!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Seputeh, Seputeh, ada Peraturan Mesyuarat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Seputeh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: *Sit, sit, sit.*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat. Duduk, duduk. Peraturan Mesyuarat 41, masa mesyuarat bersidang (d).. seseorang ahli tidak, aik? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Duduklah, duduklah, salah. Salah peraturan. *[Dewan riuh] [Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada, seseorang ahli....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi tahan dia daripada bercakaplah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Seputeh. *[Bercakap dalam bahasa Cina].*

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, dia main-main peraturan, dia main-main peraturan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: 41(e), "masa seseorang ahli itu bercakap, ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab".

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiya, duduklah. Ini main-main Tuan Pengerusi. Dia main-main.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat, saya ingin Tuan Speaker buat *ruling*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bersetuju. Bila Speaker bercakap, semua kena diam juga. Yang Berhormat bagi Tanjong, saya fikir cukuplah. Cukuplah.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya belum gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung.

Seorang Ahli: Gulung, gulung habis!

Tuan Chow Kon Yeow: Saya gulung. Yang terpenting ialah cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis [IPCMC]. Selama ini, selaku Timbalan Menteri dalam kementerian ini, kita tahu tanggungjawab berat yang perlu dipikul

oleh Yang Berhormat. Dalam Dewan ini, selalunya Yang Berhormat ingin mempertahankan kecekapan prestasi pihak polis. Misalnya, selalu apabila ditanya, beliau akan mempertahankan bahawa PDRM mempunyai rekod yang bagus, 48% kadar menyelesaikan jenayah-jenayah yang dilaporkan. Itu tanggung jawab, kita faham. Yang Berhormat pun selalu ingin melindungi imej pihak polis seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat beberapa hari yang dahulu dengan menitikberatkan bahawa cuma 100...

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi!

Tuan Chow Kon Yeow:1% dari anggota PDRM mempunyai masalah disiplin ataupun perlu menghadapi tindakan-tindakan disiplin....

Dato' Ronald Kiandee: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sudah cakap tadi, ini tidak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu misalannya!

Tuan Chow Kon Yeow:Suruhanjaya Polis, pasukan polis. Laporan tahunan yang saya dapati setiap tahun dan dibentangkan di dalam Dewan ini memang pada setiap tahun, lebih kurang 1,000 anggota dan pegawai perlu menghadapi Suruhanjaya Pasukan Polis. Setiap tahun, dan bukan 1% sahaja. Kira-kira dalam setiap tahun laporan ini menunjukkan lebih kurang 1,000. Kalau ambil 5 tahun, sudah ada 5,000 anggota dan pegawai polis yang bermasalah. Ini memang satu masalah yang sangat serius!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Alah, Ahli DAP pun ada yang kena pecat pasal disiplin!

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi, walaupun kita faham tanggungjawab Yang Berhormat hendak membela dan melindungi imej, tetapi apa yang harus diberi perhatian oleh Yang Berhormat sendiri adalah juga meneliti apa yang disyorkan, apa yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis mengenai masalah-masalah dalam PDRM sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi saya berharap kejadian ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Chow Kon Yeow:akan menginsafkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa menyelesaikan masalah pokok dan hakiki dalam PDRM adalah lebih penting dari membuta tuli menjaga imej PDRM. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi terbuka untuk dibahas. Kemaman.

10.49 mlm.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekali lagi, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur untuk memotong gaji, kali ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri kita. Saya kira ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa siri serangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang terhadap kerajaan kita dengan mengambil helah untuk memotong gaji RM10 bagi memalukan atau menjatuhkan kredibiliti kerajaan kita. Nama Timbalan Menteri hanyalah sebagai alasan tetapi sebenarnya, kalau dikatakan soal kementerian tersebut ialah kementerian yang juga dipegang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tujuan beliau ialah untuk menjatuhkan imej Perdana Menteri kita sendiri. Sebab itulah, dalam beberapa siri yang lain...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Ucapan khusus RM10 terdahulu. Sekarang ucapan nada ini, adakah ini sebenarnya membayangkan mewakili fikiran Yang Berhormat? Seorang *academician*, dulu seorang intelektual? Atau seorang yang mahu harap boleh naik pangkat sahaja? Tidak kira apa-apa *intellectual honesty*? Dulu dalam Semangat 46 cakap begitu banyak! Kritik, kritik, sini sana. Tetapi sekarang, apa kita kata, sama masa itu, sekarang semua *betray*. Harap mahu masuk kerajaan sahaja, mahu jadi Setiausaha Parlimen, mahu jadi timbalan menteri..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa pun boleh buat! *You are disgraced to the intellectual tradition in Malaysia.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:, *disgrace intellectual tradition in Malaysia.*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ada kena mengena tak saya bercakap ini dengan soal yang dibincangkan tadi? *[Dewan riuh]*. Saya rasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah berkali-kali menggunakan kesempatan dengan sedikit kuasa sebagai Ahli Parlimen untuk mengemukakan usul yang seperti ini dengan tujuan yang lebih besar. Tujuan yang lebih besar mencari publisiti murahan untuk mengambil kesempatan di saat mereka sudah tiada kesempatan berhadapan dengan rakyat yang lain.

Sebenarnya, sekiranya, kalaulah di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional ingin mengambil langkah yang sama, kalau bertalu-talu, hari ini, minggu lepas, sebelum ini, berkali-kali usul telah dikemukakan untuk memotong gaji menteri-menteri kita, andaikan salah seorang sahaja daripada kita mencadangkan usul yang sama memotong gaji Ketua Pembangkang kita, bila-bila masa sahaja usul itu sudah tentu dapat diluluskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak boleh terima. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Beri peluang untuk dia berucap.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. *[Menyampuk]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ketika Yang Berhormat Ketua Pembangkang berucap, saya tidak menyentuh, saya tidak mengganggu beliau. Tetapi, dahulu saya cukup menghormati Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya tidak sangka bila berada di dalam Parlimen ini, Ketua Pembangkang begitu rendah nilainya. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Chong Eng: Betul!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Apa kena-mengena ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perlu mendapatkan kebenaran.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak sangka Ketua Pembangkang begitu tidak ada disiplin, tidak tahu peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kalau mahu bercakap seharusnya mendapat kebenaran daripada saya dahulu.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat bukannya Timbalan Menteri dah minta maaf, satu. Kedua, saya tidak faham dengan Ketua Pembangkang. Dia hanya pandai mengata orang, menegur orang. Dia itu apa kurangnya. Lompat-melompat. Bukanlah kita hendak menggambarkan keburukan orang. Ini bukan tugas kita. Ini mengata buang masa. Siapa yang buang masa pada hari ini?

Tuan Lim Kit Siang: Kata orang melompat. Yang Berhormat tidak lompat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You* lompat rata negeri....semua kedai you tidak berani datang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia panas telinga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Melaka, Ipoh, Penang rata macam katak.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kata orang buang masa! Bukankah ini satu usul yang buang masa. Tadi bila kuorum tidak cukup, siapa yang panggil kuorum tidak cukup? Mana pembangkang DAP? Cuma ada dua orang. Siapa yang mencukupkan kuorum pada hari ini? Bukankah Barisan Nasional?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan gamat]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apabila.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apabila tidak ada keamanan salahkan polis. Apabila polis mengambil tindakan untuk menjaga keamanan termasuk menjaga Ketua Pembangkang dan rakan-rakan di sebelah sana, mereka salah juga kepada kerajaan.

Seorang Ahli: Marah polis.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Marah polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak ucapkah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukankah ini sendiri, sendiri Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukankah ini *double standard*? Atau lebih daripada itu lagi. Ha, inilah dia. Apabila tindakan diambil.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:untuk menjaga keamanan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:Yang Berhormat bagi Kemaman.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat telah menyatakan demikian tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, ya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kemaman supaya mesej sampai sebelah sana.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya seronok melihat Yang Berhormat Ketua Pembangkang begitu lama masih melompat-lompat pada hari ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Agaknya hatinya begitu panas apabila.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia lompat fasal dia katak, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Betul, betul, betul.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kita hendak bahas cerita Tengku Razaleigh, Semangat 46, DAP, kekalahan, kekalahan yang dialami oleh DAP, ini bukan forumnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kita bincang isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Mari kita bincangkan di sini.

Sebab itulah bila saya katakan tadi, ini sudah beberapa kali pihak pembangkang mengambil kesempatan daripada Dewan yang mulia ini untuk menarik perhatian orang ramai dengan isu potong gaji RM10. Menteri kita tidak akan jadi miskin kerana RM10. Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak akan menjadi lebih kaya sekiranya RM10 itu diberikan kepada mereka. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi ialah untuk memalukan. Tetapi semua mereka tahu bahawa semua usul-usul itu tidak lulus kerana mereka adalah kumpulan yang kecil dan mereka tidak berdiri pada kebenaran yang sebenarnya.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tetapi andai kata sekiranya pihak Barisan Nasional....

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tunggulah dahulu.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat, saya tidak kacau tadi. Saya tidak kacau.

Puan Chong Eng: Tadi kata.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak mahu.....

Puan Chong Eng: Tadi kata, tadi kata kalau mahu berucap.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:boleh berdirilah minta penjelasan. Jadi,.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila, sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Chong Eng: Saya rasa Tuan Pengerusi, kita dipihak sini kumpulan minoriti itu adalah benar tetapi apa yang dikatakan oleh minoriti tidak semestinya tidak benar. Jadi, untuk seorang yang pandai, saya rasa ini tidak ada logik untuk menghubungkaitkan bahawa apa yang diucapkan oleh minoriti itu bukan kebenaran.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih kerana mengiktiraf saya sebagai orang yang pandai.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Tetapi saya katakan satu minoriti, yang keduanya tidak berasaskan kepada kebenaran. Kita yang majoriti kalau mencadangkan hari ini kalau saya minta sokong atau tidak potong gaji Ketua Pembangkang kerana membuang masa kita begitu banyak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokong!

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Boleh kita buat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Dengar sini. Tapi kita tidak membuatnya kerana kita tidak akan menyalahgunakan kuasa majoriti kita untuk berbuat demikian dengan sewenang-wenangnya kerana kita tahu tidak perlu kita menggunakan meriam untuk membunuh seekor lalat. Seekor lalat tidak perlu dibunuh dengan tembakan meriam yang besar dan bagi kita peranan yang dimainkan oleh Ketua Pembangkang hanyalah seperti seekor lalat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita pakai *sheltox* sahaja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya, seperti seekor lalat yang sifat lalat-lalat ini ialah hanya mengerumuni sampah-sarap dan tempat-tempat yang busuk. Ini sahaja kemampuan mereka.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Benar.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya fikir Yang Berhormat bagi Kemaman.....

Tuan Lim Hock Seng: Busuk.

Tuan Chong Chieng Jen:selepas 10 minit saya dengar ucapan Yang Berhormat, langsung tidak ada apa-apa bahan untuk membela.

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Kenapa tidak seharusnya Yang Berhormat tidak memotong gaji timbalan menteri.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kalau.....

Tuan Chong Chieng Jen:apa yang diucapkan itu adalah apa erti usul itu usul ini untuk memotong gaji.

Tuan Chong Hon Min: Macam orang bodohlah ini.

Cik Fong Po Kuan: Tidak ada isi!

Tuan Chong Chieng Jen: Ya tidak ada isi, tidak ada bahan untuk menyokong Timbalan Menteri.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi saya tidak sempat bercakap ada ganggu cerita saya semangat 46lah, ganggu cerita Tengku Razaleigh. Sepatutnya saudara tegur ketua saudara sendiri mengganggu atas isu yang tidak ada kena-mengena.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Izinkan saya bercakap dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Dia tidak ada had masa. Sampai boleh cakap lalat-lalat semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Nanti dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chow Kon Yeow: Lalat-lalat cari tempat yang paling kotor - Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada empat, lima ekor lalat lagilah.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya kata lalat ini sifatnya cari tempat yang kotor. Kalau kita hendak pergi ke hotel yang bersih, istana yang indah pun pasti ada tempat yang kotor. Sebuah Kerajaan Malaysia ataupun mana-mana kerajaan dalam dunia yang baik mana pun kerajaannya kalau hendak cari kelemahan dan kesalahan pasti ada. Apa dia negara dalam dunia yang bercakap tentang *human rights* (hak asasi manusia), misalnya Amerika Syarikat yang dianggap sebagai *idola* kepada setengah orang tentang itulah negara yang terbaik dari segi hak asasi manusianya, tentang demokrasinya, tentang bagaimana ia menjaga kepentingan orang. Kalau ditanya di sana, misalnya *Human Rights Watch* sebuah badan *human rights* (hak asasi manusia) yang menceritakan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: tentang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya benarkan Yang Berhormat lagi 10 minit dan Menteri jawab.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih, boleh. Cukup masanya. Menceritakan tentang keganasan polisnya, tentang perilaku pegawai-pegawai imigresennya, tentang puluhan ribu orang yang ditahan di sana. Sudah tentu ada. Isu *Rodney King* dalam tahun 1991. Keganasan polisnya yang dikaitkan dengan keganasan yang berunsurkan perkauman. Isu *Delve King* dalam tahun 2004 di Britain. Isu tentang tahanan imigresen di Australia. Kita bercakap begini kita katakan kalau dunia yang dianggap sebagai *beacon* sebagai contoh dan *idola* pada sebuah negara yang demokrasi yang melaungkan tentang soal hak asasi manusia pun terdapat banyak kesalahan-kesalahan dan kritikan orang ramai dalam sistem pentadbiran polisnya, imigresennya dan sebagainya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, minta saya jelaskan. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar dan memberi tahu kepada kawan-kawan kita di sebelah Pembangkang bahawa pasukan polis kita ni adalah pasukan polis yang terbaik kalau nak dibandingkan dengan pasukan-pasukan lain, ini, saya ambil petikan surat khabar (*menunjukkan keratan surat khabar*) yang mengatakan *grandma* ini, *grandma*, dia kata dia mintak, kerana anak dia kena ragut, dia mintak pasukan polis menangkap penjenayah, mintak tolong pasukan polis menangkap penjenayah. Bermaknanya, ama., 80 tahun (*bercakap dalam bahasa mandarin*) dengan izinlah, jadi bermakna pasukan polis kita adalah harapan kepada rakyat. Pihak polis bersabung nyawa mempertahankan keamanan negara. Polis berada dalam hujan lebat untuk menjagakan laluan trafik dalam bandar raya dan di luar bandar. Polis bersengkang mata di lebuhraya, siang dan malam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:..Apakah ini bukan pasukan polis dan Menteri dan Timbalan Menteri kita, rata tempat dia cuba pertahankan dadah-dadah, dia *raid* rata tempat. Apakah Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang tak nampak ini, Yang Berhormat terangkan kepada mereka bahawa tiap siang dan malam mempertahankan dadah dan sebagainya. Polis cukup dadah, cukup itu ini, untuk pertahankan keselamatan negara.

Ini adalah fakta-fakta, sudah tentu dalam keluarga yang besar, Tuan Pengerusi, kelemahan, dalam keluarga yang besar, kadang-kadang ada sedikit-sedikit, itu biasalah. Barangkali dalam keluarga Yang Berhormat Ipoh Timur pun ada juga dan dalam keluarga saya ada juga. Ini adalah manusia. Jadi, kerana itu, dan Timbalan Menteri telah memohon maaf

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang siapa berucap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Melalui tak? Dalam Islam dan dalam budaya bangsa Melayu, apabila seseorang itu memohon maaf, itu sudah terbaik dalam hidup. Apakah Yang Berhormat mahu Menteri melutut kepada Yang Berhormat. Saya tidak benarkan kerana ini adalah Menteri Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Berhormat jangan cuba lagi hendak memotong gaji-gaji, jangan sekali-kali [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bersorak*]

Tuan Lim Kit Siang: [*Bediri dan bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:...jangan sekali-kali, saya sekali lagi, kalau Yang Berhormat nak memotong gaji-gaji Menteri kami, saya akan buat usul memotong gaji Yang Berhormat kerana mengolok-olokkan dan membuang masa Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini janji saya, dan sudah tentu kami dapat sokongan kerana kelaku Yang Berhormat tidak langsung menunjukkan sebagai seorang pembangkang yang profesional, berlaku sebagai seorang yang tidak bertanggunjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah, Kemaman, cukuplah Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:...berlaku sebagai seorang yang tidak cerdik, Yang Berhormat adalah tidak bertanggungjawab dalam mentadbirkan negara. Cuba melaga-lagakan, melemah-lemahkan polis, menghina pasukan polis, sedangkan Yang Berhormat sendiri mendapat perlindungan daripada polis.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Dewan semakin bising]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tidak tahu undang-undang negara, inilah seorang Ketua Pembangkang yang tidak bertanggungjawab, adakah Yang Berhormat Kemaman bersetuju dengan saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:... sekali lagi saya dan Kemaman akan buat usul potong elaun Yang Berhormat sebanyak RM5 pun tak apa. *[Dewan terlalu riuh]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa].*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun bercakap tanpa pembesar suara].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini orang lebih daripada katak, katak pun tau rehat, ini lompat dari pagi sampai malam, oi yoi..*(bercakap dalam bahasa Mandarin).*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak letih, saya letihlah, cukuplah. *[Dewan bising]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Masih berdiri dan bercakap tanpa pembesar suara].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ambil Yang Berhormat dulu masuk wad, kerana Yang Berhormat *create all these problems* dalam Dewan Rakyat, bawa dulu pergi, hayya!....

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Membantah dan keadaan dewan bercelaru].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat menghina polis ya, ingat semua Yang Berhormat ini menghina polis. Satu hari nanti, apabila Yang Berhormat menanggung masalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, masa dah cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Patutlah Tuan Pengerusi..patutlah Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sama-sama Yang Berhormat, Jerai, Jerai duduk.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Pengerusi tak dapat mengawal...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan saya minta penjelasan, bukan saya kacau dia... Hei Tanjong, duduklah Tanjong

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta penjelasan bukan saya kacau Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cukuplah.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Penjelasan hanya diberi kepada Jerai dan apa yang diucapkan itu adalah sebahagian daripada ucapan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Patutlah rakyat menolak DAP [*Dewan makin riuh*]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya kembali tadi tentang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Cukup sana (*menunjukkan ke arah pihak Pembangkang*), cukup sana, cukup, saya tak mengganggu semasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang bercakap, saya rasa dah tiga empat kali dia ganggu saya, tak membayangkan sebagai Ketua Pembangkang yang perlu dihormati di sini.

Tuan Pengerusi, kalau disebutkan tadi, tiga negara yang saya sebutkan ada rekod yang menjadi kecaman badan-badan *Human Right* atau pun Hak Asasi Manusia, Britain, Australia, Amerika, dengar sini, walau pun ketiga-tiga negara ini..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada 4 minit lagi.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya, tak apa, saya ambil masa sedikit.

Tuan Pengerusi, kalau disebutkan ini, ada satu istilah yang disebutkan '*American Dreams*' iaitu impian orang hendak pergi ke sana, walau pun imigresennya ketat, walau pun polisinya ada rekod yang dianggap tidak baik, walau pun ada masalah yang begini, kenapa, di sana dianggap sebagai, apa yang disebutkan '*land*' bumi *milk and honey* dengan izin. Bumi yang dikaitkan dengan susu dan madu, tempat itu adalah tempat yang terbaik.

Begitu juga Malaysia, kalau di rantau ini di mana dia '*land of milk and honey*', dengan izin. Di manakah dunia, bumi, tempat madu dan susu yang terbaik? Tidak lain dan tidak bukan, negara kita yang bernama Malaysia ini. Kenapa ia baik? Rakyatnya aman damai, perbalahan kaum walau pun ada orang yang sentiasa mengapi-apikan isu perkauman, walau pun ada orang yang cuba untuk mencari apa-apa isu yang mendapat populariti bagi kaum yang tertentu, misalannya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat gulung, Yang Berhormat sila gulung.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya, keamanan yang dijamin oleh pasukan polis kita tidak ada di negara lain, melainkan negara yang bernama Malaysia ini. Jangan kita perkecilkan tentang soal ini. Sebab itulah, apabila timbalan menteri kita...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: ...itu adalah sangkaan yang buruk, sangkaan yang buruk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ipoh Timor ini macam budaklah, bagi puting sama dia, saya cadang bagi puting kepada dia, bubuh dalam mulut, baru dia senyap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ipoh Timor, anda seorang pemimpin yang bankrap, sudah tidak ada isu, hujah saudara tak boleh diterima lagi Yang Berhormat dalam soal ini. Sebab itulah, Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, dalam soal-soal dia mempertahankan kewibawaan pasukan polis kita, dalam memelihara dan menjaga keamanan, dalam soal untuk menahan diri kita daripada ancaman-ancaman

daripada luar, kalau ditanya, kemungkinan-kemungkinan yang lain yang berkaitan dengan soal imigresen, soal pendatang dan sebagainya, ada kalanya kata-kata dia itu dianggap tidak enak pada orang yang tertentu, tetap tidak perlu daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk menegur beliau. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terlebih dahulu menegurnya dan beliau telah menerima teguran itu dengan hati yang terbuka dan baik.

Tidak ada sebab untuk kita menghukum beliau, sebab itulah saya mengajak dan menyeru seluruh Ahli Parlimen untuk menolak usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara dan bersorak] [Dewan terlalu riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

11.09 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih di atas sokongan rakan-rakan daripada Barisan Nasional mengenai usul ini. Walau pun usul ini kena pada diri saya sendiri, tapi saya kena jawab bukan bagi pihak diri sendiri.

Tuan Pengerusi, daripada hujah yang dinyatakan oleh pihak Ketua Pembangkang tadi, usul potong gaji ini dua sebablah, yang pertama katanya kenyataan saja, yang minta orang asing balik dan yang kedua kerana saya mempertahankan polis.

Soal saya mempertahankan polis, saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang begitu bersemangat, mengapa saya mesti mempertahankan polis. Itu saya tak mahu ulas, tapi mengenai kenyataan saya, saya sebenarnya dah minta maaf, sebagaimana yang Kemaman nyatakan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tegur saya, saya boleh terima dengan cara terbuka dan saya juga beritahu dalam surat khabar, saya kata, bukan surat khabar *misquote* saya, salah tafsir. Kerana kalau Yang Berhormat ada *tape*, saya pun ada juga *tape* *[menunjukkan tape kepada Ketua Pembangkang]*. Saya pun terdengar berkali-kali, di mana silapnya? Saya, bila saya kata, misal kata, saya kata Orang Asli, memang saya kata, saya hendak cabar, kalau Orang Asli rasa, kita ini zalim, tak payah duduk di Malaysia.

Maksud saya, Yang Berhormat kena ingat, tengok perenggan yang bawah, perenggan yang atas itu saya ada sebut, saya ada sebut di sini, kalau kita baca surat khabar berpuluh ribu rakyat negeri China yang ada di sini dan tak balik pun, dekat 2 juta yang datang sebagai pendatang tanpa izin. Juga, kalau kita tengok dalam surat khabar *Guang Main Delay*, dia ada sebut di sini, di sebut, jika polis kita kejam, maka tidaklah akan ada 2 juta pendatang tanpa izin yang memasuki negara ini dan tidak ada puluhan ribu warga China yang mengunjungi negara ini sehingga tidak pulang ke negara asal mereka. Apa maksud saya? Maksud saya, saya merujuk kepada warga asing yang duduk sini lebih masa dan juga pendatang tanpa izin, itu maksud saya.

Walaupun bagaimana pun, saya tidak hendak pertikai, saya terima, teguran yang diberi, mungkin juga saya salah tafsir, dan saya lihat juga surat khabar-surat khabar tertentu memainkan isu yang boleh menimbulkan suasana yang panas.

Sebagai bukti, terutamanya kenyataan Yang Berhormat, apabila kita kata kita hendak buat serbuan ataupun operasi kepada pendatang-pendatang tanpa izin ataupun

yang duduk lebih masa, Yang Berhormat terus menjurus kepada warganegara China. Kita ada menyatakan tadi, tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan, kita tidak pilih bangsa, tidak pilih warganegara, barang siapa yang duduk lebih masa dan datang tanpa izin, kita akan tangkap, ini janji kita. Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak lagi penjelasan?

[Dewan riuh] Saya bagi sekali ok?

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini bukan perkara hari ini, mengenai serbuan terhadap 50 ribu orang yang ada sebut angka itu, 50 ribu orang dari negara China. Ini disebut dalam surat khabar dan media massa, bukan saya, dan bukan hari. Ini sudah beberapa hari sebab itu saya ada sebut dan ini bukan daripada apa yang perbincangan hari ini. Sebab itu kita ada kata bahawa janganlah *target*. Kalau mereka *over stay here, yes*, ambil tindakan tetapi jangan *target Chinese National*. Ini bukan pandangan saya sahaja, pun ada menteri-menteri dan MCA pun buat begitu. Kenapa mahu *isolate* isu ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya faham maksud Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat kadang-kadang janganlah, kadang-kadang saya pelik pembangkang, bila masa-masa tertentu kata surat khabar kita tidak betul, surat khabar kita ini kena kawal, surat khabar kita ini tidak ada demokratik. Tetapi, apabila sebab ini Yang Berhormat percaya pula apa yang surat khabar siarkan. Ini masalah dengan pembangkang. Apabila *time* kena kementerian Yang Berhormat, Yang Berhormat jadikan isu, apabila bantai Yang Berhormat, ini surat khabar tidak betul. Ini susah.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti Yang Berhormat, cukup. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat. Saya tidak mahu bahas. Dengar-dengar Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ok, ok Yang Berhormat, saya...

Tuan Lim Kit Siang: ... kerana tidak betulkan....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ok Yang Berhormat saya hendak bagi tahu sangkaan Yang Berhormat itu tidak betul. Saya bagi contoh. Sebagai contoh Yang Berhormat, setelah kita buat operasi MAMBA, kita buat baru-baru ini iaitu pada 3-4hb. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat. Siapa, warganegara mana yang kita tangkap? Indonesia, 37 orang, Thailand 2 orang, China 2 orang, India 2 orang, Bangladesh seorang, Nepal 4 orang, Kemboja seorang, Filipina 3, mana yang kata tangkap China lebih ini?

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat. Saya hendak bagi tahu bahawa waktu kita membuat operasi kita tidak kira, kita tidak cakap, 'Ini Cina kita siasat'. No! Siapa juga yang kita siasat, maka kita dapati *illegal*, kita akan ambil tindakan. Jadi Yang Berhormat kena faham. Kalau seorang katakan bahawa operasi kita bukan hanya untuk warganegara China, semua warganegara asing yang tinggal di negara kita yang lebih masa dan juga yang datang tanpa izin, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ini yang ...ok, penjelasan. Terima kasih. Oleh kerana angka-angka itu yang menunjukkan gambaran yang sebenar mengenai mereka yang ditangkap. Bukankah ini satu *disservice* kepada negara apabila gambaran yang betul tidak diberikan dan gambaran yang tidak betul diberikan bukan oleh pihak pembangkang, oleh punca-punca rasmi daripada kerajaan dan dikeluarkan dalam surat khabar dan kenapa ambil sampai hari ini baru betulkan dan dibenarkan isu-isu di negeri China, di dunia yang tidak baik untuk negara. Kita betulkan, itu tanggungjawab. Kita kata perlu betulkan perkara ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Oklah Yang Berhormat. Saya sudah kata Yang Berhormat kadang-kadang kata akhbar kata tidak betul, apabila macam ini Yang Berhormat hendak pertahankan apa dalam akhbar, jadi pembangkang memang macam itulah. Yang mana lebih daripada Yang Berhormat, itu yang Yang Berhormat hendak tegakkan. Itu yang pertama. Saya sudah jelaskan saya punya kenyataan, saya pun sudah minta maaf kalau misal kata ada yang salah tafsir.

Kemudian saya juga hendak nyatakan menyatakan mengenai *reform* dan juga perubahan. Kita kena berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri, memang kerajaan kita hendak buat *reform*, hendak buat perubahan di dalam polis, tetapi baru Suruhanjaya ini kita baru tubuhkan, dan masa tubuh suruhanjaya pun bukan pembangkang yang suruh, kerajaan sendiri yang buat.

Kita kalau ikut Yang Berhormat, kalau ikut perangai Yang Berhormat tidak sabar yang cakap macam hilang akal kadang-kadang, saya masih ingat Yang Berhormat kata bila laporan *Interim Report*, Yang Berhormat bukan main lagi bantai saya di dalam Parlimen, sampai Yang Berhormat kata suruh bentang dalam Parlimen. Kita tengok apa kerajaan kita buat, bukan sahaja bentang untuk kita, jual lagi publik baca. Bukan hanya untuk ahli-ahli Parlimen, menunjukkan kita ikhlas. Kalau pandangan Yang Berhormat suruh bentang dalam Parlimen sahaja Laporan Suruhanjaya itu, tetapi kerajaan kita hendak lebih daripada itu. Ok, jadi begitu juga dengan suruhanjaya bebas ini tadi yang mengenai isu video klip. Isu video saya tidak mahu cakap panjang sebab ini...

Tuan Lim Kit Siang: *Where's the report?* Bagi jalanlah kalau rela untuk ...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ok, kalau saya suruh duduk, duduk. Kalau hendak cakap pusing-pusing saya tidak mahu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai tadi apa yang, Yang Berhormat kata, kita mahu *Royal Commission Report* dibentangkan dalam Parlimen. Apa ertinya? Ialah mengumumkan bukan? Itu pertama, itu sangat *simple*. Apabila bentang di Parlimen, itu diumumkan, kedua kita hendak tanya mana itu *Interim Commission Report* kenapa sampai sekarang tidak ada *interim report*. Kita mahu tengok oleh kerana kita dapati bahawa semua anggota *Royal Commission Enquiry* dia diberi kepercayaan bahawa *Interim Commission Report* akan diumumkan, kenapa sampai sekarang tidak diumumkan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat ini patutlah, Yang Berhormat suruh orang *reform*, Yang Berhormat tidak *reform* langsung. Cakap benda yang sama. Sampai laporan daripada Tanjong tadi sudah tunjuk punya tebal laporan itu. *Interim* apa lagi hendak *interim*. Sudah siap, sudah masuk semua dalam itu, itu sudah masuklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya punya ada di sini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yalah apa lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Itu berbeza dari *Interim report*, mana *interim report*?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah ada dalam itu Yang Berhormat, itu sudah *full report* lah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Oklah Yang Berhormat. Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya bersetuju kita mesti ada *reform*, kerajaan telah menunjukkan satu perubahan untuk membaiki polis juga laporan ini mengenai video klip, kita juga telah tubuhkan satu jawatankuasa bebas. Kalau kita nanti kata polis buat laporan, Yang Berhormat kata laporan polis tidak betul. Jadi kita sama-sama tungguah keputusan jawatankuasa ini, saya pun tidak mahu bahas, tetapi saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat cabar orang letak jawatan, cabar letak jawatan, misal kata

saya tidak tahu keputusan dia. Andai kata keputusan jawatankuasa bebas ini nanti, tidak ada dapat, tidak ada sesiapa yang salah, mahukah Yang Berhormat letak jawatan?

Misal kata, saya tidak tahu keputusan dia. Ini sebagai - saya hendak tanya Yang Berhormat sahaja, saya tidak tahu keputusan, sebab ini laporan bebas akan buat, kita tidak tahu. Tetapi kita akan siasat, laporan bebas ini kita akan beri peluang seadil-adilnya, siasatlah untuk kes ini untuk menegakkan kebenaran.

Baik. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak suruh orang *reform*, hendak buat perubahan, Yang Berhormat juga berubah Yang Berhormat. Yang Berhormat ini daripada saya jadi *Back Bencher* tahun 1995, duk macam inilah perangai, tidak berubah langsung. Duk melompat sana-melompat sini. Duk kadang-kadang macam orang hilang akal bercakap, susahlah Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Kemaman, sebab itu Yang Berhormat bagi Kemaman tidak hendak sama dengan Yang Berhormat, susah. Ini pun PAS pun lari juga. *[Ketawa]*

DAP ini siapa hendak kawan? Kecualilah, kalau nanti kita bagi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat jadi Ketua Pembangkang, mungkin orang sokong balik, tetapi minta maaf memang tidak dapatlah jadi Ketua Pembangkang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya cadangkan Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagi Yang Berhormat bagi Kepong masalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi Yang Berhormat saya ingat... saya hendak cakap saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada Barisan Nasional yang berikan sokongan untuk menolak usul ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan B. 62, Kod 10000 – Emolumen, Butiran 010000 iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM10, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita ada lagi satu usul, setiausaha

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Seputeh, apa lagi Yang Berhormat bagi Seputeh?

Puan Chong Eng: Peraturan-peraturan mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Puan Chong Eng: Ada 14 urusan mesyuarat. Hari ini hari Isnin, ada di antara kami, bertolak dari rumah pada pukul 5, sekarang sudah pukul 11.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng: Adakah kita perlu bermesyuarat macam ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Puan Chong Eng: Ataupun ini hanya supaya *news paper* khabar tidak ada ruangan untuk menaburkan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu pandangan fikiran Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Puan Chong Eng: Saya rasa supaya dia tidak beberapa....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita telah mengadakan satu Usul dan dipersetujui mesyuarat diteruskan, Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengok depa bawa Usul depa bising, apa tidak ada sepakatlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kecuali Yang Berhormat Seputeh hendak tarik balik Usul dia?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi terima kasih, sebenarnya ucapan Yang Berhormat Bukit Mertajam membayangkan hasrat daripada kita semua.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebenarnya Yang Berhormat Bukit Mertajam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...memperjuangkan kebajikan kepada kita semua.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)

Memotong RM10 Gaji Ketua Polis Negara

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) untuk membentangkan Usul mengikut maksud B.62, Kod 10000 - *Emolument* di bawah Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia iaitu dengan memotong gaji Ketua Polis Negara sebanyak RM10.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi pertama sekali saya ingin menegaskan di sini bahawa Usul saya terhadap ketua polis negara bukannya polis *bashing*. Usul ini tidak bermaksud saya tidak menghormati sumbangan daripada pasukan polis terhadap rakyat dan negara, Usul ini juga tidak mengandungi apa-apa tujuan peribadi terhadap Ketua Polis Negara. Tetapi Usul ini dibentangkan kerana siri kes salah laku dan korupsi yang berlaku di kalangan pegawai polis yang telah menjatuhkan imej polis dan juga kelakuan polis yang semakin merosot itu telah pun bermaksud bahawa usaha Ketua Polis Negara untuk memperbaharui PDRM telah pun gagal.

Selain itu reaksi pihak PDRM yang tidak munasabah terhadap siri tuduhan daripada masyarakat dan media terhadap pihak polis bukan sahaja telah menyebabkan kejatuhan imej pihak PDRM tetapi ia malah telah menjejaskan imej negara di dunia antarabangsa khususnya hubungan dua hala di antara Malaysia dengan negeri China dan ia juga telah menjejaskan usaha kerajaan untuk menarik pelancong asing ke Malaysia.

Tuan Pengerusi pertama sekali saya ingin rujuk kepada laporan polis dan juga aduan yang dibuat oleh empat orang gadis Cina yang disalah tahan oleh polis dalam pemeriksaan kenderaan dan sekatan jalan di Sungai Buluh pada lewat malam 3 November 2005.

Saya difahamkan bahawa keempat-empat perempuan ini ditangkap oleh polis atas tuduhan mereka memegang pasport yang disyaki palsu. Pada waktu itu pegawai polis yang menjalankan sekatan jalan itu sebenarnya telah membuat isyarat badan yakni minta wang daripada mereka tetapi mereka enggan membayar rasuah kepada polis kerana pasport

yang dipegang oleh mereka adalah benar. Selepas mereka ditahan, suami mereka pernah mengambil surat perkahwinan untuk berjumpa dengan polis di Balai Sungai Buluh. Tetapi kesannya pihak polis enggan menerima surat perkahwinan mereka dan mereka tetap ditahan di lokap polis di Balai Polis Petaling Jaya sehingga Jabatan Imigresen di Putrajaya mengesahkan bahawa passport yang dipegang oleh mereka adalah benar. Ini bermaksud mereka telah ditahan secara tidak sah hampir 5 hari di lokap Balai Polis Petaling Jaya. Selain itu mereka juga dipaksa untuk berbogel badan dan melakukan perbuatan ketuk ketampi di balai tersebut dan juga terpaksa memberi rasuah kepada pegawai polis di balai itu.

Kesannya selepas kes penahanan tidak sah mereka disiarkan oleh media tempatan dan selepas mereka berjumpa dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Padang Rengas yang juga merupakan pengerusi kepada kokus Hak Asasi Manusia di Parlimen, satu rombongan polis telah datang ke rumah mereka dan mengganggu mereka pada waktu lewat malam pada 20 November 2005. Tindakan polis ini merupakan kelakuan ugutan dan penakutan terhadap wanita asing yang membuat laporan ini. Ini adalah bercanggah dengan kenyataan Ketua Polis Negara yang menyeru orang ramai membuat laporan tentang korupsi dan salah laku polis. Ia juga bercanggah dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri yang menyeru orang ramai bercakap benar dengannya dan juga usaha Yang Amat Berhormat untuk membanteras rasuah.

Tuan Pengerusi selepas kes empat wanita negeri China dilaporkan secara meluas oleh media, pihak polis kemudian kelihatan melancarkan siri operasi pemburuan terhadap orang dari negeri China yang dikatakan melebihi tempoh visa di Malaysia. Siri operasi yang dilakukan oleh pihak polis secara kasar ini sebenarnya telah menjejaskan *business* tempat-tempat hiburan khususnya kelab malam dan pub di kawasan bandar dan juga kawasan Lembah Klang. Selain itu operasi oleh pihak polis ini juga lebih menjejaskan imej negara dan imej polis di kalangan pelancong dan peniaga asing khususnya golongan peniaga dari negeri Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong dan China yang selalu suka minum dan makan di tempat-tempat hiburan di samping menyanyi karaoke. Sila bayangkan apakah perasaan dan apakah gambaran bagi para pelancong dan peniaga asing apabila pasukan polis menyerbu masuk ke restoran ataupun kelab malam bila mereka tengok menikmati minuman dan juga nyanyian di tempat itu.

Kelakuan polis tersebut merupakan tindakan balas dendam dan reaksi terhadap aduan yang dibuat oleh keempat-empat wanita negeri China tersebut terhadap mereka. Operasi serbuan polis yang kerap dijalankan di tempat hiburan selalu melibatkan peniaga dan pelancong asing dari negeri China yang tidak bersalah sehingga mereka mempunyai gambaran yang buruk terhadap Malaysia. Tindakan polis ini telah menyebabkan pelancong dari negeri China mempunyai persepsi yang salah bahawa Malaysia adalah tempat yang kurang selamat khususnya terhadap pelancong dari negeri China.

Tuan Pengerusi saya menyokong pihak polis untuk menahan pendatang tanpa izin di negara kita mengikut undang-undang kita, tetapi usaha penangkapan pendatang asing tanpa izin ini seharusnya merangkumi pendatang tanpa izin dari negara-negara lain termasuk dari Afrika, Indonesia, India, Bangladesh, Filipina dan sebagainya dan bukan tertumpu pada pendatang atau pekerja tanpa izin dari negeri China sahaja.

Serbuan polis terhadap tempat-tempat hiburan kawasan bandar ini dilihat oleh masyarakat Malaysia dan masyarakat antarabangsa bahawa mereka menuju kepada pendatang dari negeri China sahaja. Tuan Pengerusi apakah angka yang diumumkan oleh pihak polis bahawa negara kita mempunyai 50 ribu pendatang dari China tanpa izin, apakah ini benar? Bukankah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menafikan angka yang dikeluarkan dalam laman *web* kementeriannya menggandakan angka pelawat yang telah pun melebihi tempoh visanya. Tetapi kenapakah pihak polis kelihatan masih menyatakan bahawa ia akan menjalankan operasi memburu pendatang dari negeri China yang telah melebihi tempoh kebenaran visanya. Apakah pihak polis kita telah pun berat sebelah dalam isu yang seperti ini. Tuan Pengerusi, sebenarnya ramai orang asing sama ada mereka mempunyai dokumen yang sah ataupun tanpa dokumen yang sah mereka selalu

menghadapi ugutan dan permintaan rasuah daripada pegawai polis yang tidak bertanggungjawab.

Saya pernah bertemu dengan seorang wanita dari negeri China yang mempunyai dokumen yang sah, beliau berkata pegawai polis selalu suka mendampingi gadis dari negeri China untuk minta rasuah dan wang rasuah yang diminta oleh mereka selalunya dalam lingkungan RM500 hingga RM1000. Mereka selalu diugut oleh polis bahawa mereka akan ditahan sekiranya mereka enggan bayar. Sehubungan dengan itu, beberapa hari yang lepas seorang pelajar bangsa Jepun di Malaysia yang bernama 'Kait Orikunihiro' telah dilaporkan dalam surat khabar bahawa beliau telah membuat laporan polis iaitu di mana pegawai polis telah minta RM1000 daripadanya kerana tidak membawa pasport. Beliau kemudian terpaksa membayar wang rasuah itu sebanyak RM500 kepadanya kerana pegawai polis mengugut akan menahannya sekiranya beliau enggan berbuat begitu. Hari ini seorang pelajar dan seorang peniaga dari negara Iran yang mempunyai dokumen yang sah telah pun berjumpa dengan Caucus Hak Asasi Manusia di Parlimen.

Mereka berkata mereka juga pernah menghadapi masalah permintaan rasuah daripada pegawai polis kerana tidak membawa pasport tetapi hanya membawa permit kerja ataupun kad pelajar universiti sahaja. Pengadu peniaga yang bernama Muktizam berkata beliau pernah ditahan oleh polis dalam satu operasi sekatan jalan raya dalam bulan Ramadhan pada dua tahun yang lepas kerana gagal membawa pasportnya. Tetapi oleh kerana beliau enggan membayar wang rasuah sebanyak RM500 yang diminta oleh polis, beliau pun dibawa ke Balai Polis Subang Jaya dan diarah bertelanjang badan dalam lokapnya. Peniaga Iran Muktizam ini merasa kecewa kerana polis minta beliau berbuat demikian dalam bulan Ramadhan semasa beliau berpuasa. Kejadian ini meninggalkan gambaran yang amat buruk terhadap polis kita. Muktizam dan rakannya berkata ramai kawannya dari Iran yang bermastautin di Malaysia menghadapi masalah yang sama daripada polis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Seputeh, Tuan Pengerusi boleh bagi sedikit laluan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dalam dongeng yang Seputeh sedang dendangkan ini....

Seorang Ahli: Dongengkah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dongeng. Berkata rasuah RM300, ada buktikah? Apakah Seputeh hanya mendengar kata yang berkenaan lantas Seputeh boleh percaya, apakah itu cerita rekaan mereka dan tidak akan kita boleh.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya tanya dia, ada buktikah, sebab ini cerita sebelah pihak Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seputeh. Jadi hendak menggambarkan polis kita punya keburukan itu buatlah cerita-cerita dongeng macam ini, cukuplah Seputeh, polis kita, dia punya beban Tuan Pengerusi terlampau berat sekarang ini, hendak menghindarkan jenayah, rompakan, samunan, bunuh, rogol, dadah, pendatang tanpa izin berjuta-juta, penyeludupan, membanteras barang-barang tiruan, ajaran-ajaran sesat, pengganas antarabangsa, lanun, pelancong-pelancong yang, macam-macam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang perempuan yang dalam zaman moden ini dia bebankan kepada polis...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak terima kasihlah kepada polis, agaknya ada satu, dua kes yang berlaku macam ini, macam negara lain pun buat macam ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak apa, tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: You tuduh dia dengan cerita-cerita yang... tidak patutlah Tuan Pengerusi kan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah Yang Berhormat, baik, baik....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selepas itu hendak potong pula gaji dengan menteri ini tidak pasal-pasal....tidak pasal-pasal!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Biar, biarkan dia habiskan ucapan beliau Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buang masa kitalah Tuan Pengerusi! Patutnya kita sudah cerita tentang...tentang kebaikan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh panjang lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Panjang, bagi saya habiskan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya telah lama menunggu Sri Gading untuk datang ke parlimen kerana saya ingin memperkenalkan mereka kepada beliau tetapi beliau telah lewat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, habiskah ucapan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sudah bawa dan yang kedua-dua pengadu ini berjumpa dengan Tuan Pengerusi. Jadi Tuan Pengerusi fahamlah kerana sini ada laporan polis yang saya pegang ini, *[sambil menunjukkan kepada Dewan]* jadi ini bukan cerita dongeng, saya hanya minta polis menyiasat aduan mereka. Saya hanya menyatakan bukannya keadaan ini telah pun menjejaskan usaha kerajaan yang ingin menjadi model kepada negara Islam di dunia dan juga bukannya ini juga bercanggah dengan prinsip Islam Hadhari yang dipelopori oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, kes tersebut bermaksud ugutan dan gangguan pegawai polis yang tidak bertanggungjawab sebenarnya telah berlaku kepada semua orang asing termasuk pendatang dari Indonesia, Filipina, India, Bangladesh, Myanmar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini, Yang Berhormat, Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Komuniti orang asing merupakan sasaran yang paling lemah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tujuan itu hendak minta polis siasat ataupun ada tujuan lain?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tujuan saya yang usul saya adalah potong gaji Ketua Polis Negara, jadi saya bentangkan kes-kes untuk menyokong hujah sayalah. Biar saya teruskan supaya kita jimatkan masa....terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, bil-bil kita banyak, asyik kira potong gaji bila hendak selesai masalah rakyat ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah Jerai, duduklah Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudahlah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, terima kasih teruskanlah Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Pleaselah,...haiya!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..berapa minit boleh habis?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebab dia, saya hanya dapat 10 minit tanpa gangguan dan tidak sampai 10 minit nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ringkaskan Yang Berhormat, ringkaskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya akan ringkaskan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti saya bagi 5 minit lagi, 5 minit.

Seorang Ahli: Tidak payahlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 5 minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, komuniti orang asing merupakan sasaran yang paling lemah berbanding dengan orang tempatan tetapi layanan pegawai polis yang tidak bertanggungjawab terhadap orang asing ini sebenarnya telah mencemarkan imej polis dan negara di masyarakat antarabangsa dan seterusnya menjejaskan industri pelancongan kita.

Tuan Pengerusi, ramai di antara kita menghadapi masalah dengan polis di mana banyak kes yang dilaporkan oleh polis tidak disiasat dan tidak diambil serius oleh pihak polis termasuk kes yang melibatkan peniaga dan pelabur asing. Di sini saya ingin membangkitkan satu kes yang melibatkan satu syarikat yang dioperasikan oleh peniaga Amerika Syarikat yang bernama Sadiq yang merupakan CEO kepada 'Invenque Jaya' yang terletak di Cyber Jaya. Pihak polis telah menyerbu syarikat ini dan membeku semua asset dan operasi syarikat ini di bawah Money Laundering Act pada bulan Februari 2004 berdasarkan satu laporan polis yang bernombor 545/05 di Balai Polis Dengkil. Kesannya selepas polis membeku asset dan operasi syarikat ini selama 22 bulan, polis masih tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap syarikat ini sehingga hari ini. Pihak polis malah belum mengambil apa-apa kenyataan daripada CEO syarikat ini iaitu Encik Sadiq. Persoalannya ialah apakah ini cara polis menangani kes yang melibatkan peniaga asing. Sekiranya polis berpendapat CEO syarikat ini bersalah maka pihak polis seharusnya mendakwa beliau ke mahkamah tetapi bukan membeku semua operasi dan asset syarikat ini sehingga semua pekerja di Invenque Jaya ini kelihatan hilang hala tuju selama 22 bulan. Sekiranya ini adalah cara polis melayan pereka dan usahawan asing seperti Sadiq maka secara tidak langsung pihak polis telah menjejaskan kedatangan pelaburan asing dan peniaga asing daripada melabur dan beroperasi di Malaysia.

Tuan Pengerusi, bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heong pernah mendedahkan di Parlimen pada tahun 2003 bahawa 18 orang mati dalam lokap sejak Januari hingga September tahun 2003. Angka ini bermaksud secara puratanya terdapat dua orang mati di lokap polis setiap dua minggu. Statistik ini juga disahkan dalam Laporan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia yang mendedahkan terdapat 80 orang telah mati di lokap polis dalam 5 tahun yang lepas, ini adalah angka yang amat memeranjatkan Tuan Pengerusi, kita telah banyak mendengar aduan orang ramai terhadap penyeksaan yang berlaku di lokap polis. Rakaman gambar, klik, multimedia messaging services (MMS) dalam telefon bergerak yang telah disebar di kalangan orang ramai menunjukkan seorang wanita yang berbogel badan terpaksa melakukan perbuatan ketuk ketampi di hadapan pegawai polis wanita dan juga aduan daripada empat orang wanita dari negeri China....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, yang itu suruhanjaya Yang Berhormat, Yang Berhormat...suruhanjaya sudah tentukan, Yang Berhormat tidak boleh tuduh macam itu!

Puan Teresa Kok Suh Sim:dan orang yang.... di atas pun mencetuskan...pertanyaan daripada orang ramai tentang prosedur

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order Yang Berhormat, dia melanggar peraturan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengah malam dia langgar macam-macam lagi ini!

Puan Teresa Kok Suh Sim:penahanan suspek di kompleks perniagaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak rehat, rehat sahajalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi....[*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*] Kesannya selepas rakaman gambar klik MMS ini disiarkan di dalam media reaksi daripada Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Musa Hassan ialah pihak polis berhakengehendaki tahanan untuk menelanjangkan badan dan melakukan ketuk ketampi kerana ini adalah standard operating procedure di balai polis kerana polis ingin periksa sama ada seseorang itu menyimpan dadah dalam tubuh badan ataupun tidak.

Selain itu Timbalan Ketua Polis Negara juga menyatakan bahawa polis akan mengambil tindakan terhadap orang yang membuat rakaman secara curi-curi itu tetapi bukan pegawai polis wanita yang mengarah tahanan wanita yang membuat ketuk ketampi tersebut. Kenyataan Timbalan Ketua Polis Negara ini telah memeranjatkan banyak pihak kerana semua orang yang pernah menonton gambar klik MMS itu akan merasa marah pada pegawai polis wanita dan bukan pada orang yang membuat rakaman secara curi-curi.

Kenyataan beliau ini mencetuskan pertanyaan daripada semua pihak iaitu apakah *standard operating procedure* yang dimaksudkan oleh Timbalan Ketua Polis Negara. Kenapakah semua suspek atau tahanan di balai polis dikehendaki untuk menelanjangkan badan di hadapan pegawai polis walaupun mereka bukan ditahan di bawah kesalahan yang bersabit dengan dadah. Misalnya kes empat wanita Cina dan kes lelaki Iran yang saya sebutkan tadi, mereka hanya ditahan kerana pasport mereka disyaki tidak benar. Kenapakah mereka turut disuruh untuk menelanjangkan badan atas kesalahan seperti ini? Bukankah *standard operating procedure* ini telah mencabuli hak asasi manusia dan keterlaluan. Ramai peguam, ahli politik dan aktivis NGO telah pun membuat kenyataan bahawa Lockup Rules tahun 1953 tidak mempunyai peruntukan yang mengehendaki seseorang untuk menelanjangkan badan dan melakukan ketuk ketampi. Selain itu dia juga bercanggah dengan Seksyen 19 dalam Kanun Tatacara Jenayah (CPC)...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim:yang mengehendaki polis menjalankan pemeriksaan badan pada tahanan wanita dengan amat sopan dan ia berbunyi ;

"whenever it is necessary it to cause a women to be search. The search shall be made by another women with strict regard to decency"

Tuan Pengerusi

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*] Dengan izin Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat, cukuplah, cukup!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, dengan izin, dengan izin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup dia sudah habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin, *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya akan habiskan, saya gulung sekarang. Tuan Pengerusi, sekiranya ini adalah cara pihak polis menangani tahanan selama ini, ini bermaksud prosedur ini harus diulang kaji dan dihentikan oleh polis jauh lama dahulu kerana ia menjejaskan kehormatan dan juga dignity seseorang tahanan. Sekiranya Ketua Polis Negara ingin membawa reformasi dalam pasukan polis tetapi kesannya ia tidak dilakukan.

Tuan Pengerusi, salah satu cadangan daripada Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia ialah menubuhkan suruhanjaya bebas, aduan dan salah laku polis iaitu IPCMC untuk menangani kesemua aduan tentang salah laku dan korupsi polis tetapi kesannya dan cadangan ini ditolak oleh PDRM kerana PDRM berkata ia mampu menangani hal ehwal dalaman mereka.

Siri aduan daripada orang ramai dan media tentang salah laku polis menunjukkan selagi IPCMC tidak ditubuhkan kita akan melihat lebih salah laku dan korupsi akan terus berlaku di kalangan pasukan polis. Apakah gunanya bagi kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, manakala cadangan yang paling penting yang dibentangkan oleh mereka tidak dihormati dan diikuti oleh PDRM. Bukankah ini merupakan satu tamparan hebat kepada bekas Suruhanjaya ini dan merupakan satu penghinaan terhadap Yang Di-Pertuan Agong kita kerana Suruhanjaya tersebut ditauliahkan oleh Yang Di-Pertuan Agong kita.

Berdasarkan pada isu-isu dan hujah-hujah yang saya bentangkan di atas dengan ini saya berharap usul potong gaji terhadap Ketua Polis Negara sebanyak RM10.00 diluluskan oleh Dewan Rakyat kita sebagai tanda ketidakpuasan kita terhadap *performance* PDRM selama ini. Sekian terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri untuk menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya berikan masa lima minitlah.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh ini bukan main-main, saya akan cepat, saya akan cepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah....

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tidak mahu ambil....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita pun kena hormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, hormat Tuan Pengerusi....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu kacau-kacau itu hal yang lain, kalau mahu kacau-kacau hal yang lain. Yang pertama....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa mahu kacau-kacau ikut Tuan Pengerusilah!

Tuan Lim Kit Siang: Sebab yang pertama saya menyokong ialah oleh kerana dalam 10 hari ini skandal video klip ini IGP diam. Bagaimana seorang ketua boleh diam? Semua serah kepada Deputy IGP? Ia pun ada buat kesilapan. Yang kedua, sangat jelas bahawa beliau menentang IPCMC (*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*) yang dicadangkan oleh *Police Royal Commission* dan saya bersetuju dengan Tun Dzaiddin yang ada kata hari ini dengan izin, *"the police may not be facing so many complaints about alleged abuses of detainees if the IPCMC has been set up..."*. Betul. Mungkin keyakinan orang ramai akan lebih kuat kalau IPCMC ada ditubuhkan dan bukan semacam di mana ditentang oleh IGP. Dan sangat pun jelas bahawa dalam enam bulan ini selepas laporan *Police Royal Commission* dikemukakan nampaknya tiada apa-apa perubahan. Nampaknya *Royal Police Commission of Enquiry* sia-sia sahaja dan sampai sekarang kita tidak ada apa laporan mengenai pelaksanaan dan apa Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri kata 29 Disember apabila beliau mengumumkan *Police Royal Commission of Enquiry* nampaknya “*water down the bridge*”, dengan izin. Tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah *to increase people’s confidence in the PDRM through a change in the police mind set and values, vigorous action against corruption and providing a more caring and humane service to the people*. Mana ada? Kedua, “*to enhance the effectiveness of the work processes through such measures as modernizing work procedures, restructuring organization and deployment and reducing bureaucracy*”. Mana ada? “*To strengthen the accountability and the sense of responsibility of senior police officers for the performance of their respective forces and agencies as well as their subordinates by implementing measures such as leadership by example, discipline, sensitivity toward the needs and morale of the staff*”. Mana ada? Dan apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kata, and I quote YAB: “*The Royal Malaysian Police as a team that engages with the public has to be knowledgeable about human rights in the discharge of duties and in dealing with the public issues such as police violence, unsatisfactory service, corruption and other negative issues must be eradicated. All police personnel have to remember that they are acting as protectors of the public*”. Dan kalau kita ada perubahan apa yang berlaku dalam beberapa bulan ini mengenai kesalahan, kekerasan, *abuses, torture* tidak berlaku. Saya mahu satu perkara sahaja dan dalam bulan Oktober di *internet* adalah keluar satu perkara yang *shocking, website*, 22 orang di Sri Hartamas ditangkap, disyaki ada *drugs*, akhirnya tidak, tetapi dipenjarakan diseksa, ada berlaku *corruption* semua di sini. Dan ini *shocked the community*. Saya percaya polis tentu tahu, apa tindakan diambil? Yang Berhormat Timbalan Menteri syak, daripada Bukit Bendera, dia *expert IT*, dia tidak tahu. Kalau dia tahu apa tindakan diambil? Tidak, semua nampak tidak berlaku. Apa guna IT kalau begitu? Itu satu contoh! Ini *shock!* Ada beratus-ratus komen di *internet*. “*For a better Malaysia*”, dan saya ada jumpa dia. Kenapa dia tidak buat laporan polis mengenai apa yang berlaku? Oleh kerana dia pun takut, saya pun faham, tetapi apa akhirnya dia kata? Ini mustahak. “*Don’t gear up hope on the police because I haven’t*”. Dia masih harap *the police can change*. Selepas *traumatic experience for a better Malaysia*, dan site ini apa? Masa itu “*Corrupted Malaysia blocks sport*” dan dia akui mungkin perlu tukar nama itu. Mahu a *better Malaysia* tetapi adakah siasatan diadakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. IGP adakah buat begitu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Okay saya ada lagi satu dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah empat minit.

Tuan Lim Kit Siang: Ya dan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, saya akan keluar habis, *just a few lines*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih kurang samalah tadi punya.

Tuan Lim Kit Siang: *I will find out kalau you will drag out for a longer time.*

Dan hari Ahad bekas IGP, Haniiff Omar, kata bahawa kalau mahu ubah, mahu pinda *lock-up rules*, pinda IGS’s rule, *the Inspector-General’s Standard Operation Rules*, sangat senang. Boleh buat dalam beberapa hari. Adakah ini dibuat? Dan kita di sini bukan polis *bashing*, kita mahu a *good police force*. Dan kalau mahu a *good police force* tentulah *salary, terms of service* bertukar supaya tidak ada korupsi. Kita tambah *raise salary* 50% tetapi tidak benarkan korupsi, tidak benarkan salah guna kuasa supaya ada a *good police force* itu kita mahu. Jangan kita memutarbelitkan bahawa kita mahu *police bashing*. Dan saya harap bahawa dia tidak dengar lagi sidang *intellectual* cakap lagi untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...korbankan integriti beliau sendiri. Persidangan intelektual ialah intelektual UNAC.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Seputeh tadi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat, saya beri Kinabatangan tiga minit la, tiga minit jadi Menteri boleh jawablah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tiga minit macam mana mahu cakap?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri di sini dengan tegasnya menyatakan bahawa saya menolak dan tidak bersetuju dengan usul yang dibawa oleh pembangkang daripada Seputeh. Usul ini Tuan Pengerusi buang masa. Sehingga larut malam kita menunggu sebab usul yang remeh-temeh isu ini diputar belikan oleh pembangkang. Kenapa rakyat China sehingga berkurangan datang ke negara kita sebab dimanipulasikan oleh pembangkang. Mereka mahu ekonomi kita cacat sebab mereka akan mengatakan bahawa kerajaan tidak ada kredibiliti untuk mengekang ekonomi kita. Saya ingin mengajak pembangkang berfikir secara waras. Polis Amerika berapa kali mendera, berapa kali melakukan sesuatu kepada orang-orang kulit hitam, adakah Parlimen Amerika membincang untuk memotong gaji Ketua-Ketua Polis mereka.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *You shut up!*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tiga minit macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat teruskan ucapanlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jelas sedikit. Sedikit sahaja. Yang Berhormat saya hendak tanya Yang Berhormat, adilkah Yang Berhormat orang yang tidak ada di sini yang tidak boleh mempertahankan maruah dia, kepentingan dia hendak dihukum dan didenda. Apakah pemikiran pembangkang pada hari ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya memang tidak bersetuju sebab itu saya menyatakan usul ini saya bantah. Saya ingin mengambil contoh kita sedikit sahaja. Bagaimana polis kita telah melaksanakan kewajipan mereka. Memang saya setuju ada segelintir di kalangan anggota polis itu yang rasuah, yang tidak menjalankan kewajipan tetapi yang majoritinya yang menggadai nyawa untuk mempertahankan kedaulatan dalam negara kita kenapa tidak diambil kira, kenapa fasal satu orang, fasal satu orang wanita yang tidak ada identiti begitu murahan kita bawa bincang di Parlimen ini. Kalau perkara yang sama berlaku dengan Seputeh di negara luar adakah Seputeh akan dibincang di Parlimen negara mereka? 100% *no way! Impossible!* Tidak ada! Tetapi pembangkang meremeh-temehkan Parlimen kita macam mana Ketua Pembangkang kata, "Nah! *World Class Parliamentary...*". Apa *world class?*" Isu remeh-temah pun di bawah sehingga larut malam, potong gaji RM10.00. Tidak logik, ini buang masa. Inilah biar rakyat tahu bahawa pembangkang buang masa dan pilihan raya akan datang kita tidak perlu lagi pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Perkara satu inci jadi sedepa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Yang busut jadi gunung, yang tidak ada, diadadakan. Apa punya usul, saya Tuan Pengerusi, kalau boleh kita ubah.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat, sabarlah nanti malam ini tak boleh tidur.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Kita ubah Peraturan Mesyuarat Usul Potong RM10 ditiadakan sebab remeh-temeh, pembangkang bawa untuk remeh-temeh sahaja. Terima kasih saya menolak usul daripada Seputeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa nak cakap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya Yang Berhormat, saya nak terang, apabila.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terang saya bagi satu minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu minit, tauke tolonglah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan kedai kopi boleh tawar punya tahu. Nak cakap, cakap tak mahu cakap duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya patuh, saya patuh Yang Berhormat. Apabila negara huru-hara, rakyat akan marah pasukan polis tak berwibawa. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, memanglah polis ini berhadapan dengan penjenayah. Adakah polis nak tanya penjenayah, "you mencuri kah, bagi kopi secawan you mencuri kah?" Taubat penjenayah itu kata tak, ketuk-ketampi itu kadang-kadang maklum benar dia boleh bawa sorok merata Tuan Pengerusi, dalam punggung dia boleh bawa sorok, rata dia boleh bawa sorok, jadi takkan nak bawa *torchlight* pergi suluh tak boleh, itu cara dialah itu. *[Ketawa gamat]*

Jadi kita ini kita serah keamanan kepada polis, polis berhadapan penjenayah, penembak, musuh orang yang tidak ada perasaan, orang tua-tua pun dia hentak bagi mati dan sebagainya, koma dalam hospital, menyusahkan rakyat. Jadi kalau kita nak suruh polis pergi urut belakang pujuk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi tak patut.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini dah jauh.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau tak mahu duduk timbalan menteri jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya. Ok. *[Disampuk]* Dia tak bagi dah. Jadi polis dah cukup sabar. Saya sendiri Tuan Pengerusi saya cukup tak berkenanlah. Bila pasukan polis pakai "Saya Anti Rasuah", bagi saya boleh menghina polis itu sendiri, dia kecewa dia kecil hati kalau orang lain yang tak rasuah macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi kita harap tak boleh buat macam itu, bermaknanya pasukan polis kita bukan seperti Seputeh kata makan duit-makan duit saya tak boleh kata macam itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang tak makan duit kita fikir Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat fikir nak tolak, tolak nantilah. Timbalan menteri jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi saya menentang Seputeh punya usul potong RM10 dan saya mencadangkan pusing balik potong Seputeh punya RM10 ini malam juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri lima minit.

11.53 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Ya, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya pun kadang-kadang, Yang Berhormat, kalau Ipoh Timor kalau cakap dia mesti 'kenen' sahabat saya daripada Bukit Bendera sebab Bukit Bendera pernah kalahkan dia [*Sorak*] itu dia melompat tempat lain. Dah kalah, kalahlah Yang Berhormat. Ok, ok saya nak bagi tahu mengenai usul, Yang Berhormat mengenai usul..... [*Dewan riuh*]

Mengenai usul Yang Berhormat, saya nak beritahu bahawa tuduhan kalau kata pihak polis tidak mengambil tindakan kepada anggota dan pegawai yang menyeleweng rasuah tidak benar. Saya nak beritahu kepada Dewan yang mulia. Kita telah pun mengambil tindakan tatatertib, pada tahun 2003 sahaja Tuan Pengerusi, seramai 63 orang pegawai dan 833 anggota telah diambil tindakan tatatertib iaitu 0.01 peratus daripada anggota.

Kemudian pada tahun 2004, 2004 itu kita ambil tindakan. Yang telah diambil itu kita ada 80 pegawai dan 726 anggota atau 0.008 peratus turun dari bilangan dia Tuan Pengerusi. Kemudian pada tahun ini sehingga Oktober kita telah ambil tindakan kepada seramai 24 pegawai dan 410 anggota atau 0.005 peratus. Ertinya tindakan telah pun kita ambil kepada mereka yang didapati bersalah. Kemudian kita kena lihat kejayaan polis saya nak nyatakan bahawa daripada usaha yang polis buat iaitu daripada bulan Januari hingga Oktober kalau kita lihat jenayah kekerasan yang menunjukkan bunuh, samun, rogol, cederakan manusia, jumlah tahun ini sahaja ada 18,024 kes, bukannya sedikit, 18,024 kes ini yang telah kita selesaikan 61.8 peratus.

Ini yang satu kes yang dok bising-bising ini kita siasatlah nanti. Kemudian daripada itu baru kes kekerasan, ada lagi satu kes iaitu kes jenayah harta benda. Ini yang kisah pecah rumah yang ragut, curi motosikal, yang ringan-ringan ini, tahun ini sahaja Tuan Pengerusi, kita telah ada 111,820 kes dan kita telah berjaya selesaikan kes ini sebanyak 61.62 peratus, lebih baik daripada standard *Interpol* yang hanya bagi 20 peratus. Kemudian ertinya daripada dengan kepimpinan Ketua Polis Negara pada hari ini, kita telah dapat mengurangkan keseluruhan kes-kes jenayah.

Pada tahun ini kalau kita bandingkan dena tahun lepas sebanyak 1,488 kes bermakna jenayah kita turun, nak potong gaji buat apa lagi? ini Tuan Pengerusi saya dan sebaliknya saya nak beritahu mengenai cadangan suruhanjaya, pihak polis telah pun mengambil beberapa tindakan. Sejak ia dilaporkan polis telah mengeluarkan sebanyak lapan arahan mengenai untuk mengemaskinikan pentadbiran polis, lapan arahan ini adalah sejajar dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Polis dan satu perkara yang dia bawa benda ini tak betul iaitu mengenai satu badan bebas atau IPCMC.

Ini kita belum putuskan, kita belum putuskan macam mana pembangkang boleh tuduh kata Ketua Polis tolak. Mana boleh tolak ini keputusan penambahbaikan polis dan kita belum lagi buat keputusan. Saya pun hairanlah macam mana boleh pembangkang boleh dapat isu-isu yang remeh-temeh, dia besar-besarkan dikaitkan pula itu konon Ketua Polis Negara menentang laporan suruhanjaya, berkait pula suruhanjaya ini Agong yang lantik, ini semua perkara yang kecil yang sahabat-sahabat kata diperbesar-besarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar : Saya tak mahulah saya sudah siap.....

Tuan Lim Kit Siang: Boleh tak, boleh tak? Tak boleh dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak payahlah, tak payahlah dia tegakkan benang yang basah buat apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah habiskah?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan B.62 Kod 10000 - *Emolument* di bawah Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia iaitu dengan memotong gaji Ketua Polis Negara RM10 hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Pengerusi, merujuk kepada usul penangguhan pagi tadi, sekarang pun 11.58 malam, masih lagi ada beberapa kementerian yang belum selesai perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan usul bersangkutan dengannya pada peringkat Jawatankuasa dan tidak mungkin Dewan boleh menyelesaikan perkara ini pada malam ini juga. Oleh itu saya mengemukakan usul iaitu:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan pada usul yang terawal itu, dengan ini Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.”

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.30 malam.